LAPORAN TAHUNAN
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
2021



www.dbkl.gov.my

LAPORAN TAHUNAN
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

2021

www.dbkl.gov.my

© Hakcipta Terpelihara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Pentadbiran
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Wiayah Persekutuan

Telefon : 03-26179851
Faksimile : 03-26949151
Emel : jptd@dbkl.gov.my

Imbas kod QR untuk memuat turun Laporan Tahunan DBKL 2021 atau boleh melayari Portal Rasmi DBKL
https://www.dbkl.gov.my/laporan-tahunan-dbkl/

ISI KANDUNGAN

01 Latar Belakang Organisasi

Isi Kandungan	3
Perutusan Datuk Bandar Kuala Lumpur	4
Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur	6
Pengurusan Tertinggi	8
Ketua Jabatan	9
Carta Organisasi DBKL	12
Info DBKL	14
Visi, Misi, Objektif	14
Slogan	14
Fungsi	14
Piagam Pelanggan	14

02 Sektor Datuk Bandar

Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan	16
Jabatan Perancangan Korporat	21
Jabatan Audit Dalam	43
Jabatan Integriti	57

03 Sektor Perancangan Bandaraya

Jabatan Perancangan Bandaraya	70
Jabatan Perancangan Infrastruktur	103
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan	114
Jabatan Kawalan Bangunan	125

04 Sektor Pembangunan Sosio-Ekonomi

Jabatan Penguatkuasaan	146
Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar	164
Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan	196
Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar	212
Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan	230

05 Sektor Pengurusan

Jabatan Kewangan	248
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia	263
Jabatan Pentadbiran	295
Jabatan Pengurusan Maklumat	314
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	324
Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	343

06 Sektor Pengurusan Projek

Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan	354
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal	386
Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi	410
Jabatan Ukur Bahan	414
Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran	420
Jabatan Pengangkutan Bandar	440

07 Laporan Penyata Kewangan

Laporan Penyata Kewangan	466

PERUTUSAN DATUK BANDAR



DBKL berpegang teguh kepada mandatnya dalam untuk merealisasikan visi **Kuala Lumpur Bandar Raya Sejahtera Untuk Semua (*City For All*)**.

Datuk Seri Mahadi bin Che Ngah
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Hormat,

Alhamdulillah, segala pujian dan syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah rahmat dan izinnya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah berjaya melaksanakan tugas yang diamanahkan sepanjang tahun 2021 dengan cekap, efisien dan cemerlang.

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab merancang dan mentadbir urus Bandaraya Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terus menyampaikan perkhidmatan berkualiti dengan ikhlas dan berpaksikan integriti yang tinggi bagi merealisasikan visi Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang mampan, berdaya huni, berdaya tahan, selamat, sejahtera dan inklusif untuk semua. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terus berpegang teguh kepada janji untuk memastikan *"No One is Left Behind"*.

Laporan Tahunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2021 ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sepanjang tahun 2021 dalam merealisasikan visi tersebut, demi manfaat dan kesejahteraan warga bandar.

Tahun 2021 merupakan fasa awal pemulihan ekonomi setelah hampir setahun dunia dilanda pandemik COVID-19. Dalam pada itu, laporan ini turut menggariskan usaha Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam membuka peluang untuk aktiviti pertumbuhan ekonomi bagi memastikan ekonomi negara kembali pulih dan terus berkembang rancak. Galakan ekosistem ekonomi yang efisien adalah penting dalam meningkatkan lagi daya tarikan bandaraya Kuala Lumpur.

Laporan ini juga menyediakan analisis ringkas mengenai pencapaian dan prestasi setiap jabatan yang pasti akan mendorong warga kerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengambil tindakan penambahbaikan pada masa akan datang.

Tahun 2021 juga menyaksikan Kuala Lumpur kembali bergerak dengan progresif menerusi pelaksanaan lebih banyak aktiviti. Sepanjang tahun, Team DBKL telah berusaha untuk menggembirakan penduduk Kuala Lumpur dengan mengambil kira aspek pertumbuhan ekonomi, peningkatan kualiti hidup, persekitaran yang selamat, infrastruktur yang lengkap serta bandar yang bersih dan indah.

Sesungguhnya, kejayaan tidak akan datang bergolek tanpa usaha yang bersungguh-sungguh dan komitmen yang tinggi daripada kakitangan dan warga kerja Team DBKL. Justeru, saya menyeru seluruh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk terus mengekalkan momentum dalam melaksanakan tugas dengan penuh amanah, berintegriti dan efektif pada tahun yang akan datang bagi membentuk Kuala Lumpur yang lebih baik.

Akhir kata, saya mewakili Pengurusan Tertinggi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Team DBKL. Semangat dan iltizam dalam menjaga dan mentadbir urus Bandaraya Kuala Lumpur terserlah dalam komitmen yang telah dipamerkan. Semoga dengan penerbitan Laporan Tahun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2021 ini dapat dijadikan panduan dan rujukan buat kita semua dalam meningkatkan lagi mutu perkhidmatan di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.



DATUK SERI MAHADI BIN CHE NGAH
Datuk Bandar Kuala Lumpur

AHLI LEMBAGA PENASIHAT
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2021



Dato'setia Diraja Dato'Abdul Ghani bin Haji Pateh Akhir



Tan Sri Mazlan bin Mansor



Datuk Seri Hajah Rosida binti Jaafar



Datuk Seri Zainal Abidin bin Mohd Rafique



Datuk Nicole Wong Siaw Ting



Datuk Rajah AL Symon



Datuk Lau Beng Wei



Dato' Ismail bin Ngah

AHLI LEMBAGA PENASIHAT
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2021


Dato' Tpr. Dr. Dolbani bin Mijan


Dato' Shabaruddin bin Ibrahim


Kapten (B) Datuk Muhammad Suhaimi bin Yahya


Datin Rashidah binti Mohd Sies


Encik Azhar bin Yahya


Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani


Encik Abdul Halim bin Abdul Aziz


PENGURUSAN TERTINGGI
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2021



1 **Datuk TPr Sulaiman bin Mohamed**
Pengarah Eksekutif (Perancangan)



2 **Datuk Sr. Haji Kamarulzaman bin Mat Salleh**
Pengarah Eksekutif (Pengurusan)



3 **Datuk Haji Azmi bin Abdul Hamid**
Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek)



4 **Datuk Haji Anwar bin Mohd Zain**
Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosio-ekonomi)

KETUA JABATAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2021



1	**Nasrul Zaki bin Mohd Yunus** Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan	2	**Zurida Hashim** Jabatan Perancangan Korporat
3	**Nor Azlina Mohd Saad** Jabatan Audit Dalam	4	**Abdulamin Abdillah** Jabatan Integriti
5	**Zulkurnain Hassan** Jabatan Perancangan Bandaraya	6	**Nor Fajariah Sulaiman** Jabatan Perancangan Infrastruktur
7	**Zulkifli Muhammad** Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan	8	**Norizan Sulaiman** Jabatan Kawalan Bangunan

KETUA JABATAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2021



9	**Badrul Hisham Baharuddin** Jabatan Pengurusan Sumber Manusia	10	**Mohamad Hamim** Jabatan Kewangan
11	**Sr. Mohd Helmi Mohd Sany** Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	12	**Nor Eyniwati Hassan** Jabatan Pengurusan Maklumat
13	**Saifol Mazli Ahmad** Jabatan Pentadbiran	14	**Norhaslinda Nordin** Pengetua Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
15	**Ismadi Sakirin** Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar	16	**Khairul Anuar bin Mhd Juri** Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan

KETUA JABATAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2021




17 18 19 20

21 22 23 24 25

17	**Umi Ahmad** Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar	18	**Osman Ismail** Jabatan Penguatkuasaan
19	**Khairul Azmir Ahmad** Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan	20	**Norzaini Noordin** Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan
21	**Mohamad Yasin Jamaludin** Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran	22	**Nasri Ahmad** Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal
23	**Zulkifli Endut** Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi	24	**Yu Chuan Hock** Jabatan Pengangkutan Bandar
25	**Zulyazri Ismail** Jabatan Ukur Bahan		

CARTA ORGANISASI
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2021



JABATAN UNDANG-UNDANG DAN PENDAKWAAN
Nasrul Zaki bin Mohd Yunus

JABATAN INTEGRITI
Abdul Amin bin Abdullah

PENGARAH EKSEKUTIF (PENGURUSAN PROJEK)
Datuk Haji Azmi bin Abdul Hamid

- **MOHAMAD YASIN BIN JAMALUDIN**
  Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran
- **NORZAINI BINTI NOORDIN**
  Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan
- **SYAIFUL BAHRI BIN ISMAIL**
  Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal
- **LAr. HJ. ZULKIFLI BIN ENDUT**
  Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi
- **YU CHUAN HOCK**
  Jabatan Pengangkutan Bandar
- **ZULYAZRI BIN ISMAIL**
  Jabatan Ukur Bahan

PENGARAH EKSEKUTIF (PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI)
Datuk Haji Anwar bin Mohd Zain

- **ISMADI BIN SAKIRIN**
  Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar
- **OSMAN BIN ISMAIL**
  Jabatan Penguatkuasa
- **KHAIRUL ANUAR BIN MHD JURI**
  Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan
- **DR. UMI BINTI HAJI AHMAD**
  Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar
- **Khairul Azmir bin Ahmad**
  Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan

Wangsa Maju, Lembah Pantai, Titiwangsa, Batu, Seputeh, Cheras, Bandar Tun Razak, Bukit Bintang, Kepong, Segambut, Setiwangsa

INFO
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2021

VISI

Bandar Raya Sejahtera Untuk Semua Menjelang Tahun 2030



MISI

Untuk mencapai kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan ibu kota Kuala Lumpur menerusi program pembangunan fizikal, sosio-ekonomi, kawalan perancangan dan perkhidmatan perbandaran secara terancang dan selaras berteraskan tadbir urus yang cemerlang.



OBJEKTIF

Memastikan dan mempercepatkan pelaksanaan pencapaian status bandar raya bertaraf dunia yang unggul dan cemerlang.



Slogan

Bersedia Menyumbang, Bandar Raya Cemerlang



Latar Belakang

Bermula daripada sebuah pekan kecil, Kuala Lumpur telah mengalami pelbagai evolusi sehingga menjadi ibu kota Malaysia. Pada 1 April 1961, hal ehwal perbandaran Kuala Lumpur ditadbir oleh perbadanan tunggal (*Sole Corporation*) yang di ketuai oleh Pesuruhjaya Ibu Kota. Pada 1 Februari 1972, Kuala Lumpur dianugerahkan taraf bandar raya dan seterusnya diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1974.



Fungsi

1. Memberi perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sampah.
2. Memberi perkhidmatan kesihatan awam dan mengawal pencemaran.
3. Mengurus pengindahan bandar.
4. Membina dan menyelenggara jalan, mengadakan prasarana pengangkutan serta mengurus sistem lalulintas.
5. Membina dan menyelenggara sistem perparitan dan sungai.
6. Merancang dan mengawal pembangunan bandar.
7. Membina dan mengurus perumahan awam.
8. Mengurus, mengawal dan menempatkan semula setinggan.
9. Menguruskan dan mengawal hal ehwal penjaja dan peniaga kecil.
10. Mengeluar dan mengawal lesen perniagaan.
11. Merancang dan melaksanakan aktiviti sukan, kebudayaan dan pelancongan.



Piagam Pelanggan

1. Merancang pembangunan ibu negara dengan cekap, efisien, teratur, terkawal dan telus untuk menjadikan bandar raya maju dan berdaya saing melalui kelulusan perintah pembangunan, pelan bangunan dan kerja tanah dalam tempoh ditetapkan dari tarikh permohonan lengkap diterima.
2. Memudah dan menggalakkan urusan perniagaan serta menjamin keselamatan pengguna melalui pengamalan aktiviti perniagaan berkualiti bagi menjana pertumbuhan ekonomi berprestasi tinggi di ibu kota.
3. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan awam dan prasarana yang berkualiti, mencukupi, efisien, mesra pengguna dan mudah sampai bagi memenuhi keperluan warga kota.
4. Mengadakan aktiviti sosial/pembangunan komuniti setempat bersama persatuan penduduk/ Badan Bukan Kerajaan mengikut jadual di setiap kawasan/Parlimen sekurang-kurangnya 2 kali sebulan untuk membentuk budaya masyarakat yang bersatu padu dan harmoni.
5. Memastikan maklum balas awal kepada pengadu diberikan dalam tempoh 24 jam dan maklum balas mengenai status pelaksanaan tindakan ke atas aduan diberikan selewat-lewatnya dalam tempoh 3 hari daripada tarikh penerimaan aduan dan membuat susulan sehingga selesai.
6. Memastikan semua perkhidmatan online dapat dicapai secara berterusan (24 jam x 7 hari).
7. Mengurus kutipan hasil dengan cekap dan berbelanja dengan berhemah.
8. Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan secara adil, telus dan berterusan bagi kesejahteraan dan keselamatan warga kota melalui notis-notis yang dikeluarkan.
9. Memastikan modal insan dibangunkan secara berterusan untuk melahirkan warga kerja yang kompeten.
10. Menyedia, mengurus dan menyenggara kemudahan awam (stadium, kompleks sukan/ pusat komuniti, masjid/surau, taman rekreasi, pasar, pusat penjaja, perpustakaan, tandas awam, perhentian bas/teksi, tanah perkuburan dan krematorium)



SEKTOR DATUK BANDAR

Laporan Tahunan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

2021

Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan ditubuhkan sekitar tahun 1960-an dan dikenali dengan nama Bahagian Pendakwaan dan diletakkan di bawah Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1970-an, ia dikenali pula dengan nama Bahagian Undang-Undang dan masih berada di bawah Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1973, ia dijadikan sebuah jabatan yang tersendiri dengan nama Jabatan Undang-Undang dan ditukar pula kepada Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang pada tahun 1976. Mulai 1 Julai 2011, jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan.

Mengikut Carta Organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedia ada, Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan diletakkan di bawah seliaan Datuk Bandar Kuala Lumpur. Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan terbahagi kepada tujuh (7) bahagian utama.

Sebagai langkah awal struktur dalaman JUP telah disusun semula kepada tujuh (7) unit teras yang menjalankan fungsi jabatan ketika ini. Unit-unit tersebut akan dinaik taraf sebagai bahagian-bahagian utama jabatan menjadikan tujuh(7) bahagian berbanding dengan hanya dua (2) bahagian ketika ini. Senarai bahagian adalah seperti berikut :-

1. Bahagian Kontrak
2. Bahagian Penswastaan
3. Bahagian Guaman Sivil
4. Bahagian Gubalan dan Kajian Undang-Undang
5. Bahagian Pendakwaan
6. Bahagian Pentadbiran
7. Mahkamah

Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan adalah seramai 70 orang.

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi -
Menyediakan perundangan yang progresif dan efisien bagi membantu Datuk Bandar Kuala Lumpur kearah menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur bandaraya bertaraf dunia.

2.2 Misi -
Menjaga kepentingan Datuk Bandar Kuala Lumpur dari segi undang-undang.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Menyemak dan mengkaji keperluan untuk meminda perundangan setiap lima (5) tahun dari tarikh pewartaan terakhir.

3.2 Menyediakan draf pertama perundangan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh arahan diterima, sekiranya maklumat yang diterima adalah lengkap.

3.3 Menyediakan draf pertama dokumen kontrak dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh permohonan bertulis penyediaannya dikemukakan oleh jabatan-jabatan.

3.4 Memproses dan memfailkan aduan ke mahkamah dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh aduan lengkap diterima.

3.5 Memaklumkan keputusan kes kepada jabatan-jabatan yang berkenaan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh keputusan diterima dari Mahkamah.

3.6 Melantik panel peguam untuk mewakili Datuk Bandar dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh terima saman kes litigasi sivil terhadap Datuk Bandar.

3.7 Memaklumkan keputusan kes-kes mahkamah kepada jabatan-jabatan yang berkenaan dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh keputusan diterima.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN *(CUSTOMER FOCUS)*	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun	100 %
	2.	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	100 %
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS *(TRANSPARENCY)*	1.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2021	100 %
	2.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022 sebelum 31 Disember 2021	100 %
PENGGUBALAN DAN PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG	1.	Mengkaji dan mengemukakan cadangan pindaan perundangan subsidiari kepada KWP	Meminda UUK Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian (WPKL) 2016	100 %
	2.		Meminda UUK Perumahan Awam (WPKL) 2000	100 %
SEMAKAN INSTRUMEN/ DOKUMEN PERUNDANGAN	1.	Semakan perjanjian untuk penambahbaikan dan penyediaan perjanjian standard	Menyemak dan menyediakan template Perjanjian Penyelenggaraan bagi Projek-Projek ICT yang digunapakai oleh Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM). Template Perjanjian yang disediakan akan memfokuskan kepada terma-terma berkaitan dengan penyelenggaraan projek-projek ICT yang turut merangkumi perisian, penggantian peralatan atau komponen ICT serta kerja-kerja menaiktaraf sistem sedia ada.	100 %
KHIDMAT PERUNDANGAN MELALUI PENGAUDITAN	1.	Kertas Kajian Mengenai Peruntukan Di Dalam Perjanjian Jual Beli Tanah DBKL Berkaitan Pulangan *In Kind* Kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur – Prosedur dan Masalah Yang Dihadapi	Menyemak dan meneliti peruntukan-peruntukan di dalam Perjanjian Jual Beli Tanah DBKL mengenai pulangan *in kind* kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, tanggungjawab Syarikat dalam menyempurnakan pulangan *in kind* tersebut serta masalah yang dihadapi oleh jabatan-jabatan berkaitan	100 %
	2.	SOP Lengkap Pemakaian Sistem e-Kehakiman di DBKL	Menyediakan SOP lengkap bagi kegunaan Pegawai Pendakwa, Jabatan Pelaksana dan kakitangan JUP berhubung pemakaian sistem eKehakiman (*e-Filing System* dan *Case management System)* di JUP dan di Mahkamah Majistret (Dewan Bandaraya) Kuala Lumpur	100 %

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
	3.	Manual prosedur penyediaan dokumen untuk Sistem e-Kehakiman serta pengendalian kes pendakwaan bagi kes am, kes trafik, kes tangkapan dan permohonan bagi mendapatkan waran tangkap	Menyediakan manual prosedur bagi kegunaan jabatan-jabatan untuk memfailkan kes-kes ke mahkamah menggunakan sistem EFS. Penyediaan dokumen-dokumen keperluan semasa pendaftaran kes, semasa sebutan kes dan semasa perbicaraan	100 %
	4.	Format analisa prestasi peguam bagi kes-kes Datuk Bandar sebagai defendan	**Sasaran:** Panel Peguam DBKL **Pengukuran**: Borang Penilaian Prestasi Peguam Jenis kes yang diuruskan oleh Panel Peguam	100 %
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN *(CUSTOMER FOCUS)*	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun	100 %
	2.	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	100 %
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS *(TRANSPARENCY)*	3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2021	100 %
	4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022 sebelum 31 Disember 2021	100 %
PENGGUBALAN DAN PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG	5.	Mengkaji dan mengemukakan cadangan pindaan perundangan subsidiari kepada KWP	Meminda UUK Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian (WPKL) 2016 Meminda UUK Perumahan Awam (WPKL) 2000	100 % 100 %
SEMAKAN INSTRUMEN/ DOKUMEN PERUNDANGAN	6.	Semakan perjanjian untuk penambahbaikan dan penyediaan perjanjian standard	Menyemak dan menyediakan template Perjanjian Penyelenggaraan bagi Projek-Projek ICT yang digunapakai oleh Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM). Template Perjanjian yang disediakan akan memfokuskan kepada terma-terma berkaitan dengan penyelenggaraan projek-projek ICT yang turut merangkumi perisian, penggantian peralatan atau komponen ICT serta kerja-kerja menaiktaraf sistem sedia ada.	100 %

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
KHIDMAT PERUNDANGAN MELALUI PENGAUDITAN	7.	Kertas Kajian Mengenai Peruntukan Di Dalam Perjanjian Jual Beli Tanah DBKL Berkaitan Pulangan *In Kind* Kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur – Prosedur dan Masalah Yang Dihadapi	Menyemak dan meneliti peruntukan-peruntukan di dalam Perjanjian Jual Beli Tanah DBKL mengenai pulangan in kind kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, tanggungjawab Syarikat dalam menyempurnakan pulangan *in kind* tersebut serta masalah yang dihadapi oleh jabatan-jabatan berkaitan	100 %
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN *(CUSTOMER FOCUS)*	8.	SOP Lengkap Pemakaian Sistem e-Kehakiman di DBKL	Menyediakan SOP lengkap bagi kegunaan Pegawai Pendakwa, Jabatan Pelaksana dan kakitangan JUP berhubung pemakaian sistem eKehakiman *(e-Filing System* dan *Case management System)* di JUP dan di Mahkamah Majistret (Dewan Bandaraya) Kuala Lumpur	100 %
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN *(CUSTOMER FOCUS)*	9.	Manual prosedur penyediaan dokumen untuk Sistem e-Kehakiman serta pengendalian kes pendakwaan bagi kes am, kes trafik, kes tangkapan dan permohonan bagi mendapatkan waran tangkap	Menyediakan manual prosedur bagi kegunaan jabatan-jabatan untuk memfailkan kes-kes ke mahkamah menggunakan sistem EFS Penyediaan dokumen-dokumen keperluan semasa pendaftaran kes, semasa sebutan kes dan semasa perbicaraan.	100 %
	10.	Format Analisa Prestasi Peguam Bagi Kes-Kes Datuk Bandar Sebagai Defendan	**Sasaran:** Panel Peguam DBKL **Pengukuran:** Borang Penilaian Prestasi Peguam Jenis kes yang diuruskan oleh Panel Peguam	100 %

5.0 FUNGSI

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan fungsi-fungsi perundangan untuk pengurusan pentadbiran Bandar Raya Kuala Lumpur yang lebih mantap dan berkesan seperti berikut:

5.1 Memberi nasihat undang-undang kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan jabatan-jabatan di dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

5.2 Penggubalan dan penyemakan semua perundangan yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

5.3 Menyediakan dokumen-dokumen kontrak dan instrumen-instrumen perundangan.

5.4 Menjalankan pendakwaan berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

5.5 Menyelaraskan dan meneliti kes-kes berkaitan tuntutan sivil.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	12,112,100.00	11,754,494.00	97.08

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
7.11.2021 hingga 9.11.2021	Pengurusan Tertinggi DBKL Pengarah Eksekutif Pelaksanaan Projek Pengarah Eksekutif Pengurusan	Bengkel Focus Group Discussion (FGD) Memuktamadkan Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Pindaan 2021	Memuktamadkan Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Pindaan 2021
1.2.2021 28.2.2021	DBKL dan warga kota	Tawaran Khas Kompaun sempena Hari Wilayah Persekutuan 2021	Memberi peluang kepada warga kota membuat bayaran dengan kadar istimewa
16.6.2021	Pengarah Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan Bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur	Penyerahan Kad Kuasa DBKL kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur	Penyampaian perwakilan kuasa Datuk Bandar kepada Jabatan berkaitan.

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

TARIKH	ACARA	KEPUTUSAN
13.1.2022	ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI TAHUN 2021	CEMERLANG



Jabatan Perancangan Korporat

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Jabatan Perancangan Korporat (JPRK) berperanan merancang, mengurus serta melaksanakan usaha-usaha mempertingkatkan imej korporat dan profesionalisme DBKL bagi memastikan imej korporat dan profesionalisme DBKL berada pada taraf dunia yang unggul dan cemerlang.

1.2 Fungsi Perhubungan Awam mula dilaksanakan di DBKL dalam tahun 70-an dan diselaraskan oleh Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1995 fungsi tersebut telah diambil alih oleh Jabatan Pengurusan Organisasi. Seterusnya pada tahun 2006 unit ini telah diletakkan di bawah Jabatan Pentadbiran dan dikenali sebagai Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa (UHEAA).

1.3 Pada tahun 2008 sekali lagi nama unit ini telah ditukarkan kepada Unit Komunikasi Korporat (UKK) selaras dengan hasrat Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk memberikan imej baru kepada organisasi DBKL.

1.4 Mulai 1 Julai 2011, jabatan ini dikenali pula sebagai Jabatan Perancangan Korporat. Pertukaran nama ini juga memberikan gambaran yang lebih tepat mengenai fungsi JPRK bersesuaian dengan keadaan semasa.

1.5 Jumlah kakitangan adalah seramai 74 orang yang terdiri daripada 10 orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, dan 64 orang daripada kumpulan sokongan/ pelaksana.

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi -

Ke arah mempertingkatkan imej DBKL yang positif melalui komunikasi yang cekap dan berkesan dengan *stakeholders*.

2.1 Misi -

Merancang, mengurus dan melaksanakan usaha-usaha mempertingkatkan imej DBKL yang positif.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Memastikan jemputan media dibuat selewat-lewatnya 24 jam sebelum majlis/ program/ aktiviti berlangsung.

3.2 Memastikan kenyataan media disediakan selewat-lewatnya 3 hari sebelum aktiviti.

3.3 Memastikan maklum balas terhadap permohonan lawatan dari dalam dan luar negara diberikan dalam tempoh 3 hari bekerja.

3.4 Memastikan maklum balas penerimaan aduan diberikan dalam tempoh 24 jam kepada pengadu.

3.5 Memberi maklumbalas penyelesaian aduan kepada pengadu dan menutup aduan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh penerimaan penyelesaian aduan.

3.6 Memastikan urusan pelanggan di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan DBKL diselesaikan dalam tempoh 15 minit.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (*Customer Focus*)	1	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	100%	95%
	2	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	100%	100%
Memperkukuhkan tahap integriti, akauntabiliti dan telus *(transparency)*	3	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	95%	89%
	4	Mengemukakan Perancangan Perolehan 2021	100%	100%

Peningkatan Imej Korporat	5	Mempromosikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya berdaya huni kepada warga kota	100%	100%
	6	Menyebarkan maklumat mengenai Kuala Lumpur melalui bahan promosi bercetak	100%	100%
	7	Menerbitkan video kempen/ promosi bagi tujuan penyampaian maklumat kepada warga kota melalui beberapa platform seperti media sosial *(Facebook, Instagram dan Youtube)* , skrin LED dan TV komersial	100%	100%
	8	Melestarikan hubungan baik antara DBKL dengan pihak media	100%	100%
Hubungan Organisasi dan Komuniti	9	Mengadakan penglibatan umum *(public engagement)* dalam hubungan antara DBKL dan warga kota	100%	100%
Bandaraya Tadbir Urus Cekap	10	Memantapkan kolaborasi DBKL dengan peringkat antarabangsa	100%	100%

5.0 FUNGSI

Jabatan Perancangan Korporat menjalankan tujuh (7) fungsi utama iaitu:-

5.1 Menjalinkan hubungan dan kerjasama DBKL dengan warga kota, agensi kerajaan dan swasta bagi mempertingkatkan persefahaman dan perkhidmatan yang diberi.

5.2 Menyediakan dan menyebarkan maklumat yang positif dan tepat mengenai pentadbiran DBKL serta memberi maklum balas ke atas komen, aduan dan isu berbangkit kepada media massa.

5.3 Memastikan urusan perhubungan pertubuhan antarabangsa yang baik disamping menyelaras lawatan luar dan dalam negeri dengan baik.

5.4 Membantu dan memudahcara setiap pelanggan yang berurusan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam mendapatkan perkhidmatan, maklumat dan khidmat nasihat.

5.5 Memastikan dan mendapatkan maklumbalas terhadap aduan yang dikemukakan daripada jabatan secepat mungkin atau selewat-lewatnya dalam tempoh 3 hari dari tarikh penerimaan.

5.6 Menyelaras sambutan perayaan, majlis dan acara rasmi DBKL dengan teratur.

5.7 Menerbitkan bahan bercetak dan elektronik kepada golongan sasaran samping memberikan maklumat terkini dan tepat mengenai DBKL.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	8,429,600.00	6,043,367.00	91.4

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

7.1 Majlis Rasmi & Protokol

Unit Majlis Rasmi dan Protokol, Jabatan Perancangan Korporat telah terlibat dengan pelbagai acara rasmi yang dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan mahupun anjuran bersama di antara DBKL dan agensi-agensi kerajaan serta bukan kerajaan.

Sepanjang tahun **2021**, unit ini telah terlibat secara langsung dalam **88** majlis rasmi di mana **80** ialah anjuran jabatan-jabatan di dalam DBKL dan **8** majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi-agensi kerajaan.

Unit ini juga terlibat secara langsung dalam menyelaraskan urusan pemasangan gegantung (*bunting*) bendera dan memastikan penyediaan hiasan serta kebersihan di laluan-laluan protokol apabila Bandaraya Kuala Lumpur menerima kunjungan Pembesar-Pembesar Luar Negara. Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2020 dan Sambutan Hari Kemerdekaan 2020, unit ini telah menyelaras urusan pemasangan gegantung *(bunting)* bendera di laluan-laluan protokol sekitar Kuala Lumpur.

Selain itu, unit ini juga menjalinkan kerjasama yang erat bersama pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dalam mengendalikan beberapa acara rasmi tahunan seperti Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Kebangsaan (Sambutan Bulan Kemerdekaan) termasuk majlis yang melibatkan kakitangan di bawah agensinya seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

MAJLIS RASMI (ANJURAN DBKL,BERSAMA AGENSI KERAJAAN DAN BUKAN KERAJAAN) DAN LAWATAN RASMI PEMBESAR ASING BAGI TAHUN 2021

BULAN	BILANGAN MAJLIS RASMI				JUMLAH
	Anjuran DBKL	Anjuran Bersama Agensi Kerajaan	Anjuran Bersama Agensi Bukan Kerajaan	Lawatan Rasmi Pembesar Asing	
JANUARI	3	-	-	-	3
FEBRUARI	17	-	-	-	17
MAC	5	-	-	-	5
APRIL	8	-	-	-	8
MEI	2	2	-	-	4
JUN	-	-	-	-	0
JULAI	1	-	-	-	1
OGOS	1	-	-	-	1
SEPTEMBER	11	-	-	-	11
OKTOBER	14	1	-	-	15
NOVEMBER	5	2	-	-	7
DISEMBER	13	3	-	-	16
JUMLAH	**80**	**8**	**0**	**0**	88

Gambar-gambar Majlis Rasmi dan Protokol



Perasmian Kios 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) dan Pusat Pengomposan PPR Beringin



Perhimpunan Bulanan Bil.3/2021



Program DBKL Bersama Media – Sukan Bersama Media Kuala Lumpur 2021 - Bowling



Seminar Rendah Karbon Kuala Lumpur Dan Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050



Majlis Perasmian 3000 Unit Cctv Fasa 1 Di Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Sesi Penyampaian Rumah Baiti Jannati Keluarga Malaysia

7.2 UNIT KHIDMAT PELANGGAN DAN ADUAN AWAM

Bahagian Perhubungan Pelanggan dan Aduan Awam merangkumi unit Pusat Panggilan Setempat (*Call Centre*) dan Unit Perhubungan Pelanggan (*1Serve*), Jabatan Perancangan Korporat. Namun Unit Perhubungan Pelanggan ini telah ditukar nama kepada Unit Khidmat Pelanggan selepas pemansuhan Dasar Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) pada pertengahan tahun 2018 yang lalu. Fungsi dan peranan bahagian ini meliputi 3 perkara utama iaitu sebagai pusat panggilan setempat, pengurusan dan pemantauan aduan awam serta pengurusan perkhidmatan pelanggan DBKL.

7.2.1 Penerimaan Panggilan Melalui Talian Bebas Tol *1-800-88-3255* Bertempat Di Pusat Panggilan Setempat (*Call Centre*)

Pada tahun 2021 iaitu dari Januari 2021 sehingga Disember 2021, pihak Aduan Awam dan Pusat Panggilan Setempat (*Call Centre*) telah pun menerima sebanyak 13,785 panggilan.

7.2.2 Penerimaan Dan Penyelesaian Aduan

Pada tahun 2020, unit Aduan Awam dan Pusat Panggilan Setempat (*Call Centre*) telahpun menerima sebanyak **23,457 aduan**. Janaan data terkini seperti di Lampiran 1 menunjukkan sebanyak 22,510 (96%) aduan telah diselesaikan. Manakala, sebanyak 947 (4%) aduan masih di dalam tindakan. Semua Jabatan disasarkan untuk menyelesaikan semua aduan-aduan tertunggak selewat-lewatnya pada bulan Mac 2022.

Jadual 4: Statistik Penerimaan Aduan Mengikut 5 Kategori Tertinggi

KATEGORI	TERIMA	PERATUS (%)
Kemudahan Awam	6,837	29.15%
Pokok	3,044	12.98%
Sistem Saliran dan perparitan	1,392	5.93%
Halangan	1,280	5.46%
Penguatkuasaan	1,215	5.18%

Lawatan Tapak yang diadakan bersama Agensi luar, Jabatan dalaman DBKL serta pengadu .

1. LAWATAN TAPAK BAGI ISU RETAINING WALL DAN KEGUNAAN KEDIAMAN DI JALAN LEMBAH DUTA BERALAMAT NO 12 E, JALAN TUNKU PUTRA, BUKIT TUNKU 50480 KUALA LUMPUR PADA 19 MEI 2021



2. LAPORAN LAWATAN TAPAK RUMPUT PANJANG, SEMAK SAMUN DAN POKOK PADA 27 SEPTEMBER 2021





3. LAWATAN TAPAK BAGI ISU SALAH GUNA TANAH DAN KEROSAKAN RUMAH BERSEBELAHAN BERALAMAT DI NO 16, JALAN SENTUL BAHAGIAN PERSIARAN SENTUL BAHAGIA 55110 KUALA LUMPUR PADA 7 OKTOBER 2021




4. LAWATAN TAPAK BAGI ISU LONGKANG PECAH DAN AKAR POKOK DI 44C, JALAN SEGAMBUT TENGAH, KAWASAN PERUSAHAAN SEGAMBUT, 51200 KL PADA 29 NOVEMBER 2021




5. LAWATAN TAPAK BAGI ISU HAIWAN PELIHARAAN DI KAWASAN STRATA DI KONDOMINIUM PUNCAK PRIMA, JALAN SRI HARTAMAS, 50480, KL PADA 27 OKTOBER 2021




7.3 UNIT PROMOSI DAN FOTOGRAFI

Unit Promosi dan Fotografi merupakan salah satu unit di dalam Jabatan Perancangan Korporat dan diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja penerbitan bahan bercetak dan digital serta mempromosikan aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
Fungsi utama unit ini adalah:

a) Menguruskan penerbitan bahan bercetak mengenal perkhidmatan DBKL seperti risalah, diari tahunan dan kalendar.

b) Menyelaraskan promosi aktiviti/program DBKL seperti Banner/Bunting, Buku Aturcara, Coffee Table Book, Video/ Montaj, Kad Perayaan dan reruai promosi.

c) Menyelaras, memantau dan mengemas kini portal dan media sosial DBKL.

d) Merancang dan melaksanakan penerbitan karya kreatif seperti iklan amal untuk makluman awam (PSA) bagi tujuan informasi dan publisiti DBKL.

e) Merancang dan melaksanakan kempen-kempen untuk tujuan penyebaran nilai-nilai murni dalam kakitangan penjawat awam di DBKL.

f) Menjalankan aktiviti fotografi rasmi bagi acara/program DBKL.

7.3.1 Kempen Promosi Tahun 2021

BIL	AKTIVITI PROMOSI TAHUN 2021
1.	Kempen Pembudayaan Norma Baharu Covid-19
2.	Kempen Vaksinasi Covid-19
3.	Sambutan Hari Wilayah Persekutuan
4.	Sambutan Perayaan Bulan Kemerdekaan
5.	Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur
6.	Kempen Kuala Lumpur Bandar Untuk Semua
7.	Aspirasi Keluarga Malaysia @ KLCC
8.	Kempen 1 Community 1 Recycle
9.	Kempen Kuala Lumpur Rendah Karbon
10.	Kempen Penanaman 1 Juta Pokok
11.	Kempen Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok
12.	Kempen Bas GOKL
13.	Kempen KLWBC 2020 (Penutup)

7.3.2 Diari dan Buku Nota Harian DBKL 2021

Pada tahun 2021, Jabatan Perancangan Korporat telah menerbitkan Diari Tahunan sebanyak 7000 naskah. Tujuan diari ini diterbitkan adalah bagi menghargai pegawai dan kakitangan DBKL yang banyak memberi sumbangan terhadap DBKL. Selain itu, unit ini turut menerbitkan sebanyak 4000 naskah buku nota khas untuk diedarkan kepada kakitangan sokongan.

7.3.3 Kalendar Meja Tegak 2021

Pada tahun 2021, unit ini telah menerbitkan sebanyak 7000 unit Kalender Meja (Tegak) untuk edaran kepada kumpulan sokongan 1 serta edaran kepada pelawat-pelawat dari agensi luar ke DBKL

7.3.4 Portal dan Media Sosial DBKL

Pada tahun 2021, Unit Promosi dan Fotografi telah diberi tanggungjawab untuk menjadi jawatankuasa pengurusan kandungan yang diketuai oleh pengarah, Jabatan Perancangan Korporat. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengemas kini maklumat berita, acara terkini dan pengurusan semasa di dalam portal. Proses mengemaskini portal ini telah dibuat pada setiap hari oleh Pegawai Teknologi Maklumat yang ditempatkan di Jabatan ini. Bagi memastikan maklumat yang diperolehi adalah terkini dan tepat, pegawai akan mendapatkan kerjasama daripada unit lain termasuklah Unit Media di Jabatan Perancangan Korporat dan Jabatan Pengurusan Maklumat. Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk mempromosikan kempen dan aktiviti DBKL melalui penghasilan pelbagai reka bentuk grafik sebagai bahan kempen dan membuat perkongsian di media sosial DBKL.

7.3.4.1 Media Sosial – *Facebook*

BULAN/PERKARA	*FACEBOOK PAGE REACH*	*FACEBOOK PAGE VISITS*	*NEW FACEBOOK PAGE LIKES*
Januari	1,012,568	29,985	3,466
Februari	715,052	19,917	1,860
Mac	2,175,139	36,701	4,180
April	1,779,003	25,071	2,925
Mei	518,379	21,356	1,164
Jun	779,713	21,977	1,768
Julai	503,708	23,707	1,704
Ogos	1,096,411	24,427	2,738
September	723,793	19,162	1,424
Oktober	532,860	30,002	1,345
November	411,626	29,279	1,019
Disember	1,109,396	56,307	2,937

7.3.4.2 Grafik

PERKARA	HURAIAN	
Poster perayaan	1. Tahun Baru Cina 2. Hari Raya Aidilfitri 3. Hari Natal 4. Hari Deepavali	5. Hari Raya Aidiladha 6. Hari Wesak 7. Hari Thaipusam
Poster Peristiwa	1. Tahun Baharu 2. Maulidur Rasul 3. Hari Malaysia 4. Hari Kemerdekaan	5. Hari Nuzul Al-Quran 6. Hari Menyambut Ramadhan 7. Hari Wilayah Persekutuan 8. Hari Polis
Ramalan Kaji Cuaca	1. Membuat poster ramalan cuaca bagi setiap hari.	
Poster Kempen	1. Pembudayaan Norma Baharu Covid-19 2. Vaksinasi Covid-19 3. Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur 4. KL Bandar Untuk Semua 5. KL Rendah Karbon	6. Penanaman Satu Juta Pokok 7. KL Bebas Asap Rokok 8. Bas GOKL 9. KLWBC 2020 10.1 Community 1 Recycle

PERKARA	HURAIAN	
Poster Acara, Program dan Aktiviti DBKL	1. Aktiviti Perniagaan PKP 2.0 2. Program Pencahayaan 3. Program KL Virtual Smoke Free City Run	4. Insentif My30 5. Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur 6. Program Dapur Bandar Raya 7. Aspirasi Keluarga Malaysia @ KLCC
Poster Pemakluman	1. Bazar Ramadhan 2. Diskaun Sewa Gerai Kedai PPR 3. Penutupan Kaunter 4. Penangguhan Bayaran Cukai	5. Pengecualian Bayaran Parking 6. Penutupan Fasiliti Sukan 7. Pembukaan Kedai Makan D'Tebing
Poster Ucapan	1. Penganugerahan Pingat 2. Kenaikan Pangkat	3. Pencapaian dan Kejayaan 4. Kematian Kakitangan DBKL

7.3.4.3 Video DBKL

Bagi meningkatkan imej korporat DBKL kepada warga kota pada peringkat tempatan dan antarabangsa, Unit Promosi dan Fotografi telah mengambil inisiatif untuk menyediakan montaj, video korporat & promosi bagi DBKL. Antara video yang telah disediakan oleh unit ini bagi tahun 2021 ialah:

BIL	VIDEO PROMOSI TAHUN 2021
1.	Video Muzik Maju Makmur
2.	Video Muzik Surat Cinta Kuala Lumpur
3.	Video Amanat YB Menteri CCMC2021
4.	Video Klip Selingan Muzikal Wilayah
5.	Video Animasi Vaksin myMedic@Wilayah
6.	Video KLWBC Tbilisi
7.	Video Animasi PKP 3.0
8.	Video Penutup KLWBC
9.	Video Rakaman Video Amanat Datuk Bandar Ke-13
10.	Video Klip Selingan Muzikal Wilayah Prihatin Sambutan Hari Wilayah
11.	Video Animasi Gelandangan
12.	Video Muzik KL Cegah
13.	Video Muzik KL Heist promosi Orkestra
14.	Video COBKL
15.	Video Animasi Maskot Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur

LAMPIRAN



Poster Kempen



Poster Pemakluman




Poster Peristiwa




Poster Ucapan



Poster Ucapan Tahniah



Poster Ramalan Kaji Cuaca



Video Animasi Maskot Si Klang dan Si Gombak



Video KL Cegah

7.4 UNIT MEDIA

Unit Media di Jabatan Perancangan Korporat berperanan sebagai penghubung di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak media. Selaras dengan itu, Unit Media bertanggungjawab sebagai medium untuk menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan DBKL kepada media bagi memastikan liputan yang diberi adalah tepat dan benar. Unit ini juga bertindak menyelaras dan menyediakan maklumat untuk **Sidang Media** mengenai aktiviti-aktiviti yang melibatkan DBKL. Sepanjang tahun 2021, unit ini telah menyelaras **12 Sidang Media** dan **13 Temubual** bersama **Pengurusan Tertinggi DBKL** dan **Ketua Jabatan.**

Unit ini juga bertindak menguar-uarkan aktiviti-aktiviti dan program-program yang akan dilaksanakan oleh DBKL bagi memastikan hebahan maklumat dapat disampaikan kepada wargakota dan mendapat liputan terbaik diberikan oleh pihak media. Unit ini telah mengeluarkan sebanyak **33 Liputan Media *(Note to Editor)***, **49 Kenyataan Media *(Press Release)*** dan **56 Maklumbalas Media *(Press Rebuttal)*** sepanjang tahun 2021.

7.4.1 Aktiviti DBKL Bersama Media Sepanjang Tahun 2021

Dunia telah dilanda pandemik Covid-19 pada tahun 2020 dan negara ini turut terkena tempasnya seawal bulan Mac 2020. Berikutan pandemik ini, banyak kegiatan sosial tertangguh dan tidak dapat dilaksanakan disebabkan sekatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Namun begitu, DBKL mengambil inisiatif untuk melaksanakan beberapa program bersama media dalam skala yang lebih kecil sebaik sahaja PKP dilonggarkan. Program-program yang diadakan ini bertujuan untuk meneruskan dan mengeratkan lagi hubungan di antara DBKL dengan pihak media dan sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan pihak media menerusi penulisan mereka mengenai DBKL.

Di antara program-program yang dapat diadakan sepanjang tahun 2021 bersama media adalah **Sukan Bersama Media (Bowling)** dan **Majlis Berbuka Puasa Bersama Media**.

7.4.2 Sukan Bersama Media

Program ini adalah merupakan aktiviti sukan bersama pihak media dengan Pengurusan Tertinggi dan Ketua-Ketua Jabatan DBKL. Program berlangsung pada **26 November 2021, di Bukit Jalil Golf Resort, Kuala Lumpur.**

Program telah berlangsung dengan penuh harmoni dan banyak memberi pendedahan baharu kepada kakitangan Unit Media, JPRK.

7.4.3 Majlis Berbuka Puasa Bersama Media

Program ini telah dilaksanakan pada **4 Mei 2021** di **Hotel Hilton, Kuala Lumpur**. Program berupa kolaborasi bersama KWP dan lain-lain agensi di bawah KWP.

CONTOH

Kenyataan Media, Liputan Media & Maklumbalas Media Tahun 2021

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
UNIT MEDIA (JABATAN PERANCANGAN KORPORAT)
TEL : 03-2617 9812 FAKS : 03-2694 1373 E-MAIL : akhbar@dbkl.gov.my

16) DBKL / JPRK /100-2/1-45 Jld. 7

NOTA KEPADA PENGARANG / PENERBIT - (Metro Desk / General Desk)

LIPUTAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN

SAMBUTAN JUBLI EMAS BANDAR RAYA KUALA LUMPUR

Majlis seperti yang tersebut di atas akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh	:	24 Oktober 2021 (Ahad)
Masa	:	2:15 petang
Tempat	:	Mayor's Courtyard, Biro Pelancongan Kuala Lumpur, No. 11, Jalan Tangsi, Kuala Lumpur.

2. Majlis ini akan disempurnakan pelancarannya oleh **YB Dato Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan.**

3. Sehubungan dengan itu, **WARTAWAN** & **JURUGAMBAR MEDIA** dijemput hadir untuk membuat **liputan.** Pihak Media diingatkan untuk **mematuhi SOP** seperti **pemakaian pelitup muka** dan menjaga **penjarakan fizikal** sewaktu membuat liputan.
Sekian.

UNIT MEDIA

Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
22 Oktober 2021
15 Rabiulawal 1443H

-Tamat-

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
UNIT MEDIA (JABATAN PERANCANGAN KORPORAT)
TEL : 03-2617 9812 FAKS : 03-2694 1373 E-MAIL : akhbar@dbkl.gov.my

(05) DBKL/ JPRK /100-2/1-45 Jld.645

Pengarang
The Vibes. Com
u.p. Amar Shah Mohsen

KENYATAAN MEDIA

(Untuk Siaran Serta Merta)

PEMBANGUNAN SEMULA PLAZA BATAI

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merujuk kepada perkara di atas dan ingin memaklumkan mengenainya.

Cadangan pembangunan perdagangan pangsapuri servis yang mengandungi 2 blok bangunan di atas 3 keping tanah di atas lot 47052, 53834 dan 538351, Jalan Batai, Bukit Damansara, Kuala Lumpur telah diterima oleh DBKL pada 28 Disember 2020 dan telah diproses melalui Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

Setelah meneliti permohonan cadangan pembangunan tersebut mengikut kriteria penilaian teknikal perancangan, didapati beberapa asas penolakan dibuat antaranya ialah pembangunan tidak selaras dengan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL2020).

Lot-lot tersebut dikhaskan sebagai untuk guna tanah tempatan dengan nisbah plot 1:2.0 yang telah mengambilkira kemampuan infrastruktur dan kemudahan awam sedia ada di kawasan Bukit Damansara terutamanya di Jalan Batai.

Proses penilaian teknikal serta pertimbangan kelulusan dan penolakan sesuatu permohonan melalui OSC merupakan proses biasa yang dijalankan dengan berdasarkan garispanduan dan undang-undang digunapakai oleh DBKL.

Sekian.

UNIT MEDIA

Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
30 Januari 2021
17 Jamadilakhir 1442H

-Tamat-

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
UNIT MEDIA (JABATAN PERANCANGAN KORPORAT)
TEL : 03-2617 9812 FAKS : 03-2694 1373 E-MAIL : akhbar@dbkl.gov.my

(41) DBKL / JPRK / 100 – 2 / 1 / 51 Jld. 3

MAKLUMBALAS MEDIA

Pengarang,

Sin Chew Daily

Cars Drive Into Runway and Will Dangerous The People Who Exercise, Hawkers Must Enter Via Second Exit

Kami merujuk kepada artikel tersebut bertarikh 20 September 2021 dan ingin memaklumkan mengenainya.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil maklum mengenai aduan yang diterima daripada pengunjung mengenai kesukaran dan bahaya yang dihadapi oleh mereka untuk melakukan aktiviti riadah di Taman Tasik Metropolitan, Kepong kerana terdapat kenderaan peniaga menggunakan laluan pejalan kaki di dalam taman tersebut.

DBKL tidak pernah membenar dan melarang sebarang kenderaan untuk masuk ke dalam taman bagi memastikan keselamatan pengunjung dan pengguna taman sentiasa terjamin. Perkara ini terjadi kerana terdapat segelintir peniaga dan penjaja yang degil dan ingkar dengan membawa masuk kenderaan ke dalam taman bertujuan mengangkut barangan perniagaan mereka.

DBKL dalam peringkat untuk melaksanakan pemindahan kesemua gerai penjaja di dalam taman ini ke tempat letak kereta bertingkat yang terletak bersebelahan.

Kesemua gerai penjaja tersebut akan dipindahkan bagi memastikan tiada sebarang aktiviti perniagaan dijalankan di dalam taman. Ia juga bagi menjamin kebersihan taman dan keselamatan semua pengunjung taman dan mengelakkan kenderaan daripada memasuki taman.

Sekian.

Unit Media

Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
27 September 2021
20 Safar 1443H

-Tamat-

Program Bersama Media 2021

Sukan Bersama Media (Bowling)





Berbuka Puasa Bersama Media





7.5 UNIT PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

Unit Perhubungan Antarabangsa berperanan menyelaras lawatan luar negeri, kunjung hormat ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur, program-program antarabangsa dan mesyuarat antarabangsa yang terpilih. Pada tahun 2021 unit perhubungan antarabangsa tiada lawatan luar negeri diadakan kerana Kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk menutup kesemua pintu sempadan antarabangsa negara sejak awal tahun 2020 susulan daripada pandemic Covid-19. Walaubagaimanapun, kesan daripada pandemik Covid-19, program atau aktiviti antarabangsa lebih bertumpu secara maya melalui sesi perkongsian ilmu dan perkongsian amalan terbaik anatara bandaraya-bandaraya. Berikut merupakan statistik bagi perkara berkaitan:

Jadual 1: Statistik Jumlah Lawatan Dalam Negeri, Lawatan Luar Negeri dan Kunjung Hormat kepada Datuk Bandar pada Tahun 2021

PERKARA	BILANGAN LAWATAN	BILANGAN PELAWAT
Jumlah Lawatan Luar Negeri	0	0
Jumlah Kunjung Hormat Kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur	7	7
JUMLAH	**7**	**7**

Jadual 2: Senarai Kunjung Hormat ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur bagi tahun 2021:

BIL.	TARIKH	KUNJUNG HORMAT
1.	06 Januari	Kedutaan Iran
2.	08 Mac	Kedutaan Japan
3.	12 April	Kedutaan Chile
4.	13 April	Kedutaan Colombia
5.	13 April	Kedutaan Georgia
6.	15 April	Kedutaan Germany
7.	26 Oktober	Kedutaan Finland

Jadual 3: Program / Persidangan / Mesyuarat Yang Disertai

BIL	NAMA AKTIVITI / PROGRAM
1.	International Forum on SDGs for Regional Revitalization 2021 on 14 January 2021
2.	Online Osaka Business Partner City Council Roundtable 2021 (BPC) on 4 February 2021
3.	Urbanice Malaysia dijemput untuk diwawancara bertulis bagi penerbitan Majalah "URBAN" dari Turki on 3 February 2021
4.	Tokyo to Kuala Lumpur Low Carbon System (T2KLLCS) on 5 February 2021
5.	Cadangan kerjasama dengan Fundacion Metropoli (FM) melalui Kedutaan Besar Malaysia di Madrid, Sepanyol pada 23 Februari 2021
6.	Majlis Perasmian Penutup oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur bagi Kursus Kejurulatihan & Kepengadilan Teqball peringkat Kuala Lumpur pada 28 Mac 2021
7.	Zero Carbon City International Forum on 17 March 2021
8.	Kuala Lumpur City Hall delegation working visit to Tbilisi, Georgia UNESCO "World Book Capital 2021" on 21st April until 25th April 2021
9.	CityNet Cluster Grant Program 2021 on 26 April 2021 The Title: Focus Group on Sustainability the Liveable City in Green Mobility
10.	Toolkit on Localization of Urban Practices & Housing Policy Online Training on 18 May 2021
11.	Local Actions on Smart and Open Governance to Strengthen Post Pandemic Partnership on 19 May 2021

BIL	NAMA AKTIVITI / PROGRAM
12.	Webinar Kuala Lumpur Regional Training Centre (KLRTC) XXXVI mengenai topik 'Nurturing Human Assets for Urban Excellence' pada 27 Mei 2021 - Datuk Bandar dijemput sebagai speaker.
13.	Mumbai First: Post Pandemic Urban Recovery – Smart Health Solutions - Asian Perspective on 16 June 2021
14.	World Cities Summit (WCS) 2021 – Liveable Sustainable Cities: Adapting to a Disrupted World on 21-23 June 2021
15.	Invitation to attend Localise SDGs Final Conference to UCLG ASPAC members on 24 June 2021
16.	ASEAN Mayor Forum Special Event -Enabling Environment on Climate Resilience: Local Government and Cities Commitment to tackle Climate Change - Mayor of Kuala Lumpur as a speaker on Session 1A: Local Governments Initiatives Impacts the Regional – Global Agenda on Climate Sensitive Urban Sustainable Development on 29 June 2021
17.	CityNet- Kuala Lumpur Regional Training Centre 35th session on 26 – 27 July 2021
18.	Jemputan Penyertaan 2021 UN Habitat Scroll of Honour Award - to submit nominations on 8 August 2021 -Award at the Global Observance of World Habitat Day on 4th October 2021
19.	Malaysia Urban Forum- Sustainable Urban Nation 2030 Better Cities for All with COVID-19 -Datuk Bandar dijemput sebagai speaker pada 7 September 2021 High Level Discussion 3: Rethinking Health Ecosystem and Environmental Stability; Kuala Lumpur Experience

Jadual 4: Program / Persidangan / Mesyuarat Yang Disertai

BIL	NAMA AKTIVITI / PROGRAM
1.	8th UCLG ASPAC Congress pada 7 - 9 September 2021
2.	Webinar Kuala Lumpur Regional Training Centre (KLRTC) XXXVIII; "Building Back Better: Evolving Urban Management for Resilient and Healthy Cities" mengenai topik ' Making Cities as Global Health Drivers' pada 8 September 2021 - Datuk Bandar dijemput sebagai speaker.
3.	Plogging @ Sungai Bunus in Conjunction with World Rivers Day Celebration pada 26 September 2021
4.	12th International Conference on World Class Sustainable Cities (WCSC2021), Low Carbon Society from Blueprint to Implementation mengenai topik "Carbon Neutral 2050" pada 27 September 2021 - Datuk Bandar dijemput sebagai speaker.
5.	SMG International Urban Resilience Forum Seoul 2021: Cities Actions Against Everyday Disaster Risks- Kuala Lumpur's Action Managing COVID-19 mengenai topik "The Role of Cities in Preparing for Disasters" pada 28 September 2021. - Datuk Bandar dijemput sebagai speaker.
6.	Kuala Lumpur Regional Training Centre 39 (KLRTC 39): Mainstreaming Nature-Based Solutions in Urban Landscape and Cities" in Conjunction with World Metropolitan Day by Metropolis pada 4 Oktober 2021 - Datuk Bandar dijemput sebagai speaker.
7.	City to City Learning Exchanges on Improving Bicycle Program- CityNet Grant Infrastructure Cluster
8.	International Conference on Integrated Urban Planning 2021 (ICIUP 2021) mengenai topik City Experiences and Responses in Dealing with Pandemic. - Datuk Bandardijemput sebagai speaker pada 12 Oktober 2021
9.	Establishment of UCLG ASPAC Tourism Committee dengan kerjasama Xi'an City dan UCLG ASPAC pada 20 Oktober 2021 - Datuk Bandar sebagai ahli panel

BIL	NAMA AKTIVITI / PROGRAM
10.	Invitation to the 13th APCS Special Edition Asian Pacific City Summit (APCS), Fukuoka City Government & UN Habitat Regional Office for Asia & The Pacific (ROAP) pada 26 Oktober -27 October 2021
11.	Seoul Mayors' Forum on Climate Change pada 27 Oktober 2021 - Datuk Bandar sebagai speaker
12.	Zero Pledge Video Pre-Promo for UN Conference on Climate Change COP26
13.	13th Metropolis World Congress in Guangzhou virtually on 8 November 2021 – 13 November 2021
14.	C40 Cities dan United Kingdom government, menjemput Datuk Bandar ke UN Climate Change Conference (COP26) di Glasgow, Scotland. Datuk Bandar dijemput sebagai speaker bagi beberapa sesi yang telah diadakan pada 4 November – 12 November 2021.
15.	DBKL telah mendapat jemputan daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Malaysian GreenTech Corporation (MGTC) untuk menyertai delegasi Malaysia ke Expo DUBAI 2020 untuk perkongsian amalan terbaik dalam pelaksanaan inisiatif bandar rendah karbon dengan masyarakat global serta menjalinkan kerjasama dan hubungan antarabangsa di antara bandar utama lain, di dalam pelaksanaan projek-projek bandar rendah karbon pada **30 Oktober 2021 - 2 November 2021**
16.	Tokyo Global Partner Seminar yang diadakan pada **24 November 2021**
17.	Mesyuarat 40th CityNet ExCom yang diadakan pada **29 November 2021** -Datuk Bandar menandatangani MoU persetujuan menghoskan CityNet Kongres -Datuk Sulaiman membentangkan perjalanan CityNet Congress
18.	Breakfast with Ambassadors at Hilton Hotel on 2nd December 2021



Datuk Bandar menerima kunjungan hormat daripada kedutaan Iran pada 06 Januari 2021



Datuk Bandar menerima kunjungan hormat daripada kedutaan Jepun pada 08 Mac 2021



CityNet- Kuala Lumpur Regional Training Centre 35th session



Brekfast with Ambassador **pada 2 Disember 2021 di Hotel Hilton**



Plogging **@ Sungai Bunus Sempena Sambutan Hari Sungai Sedunia pada 26 September 2021**

Jabatan Audit Dalam

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Dalam (JAD) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Julai 2011 dan diletakkan di bawah sektor Datuk Bandar Kuala Lumpur. JAD diterajui oleh Pengarah Gred WA54 dengan kekuatan seramai 29 orang pegawai dan kakitangan.

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi -

Menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur selaras dengan amalan terbaik di samping meningkatkan kompetensi dalam sektor awam.

2.2 Misi -

Melaksanakan pengauditan secara jujur, amanah dan bebas serta mengemukakan laporan yang seimbang kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan pihak Pengurusan Tertinggi ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Menyediakan Rancangan Audit Tahunan sebelum atau pada 31 Januari tahun berkenaan;

3.2 Menyediakan Laporan Kajian Audit dalam tempoh 1 bulan selepas tarikh *Exit Conference* diadakan;

3.3 Mengeluarkan Surat Pengurusan bagi Audit Khas kepada Pengurusan Tertinggi / Auditi dalam tempoh 3 bulan dari tarikh arahan diterima oleh Pengarah; dan

3.4 Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA) sebanyak 4 kali setahun.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (Customer Focus)	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun	100%
	2.	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan. (Berpandukan sasaran KWP)	-
Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (*Transparency*)	3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 90% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2021	100%
	4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022 sebelum 31 Disember 2021	100%
	5.	Melaksanakan pengauditan iaitu Audit Prestasi, Audit Penampilan, Audit Susulan dan Audit Penyata Kewangan.	16 tajuk audit dilaksanakan	100%

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
	6.	Melaksanakan pengauditan terhadap Pengurusan Kewangan berdasarkan Indikator Kawalan Indeks Akauntabiliti (AI) ke atas 25 Jabatan dan Pejabat Pengurusan Tertinggi. 2 elemen kawalan adalah seperti berikut:- Pengurusan Perolehan (Pembelian Terus) Pengurusan Stor	1 elemen Kawalan Dalaman dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan	100%
	7.	Menyelesaikan penemuan audit di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 1 Tahun 2019 Jabatan Auditi: Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan (JPPP) dan Jabatan Penguatkuasaan (JPK), DBKL Tajuk: Pengurusan Aktiviti Pelesenan dan Penguatkuasaan Penjaja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) Tarikh LKAN dibentang di Parlimen: 10 Disember 2020	8 penemuan audit berstatus selesai sebelum 9 Disember 2021	100%
	8.	Menubuhkan Pasukan Pemeriksa Projek yang terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan Kumpulan Sokongan I	Penubuhan 5 pasukan pemeriksa	100%
	9.	Menyediakan 2 Garis Panduan:- i. Pengurusan Penilaian Tender ii. Pengurusan Kontrak Berpenggal	2 Garis Panduan disediakan dan diluluskan untuk digunapakai	100%
	10.	Mewujudkan satu pangkalan data bagi akaun-akaun utiliti DBKL yang melibatkan elektrik, air dan pembentungan.	Satu pangkalan data akaun utiliti (elektrik, air dan pembentungan) DBKL	100%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

5.1.1 Menentukan sama ada operasi kewangan diuruskan dengan teratur dan dasar-dasar, undang-undang serta peraturan-peraturan dipatuhi;

5.1.2 Menentukan kekukuhan, kesempurnaan dan kebolehpercayaan rekod-rekod dalam Sistem Perakaunan dan Sistem Kawalan Dalaman;

5.1.3 Menilai secara teratur dan sistematik operasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan jabatan-jabatan di bawahnya dari segi kesempurnaan, kemampuan, kecekapan dan kekesanan;

5.1.4 Mengesyorkan langkah-langkah bagi memperbaiki pengurusan kewangan, stok dan sumber-sumber lain demi meningkatkan akauntabiliti; dan

5.1.5 Mengemukakan laporan bebas dan berkecuali kepada Datuk Bandar mengenai operasi jabatan-jabatan di bawah DBKL supaya beliau dapat membuat keputusan dengan tepat.

5.2 Fungsi Bahagian - Bahagian Jabatan

5.2.1 Bahagian Audit Sektor Pembangunan Sosioekonomi / Sektor Perancangan / Sektor Pengurusan Projek / Sektor Pengurusan

i. Melaksanakan Audit Prestasi bagi Projek / Aktiviti / Program Jabatan di bawah Sektor Pembangunan Sosioekonomi / Sektor Perancangan / Sektor Pengurusan Projek / Sektor Pengurusan dan Lain – Lain Jabatan yang dijalankan secara Rancangan Tahunan / Audit Khas.

- Menilai keberkesanan, kekukuhan dan kecukupan struktur kawalan dalaman. Kualiti dan pembaikan

berterusan ditekankan dalam proses kawalan organisasi.

- Mengkaji kepatuhan terhadap polisi, perancangan, prosedur-prosedur, undang-undang dan peraturan-peraturan.
- Menilai dari segi ekonomi dan kecekapan penggunaan sumber-sumber yang digunakan serta mencadangkan pembaikan dalam operasi.
- Menentukan sejauh mana objektif dan sasaran yang ditetapkan untuk operasi atau program tercapai dengan cara yang efektif, efisyen dan ekonomikal dalam kekangan kos yang efektif dan sejajar dengan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

ii. Melaksanakan Auditan Susulan bagi Penemuan Audit yang telah di bentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit / isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara bagi memastikan tindakan pembetulan dan penambahbaikan telah dilaksanakan; dan

iii. Melaksanakan Audit Pengurusan Kewangan melalui Indeks Akauntabiliti (AI).

iv. Melaksanakan lain-lain jenis pengauditan seperti Audit Penampilan, Audit Penyata Kewangan, Audit ICT dan Audit Konsultansi.

5.2.2 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

i. Menjalankan fungsi pengurusan personel JAD seperti HRMIS, kebajikan dan kesihatan & keselamatan pekerja;

ii. Melaksanakan pengurusan kualiti dan integriti seperti ISO, EKSA, Penarafan Bintang Star Rating (KPKT) dan Audit Nilai SPAN;

iii. Menguruskan fail-fail dan surat-surat Jabatan;

iv. Menguruskan persediaan mesyuarat di Jabatan dan Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA);

v. Mengurus inventori dan aset jabatan selaras dengan Perintah Tetap Pengurusan Aset Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur Tahun 2016;

vi. Menguruskan latihan, kursus, lawatan dan peperiksaan kakitangan Jabatan;

vii. Mengurus kewangan dan belanjawan JAD selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP); dan menguruskan perolehan JAD.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus Tahun 2021

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	411,600	401,871	97.64

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

7.1 Sepanjang tahun 2021, JAD telah mengadakan pelbagai program dan aktiviti di kalangan pegawai dan kakitangan Jabatan serta mengatur beberapa lawatan ke lain – lain Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi – agensi yang berkaitan.

BIL.	TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
1.	21 Mac 2021	Jabatan & Warga KL	Sesi soal selidik ke atas Projek Penambahbaikan & Pengindahan di kawasan Precint 7 **River of Life** (**RoL**), Kuala Lumpur	Mengumpulkan pandangan orang awam terhadap pelaksanaan projek **RoL** di Presint 7.
2.	22 Mac 2021	Jabatan & Agensi luar	Lawatan ke Spanco Sdn Bhd **(Regional Service Centre-Batu Caves)**	Perkongsian maklumat sistem pengurusan kenderaan.

BIL.	TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
3.	23 Mac 2021	Jabatan & PBT lain	Lawatan ke Jabatan Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya (PPj)	Mengkaji pengurusan Taman Awam yang dilaksanakan di Putrajaya.
4.	8 April 2021	Jabatan & Agensi luar	Lawatan penanda aras (**benchmarking**) ke Taman KLCC, Kuala Lumpur.	Perkongsian pengalaman dalam menguruskan fasiliti taman.
5.	10 Mei 2021	Jabatan & JKME	Lawatan ke Stor Pusat Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal (JKME), Cheras, Kuala Lumpur	Perkongsian maklumat Sistem Pengurusan Stor & Inventori (SIMS).
6.	4 hingga 16 Ogos 2021	Jabatan & Jabatan Dalaman DBKL	Interview Session bersama pengguna (user) DCoS untuk pelaksanaan Post Implementation Review (PIR).	Mendapatkan maklum balas dan input berkaitan penggunaan sistem DCoS di DBKL.
7.	7 hingga 9 September 2021	UAD, KWP bersama DBKL & Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan	Persidangan Tahunan Audit Dalam Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersama Agensi Tahun 2021. JAD, DBKL menjadi tuan rumah untuk persidangan pada tahun 2021.	Perkongsian ilmu pengetahuan dan idea serta pengalaman melaksanakan pengauditan sesama agensi.
8.	27 September 2021 hingga 11 Oktober 2021	Jabatan & Jabatan Dalaman DBKL	Kajian Soal Selidik bagi Pelaksanaan **Post Implementation Review** (PIR) bagi DBKL Core System (DCoS).	Menilai objektif pelaksanaan DCoS tercapai.
9.	7 Oktober 2021	Jabatan, & Agensi luar	Pra Audit Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) untuk penilaian bagi Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan	Penilaian awal bagi persediaan lawatan pemeriksaan keselamatan perlindungan dari pejabat CGSO bagi tujuan Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan.
10.	25 Oktober 2021	Jabatan bersama JPKKB & JPK	Lawatan ke Perumahan Awam Sri Johor, Cheras bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur bagi Audit Penampilan bertajuk Pengurusan Dokumen Penyewaan PPR/PA DBKL.	Mengenalpasti status penyewa PPR/PA.
11.	1 November 2021	Jabatan & Jabatan Dalaman DBKL	Pertandingan Video Pendek Sempena Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur.	Mempromosi program sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur di kalangan pegawai dan kakitangan DBKL.
12.	28 Oktober 2021	Jabatan, & Agensi Luar	Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan di Jabatan-Jabatan di bawah Sektor Datuk Bandar oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).	Penilaian untuk Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan.
13.	11 hingga 12 November 2021	Jabatan, Jabatan Auditi & Jabatan Audit Negara (JAN)	Lawatan Fizikal JAN bersama Jabatan Auditi ke Kolam Takungan Banjir.	Pelaksanaan Pengauditan Terhadap Pengurusan Mitigasi Banjir Kuala Lumpur.
14.	13 November 2021	Jabatan & Jabatan Auditi	Penyelarasan Pengauditan Pengurusan Pelan Mitigasi Banjir di Hotel Concorde, Kuala Lumpur.	Pelaksanaan Pengauditan Terhadap Pengurusan Mitigasi Banjir Kuala Lumpur.

BIL.	TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
15.	19 hingga 20 November 2021	Jabatan & Tetuan Ansar Technologies Sdn Bhd	Bengkel Kajian Keperluan Pengguna (URS) Sistem Audit dan Paparan Susulan (SAP's) di Movenpick Hotel & Convention Centre, Sepang.	Menyediakan Kajian Keperluan Pengguna (URS) Sistem Audit dan Paparan Susulan (SAP's).
16.	7 Disember 2021	Jabatan & JPLR	Program Penanaman Pokok Sempena Kempen Penanaman 1 Juta Pokok di WPKL. Lokasi: Jalan 2/27A, Wangsa Maju, Kuala Lumpur.	Menjayakan kempen penanaman 1 juta pokok di Wilayah Persekutuan.
17.	29 Disember 2021	Jabatan & JKEW	Misi Bantuan Banjir Kementerian Wilayah Persekutuan Bersama Agensi-Agensi di Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Bentong, Pahang.	Membantu kerja - kerja pembersihan di kawasan yang terlibat akibat banjir.

7.2 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI)

Pada tahun 2021, JAD telah mula melaksanakan penarafan ke atas 25 Jabatan bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI).

Sesi Pemberian Anugerah Penarafan 5 Bintang bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) Tahun 2021 kepada Ketua Jabatan telah diadakan pada 13 Januari 2022.



Jabatan Kawalan Bangunan



Jabatan Pengurusan Maklumat



Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi

7.3 Penubuhan Pasukan Pemeriksa Projek DBKL Tahun 2021

Pasukan Pemeriksa Projek (PPP) DBKL telah ditubuhkan pada Januari 2021 dengan melantik pegawai-pegawai teknikal dan bukan teknikal DBKL. Pada tahun 2021, fokus Pasukan Pemeriksa ialah projek bangunan, saliran dan landskap. Konsep PPP adalah berbentuk naziran dan dianggotai oleh pegawai – pegawai teknikal dan bukan teknikal yang berpengalaman sebagai ahli pasukan projek. Seramai enam (6) ketua pasukan pemeriksa projek telah dilantik melalui pemberian watikah oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 19 Januari 2021.

7.3.1 Objektif Penubuhan Pasukan Pemeriksa Projek

(i) Memberi nilai tambah (added value) ke atas projek;

(ii) Memantapkan sistem kawalan dalaman;

(iii) Mewujudkan sistem amaran awal projek bermasalah

(iv) Mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan;

(v) Membudayakan pematuhan peraturan kewangan;

(vi) Mengamalkan prinsip integriti dan akauntabiliti; dan

(vii) Menyediakan laporan bebas dan berkecuali.

7.3.2. Fungsi Pasukan Pemeriksa Projek

Memeriksa projek pembangunan dalam pelaksanaan;

(ii) Memeriksa projek pembangunan yang telah siap;

(iii) Menggunakan Garis Panduan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Datuk Bandar Kuala Lumpur 2015 / Perintah Tetap DBKL / lain – lain Garis Panduan yang berkaitan dalam melaksanakan pengauditan; dan

(v) Menyediakan laporan mengenai status projek.

7.3.3 Senarai Projek Yang Diaudit Pasukan Pemeriksa Projek Bagi Tahun 2021

BIL.	NAMA PROJEK	KETUA PASUKAN
1.	Sistem Pengcahayaan Lampu LED di Taman-Taman di Sekitar WPKL	Encik Ahmad Hisham bin Che Pa
2.	Membina Kompleks Jabatan Penguatkuasaan DBKL di Bandar Tun Razak	Allahyarham Encik Mohd Azmil bin Ab Hamid
3.	Perumahan Awam Council Home Kg. Sungai Udang, Segambut	Puan Nor Faridah binti Mohamed Zainuddin
4.	Naiktaraf Taman Tasik Metropolitan Kepong	Encik Wan Ahmad Khairul bin Wan Husain
5.	Cadangan Mempertingkatkan Sistem Perparitan Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Stesen LRT Sg. Besi & MRR2	Encik Nik Mohammed Faizal bin Nik Ali
6.	Pembangunan Taman Orkid dan Bunga Raya di Taman Botani (Fasa 2)	Encik Mohd Shahrul Hafizi bin Abdul Raawi

7.3.4 Program / Bengkel / Aktiviti Yang Telah Diadakan Untuk Pasukan Pemeriksa Projek DBKL Sepanjang Tahun 2021

BIL.	TARIKH	PROGRAM / BENGKEL / AKTIVITI
1.	19 Januari 2021	Enam (6) Pasukan Pemeriksa telah ditubuhkan dan dilantik pegawai – pegawai teknikal dan bukan teknikal yang berpengalaman sebagai ahli pasukan projek.
2.	15 hingga 17 Mac 2021	**"Kursus Pengauditan Projek Fizikal Bagi Pasukan Pemeriksa Projek DBKL"** telah diadakan secara *online* yang disampaikan oleh Encik Nik Mohammed Faizal bin Nik Ali daripada Jabatan Penyelenggaraan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan (JPPPB).
3.	29 Jun 2021	Latihan penyediaan laporan kepada Pasukan Pemeriksa Projek DBKL 2021 (PPPDBKL 2021) telah diadakan yang disampaikan oleh Encik Mohd Hanif bin Mohd Hanapiah daripada Jabatan Audit Dalam (JAD) secara *online*.
4.	5 Julai 2021	*Entrance Conference* telah diadakan di Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi (JPLR) bagi dua (2) projek iaitu :- i. Naiktaraf Taman Tasik Metropolitan Kepong ii. Pembangunan Taman Orkid dan Bunga Raya di Taman Botani (Fasa 2)
5.	6 Julai 2021	*Entrance Conference* telah diadakan di Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan (JPPPB) bagi dua (2) projek iaitu :- i. Perumahan Awam Council Home Kg. Sg. Udang, Segambut, Kuala Lumpur. ii. Membina Kompleks Jabatan Penguatkuasaan DBKL, Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur.
6.	12 Julai 2021	*Entrance Conference* telah diadakan di Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran (JKAWS) bagi projek Cadangan Mempertingkatkan Sistem Perparitan Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Stesen LRT Sg. Besi dan MRR2.
7.	19 Julai 2021	*Entrance Conference* telah diadakan di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal (JKME) bagi projek Sistem Pencahayaan Lampu LED di Taman-Taman di sekitar WPKL.
8.	14 hingga 16 Julai 2021	**"Kursus Audit Pembinaan Bangunan"** telah diadakan secara *online* disampaikan oleh wakil Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd.
9.	3 hingga 5 Ogos 2021	**"Kursus Pengauditan Projek Taman Awam"** telah diadakan secara *online* disampaikan oleh wakil Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd.
10.	16 Ogos 2021	**"Kursus Akauntabiliti dan Lesson Learned untuk Pasukan Pemeriksa Projek DBKL 2021"** telah diadakan secara *online* yang disampaikan oleh Encik Nik Mohammed Faizal bin Nik Ali daripada Jabatan Penyelenggaraan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan (JPPPB).
11.	30 November 2021	*Exit Conference* telah diadakan di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal (JKME) bagi projek Sistem Pencahayaan Lampu LED di Taman-Taman di sekitar WPKL.
12.	1 Disember 2021	*Exit Conference* telah diadakan di Jabatan Audit Dalam (JAD) bagi projek Cadangan Mempertingkatkan Sistem Perparitan Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Stesen LRT Sg. Besi dan MRR 2.
13.	2 Disember 2021	*Exit Conference* telah diadakan di Jabatan Pembangunan Landskap & Rekreasi (JPLR) bagi dua (2) projek iaitu :- i. Naiktaraf Taman Tasik Metropolitan Kepong ii. Pembangunan Taman Orkid dan Bunga Raya di Taman Botani (Fasa 2)
14.	6 Disember 2021	Laporan Pasukan Pemeriksa Projek telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA) Bil. 4/2021 bagi projek:- i. Sistem Pencahayaan Lampu LED di Taman-Taman di sekitar WPKL ii. Cadangan Mempertingkatkan Sistem Perparitan Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Stesen LRT Sg. Besi dan MRR2 iii. Pembangunan Taman Orkid dan Bunga Raya di Taman Botani (Fasa 2)

BIL.	TARIKH	PROGRAM / BENGKEL / AKTIVITI
15.	10 Disember 2021	*Exit Conference* telah diadakan di Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan (JPPPB) bagi dua (2) projek iaitu :- i. Perumahan Awam Council Home Kg. Sg. Udang, Segambut, Kuala Lumpur ii. Membina Kompleks Jabatan Penguatkuasaan DBKL, Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur
16.	13 Disember 2021	Laporan Pasukan Pemeriksa Projek bagi projek Naiktaraf Taman Tasik Metropolitan Kepong telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA) Khas Bil.1/2021 pada 13 Disember 2021.
17.	15 Disember 2021	Laporan Pasukan Pemeriksa Projek telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA) Khas Bil. 1/2021 (Sambungan) bagi projek:- i. Perumahan Awam Council Home Kg. Sg. Udang, Segambut, Kuala Lumpur. ii. Membina Kompleks Jabatan Penguatkuasaan DBKL, Bandar Tun Razak,Cheras, Kuala Lumpur.

Sesi Penyerahan Sijil Penghargaan kepada Ketua Pasukan Pemeriksa Projek DBKL 2021 oleh YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur.



Encik Nik Mohammed Faizal bin Nik Ali (JPPPB)



Mohd Shahrul Hafizi bin Abdul Raawi (JKAS)



Encik Ahmad Hisham bin Che Pa (JUB)



Puan Norfaridah binti Mohamed Zainudin (JPEP)



Ar Noor Fazlina binti Rosley (JPPPB)

7.4 Persidangan Tahunan Audit Dalam Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) Bersama Agensi Tahun 2021 Secara Maya (*Online*)

Persidangan Tahunan Audit Dalam Kementerian Wilayah Persekutuan Bersama Agensi adalah satu inisiatif di bawah Teras 5: Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam Kementerian Wilayah Persekutuan yang dikenali sebagai Pelan TPA KWP. Menerusi program ini, Unit Audit Dalam,Kementerian Wilayah Persekutuan (UAD,KWP) dan Audit Dalam Agensi dibawah KWP iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL) bergilir-gilir menganjurkan persidangan audit pada setiap tahun. Pada tahun 2020, DBKL telah dipilih sebagai penganjur Persidangan Tahunan Audit Dalam Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) Bersama Agensi kali ke-7.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2020, Malaysia telah dilanda dengan penularan virus Covid-19. Sehubungan itu, penganjuran persidangan telah ditangguhkan pada tahun 2021 setelah mengambil kira keselamatan dan kesihatan para peserta.

Justeru itu, persidangan telah diadakan secara maya (online) selama tiga (3) hari pada 7 hingga 9 September 2021 dengan bertemakan ***"Pasca Pandemik: Kesan & Perubahan Kepada Audit Konvensional".*** Persidangan pada kali ini telah menumpukan kepada perubahan dari segi landskap pengauditan disebabkan oleh pandemik covid-19. Pengisian persidangan ini terdiri daripada ceramah, sesi forum dan sesi perkongsian ilmu.


Objektif Persidangan Tahunan Audit Dalam Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) Bersama Agensi Tahun 2021 adalah bertujuan seperti berikut:-


- Meningkatkan kecekapan, pengetahuan, kefahaman, kemahiran dan pengalaman pegawai audit dalam berkaitan pelaksanaan aktiviti pengauditan;
- Menjadi platform kepada peserta untuk perkongsian ilmu pengetahuan dan idea serta pengalaman melaksanakan pengauditan sesama agensi;
- Memberikan pendedahan kepada pegawai audit dalam agensi terhadap kerja-kerja pengauditan mengikut piawaian Jabatan Audit Negara yang secara tidak langsung membolehkan pelaporan yang standard dapat dihasilkan oleh Jabatan Audit Dalam agensi; dan
- Memantapkan kerjasama antara UAD,KWP dengan Jabatan Audit Dalam Agensi di bawah KWP.

Seramai 468 peserta telah menghadiri persidangan ini yang diadakan secara maya (*online*) yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Audit Dalam dari lain-lain Kementerian dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Berikut adalah senarai Kementerian, PBT dan Agensi yang menyertai persidangan tersebut:-


BIL.	KEMENTERIAN / PBT / AGENSI	BIL.	KEMENTERIAN / PBT / AGENSI
1.	Majlis Bandaraya Subang Jaya	33.	Kementerian Alam Sekitar & Air
2.	Majlis Perbandaran Sepang	34.	Kementerian Dalam Negeri
3.	Majlis Daerah Hulu Selangor	35.	Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi
4.	Majlis Bandaraya Shah Alam	36.	Kementerian Belia & Sukan
5.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	37.	Kementerian Pengangkutan
6.	Majlis Perbandaran Selayang	38.	Kementerian Pengajian Tinggi
7.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	39.	Majlis Daerah Jerantut
8.	Majlis Perbandaran Kulim	40.	Majlis Daerah Cameron Highlands
9.	Majlis Daerah Sik	41.	Majlis Daerah Bera
10.	Majlis Daerah Baling	42.	Majlis Bandaraya Pasir Gudang
11.	Majlis Perbandaran Langkawi	43.	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
12.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	44.	Majlis Perbandaran Kangar
13.	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	45.	Majlis Perbandaran Kota Bharu
14.	Majlis Bandaraya Seberang Perai	46.	Majlis Daerah Dabong
15.	Majlis Bandaraya Kuantan	47.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
16.	Majlis Daerah Pekan	48.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
17.	Majlis Daerah Rompin	49.	Majlis Perbandaran Jasin
18.	Majlis Perbandaran Bentong	50.	Majlis Daerah Kampar
19.	Majlis Perbandaran Temerloh	51.	Majlis Daerah Kerian
20.	Kementerian Sumber Manusia	52.	Majlis Daerah Batu Gajah
21.	Kementerian Pertanian & Industri Makanan	53.	Majlis Daerah Tapah
22.	Kementerian Pembangunan Usahawan	54.	Majlis Bandaraya Ipoh
23.	Kementerian Pendidikan Malaysia	55.	Majlis Daerah Tanjong Malim
24.	Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan	56.	Majlis Daerah Lenggong
25.	Kementerian Kesihatan Malaysia	57.	Majlis Bandaraya Seremban
26.	Kementerian Tenaga & Sumber Asli	58.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
27.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	59.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
28.	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	60.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
29.	Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia	61.	Kementerian Luar Negeri
30.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat	62.	Jabatan Perdana Menteri
31.	Kementerian Kewangan	63.	Jabatan Audit Negara
32.	Kementerian Pertahanan	64.	Jabatan Peguam Negara
65.	Jabatan Perhilitan	73.	Zakat Pulau Pinang
66.	Jabatan Ketua Menteri	74.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
67.	Universiti Sains Islam Malaysia	75.	Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
68.	Universiti Malaysia Terengganu	76.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
69.	Universiti Malaya	77.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
70.	Akademi Audit Negara	78.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
71.	Institut Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan	79.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
72.	Institut Integriti Malaysia	80.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak




















Gambar - gambar sekitar Persidangan Tahunan Audit Dalam KWP Bersama Agensi Tahun 2021

7.5 Bengkel Gerak Kerja Jabatan Audit Dalam Tahun 2022

JAD telah mengadakan Bengkel Gerak Kerja Tahun 202 pada 1 hingga 3 November 2021 di pejabat JAD, Menara DBKL 2. Bengkel ini diadakan bagi mencapai tujuan berikut :-

i. Merangka program dan menyusun atur gerak kerja Audit bagi tahun 2022;

ii. Merangka gerak kerja Pentadbiran JAD bagi tahun 2022; dan

iii. Meningkatkan ukhwah di antara pegawai dan kakitangan demi memantapkan dan melancarkan tugasan harian di JAD.







Gambar- gambar sekitar ceramah

7.6 RANCANGAN AUDIT TAHUNAN (RAT) 2021

7.6.1 Rancangan Audit Tahunan (RAT) yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 adalah seperti berikut:-



4 AUDIT SUSULAN

- Pengauditan Pengurusan Paparan Iklan Luar
- Pengauditan Permit Kerja Korekan di dalam Rezab Jalan
- Pengauditan Terhadap Pengurusan Tempat Letak Kereta Bertingkat (TLKB)
- Pengauditan Ke Atas Pengurusan Pengisian Unit – Unit Sewa Gerai

2 AUDIT PENGURUSAN KEWANGAN

- Pengauditan Kawalan Pengurusan Perolehan (Pembelian Terus)
- Pengauditan Kawalan Pengurusan Aset & Stor (Pengurusan Stor)

4 AUDIT PENYATA KEWANGAN

- Hakmilik Aset (Tanah)
- Aset ICT
- Baki Debit Akaun Pemiutang (AP)
- Baki Kredit Akaun Penghutang (AR)

5 AUDIT KHAS

- Jabatan Pelaksanaan Projek & Penyelenggaraan Bangunan
- Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal
- Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar
- Jabatan Pembangunan Komuniti & Kesejahteraan Bandar
- Jabatan Pelaksanaan Projek & Penyelenggaraan Bangunan

2 *INDEPENDENT CHECKER*

- *Post Implementation Review* DBKL Core System (DCoS)
- 6 Pasukan Pemeriksa Projek

Jabatan Integriti

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Bermula sebagai sebuah unit di bawah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM), Jabatan Integriti (JIT) ditubuhkan pada 1 Ogos 2015 selaras keputusan kerajaan. Bertindak sebagai *focal point* pengurusan isu berkaitan integriti di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

1.2 Bahagian-Bahagian/Unit-Unit di Jabatan

JIT dibahagikan kepada tiga (3) bahagian seperti berikut:

i. Bahagian Pengurusan;
ii. Bahagian Pencegahan; dan
iii. Bahagian Operasi.

1.3 JIT melaksanakan enam (6) fungsi utama iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pematuhan, pengurusan aduan, pengesanan dan pengesahan dan tatatertib.

1.4 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

- Jumlah pegawai dan kakitangan JIT seramai 26 orang.

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi -

Memperkukuh tahap integriti dan akauntabiliti yang telus dalam kalangan warga DBKL ke arah tadbir urus yang cemerlang.

2.2 Misi -

Melaksanakan fungsi pengurusan integriti yang berkesan berasaskan amalan terbaik.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Memastikan semua maklumat/ aduan yang diterima dibawa ke Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh penerimaan.

3.2 Mengemukakan surat pemakluman keputusan Lembaga Tatatertib Bebas dan Rayuan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh prosiding.

3.3 Mengeluarkan surat jemputan Kursus Pengukuhan Integriti dalam tempoh lima (5) hari bekerja sebelum tarikh program.

3.4 Memastikan hebahan pesanan integriti bagi pemahaman dan penghayatan nilai kepada warga DBKL sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (*CUSTOMER FOCUS*)	1.	Kehadiran **4 hari** berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan.	**Semua** pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus **4 hari** setahun.	100%
	2.	Mensasarkan **100%** penyelesaian aduan awam dalam tempoh **14 hari** pada tahun 2021.	Menyelesaikan **100%** aduan yang diterima pada setiap bulan.	100%
MEMPERKUKUH TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*)	3.	Pengurusan peruntukan **perbelanjaan** yang berhemah.	Mencapai sekurang-kurangnya **90%** perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2021.	100%
	4.	Mengemukakan **perancangan perolehan** bagi tahun 2022.	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022 **sebelum 31 Disember 2021**.	Tiada perancangan perolehan.
MEMPERKUKUH TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*).	5.	Menyiapkan **Kertas Pengesanan dan Pengesahan (KPP)** dalam tempoh yang ditetapkan.	Memastikan **90%** KPP diselesaikan dalam **tahun semasa**	100%
	6.	Memastikan **Kertas Pertimbangan** disediakan dalam tempoh yang ditetapkan.	Memastikan **90% kertas pertimbangan** disediakan dalam tahun semasa.	100%
	7.	Melaksanakan **program jati diri** integriti.	Mengadakan sekurang-kurangnya **12** program setahun.	100%
	8.	Aktiviti **naziran** di jabatan-jabatan DBKL.	Mengadakan sekurang-kurangnya **10** naziran setahun.	100%
MEMPERKUKUH TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*).	9.	Mengadakan **Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah** (JAR) peringkat DBKL.	Memastikan Mesyuarat JAR diadakan sekurang-kurangnya **3** kali setahun.	100%
	10.	Penyediaan **Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)** DBKL berdasarkan tempoh yang ditetapkan	OACP siap sepenuhnya tahun 2021.	100%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi Jabatan secara keseluruhan:

5.1.1 Memastikan tadbir urus terbaik dilaksanakan di organisasi;

5.1.2 Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;

5.1.3 Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa;

5.1.4 Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan sewajarnya diambil;

5.1.5 Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;

5.1.6 Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/ maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi; dan

5.1.7 Melaksanakan fungsi urusetia Lembaga Tatatertib.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit Jabatan

5.2.1 Unit Pengukuhan Integriti

i. Merancang, menyelaras dan melaksanakan program kesedaran, latihan, seminar dan pendidikan bagi meningkatkan amalan nilai-nilai murni, etika dan integriti.

ii. Mewujudkan jaringan kerjasama jabatan-jabatan di organisasi dan agensi luar untuk membentuk program pengukuhan integriti.

5.2.2 Unit Tadbir Urus

i. Menyemak, menyelia dan menyelaras penambahbaikan dasar, sistem dan prosedur DBKL bagi memastikan tadbir urus organisasi yang baik.

ii. Menjalankan fungsi Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR).

iii. Merancang dan melaksana Sambutan Hari Integriti DBKL.

5.2.3 Unit Pematuhan

i. Menyelia dan menyemak tahap pematuhan organisasi terhadap dasar, undang-undang, sistem dan prosedur kerja yang sedang berkuatkuasa serta mengesyor penambahbaikan.

5.2.4 Unit Pengesanan dan Pengesahan

i. Menjalankan pengesanan dan pengesahan pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

5.2.5 Unit Aduan

i. Mengurus dan menapis maklumat/aduan salah laku dan pelanggaran tatatertib di DBKL.

ii. Mengedar dan memantau maklumat/aduan yang bersifat pentadbiran untuk tindakan dalaman DBKL.

iii. Mengurus dan mengambil tindakan punitif ke atas laporan kes daripada SPRM.

5.2.6 Unit Tatatertib

i. Memantau dan memastikan pematuhan Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan & Tatatertib) 1989 dan Kaedah-Kaedah Pegawai Penguatkuasa DBKL (Kelakuan & Tatatertib)1992 oleh organisasi.

ii. Menjalan fungsi Urusetia Lembaga Tatatertib Bebas dan Rayuan DBKL.

iii. Memantau dan menjadi rujukan jabatan-jabatan menjalankan fungsi Urusetia Lembaga Tatatertib Jabatan.

5.2.7 Unit Pentadbiran dan Kewangan

i. Mengurus hal ehwal pentadbiran, kewangan, aset dan sumber manusia jabatan.

ii. Menyelaras Laporan Tahunan jabatan.

iii. Menjalankan fungsi urusetia Sistem Pengurusan Kualiti (SPK), ISO, *Star Rating*, Keselamatan, OSHA, EKSA dan lain-lain di jabatan.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	82,100.00	75,931.77	92.5

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
8hb Januari 2021	Pegawai dan kakitangan Jabatan Perancangan Infrastruktur (JPIF)	Sesi Perkongsian Integriti bersama Jabatan Perancangan Infrastruktur (JPIF)	Meningkatkan kesedaran integriti kepada kakitangan jabatan.
12hb Januari 2021	Pegawai dan kakitangan Jabatan Pentadbiran (JP)	Sesi Perkongsian Integriti bersama Jabatan Pentadbiran (JP)	Meningkatkan kesedaran integriti kepada kakitangan jabatan.
10hb-11hb Mac 2021	Pelbagai skim perkhidmatan (Gred 19 – 41) yang menyelaras keurusetiaan tatatertib di jabatan	Kursus Asas Pengurusan Tatatertib (Siri 1)	Memberi pendedahan, kefahaman dan berkongsi masalah mengendalikan kes tatatertib di peringkat jabatan.
29hb-31hb Mac 2021	Pelbagai skim perkhidmatan (Gred 1 – 41)	Seminar Integriti (Webinar) – Tumbuk Rusuk: Kluster Organisasi (Siri 1)	Peserta dapat memahami konsep akauntabiliti, amanah, tanggungjawab serta sumbangan setiap individu kepada organisasi.
1hb April 2021	Pegawai dan kakitangan Jabatan Perancangan Ekonomi & Pembangunan (JPEP)	Sesi Perkongsian Integriti bersama Jabatan Perancangan Ekonomi & Pembangunan (JPEP)	Meningkatkan kesedaran integriti kepada kakitangan jabatan.
27hb April 2021	Semua Skim Perkhidmatan	Program Transformasi Insan bersama Syamsul Debat. Tajuk ceramah – Ramadhan: Transformasi Karakter Insan Era Pandemik.	Melestarikan nilai-nilai murni sebagai teras dalam menjalankan tugas dan membentuk jati diri pegawai yang kukuh berasaskan nilai-nilai integriti yang tinggi.
15hb Julai 2021	Pelbagai Skim Perkhidmatan (Gred 11-44)	Kursus Penerapan Nilai-Nilai Murni. Tajuk: Cabaran dan Isu Integriti Penjawat Awam Era Pandemik Covid-19	Memotivasi peserta untuk memperkukuh nilai murni dalam diri untuk pembentukan sahsiah lebih baik.
27hb-28hb Julai 2021 dan 17hb–18hb Ogos 2021	Pelbagai Skim Perkhidmatan (Gred 19-41) yang menyelaras keurusetiaan tatatertib di jabatan.	Kursus Lanjutan Pengurusan Tatatertib (Siri 1)	Memberi penerangan dengan lebih lanjut cara menyediakan dokumen tatatertib yang lengkap sebelum prosiding dimulakan. ii) Memberi kefahaman kepada urusetia berkenaan Perwakilan Kuasa Lembaga Tatatertib. iii) Memberi latihan sebenar mengenai perjalanan prosiding (Lembaga Tatatertib Jabatan dan Lembaga Tatatertib Rayuan) dan;

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
			iv) Berkongsi masalah-masalah umum dalam mengendalikan kes-kes tatatertib di peringkat jabatan masing-masing.
29hb Julai 2021	Pelbagai Skim Perkhidmatan (Gred 11-48)	Kursus Motivasi: Dari Tirai Besi.	Memberi pengetahuan dan mewujudkan kesedaran tentang hukuman dan persekitaran penjara sebagai batu asas kepada pembinaan diri yang lebih baik.
3hb Ogos 2021	Skim Perkhidmatan (Gred 29-54)	Kursus Garis Panduan Tipuan Bida dalam Perolehan Awam	Memberi pengetahuan mengenai tatacara proses perolehan yang betul, membendung amalan tipuan bida daripada terus berleluasa, menanam amalan Good Practice Tatacara Perolehan dan Tatacara Kewangan.
6hb September 2021	Pelbagai Skim Perkhidmatan (Gred 11-44)	Kursus Pembangunan Karektor Berintegriti	Membantu peserta memahami konsep akauntabiliti, amanah, tanggungjawab serta sumbangan setiap individu kepada organisasi.
20hb-22hb September 2021	Pegawai dan kakitangan Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan& (JKKPS)	Kursus Pengukuhan Integriti Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan & Sukan (JKKPS)	Membantu peserta memahami konsep akauntabiliti, amanah, tanggungjawab serta sumbangan setiap individu kepada organisasi.
23hb September 2021	Pelbagai Skim Perkhidmatan (Gred 11-44)	Kursus Lestari Integriti. Tajuk: Kenali Diri Penjawat Awam – Isu, Cabaran & Penyelesaian.	Membantu mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang serta ancaman dalam memastikan kelestarian integriti di jabatan.
30hb September 2021	Pelbagai Skim Perkhidmatan (Gred 1-40)	Kursus SMART Insani. Tajuk: Reset Minda – Cabaran Norma Baharu Pekerja Berintegriti.	Membudayakan amalan nilai-nilai murni dan integriti dalam perkhidmatan serta membangunkan keupayaan peserta yang berintegriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di jabatan.
28hb Oktober 2021	Pelbagai Skim Perkhidmatan di semua jabatan, DBKL	Kursus Pemahaman Undang-Undang Penjawat Awam	Memberi kefahaman berkaitan dengan hak dan keistimewaan penjawat awam serta kesan kepada perkhidmatan sekiranya terlibat dengan salah laku semasa dan selepas perkhidmatan.
10hb November 2021	100 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan daripada semua jabatan DBKL	Ceramah Integriti: Integriti Pemangkin Keluarga Malaysia	Memberi kesedaran tentang pentingnya mengamalkan nilai integriti dalam pekerjaan dan kehidupan seharian.

Nama Program	:	Transformasi Karektor Insan Era Pandemik
Tarikh	:	27 April 2021 / 15 Ramadan 1442 H
Lokasi	:	Dewan Perdana Mestika, IDB








7.1 STATISTIK AKTIVITI UNIT PEMATUHAN

BIL	PERKARA	2019	2020	2021
1	Naziran	10	10	11
2	Operasi	37	10	6
3	Temuduga	5	4	-
4	Taklimat	5	-	-
5	Pengundian	15	9	10
6	Lawatan	14	12	20
	JUMLAH AKTIVITI	**86**	**45**	**47**

7.2 STATISTIK PENERIMAAN ADUAN DAN MAKLUMAT TAHUN 2021



7.3 STATISTIK TINDAKAN TATATERTIB TAHUN 2021

BIL	JENIS KESALAHAN	JUMLAH
1.	Ketidakhadiran /kehadiran	25
2.	Gagal akses kad masuk / keluar	5
3.	Lewat	4
4.	Membenarkan kakitangan lain menyimpan kad akses milik sendiri	3
5.	Memalsukan kad akses	3
6.	Mengemukakan sijil cuti sakit palsu	2
7.	Positif air kencing	2
8.	Mengakses kad kakitangan lain	2
9.	Tiada di tempat bertugas	1
10.	Tiada di pejabat	1
11.	Cuti sakit melebihi kelayakan	1
12.	Gagal melaporkan diri bagi menandatangani buku pemantauan kehadiran	1
13.	Gagal mematuhi waktu tugasan jadual harian	1
14.	Terlibat dalam aktiviti yang tidak bermoral	1
15.	Cuai dalam mengeluarkan kenderaan yang ditunda	1
16.	Gagal mematuhi sop tugas kerja	1
17.	Bertindak sebagai ejen bagi pihak syarikat	1
18.	Membuat pekerjaan luar tanpa kelulusan	1
19.	Terlibat dalam kegiatan politik tanpa kelulusan	1
20.	Akta Dadah Berbahaya 1985	1
21.	Akta Pencegahan Jenayah 1959	1
22.	Menyembunyikan barang terlarang	1
23.	Menyimpan kad kakitangan lain	1
24.	Meminta kakitangan lain mengetuk kad akses milik sendiri	1
JUMLAH KESALAHAN		**62**

7.4 STATISTIK HUKUMAN TATATERTIB TAHUN 2021

BIL	JENIS HUKUMAN/TINDAKAN	JUMLAH
1.	Amaran	31
2.	Denda	7
3.	Perlucuthakan gaji	26
4.	Turun gaji	9
5.	Buang kerja	13
6.	Warta	0
7.	Tindakan gantung kerja	4
JUMLAH HUKUMAN/ TINDAKAN		**90**

7.5 SAMBUTAN HARI INTEGRITI PERINGKAT DBKL

Sambutan Hari Integriti Kebangsaan diraikan pada 5 November setiap tahun bermula tahun 2005. Tujuan pelaksanaan sambutan Hari Integriti adalah untuk memupuk kesedaran, kefahaman serta penghayatan integriti di kalangan warga DBKL. Sempena sambutan Hari Integriti DBKL bagi tahun 2021, Jabatan Integriti telah menganjurkan dua (2) program iaitu Ceramah Integriti yang diadakan pada 10 November 2021 dan Kuiz Integriti kepada semua warga kerja DBKL.


7.5.1 Ceramah Integriti


Program ceramah diadakan bagi tujuan memberi kesedaran kepada semua pegawai dan kakitangan DBKL kepentingan mengamalkan nilai integriti dalam pekerjaan dan kehidupan seharian. Program ceramah selama satu (1) jam ini telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Elyas Ismail dengan kupasan tajuk 'Integriti Pemangkin Keluarga Malaysia' pada 10 November 2021 menggunakan aplikasi Zoom.











Gambar-gambar semasa ceramah

7.5.2 Kuiz Integriti

Kuiz Integriti 2021 telah dibuka kepada semua pegawai dan kakitangan DBKL (kecuali warga kerja JIT). Kuiz atas talian ini diadakan pada 9 dan 10 November 2021 dan disertai 102 peserta.








7.6 Taklimat Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Kerajaan

Taklimat Garis Panduan Menentang Tipuan Bida dalam Perolehan Kerajaan telah diberikan kepada pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional (Kumpulan P&P) DBKL bagi memberi pengetahuan mengenai tatacara proses perolehan yang betul dan membendung amalan tipuan bida dari berleluasa dengan memberi panduan dan rujukan terperinci.

Sesi taklimat ini telah diadakan pada 3 Ogos 2021 secara atas talian/ sidang video dan telah dihadiri oleh 42 orang pegawai kumpulan P&P, DBKL. Taklimat telah disampaikan oleh pegawai dari Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).




meet.google.com/ftc-oxbc-gjb
Noor Khalijah Mazlan is presenting
MyCC
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)
TAKLIMAT GARIS PANDUAN MENENTANG TIPUAN BIDA DALAM PEROLEHAN AWAM, 3 OGOS 2021
SESI 1: MyCC dan Penguatkuasaan Undang-Undang Persaingan di Malaysia
Iskandar Ismail
Mohd Farhan Afiq ...
ikhsan saleh
Hanif Din
Bidang Pengurusa...
Nurul Afiqah Soo...
37 others
You
9:29 AM | ftc-oxbc-gjb


meet.google.com/ftc-oxbc-gjb
Noor Khalijah Mazlan is presenting
MyCC
KESAN DAN BAHAYA TIPUAN BIDA
Jangka Panjang
• Perusahaan tidak perlu lagi bersaing sesama sendiri.
• Industri dan perusahaan menjadi tidak cekap.
• Kualiti produk/kerja tidak berkadar dengan kos.
• Penggunaan wang pungutan cukai yang tidak cekap atau tidak bermanfaat.
• Mengurangkan keyakinan rakyat terhadap proses perolehan kerajaan.
• Rasuah dan fraud berleluasa.
LONG TERM
SHORT TERM
Jangka Pendek
• Proses tender tidak kompetitif.
• Harga kontrak kekal tinggi.
• Agensi tender terpaksa membayar kos-kos yang tidak sepatutnya.
• Halangan kepada pengagihan sumber yang cekap.
• Stigma buruk terhadap pegawai-pegawai kerajaan khasnya yang terlibat dalam proses perolehan
• Ancaman keselamatan kepada rakyat terutama bagi projek-projek infrastruktur seperti tebatan banjir, lebuhraya dan sekolah kerana bahan yang digunakan tidak berkualiti dan tidak mencapai piawaian.
Menurut OECD (2011), perolehan awam adalah penyumbang besar kepada KDNK kebanyakan negara, mencapai rata-rata 15% di negara perindustrian dan bahkan peratusan yang lebih besar di negara membangun.
nora yati
Ahmed Azman No...
Bidang Pengurusa...
39 others
You
11:17 AM | ftc-oxbc-gjb

SEKTOR PERANCANGAN

Laporan Tahunan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

2021

Jabatan Perancangan Bandaraya

1.0 PENDAHULUAN

Jabatan Perancangan Bandaraya telah ditubuhkan pada tahun 1984. Melalui Penstrukturan semula Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 1 Ogos 2015, Jabatan Perancangan Bandaraya telah digabungkan dengan Jabatan Perancangan Fizikal dan terbentuklah Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB).

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi -

Menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020 melalui perkhidmatan perancangan yang dinamik.

2.2 Misi -

Merancang pembangunan Kuala Lumpur berdasarkan Pelan Pembangunan yang berkualiti serta perkhidmatan Kawalan Perancangan yang cekap, efektif dan telus.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Mengeluarkan keputusan kepada pemohon bagi cadangan pembangunan yang diterima di Urusetia Pusat Setempat tidak melebihi dari tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengikut jenis permohonan seperti jadual 1 berikut:

BIL.	JENIS PERMOHONAN	TIDAK MELIBATKAN PROSES PELAWAAN BANTAHAN (KAEDAH 5)
i.	Permohonan 4 serentak (A01, A02)	111 hari
ii.	Permohonan 3 serentak (yang melibatkan perihal tanah) (A01, A02, A05, A06)	111 hari
iii.	Permohonan 3 serentak (yang tidak melibatkan perihal tanah) (A07)	99 hari
iv.	Permohonan 2 serentak (yang melibatkan perihal tanah) (A08, A09)	108 hari
v.	Permohonan 2 serentak (yang tidak melibatkan perihal tanah) (A10, A11, A12)	99 hari
vi.	Kelulusan Kebenaran Perancangan (A13)	99 hari

3.2 Mengeluarkan kelulusan pelan pembangunan landskap dalam tempoh 45 hari daripada tarikh permohonan diterima

3.3 Mengeluarkan perakuan keatas permohonan tanah kerajaan kepada Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP) Kuala Lumpur dalam tempoh 30 hari dari tarikh menerima surat permohonan daripada PTGWP.

3.4 Mengeluarkan data perancangan tidak berperingkat dalam tempoh 14 hari dari tarikh menerima permohonan.

3.5 Mengeluarkan Perintah Pembangunan dalam tempoh 15 hari selepas permohonan mematuhi senarai semak Pasca JKTPS/JKPS.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

KRA	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Pekhidmatan *(Customer Focus)*	1. Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun	100%
	2. Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	100%
Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akuantabiliti Dan Telus *(Transparency)*	1. Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berkhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 90% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2021	100%

5.0 FUNGSI

i. Pengurusan Pelaksanaan Pelan Struktur Kuala Lumpur
ii. Pengurusan Pelaksanaan Pelan- pelan Tempatan
iii. Kawalan Perancangan Pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
iv. Urus Setia Pusat Setempat (OSC) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
v. Penyediaan Garis Panduan Perancangan
vi. Menyelaras Ulasan Perakuan Perancangan Bagi Permohonan dan Penyewaan Tanah Kerajaan, PTP dan DBKL
vii. Perancangan Bandar Mampan
viii. Pengurusan Maklumat dan Data Perancangan

6.0 BAJET

6.1 Vot Peruntukan (Kod : 20120)

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	711,600.00	566,053.00	79.5

6.1 Vot Peruntukan (Kod : 20110)

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	6,211,600.00	5,961,501.00	96

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

PENCAPAIAN DAN AKTIVITI MENGIKUT SEKTOR


7.1 Sektor Perancangan Fizikal

Fungsi utama Sektor ini adalah mengurus penyediaan pelan pembangunan yang terdiri daripada pelan struktur dan pelan tempatan serta menguruskan proses perubahan pelan tempatan Kuala Lumpur berdasarkan Akta Perancangan Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267). Bahagian ini juga disokong oleh Seksyen Pengurusan Maklumat dan GIS bagi pengurusan maklumat dan data perancangan.

a) Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020

Di antara program / bengkel yang telah diadakan untuk Kajian PSKL 2040 sepanjang tahun 2021, antaranya adalah seperti berikut :


Jadual 4: Program Kajian PSKL 2040


PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
SESI PINDAAN DRAF PSKL2040 VERSI BAHASA MELAYU DAN BAHASA INGGERIS **Tarikh : Januari 2021 – Ogos 2021** Merujuk kepada peruntukan seksyen 7(7), Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Akta 267), penambahbaikan dan pindaan terhadap Draf PSKL2040 perlu dijalankan setelah melalui sesi pendengaran dan pertimbangan pandangan awam. Sesi Permurnian ini dijalankan bersama jabatan DBKL dan perunding.	
PENYERAHAN DRAF PSKL2040 KEPADA YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN UNTUK KELULUSAN BAGI PEWARTAAN. **Tarikh : 9 Ogos 2021** Datuk Bandar telah mengemukakan Draf PSKL2040 yang telah mengambil kira, Draf PSKL2040 asal berserta Laporan Pendengaran Pandangan Awam (LPPA) kepada YB Menteri pada 9 Ogos 2021 untuk penelitian dan kelulusan bagi tujuan pewartaan.	
PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DRAF PSKL2040 KEPADA MAJLIS PERANCANG FIZIKAL NEGARA (MPFN) KE-39 **Tarikh : 21 Oktober 2021** Datuk Bandar Kuala Lumpur hadir membentangkan Kertas Kerja Draf PSKL2040 ke MPFN yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.	

b) Pelan Tempatan Kuala Lumpur

Di antara program / bengkel yang telah diadakan untuk Kajian PTKL 2040 sepanjang tahun 2021, antaranya adalah seperti berikut :

Jadual 5: Program Kajian PTKL 2040


PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
SEMAKAN GUNA TANAH DAN INTENSITI PEMBANGUNAN BAGI DRAF PTKL2040 PERINGKAT JABATAN **Tarikh : 6 Januari 2021 hingga 31 Mei 2021** Sesi semakan Guna Tanah dan Intensiti Pembangunan ini dilaksanakan bersama Bahagian Kawalan Pembangunan, JPRB dengan mengemaskini data dan maklumat terkini dan mengkaji kesesuaian Permohonan Pemilik Tanah Kuala Lumpur berhubung dengan ketidakselarasan syarat nyata dengan zon guna tanah PBRKL2020 bagi menentukan kesesuaian zon guna tanah 2040. Ia juga meneliti cadangan menukar kegunaan tanah dan intensiti pembangunan yang dikemukakan Pemilik Tanah berkaitan.	
SESI PERBINCANGAN KUMPULAN SASARAN/ *FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD)* **Tarikh: 17 Februari 2021 hingga 10 Mac 2021** Tujuan utama perlaksanaan FGD adalah untuk mendapatkan maklum balas awal dari agensi dan *stakeholders* terhadap fokus utama cadangan Draf PTKL2040. Sesi tersebut juga merupakan sesi Perkongsian dan Pengumpulan pandangan berkenaan cadangan yang bersesuaian untuk dipertimbangkan sebagai cadangan dalam Draf PTKL2040. Sesi *FGD* ini dilaksanakan bersama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) mengikut parlimen, komuniti perniagaan, ahli professional, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bersempadanan dan ahli akademik untuk mendapatkan aspirasi mereka dalam menyediakan cadangan awal Draf PTKL 2040. Ia dilaksanakan sebanyak 23 sesi secara atas talian disebabkan oleh *Standard Operation Procedures (SOP)* mencegah penularan Wabak Covid 19.	 Sesi FGD Cadangan Draf PTKL2040 secara online
SEMAKAN GUNA TANAH DAN INTENSITI PEMBANGUNAN DRAF PTKL2040 BERSAMA DATUK BANDAR KUALA LUMPUR **Tarikh: 21 Julai 2021 hingga 2 Disember 2021** Mesyuarat ini adalah bertujuan untuk mendapatkan hala tuju Datuk Bandar Kuala Lumpur dan memuktamadkan cadangan Zon Guna Tanah dan Intensiti Pembangunan, Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 sebelum ia dipamerkan kepada warga kota kelak. Dua (2) Bengkel telah dilaksanakan bagi memuktamadkan segera cadangan Semakan Guna Tanah dan Intensiti Pembangunan pada 6 hingga 9 Oktober 2021 dan 8 hingga 11 Disember 2021.	  Antara Sesi semakan Guna Tanah dan Intensiti Pembangunan yang dilaksanakan secara *hydbrid* dan juga bersemuka.

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
PENYELARASAN KELAS KEGUNAAN TANAH DAN BANGUNAN , DRAF PTKL 2040 **Tarikh : 6 Oktober 2021 hingga 18 Mac 2022** Mesyuarat Penyelarasan Kaedah-kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2018 adalah bertujuan untuk meminda Kaedah Kelas Kegunaan Tanah yang telah diwartakan pada tahun 2018. Pindaan ini adalah penting bagi mengenalpasti kelas kegunaan serta aktiviti yang bersesuaian untuk di baca Bersama dengan Peta Zon Guna Tanah. Selaras dengan perancangan semasa dan keperluan dimasa hadapan.	  Bengkel kick-off Kaedah Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan telah diadakan di Glenmarie Hotel & Golf Resort, Shah Alam

c) Perancangan Pelan Tempatan (Perubahan)

Program dan aktiviti perubahan berkaitan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL2020) sepanjang tahun 2021, antaranya adalah seperti berikut :

Jadual 6: Program Perancangan Pelan Tempatan (Perubahan)

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
SESI PENDENGARAN PANDANGAN AWAM (SPPA) PERUBAHAN 3 PELAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2020 (PBRKL 2020) **Tarikh : 11 Januari 2021 – 14 Januari 2021** Selaras dengan peruntukan seksyen 15 Akta Perancangan Wilayah Persekutuan (Akta 267), SPPA bagi 19 tapak Perubahan 3 PBRKL 2020 telah diadakan secara fizikal dan dalam talian setelah tertangguh susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.	 

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
KELULUSAN PENERIMAAN DAN PEWARTAAN PERUBAHAN 3 (BAHAGIAN I) PBRKL2020 **Tarikh : Mac 2021 – Mei 2021** Perubahan 3 (Bahagian I) PBRKL2020 mengandungi 14 tapak telah mendapat persetujuan YB Menteri Wilayah pada 3 Mac 2021 dan diwartakan pada 10 Mei 2021.	
KELULUSAN PENERIMAAN DAN PEWARTAAN PERUBAHAN 3 (BAHAGIAN II) PBRKL2020 **Tarikh : Jun 2021 – Ogos 2021** Perubahan 3 (Bahagian II) PBRKL2020 mengandungi 17 tapak telah mendapat persetujuan YB Menteri Wilayah pada 25 Jun 2021 dan diwartakan pada 3 Ogos 2021	
PELANTIKAN PERUNDING VERIFIKASI PERUBAHAN 4 PBRKL2020 **Tarikh : 1 Oktober 2021** Pelantikan Perancang Bandar Berdaftar iaitu Tetuan IZM Consult pada 1 Oktober 2021 bagi melaksanakan kajian verifikasi terhadap Laporan Cadangan Perubahan Pelan Tempatan (LCPPT) yang dikemukakan oleh pihak pemaju. Perunding ini bertindak sebagai badan bebas bagi menilai, menganalisis, memverifikasi dan mengesyorkan kepada Datuk Bandar berkaitan kesesuaian penetapan zon guna tanah dan intensiti pembangunan sebelum cadangan ini boleh melalui proses Perubahan 4 PBRKL 2020.	

d) Pengurusan Maklumat dan GIS

Jadual 7: Program Pengurusan Maklumat dan GIS

PROGRAM /TARIKH	OUTPUT
PENGUMPULAN DATA KAJIAN LAPANGAN GUNA TANAH SEMASA DAN DRONE **Tarikh : Januari hingga Disember 2021** Menjalankan kajian lapangan bagi tujuan pengumpulan data serta maklumat kegunaan tanah semasa	
• Mengemaskini maklumat pemilikan tanah pada guna tanah Tanah Kosong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur • Menjalankan carian maklumat pemilikan melalui sistem E-Tanah (PTGWPKL) dan mengemaskini maklumat pemilikan tanah ke dalam pangkalan data GIS. • Cerapan video dan pemetaan Drone • Bagi tahun 2021, kebanyakan cerapan video drone adalah arahan daripada Datuk Bandar dan Pengarah Eksekutif (Perancangan). Hasil cerapan drone ini juga diletakkan di Bilik Gerakan Tingkat 3, Menara DBKL 1 antaranya seperti berikut: a. Cerapan video drone ke atas tanah milik DBKL di Semenyih, Hulu Langat untuk cadangan tapak perkuburan bersepadu b. Cerapan drone ke atas tapak-tapak industri melebihi 1 ekar untuk penyediaan garispanduan batching plant c. Cerapan video drone ke atas semua billboard di jalan-jalan utama pusat bandar d. Cerapan video drone dan pemetaan ke atas tapak cadangan CLQ, Wangsa Maju e. Cerapan video drone ke atas laluan pejalan kaki berbumbung di sekitar pusat bandar f. Cerapan pemetaan ke atas 96 tapak pusat penjaja dan medan selera di KL g. Cerapan video drone ke atas pencahayaan lampu waktu malam di jalan-jalan utama KL h. Cerapan video dan pemetaan di kawasan sekitar Bukit Tunku i. Cerapan video kesesakan trafik di jalan masuk/ keluar utama ke Kuala Lumpur j. Cerapan video Kolam Takungan Banjir Taman Wahyu untuk maklumbalas Jabatan Audit Negara k. Cerapan video sepanjang Sungai Bunus l. Cerapan video drone Taman Metropolitan, Kepong m. Cerapan video kawasan Bukit Mas, Wangsa Maju	 **Cerapan video drone Tanah Milik Datuk Bandar di Semenyih, Hulu Langat, Selangor untuk cadangan tapak perkuburan bersepadu KL**  **Cerapan foto dan video bagi Pelaksanaan Inisiatif Rendah Karbon**  **Cerapan video Kolam Takungan Banjir Taman Wahyu untuk maklumbalas Jabatan Audit Negara**

7.2 Sektor Kawalan Pembangunan

a) Pengeluaran Perintah Pembangunan Dan Notis Penolakan Tahun 2021

Sebanyak 672 keputusan permohonan perancangan telah dikeluarkan olehn JPRB mengikut kategori. Daripada jumlah tersebut sebanyak 598 (88.9%) Perintah Pembangunan (DO) telah diserahkan kepada pemohon dan 74 (11.1%) Notis Penolakan juga telah diserahkan kerana tidak menepati kehendak penilaian perancangan. Keterangan lengkap seperti di Jadual 8 di bawah.

Jadual 8: Pengeluaran Perintah Pembangunan dan Notis Penolakan Tahun 2021

PERKARA	BULAN												JUMLAH
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	
Penukaran Zon Gunatanah	1	2	1	0	0	0	0	0	0	1	2	0	**7**
Menambah Kepadatan	0	2	2	2	0	0	0	1	1	1	0	0	**9**
Pelan Susunatur (Pecahan Sempadan dan Penyatuan Tanah/ Lot)	1	3	7	2	1	2	1	3	2	5	4	2	**33**
Pembinaan Bangunan Baru	7	9	25	9	7	4	4	10	5	19	12	11	122
Roboh dan Bina Semula	2	1	3	5	5	1	0	1	0	0	3	0	**21**
Pindaan pelan Lulus	11	9	12	12	4	15	10	10	5	9	6	10	**113**
Menukar Kegunaan Bangunan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	**2**
Penukaran Sementara Kegunaan Bangunan	2	0	1	0	0	0	0	0	3	0	0	3	**9**
Tambahan dan Perubahan	10	8	12	7	6	3	7	7	8	9	8	4	**89**
Tambahan dan Perubahan serta Menukar Kegunaan Bangunan	3	5	5	4	3	7	1	8	2	1	5	1	**45**
Tambahan dan Perubahan serta Menukar Sementara Kegunaan Bangunan	5	9	12	8	16	5	7	6	2	4	4	3	**81**
Bangunan Sementara	3	7	11	10	2	5	3	5	3	1	2	7	**59**
Lanjutan Tempoh Sah Perintah Pembangunan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Lanjutan Tempoh Kegunaan Sementara Bangunan / Tanah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Pembinaan Struktur Paparan Iklan Luar	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Pembinaan Struktur Pemancar Telekomunikasi	0	1	1	1	1	1	0	0	3	0	0	0	**8**
Notis Penolakan	**4**	**10**	**6**	**12**	**1**	**10**	**9**	**3**	**3**	**6**	**3**	**7**	**74**
JUMLAH DOKUMEN YANG DIKELUARKAN	**49**	**66**	**98**	**72**	**46**	**53**	**42**	**54**	**37**	**56**	**50**	**49**	**672**

b) Tuntutan Caj Pembangunan Tahun 2021

Bagi tahun 2021, Jabatan telah membuat tuntutan Caj Pembangunan berjumlah **RM641,006,000.00** dari bulan Januari sehinggga Disember daripada pihak pemaju seperti di Jadual 9.

Jadual 10 : Tuntutan Caj Pembangunan Tahun 2021

BULAN	JUMLAH (RM)
Januari	RM76,447,800.00
Februari	RM22,845,500.00
Mac	RM85,639,000.00
April	RM21,645,000.00
Mei	RM97,686,800.00
Jun	RM50,807,400.00
Julai	RM41,732,500.00
Ogos	RM76,877,000.00
September	RM16,485,000.00
Oktober	RM23,478,000.00
November	RM85,371,000.00
Disember	RM41,991,000.00
Jumlah	**RM641,006,000.00**

c) Tuntutan Sumbangan Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF) Tahun 2021

Sejumlah **RM31,908,245.00** telah dituntut oleh pihak Jabatan sepanjang tahun 2021 meliputi **RM24,851,750.00** untuk ISF Jalan, **RM922,775.00** untuk ISF Parit dan **RM6,133,720.00** untuk ISF Sumbangan. Tuntutan melibatkan permohonan yang tidak menyediakan ruang tempat letak kereta yang mencukupi, tidak menyediakan ruang pusat penjaja, dan kos pembinaan jalan keluar masuk.

Jadual 11 : Tuntutan ISF dan Sumbangan bagi Tahun 2021

BULAN	JUMLAH TUNTUTAN DAN SUMBANGAN (RM)		
	ISF (Jalan)	ISF (Parit)	ISF (Sumbangan)
	1721	1722	
Januari	RM3,773,250.00	RM90,300.00	-
Februari	RM3,588,500.00	RM81,875.00	-
Mac	RM2,813,500.00	RM55,945.00	-
April	RM1,239,500.00	RM55,100.00	-
Mei	RM2,304,500.00	RM56,750.00	RM2,500,000.00
Jun	RM1,676,500.00	RM49,085.00	-
Julai	RM246,000.00	RM221,300.00	RM1,140,000.00
Ogos	RM2,073,750.00	RM69,185.00	RM685,812.60
September	RM368,000.00	RM6,475.00	RM667,907.40

Oktober	RM2,861,500.00	RM71,270.00	-
November	RM1,050,500.00	RM72,250.00	-
Disember	RM2,856,250	RM93,240.00	RM1,140,000.00
Jumlah	RM24,851,750.00	RM922,775.00	RM6,133,720.00
Jumlah Keseluruhan : RM31,908,245.00			

d) Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (JKPS) Tahun 2021

Sepanjang tahun 2021, Jabatan telah melaksanakan 107 mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat bagi memproses sejumlah 5,288 permohonan perancangan.

Jadual 12 : Jumlah Mesyuarat OSC dan Permohonan Perancangan

JENIS MESYUARAT	JUMLAH MESYUARAT	JUMLAH PERMOHONAN YANG DIPERTIMBANGKAN
JK OSC Khas	2 mesyuarat	18
JKPS 1	50 mesyuarat	1,964
JKPS 2 (manual)	55 mesyuarat	2,620
JKPS 2 (Sistem KLIS)		686
Jumlah	**107**	**5,288 permohonan**

e) Jumlah permohonan yang diterima di Kaunter OSC dan melalui Sistem KLIS mengikut Skala Permohonan bagi tahun 2021

Jadual 13 : Jumlah Permohonan Perancangan mengikut Skala

SKALA PERMOHONAN	KAEDAH PENERIMAAN PERMOHONAN	JUMLAH PERMOHONAN
Skala Besar (B)	Kaunter OSC	1,800
Skala Sederhana (S)	Kaunter OSC	3,476
Skala Kecil (KK) (melibatkan mesyuarat JKPS2)	Sistem KLIS	695
Skala Kecil (KK) (untuk tujuan rekod)	Kaunter OSC	664
Jumlah		**6,635**

f) Jumlah Permohonan KLIS Jawatankuasa Pusat Setempat (JKPS) bagi tahun 2021

Jadual 13 : Jumlah Permohonan Perancangan mengikut Skala

PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN
A07 Membina Baru	73
A12A Meroboh dan Membina Semula	221
A12B Tambahan dan Perubahan Melibatkan Kerja Tanah	6
B1 Tambahan dan Perubahan Tiada Kerja Tanah	229
B2 Permit Untuk Pembinaan Kecil	
Jumlah	**695**

7.3 Sektor Penyelidikan Dan Penyelarasan Pembangunan

a) Penilaian Permohonan Tanah Kerajaan

Pada tahun 2021, Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Permohonan Tanah Kerajaan di peringkat DBKL telah diadakan sebanyak 16 kali dan telah memproses 953 permohonan seperti di Jadual 12 yang terdiri daripada kategori berikut:-

i. Pemberimilikan Tanah
ii. Perizaban Tanah
iii. Pajakan Tanah Rizab
iv. Lesen Pendudukan Sementara
v. Serah Balik dan Berimilik Semula
vi. Permit Ruang Udara & Hak Lalu Lalang

Jadual 14: Tarikh Mesyuarat Dan Bilangan Permohonan Tanah Kerajaan Yang Diproses

BULAN	TARIKH MESYUARAT	BIL. PERMOHONAN YANG DIPROSES
Januari	26.01.2021	45
Februari	03.02.2021	52
	18.02.2021	39
Mac	08.03.2021	55
	26.03.2021	53
April	16.04.2021	55
Mei	05.05.2021	110
Jun	02.06.2021	62
	28.06.2021	50
Julai	19.07.2021	123
Ogos	11.08.2021	68
September	09.09.2021	50
	29.09.2021	43
Oktober	14.10.2021	32
	27.10.2021	43
November	-	-
Disember	13.12.2021	73
Jumlah		**953**

b) Garis Panduan Kawalan Pembangunan

29 Garis Panduan Perancangan (GPP) telah disediakan untuk digunapakai oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Perancangan Bandaraya serta pihak-pihak berkepentingan. Dokumen GPP ini dimuatnaik di Portal Dewan Bandaraya Kuala Lumpur secara berperingkat mulai Februari 2020. Ianya merupakan usaha DBKL untuk meningkatkan penyampaian maklumat yang tepat dan telus sebagai rujukan kepada orang awam.

Bagi tahun 2021, 4 GPP baharu dan 3 GPP sediada yang telah dikemaskini telah dimuatnaik ke laman web rasmi DBKL. Berikut senarai 7 GPP tersebut:

GPP Baharu:

i. GPP Pembangunan Pangsapuri Servis Di WPKL
ii. GPP Pembangunan Perumahan Khas W arga Emas Di WP
iii. KL
iv. GPP Pusat Jagaan Di WPKL
v. GPP Pembangunan SOHO Di WPKL

GPP Yang telah dikemaskini:

i. GPP Penubuhan Tadika Di WPKL Edisi 2020
ii. GPP Penubuhan Taska Di WPKL Edisi 2020
iii. GPP Keperluan Tempat Letak Kenderaan Di WPKL Edisi 2021

Terdapat 2 garis panduan perancangan baru selaras dengan dasar perancangan semasa dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat.1 iaitu:

i. GPP Proses Pelawaan Pandangan (Kaedah 7):
ii. Garis Panduan Bagi Mendapatkan Kelulusan/Ulasan Bagi Penyediaan Kemudahan Penginapan Pekerja Mengikut Keperluan Akta 446.

UGKP juga menjalankan 2 kajian awal dan 3 kajian semula garis panduan berikut:

i. GPP Confiment Centre (kajian awal)
ii. GPP Tabung Pembinaan Sekolah (kajian awal)
iii. GPP Batching Plan (kajian akhir)
iv. GPP Isf & Caj Pembangunan (kajian semula)
v. GPP Kawasan Lapang (kajian semula)

UGKP juga sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Insentif 50% Pengurangan Caj Pembangunan (JKICP) untuk menyelaraskan lawatan tapak, menyediakan laporan status pembinaan di tapak dan mengatur mesyuarat secara berkala yang di pengerusikan oleh Pengarah. Bilangan permohonan yang diproses adalah bergantung kepada jumlah permohonan yang dikemukakan oleh pemohon.

Bagi tahun 2021, sejumlah 22 permohonan rayuan insentif telah dibawa ke pertimbangan JKICP, perincian bilangan dan tarikh mesyuarat telah diadakan seperti berikut:

Jadual 15: Jumlah Mesyuarat Dan Bilangan Permohonan Rayuan Insentif Caj Pembangunan Yang Diproses tahun 2021

BIL	BULAN	TAHUN 2021					
		Tarikh Mesyuarat	Bilangan Permohonan Yang Dipertimbangkan	L	TB	T	R
1.	Januari	-	-				
2.	Febuari	09.02.2021	8	6	-	1	1
3.	March	-	-	-	-	-	-
4.	April	21.04.2021	4	2	1	1	-
5.	Mei	-	-	-	-	-	-
6.	Jun	24.06.2021	6	1	3	1	1
7.	July	-	-	-	-	-	-
8.	Ogos	-	-	-	-	-	-
9.	Sept	-	-	-	-	-	-
10	Oktober	26.10.2021	4	3	-	1	1
11.	November	-	-	-	-	-	-
12.	Disember	-	-	-	-	-	-
	Jumlah Permohonan	-	22	12	4	4	3

Nota: **L** (lulus), **TB** (tidak dibenarkan), **T** (tangguh) dan **R** (rujuk JKPS 1)

c) Pengawasan Pembangunan Dan Permohonan Lesen

i) Ulasan terhadap Permohonan Lesen Premis yang telah dikemukakan oleh Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja melalui Sistem e-Lesen berjaya 100% diproses dan diberi maklumbalas mengikut tempoh yang telah ditetapkan seperti di dalam Jadual 16.

Jadual 16: Statistik Permohonan Lesen Premis, 2021

BULAN	JENIS PERMOHONAN			
	Baru	Rayuan	Agenda	
			Ekspress	Bukan Ekspress
Januari	62	92	561	52
Februari	23	144	792	7
Mac	72	198	446	49
April	37	140	75	48
Mei	20	35	67	30
Jun	12	15	267	85
Julai	16	26	45	6
Ogos	30	35	11	2
September	44	59	96	6
Oktober	33	66	208	33
November	43	44	610	34
Disember	24	40	638	56
Jumlah	**416**	**894**	**3,816**	**408**

ii) Aduan Awam
Sejumlah 292 Aduan Awam telah diterima oleh pihak Jabatan ini melalui Sistem ADU@KL, surat, e-mel, hadir sendiri, telefon dan faks sepanjang tahun 2021 dan telah diselesaikan seperti Jadual 17:-

Jadual 17: Bilangan dan Tempoh Maklumbalas Aduan Awam, 2021

BULAN	ADUAN AWAM YANG DITERIMA	TEMPOH MAKLUMBALAS	
		< 14 Hari	> 14 Hari
Januari	18	18	0
Februari	37	37	0
Mac	36	36	0
April	21	21	0
Mei	15	14	1
Jun	16	13	3
Julai	15	15	0
Ogos	16	16	0
September	18	17	1
Oktober	51	49	2
November	18	16	2
Disember	31	29	2
JUMLAH	**292**	**281 (96.2%)**	**11 (3.8%)**

Kelewatan maklumbalas adalah disebabkan faktor-faktor berikut :-

i. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
ii. Mendapatkan maklumat secara terperinci mengambil masa lama melalui semakan fail-fail dan pengesahan daripada Bahagian / Unit lain.
iii. Semakan terhadap Agensi Luar seperti Pejabat Tanah & Galian WPKL (PTG) untuk pengesahan status tanah mengambil sedikit tempoh masa.
iv. Lokasi aduan yang kurang tepat dan sukar mencari lokasi.
v. Kurang kerjasama daripada Pengadu dan juga orang yang di adu.

d) Pembangunan Mampan

Bahagian Pembangunan Mampan di Jabatan ini bertanggungjawab menterjemah dasar perancangan di peringkat nasional kepada subjek khusus yang berkaitan seperti Bandar Pintar, Penjenamaan Bandar, Bandar Hijau, Bandar Berdaya Tahan dan Local Agenda 21 melalui kajian-kajian, penyelidikan dan program yang menerapkan konsep kolaborasi dan inovasi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan DBKL terus kepada masyarakat seperti di bawah.

i) Unit Bandar Hijau

Jadual 18: Program Unit Bandar Hijau Tahun 2021

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
PIMRK KL 2030 **Tarikh : 12 Januari 2021** Mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Teknikal Ekonomi, Infrastruktur, Alam Sekitar dan Tadbir Urus	 
MURNINET **Tarikh : 1 Mac - 15 Julai 2021** Mengedarkan 710 borang soal selidik secara bersemuka dan online kepada warga kota peniaga dan NGO	 
MURNINET **Tarikh : 8 April 2021** Sesi Taklimat kepada Pembekal Data, KWP dan PLANMalaysia	 

KAJIAN INVENTORI GHG
Tarikh : 6 Mei 2021

Perlantikan Pakarunding International Green Training Centre Sdn. Bhd. bagi Kajian Kajian Inventori Greenhouse Gas (GHG) dan Pembangunan Kapasiti & Fasilitasi Bagi Kuala Lumpur





KAJIAN INVENTORI GHG
Tarikh : 8, 9 dan 22 Julai 2021


Taklimat Bersama Suruhanjaya Tenaga, SEDA, MGTC dan FRIM serta MPHTJ secara atas talian






Kuala Lumpur Low Carbon Society 2030 And Carbon Neutral 2050
Tarikh : 9 Ogos 2021


Sesi Perkongsian Dan Perbincangan Bersama Petronas Chemicals Group (PCG)



Anugerah Kejiranan Hijau
Tarikh : 3 September 2021


Sesi Penilaian Senarai Pendek Anugerah Kejiranan Hijau 2021 secara dalam talian bagi kategori PBT





Cadangan eMobility Service Provider (EMSP)
Tarikh : 8 September 2021

Sesi Pembentangan Cadangan Pembangunan Stesen Pengecas Kenderaan Elektrik Secara Usahasama Dengan Pihak DBKL oleh Ocean Vantage Holdings Berhad



Bengkel Insentif Pelaksanaan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030
Tarikh : 6 - 7 Oktober 2021





Bengkel PIMRK KL 2030
Tarikh : 22 - 24 Oktober 2021


Pengharmonian Program Jawatankuasa Alam Sekitar





UCSI-Cheras Low Carbon Innovation Hub"
Tarikh : 28 Oktober 2021

Mesyuarat Bersama Universiti UCSI Bagi Penubuhan "UCSI-Cheras Low Carbon Innovation Hub"



Bengkel PIMRK KL 2030
Tarikh : 12 - 14 November 2021

Pengharmonian Program Sektor Ekonomi & Sektor Tadbir Urus





KAJIAN INVENTORI GHG
Tarikh : 23 - 24 November 2021

Kursus Penganalisaan Data & Maklumat dan Rujukan Semula dan Kursus Pengiraan Jejak Karbon, Kawalan Kualiti & Pelaporan







Progam-program Bandar Hijau lain yang turut diadakan:-

TARIKH	NAMA PROGRAM
11 Januari 2021 & 25 Februari 2021	PIMRK KL 2030 – Mesyuarat Jawatankuasa PANDU Sektor Infrastruktur Bil 1 & 2.
25 Mei 2021	KAJIAN INVENTORI GHG – Taklimat Pembangunan Inventori GHG kepada Pengurusan Tertinggi & Ahli Lembaga Penasihat
10 Jun 2021	KAJIAN INVENTORI GHG – Bengkel Pembangunan Rangka Kerja Pengiraan City-wide
16 Jun 2021	KAJIAN INVENTORI GHG – Kursus Fundamental of Climate Change & Sustainable City
24 Jun 2021	PIMRK KL 2030 – Mesyuarat Jawatankuasa PANDU Sektor Ekonomi
23 Julai 2021 23 Ogos 2021	PIMRK KL 2030 - Mesyuarat Jawatankuasa PANDU Sektor Infrastruktur Bil 1 & 2.
26 Julai 2021	PIMRK KL 2030 - Mesyuarat Jawatankuasa PANDU Sektor Alam Sekitar & Tadbir Urus
3 Ogos 2021	Pembentangan Progress Kerja Kajian Kepada Datuk Bandar
15 Ogos 2021	Penyertaan Anugerah Kejiranan Hijau
22 September 2021	KAJIAN INVENTORI GHG – Kursus Pengiraan City-wide Carbon Footprint mengikut GPC
29 – 30 September 2021	KAJIAN INVENTORI GHG – Taklimat Inventori kepada Industri, Komersial, Institusi Awam & Swasta serta Pengangkutan
23 November 2021	KAJIAN INVENTORI GHG – Kursus Penganalisaan Data & Maklumat dan Rujukan Semula
24 November 2021	KAJIAN INVENTORI GHG – Kursus Pengiraan Jejak Karbon, Kawalan Kualiti & Pelaporan

ii) Unit Bandar Berdaya Tahan

Jadual 19: Program Unit Bandar Hijau Tahun 2021


PROGRAM/TARIKH	OUTPUT
Sistem MHP **Tarikh : 1 Januari - 31 Disember 2021** Laporan harian dan amaran Cuaca Kuala Lumpur melalui Sistem MHP	
Latihan pengunaan Multi Hazard Platform kepada Skuad Penyelamat **Tarikh : 17 Februari 2021**	
Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 **Tarikh : 20 Mei 2021** 'Showcase' Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 - Pengarah Eksekutif Pengurusan	
Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 **Tarikh : 20 April 2021 & 2 Jun 2021 & 1 Julai 2021** 'Showcase' Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 - Pengarah Eksekutif Perancangan (Jawatankuasa Kerja Ekonomi, Rendah Karbon Kuala Lumpur)	

Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050
Tarikh : 27 Mei 2021 & 2 Julai 2021

'Showcase' Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 - Sektor Pembangunan Socio-Ekonomi (Jawatankuasa Kerja Alam Sekitar, Rendah Karbon Kuala Lumpur)



The International Awards for Liveable Communities
Tarikh : 8 Disember 2021



C40 Monthly Catch-Up Call
Tarikh: 22 April 2021
22 Julai 2021
26 Ogos 2021
1 September 2021
23 September 2021
28 Oktober 2021
1 November 2021



Penyertaan Kuala Lumpur di COP 26, Glasgow
Tarikh : Oktober 2021






Majlis Perlancaran Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050, Hotel Intercontinental Kuala Lumpur


Tarikh : 8 Disember 2021

Dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur










iii) Unit Bandar Pintar

Unit Bandar Pintar berperanan Menjalankan Kajian Khas Perancangan / Penyediaan Pelan Induk Bandar Berdaya Saing, Penterjemah Pelan Induk kepada Pelan Tindakan Bandar Berdaya Saing, Pelan Induk Jejak Warisan Kuala Lumpur, Penyediaan Penulisan Sejarah dan Garis Panduan Panel Interpretasi Jejak-jejak Warisan Kuala Lumpur (KL Dulu) dan Malaysia Smart City Framework.

Jadual 20: Program Unit Bandar Pintar Tahun 2021

PROGRAM /TARIKH	OUTPUT
Sesi Temuramah 'Your Insights On Malaysia Smart City' **Tarikh : 8 Mac 2021**	 
Sesi Perkongsian Perancangan Dan Pelaksanaan Urban Observatory oleh IRDA dan Plan Malaysia **Tarikh : 22 Mac 2021**	 

Lawatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Ke Perbadanan Putrajaya (PPj)

Tarikh : 7 April 2021






Pelan Induk Bandar Pintar
Tarikh : 8 April 2021
Pameran Pelan Induk Bandar Pintar di Pelancaran MySmart Wilayah 2030 (Blueprint Bandar Pintar Wilayah Persekutuan) Di Kementerian Wilayah Persekutuan






Integrated Local Council System (ILCS)
Tarikh : 22 Jun 2021
Sesi Pembentangan Oleh Tetuan Mesiniaga Berhad Berkaitan ILCS





Platform Permodelan Informasi Bangunan
Tarikh : 1 Julai 2021
Sesi Pembentangan Berkaitan Platform Permodelan Informasi Bangunan (BIM) Bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur






Projek Bandar Pintar di bawah JAMP

Tarikh : 15 Julai 2021

Mesyuarat Bagi Membincangkan Permohonan Projek Bandar Pintar Di Bawah Smart Japan Asean Mutual Partnership (JAMP), *Ministry Of Land, Infrastructure, Transport And Tourism (MLIT)* Jepun





'Smart City-Smart Solution'
Tarikh : 2 Ogos 2021
Sesi Pembentangan Dan Perkongsian Berkaitan *'Smart City-Smart Solution'* Oleh Duromac (M) Sdn. Bhd.







Proposal To Design, Built And Operate High Speed Open Access Fibre Infrastructure
Tarikh : 9 Ogos 2021
Sesi Pembentangan kepada DBKL oleh Justclick (M) Sdn. Bhd.





Pembangunan Sistem Pengurusan Bandaraya Pintar
Tarikh : 11 Ogos 2021
Sesi Pembentangan kepada DBKL Oleh Tetuan Turbine Technique





Sesi Perkongsian Bandar Pintar
Tarikh : 3 September 2021
Sesi Perkongsian dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) Berkaitan Inisiatif Pintar







TNB Smart Utility Program
Tarikh : 9 September 2021
Sesi Perkongsian Berkenaan Smart Grid Oleh Tenaga Nasional Berhad





Sesi Pembentangan Berkenaan Cadangan Bekalan Tenaga Elektrik Pada Kadar Tarif Elektrik Tetap Dan Lebih Rendah Dari Kadar Tarif Sediada **Tarikh : 12 Oktober 2021** Di Bawah Program Nem Gomen, Lembaga Pembangunan Tenaga Lestari (Seda), Malaysia Oleh Tetuan Selasih Mentari Sdn. Bhd	
Technology Update On Smart City **Tarikh : 28 Oktober 2021** Pembentangan Oleh Nec Corporation Of Malaysia Sdn. Bhd	
Technology Update Bagi Safecity/ Smartcity Solution **Tarikh : 10 November 2021** Sesi Pembentangan Berkenaan Technology Update Bagi Safecity/ Smartcity Solution Oleh Tetuan MYI Technologies Sdn. Bhd	
Pameran Pelan Induk Bandar Pintar **Tarikh : 8 Disember 2021** Pameran Pelan Induk Bandar Pintar di Seminar Amalan Gaya Hidup Rendah Karbon Dan Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2030	

iv. Sustainable Development Goals (SDG)



1. Kuala Lumpur Sustainable Development Goals (SDG) Roadmap 2021-2030
   i. Jawatakuasa peringkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
   ii. Koordinator Penyediaan laporan Hala Tuju dan Pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan.
   iii. Menyelaras pemantauan dan pelaporan pencapaian pelaksanaan SDGs di peringkat kebangsaan dan tempatan.

2. Kuala Lumpur Voluntary Local Review (VLR)
   i. Pelaporan Tahunan kepada united Nation (High Level political Forum @ UN).

3. Kuala Lumpur SDG Centre
   i. Menyelaras dan menyelia segmen pemerkasaan masyarakat bagi mengembangkan komitmen, program dan inisiatif tempatan berkaitan SDGs.
   ii. Menyelaras dan menyelia pemasaran dan promosi Kuala Lumpur SDG Centre.
   iii. Menyelaras dan menyelia bahan pameran perihal usaha pelaksanaan 17 SDGs.

4. Program Kolaborasi SDG.
   i. Urbanice Malaysia
   ii. Pemegang Taruh, Komuniti Setempat, NGO, Institut , Agensi.

Jadual 21: Program SDG Sepanjang Tahun 2021

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
Penyediaan Laporan Hala Tuju dan Pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Kuala Lumpur **Tarikh :** **Siri 2 - 6 April 2021** **Siri 3 -12 April 2021** **Siri 3 - 13 Ogos 2021 (online)**	 
Hala Tuju Dan Pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Kuala Lumpur. **Tarikh : 27 Ogos 2021** Sesi Pembentangan Laporan Akhir (Peringkat Ketiga)	
Majlis Perasmian Kuala Lumpur SDG Centre. **Tarikh : 28 September 2021**	 
Lawatan Duta Besar *Hungrary* ke SDG Centre Kuala Lumpur **Tarikh : 22 November 2021**	 

Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Bagi Penyediaan Laporan Hala Tuju Dan Pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Kuala Lumpur. **Tarikh : 21 Disember 2021**	 

Progam-program SDG lain yang turut diadakan:-

TARIKH	NAMA PROGRAM
5 April 2021	Perbincangan Kumpulan Sasar (FGD) bagi Penyediaan Laporan Hala Tuju dan Pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Kuala Lumpur Siri 1.
5 Mei 2021	Mesyuarat berkenaan matlamat pembangunan mampan (SDG) Laporan Hala Tuju dan Pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan. Kuala Lumpur SDG Centre.
9 Ogos 2021	Sesi Pembentangan Dan Perkongsian Berkaitan Program Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Kuala Lumpur oleh Tetuan Veritas Design Group .
11 Ogos 2021	Perbincangan Kumpulan Sasar (FGD) bagi Penyediaan Laporan Hala Tuju dan Pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Kuala Lumpur Siri 1 - Secara maya
12 Ogos 2021	Perbincangan Kumpulan Sasar (FGD) bagi Penyediaan Laporan Hala Tuju dan Pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Kuala Lumpur Siri 2 – Secara maya
13 Oktober 2021	Mesyuarat berkenaan penyelarasan aktiviti kuala Lumpur SDG Centre.
Oktober – November 2021	Sesi Semakan Laporan bagi Penyediaan Laporan Hala Tuju Dan Pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Kuala Lumpur.
25 Oktober 2021	Mesyuarat berkenaan penyelarasan aktiviti kuala Lumpur SDG Centre Bil.2/2021.
22 November 2021	Sesi Sindikasi Bersama Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan dan Jabatan Perhilitan bagi Penyediaan Laporan Hala Tuju Dan Pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan Kuala Lumpur.
25 November 2021	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi Penyediaan laporan Hala Tuju dan Pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Kuala Lumpur.

v. Local Agenda 21 Kuala Lumpur

Jadual 22: Program Unit Local Agenda 21 Sepanjang Tahun 2021

TARIKH	OUTPUT
Program bersama PPR Pekan Kepong dan Datuk Bandar **Tarikh : 5 Januari 2021**	 

Walkabout Bukit Bintang bersama Komuniti
Tarikh : 6 Februari 2021



Lawatan Kunjung Hormat KLBAR ke Pejabat Pengarah JAWI
Tarikh : 1 April 2021




Virtual KL Smoke City Smoke Free Run
Tarikh : 1 April 2021 hingga 30 September 2021





Lawatan Datuk Bandar ke Kebun Kejiranan Bandar Contoh LA21KL
Tarikh : 11 September 2021





Lawatan YB Menteri ke Kebun Kejiranan Bandar Contoh LA21KL
Tarikh : 12 September 2021



Program Gotong Royong Kebun Kejiranan Sg. Bunus
Tarikh : 15 September 2021



Program Semakan Kualiti Air Bersama UTM di Kebun Sg. Bunus
Tarikh : 22 September 2022



Program Plogging bersama Embassy of Sweden, JPS dan LA21KL
Tarikh : 26 September 2021





Program MOU Signing EcoKnights & COWAY Malaysia
Tarikh : 11 Oktober 2021



Walkabout @ Brickfields Bersama Bersama Pengarah Exsekutif (Perancangan)
Tarikh : 16 Oktober 2021





Program "Jom Singgah Kebun" @ Sg. Bunus
Tarikh : 31 Oktober 2021



Lawatan Majlis Bandaraya Pasir Gudang ke Nurseri DBKL & Kebun Kejiranan Bandar LA21KL
Tarikh: 2 November 2021



Lawatan TKSU Kementerian Pertanian ke Kebun SK Jln Air Panas
Tarikh : 8 November 2021



Pelancaran Kempen KL Cegah KL Sihat @ Bukit Bintang bersama YB Menteri Kementerian Wilayah Persekutuan
Tarikh : 9 November 2021



Lawatan Penilaian Tapak Baru Kebun Kejiranan Bandar LA21KL
Tarikh : 23 - 25 November 2021



Retreat JK Kerja Penguatkuasaan (Task Force) KLBAR
Tarikh : 22 – 24 Disember 2021



Bike Kitchen @ Groove Grocer
Tarikh : 26 Disember 2021



Progam-program Local Agenda 21 lain yang turut diadakan:-

TARIKH	NAMA PROGRAM
4 Februari 2021	Kick-off Engagement Projek Smart Innovative People
7 Mac 2021	Engagement bersama Komuniti Bagi Projek Kebun Kejiranan Bandar Zon 2
14 Mac 2021	Engagement bersama Komuniti Bagi Projek Kebun Kejiranan Bandar Zon 4
27 Mac 2021	Engagement bersama Komuniti Bagi Projek Kebun Kejiranan Bandar Zon 3
April 2021	Engagement Penyelaras Tema KL Bersih & Indah bersama Wakil Komuniti
6 April 2021	Engagement Penyelaras Tema KL Sejahtera bersama Wakil Komuniti Engagement Penyelaras Tema KL Selamat bersama Wakil Komuniti
8 April 2021	Engagement Penyelaras Tema KL Pintar bersama Wakil Komuniti
14 April 2021	Engagement JK Komuniti Pintar Siri 2/2021
23 April 2021	Sesi Brainstorming Bersama Rakan Kongsi di bawah Tema KL Pintar LA21KL Siri 1
28 April 2021	Sesi Perbincangan JK Blueprint Kebersihan Bukit Bintang
3 Mei 2021	Sesi Engagement bersama Rakan Kongsi Baharu Projek Pembangunan Sosio-Ekonomi di bawah Tema KL Sejahtera
4 Mei 2021	Sesi Engagement bersama Wakil Kelab Kebun Bukit Damansara (Rakan Kongsi Berpotensi) bagi Projek Kebun Komuniti LA21K
5 Mei 2021	Sesi Brainstorming Bersama Jawatankuasa Projek Simfoni Warisan Angklung LA21KL
24 Mei 2021	Sesi Penyelarasan Projek Pembangunan Sosio Ekonomi bersama Rakan Kongsi
26 Mei 2021	Sesi Penglibatan Bersama Penduduk Bagi Projek Inisiatif Low Carbon Wangsa Maju - Sg Bunus
8 Jun 2021	Sesi Taklimat Penyertaan Kebun Kejiranan LA21KL dalam Anugerah Kejiranan Hijau 2021 kepada Rakan Kongsi LA21KL

9 Jun 2021	Program Muzik bersama Komuniti (Trial Run)
11 Jun 2021	Sesi Brainstorming Perancangan Projek Muzik Komuniti
24 Jun 2021	Sesi Engagement: Hala Tuju Projek-projek di Bawah Tema KL Pintar Local Agenda 21 Kuala Lumpur (LA21KL) bersama Rakan Kongsi Baharu
30 Jun 2021	Sesi Engagement - Kolaborasi DBKL dan Design Sustainability Maintenance Environmental (DSME) Waste Managemant and Engineering
9 Julai 2021	Sesi Engagement bagi Membincangkan Sambungan Laluan Pejalan Kaki dan Basikal Di Kolam Takungan Kg. Boyan, Sg. Bunus bersama Rakan Kongsi LA21KL
17 Julai 2021	Engagement bersama komuniti dari PA Sri Sabah dan PPR Raya Permai bagi Penyertaan AKH
5 Ogos 2021	Sesi Engagement bersama Rakan Kongsi Baharu Projek Pembangunan Sosio-Ekonomi di bawah Tema KL Pintar
6 Ogos 2021	Sesi Engegement bersama Rakan Kongsi bagi penganjuran Anugerah Sekolah Hijau
13 Ogos 2021	Sesi Engement bersama Rakan Kongsi Projek Kebun Kejiranan Bandar LA21KL bagi Penetapan Kriteria Rakan Kongsi Kebun Kejiranan Bandar LA21KL Fasa
16 Ogos 2021	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Local Agenda 21 Kuala Lumpur Bersama Pengarah Jabatan Perancangan Bandaraya Bagi Memuktamadkan Pelan Strategik LA21KL
23 Ogos 2021	Sesi Engagment Kebun Kejiranan LA21KL Bersama Ketua Urus Setia LA21KL
24 Ogos 2021	Sesi Engagement bersama JK Kecil Kebun Kejiranan Bandar LA21KL bagi Penyelarasan Pelaksanaan Program Urban Farming (UF) Kementerian Wilayah Persekutuan
2 September 2021	Sesi Engagement Bersama Persatuan Penduduk Desa Andaman Berkenaan Inisiatif Low Carbon Di Sungai Bunus, Wangsa Maju
23 September 2021	Sesi Engagement Jawatankuasa Persekitaran Bukit Bintang LA21KL Bil 4/2021: Blueprint Kebersihan Bukit Bintang
1 Oktober 2021	Engagement bersama Rakan Kongsi bagi Pelaksanaan Projek Smart Zero Waste TTDI di bawah Tema KL Pintar LA21KL
4 Oktober 2021	Engagement bersama Penduduk Wangsa Sari untuk Projek Kebun Kejiranan Bandar LA21KL
1 November 2021	Sesi Engangement Pembentukan JK Anugerah Sekolah Hijau bersama Rakan Kongsi

vi. Unit Penjenamaan Bandar

Jadual 23: Program di bawah Unit Penjenamaan Bandar Tahun 2021

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
Majlis Pelancaran Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) **Tarikh : 18 Februari 2020**	 






Kunjungan Hormat Urus Setia WCSC Sempena Konferen "World Class Sustainable Cities 2020 (WCSC 2020)"
Tarikh : 3 Mac 2020





Lawatan Kerja Teknikal Ke Bandaraya Ipoh, Perak
Tarikh : 29 September 2020







Lawatan Kerja Teknikal Ke Georgetown, Pulau Pinang.
Tarikh : 1 Oktober 2020


















Pelaksanaan Projek Fizikal: Menaiktaraf Kawasan Wangsa Siaga
Tarikh :12 November 2020






Pelaksanaan Projek Fizikal: Menaiktaraf Kawasan Brickfields
Tarikh: 19 November 2020







Pelaksanaan Projek Fizikal: Penambahbaikan & Menaiktaraf Lorong Belakang Jalan Thambipillay
Tarikh : 21 Disember 2020





Jabatan Perancangan Infrastruktur

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Perancangan Infrastruktur telah ditubuhkan pada 1 Julai 2011 dengan tujuan merancang dan mengawal pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebelum ini, Jabatan ini mempunyai empat (4) bahagian utama seperti berikut:

1.1 Bahagian Pembangunan
- 1.1.1 Unit Kawalan Pembangunan
- 1.1.2 Unit Alamat dan Pengisytiharan Jalan
- 1.1.3 Unit Permit Angkut Bahan

1.2 Bahagian Perancangan
- 1.2.1 Unit Perancangan Jalan dan Saliran
- 1.2.2 Unit Kemudahan Pengangkutan Awam

1.3 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

Walaubagaimanapun, YBhg. Datuk Bandar dalam Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Bil.7/2020 telah memutuskan agar fungsi Bahagian Geomatik yang sebelum ini di bawah Jabatan Perancangan Infrastruktur (JPIF) dipindahkan ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPPH) berkuatkuasa pada 5 Oktober 2020. Pemindahan fungsi ini adalah bagi memperkasakan fungsi pengukuran dan pengurusan tanah di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Oleh yang demikian, pada masa ini JPIF mempunyai tiga (3) bahgaian utama iaitu Bahagian Pembangunan, Bahagian Perancangan serta Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.

2.0 VISI DAN MISI JABATAN

2.1 Visi-

Mewujudkan perancangan dan kawalan pembangunan infrastruktur yang efisien di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

2.2 Misi-

2.2.1 Mengawal kerja-kerja pembangunan infrastruktur melalui kelulusan Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan, Pembetung Pintu Masuk dan Perakuan Aliran Sirkulasi Dalaman dan Tempat Letak Kereta.

2.2.2 Merancang pembangunan infrastruktur jalan dan perparitan dengan bertanggungjawab memproses, menyemak dan menyediakan ulasan berkaitan dengan serahan tanah rizab jalan di peringkat kebenaran merancang.

2.2.3 Memastikan infrastruktur jalan dan perparitan yang dibina oleh pihak pemaju mematuhi pelan kelulusan dengan baik dan berfungsi dengan sempurna.

3.0 PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2021

3.1 Mengemukakan kertas perakuan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Jalan & Perparitan bagi projek yang berskala besar dan sederhana kepada Urusetia Pusat Setempat (OSC) dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan diterima daripada OSC.

3.2 Meluluskan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Jalan & Perparitan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap.

3.3 Memproses dan mengeluarkan surat pengesahan bagi Borang G17 dalam tempoh 7 hari bekerja bagi projek berisiko rendah dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap.

3.4 Memproses dan mengeluarkan surat pengesahan bagi Borang G17 dalam tempoh 14 hari bekerja bagi projek berisiko sederhana dan tinggi dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap dan pemeriksaan akhir dijalankan.

3.5 Mempertimbangkan laporan kajian TIA dalam tempoh 14 hari bekerja tarikh penerimaan permohonan.

3.6 Memproses permohonan pemberian alamat premis dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan permohonan.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

KRA	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (CUSTOMER FOCUS)	1. Kehadiran **4 hari** berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun	100%
	2. Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	98%
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (TRANSPARENCY)	1. Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 90% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2021	80%
	2. Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022 sebelum 31 Disember tahun 2021	100%
MELAKSANAKAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR MAMPAN	1. Menyediakan Kajian Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur.	Memuktamadkan kajian dalam tempoh 12 bulan. Hasil kajian perlu diselaraskan dengan PTKL 2040.	85%
	2. Mengadakan lawatan ke tapak bina yang sedang menjalankan kerja tanah bagi tapak projek berskala besar dan/ atau berisiko.	2 kali sebulan bagi setiap projek yang berisiko.	100%
	3. Menyediakan Garis Panduan untuk meningkatkan fungsi dan proses penyampaian: • Garis Panduan Penilaian Kepada Laporan *"Traffic Impact Assessment (TIA)".*	Garis Panduan siap dan diluluskan oleh Ketua Sektor untuk digunapakai.	80%
	4. Menyediakan pamphlet/ brosur berkaitan penyelenggaraan OSD (*on site detention pond)* dalam tapak-tapak pembangunan persendirian.	Mengemukakan cadangan garis panduan OSD untuk persetujuan JKPS.	100%
	5. Kajian Penyelarasan Operasi Loji Pembancuh Konkrit dan Lori Angkut Konkrit.	Digunapakai pada bulan Ogos 2021	70%

Nota: *Key Result Area (KRA)* selari dengan Pelan Strategik DBKL 2021-2030

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

5.1.1 Merancang keperluan serahan jalan dan menaiktaraf jalan sediada berdasarkan kajian Impak Trafik bagi projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.1.2 Merancang keperluan serahan parit induk dan kolam tadahan bagi projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.1.3 Membuat kawalan pembangunan dari segi permohonan pelan kelulusan kerja tanah, jalan dan perparitan, tempat letak kereta, sistem pengurusan air hujan (MSMA) dan pengeluaran sokongan G17 (Jalan dan Perparitan) untuk pengeluaran CCC.

5.1.4 Mengeluarkan permit bagi permohonan permit angkut bahan.

5.1.5 Memberi kelulusan dalam pemberian alamat pada setiap bangunan, membuat pengisytiharan jalan dari status jalan persendirian kepada jalan awam, menyimpan rekod pelan piawaian alamat dan nama-nama jalan di Kuala Lumpur dan menjadi urusetia kepada permohonan penamaan nama jalan untuk mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/ Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 UNIT KAWALAN PEMBANGUNAN

5.2.1.1 Memproses permohonan pelan kerja tanah dan jalan & perparitan untuk pertimbangan Jawatankuasa OSC.

5.2.1.2 Menyemak pelan-pelan kerja tanah dan jalan & perparitan untuk kelulusan.

5.2.1.3 Membuat lawatan tapak bagi pemeriksaan akhir kerja-kerja jalan perparitan dan sistem pengurusan air hujan sebelum surat pengesahan G17: Jalan dan Perparitan disyorkan.

5.1.2.4 Mengkoordinasi serahan rezab jalan, parit induk, kolam tahanan banjir dan kolam takungan banjir yang telah siap dibina sebelum dilulus terima.

5.2.2 UNIT ALAMAT DAN PENGISYTIHARAN JALAN

5.2.2.1 Memproses dan meluluskan permohonan nombor premis bagi tujuan pemberian alamat pada setiap unit premis dan pembangunan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.2.2.2 Memproses dan menyelaras pemberian nama jalan untuk jalan-jalan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk kelulusan Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Wilayah Persekutuan.

5.2.2.3 Menyelaras dan menyediakan Pengisytiharan Jalan Awam di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta membantu mendaftar dalam Sistem Rekod-Rekod Jalanraya Malaysia (MARRIS) Kementerian Kewangan Malaysia dan merekod dalam Pengkalan Data Jabatan.

5.2.3 UNIT PERMIT ANGKUT BAHAN

5.2.3.1 Memproses permohonan permit angkut bahan

5.2.4 UNIT PERANCANGAN JALAN DAN SALIRAN

5.2.4.1 Menyemak dan mengulas keperluan serahan tanah bagi cadangan rizab jalan dan saliran selaras dengan kehendak perancangan pembangunan.

5.2.4.2 Menyemak, menganalisa dan menyediakan ulasan terhadap impak trafik yang dikemukakan oleh perunding trafik.

5.2.4.3 Menyemak dan mengesahkan permohonan pelan pra-hitungan selaras dengan kehendak Jabatan, Agensi dan Perintah Pembangunan.

5.2.4.4 Menyediakan pengiraan kadar sumbangan pemaju berkaitan binaan infrastruktur berdasarkan janaan trafik pembangunan.

5.2.5 UNIT KEMUDAHAN PENGANGKUTAN AWAM

5.2.5.1 Memproses pelan perakuan Tempat Letak Kereta, Hentian Bas dan Teksi, Jejantas dan Laluan Pejalan Kaki Berbumbung.

5.2.5.2 Menyediakan ulasan kepada permohonan Kebenaran Merancang bagi kemudahan sistem pengangkutan awam seperti penyediaan rangkaian jejantas, laluan pejalan kaki berbumbung, hentian bas dan teksi dan pematuhan teknikal Tempat Letak Kereta.

5.2.6 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

5.2.6.1 Mengurus hal ehwal pentadbiran dan sumber manusia.

5.2.6.2 Mengurus kemajuan kerjaya perkhidmatan kakitangan.

5.2.6.3 Mengurus penilaian prestasi dan tatatertib.

5.2.6.4 Mengurus latihan kursus, seminar, aktiviti sosial dan kebajikan kakitangan.

5.2.6.5 Mengurus penempatan latihan praktikal dari IPTA/ IPTS.

5.2.6.6 Menyelenggara infrastruktur, perkakasan, perisian sistem komputer.

5.2.6.7 Hal ehwal keselamatan Jabatan.

5.2.6.8 Mengurus hal ehwal aset inventori jabatan.

5.2.6.9 Menyediakan bajet tahunan.

5.2.6.10 Merancang, mengurus dan mengawal perbelanjaan.

5.2.6.11 Mengurus penyediaan dokumen tender, kontrak, sebutharga dan pembelian.

5.2.6.12 Memantau, menyedia dan melaksanakan KPI.

5.2.6.13 Menyelaras pelaksanaan MS:ISO.

5.2.6.14 Menyelaras pelaksanaan EKSA.

5.3 Bahagian Pembangunan

Bahagian Pembangunan adalah terlibat dengan permohonan kelulusan pelan dan permit angkut bahan bagi projek pembangunan di bawah skop Pelan Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan, OSC (Kediaman Kecil), sistem pengurusan air hujan dan sirkulasi dalaman dan pemberian alamat dan pengisytiharan jalan.

5.3.1 Unit Kawalan Pembangunan

Unit Kawalan Pembangunan berperanan memproses dan menyemak pelan bagi kelulusan Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Perparitan, Pelan Pembetung Pintu Masuk dan Sokongan G17 untuk memastikan selaras dengan kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988 serta mematuhi garis panduan jabatan.

5.3.2 Permohonan Pelan

Sepanjang tahun 2021 sebanyak **287** permohonan telah diproses melibatkan permohonan Kelulusan Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Perparitan serta MSMA dan OSC KK (Kediaman Kecil).

5.3.3 Pemeriksaan bagi Sokongan G17 (Jalan dan Perparitan)

Sebanyak **159** pengeluaran surat Sokongan G17 telah dikeluarkan sepanjang tahun 2021.

JENIS PERMOHONAN	KAWASAN PEMBANGUNAN										JUMLAH
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
PELAN KERJA TANAH	17	14	8	18	16	5	13	16	16	17	140
PELAN JALAN & PERPARITAN	23	10	9	16	13	10	13	20	14	19	147
SOKONGAN G17	20	13	17	20	13	14	12	17	13	20	159
JUMLAH KESELURUHAN	**60**	**37**	**34**	**54**	**42**	**29**	**38**	**53**	**43**	**56**	**446**

Statistik Permohonan Kelulusan dan Pengeluaran Kelulusan Kerja Tanah, Jalan & Parit dan Surat Sokongan G17 bagi Tahun 2021

5.4 Unit Alamat dan Pengisytiharan Jalan

Unit Alamat dan Pengisytiharan Jalan berfungsi sebagai unit yang memproses dan memberi kelulusan bagi permohonan alamat, penamaan jalan dan pengisytiharan jalan.

5.4.1 Pemberian Alamat

Memproses dan meluluskan permohonan nombor bangunan untuk tujuan pemberian alamat pada setiap bangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selaras dengan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh jabatan dan Akta 133 Parit Jalan dan Bangunan di bawah Seksyen 31.

Pada 2021, sebanyak 112 permohonan telah diterima meliputi permohonan bagi pembangunan Kondominium, Pangsapuri, Rumah Pangsa, Banglo, Rumah Teres, Rumah Kedai/ Pejabat, Hotel, Sekolah dan Dewan.

	BULAN												JUMLAH
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
Bil. Permohonan	6	11	15	8	6	1	3	8	13	14	13	14	112

Statistik Pemberian Alamat Tahun 2021

5.4.2 Pemberian Nama Jalan Pemberian Alamat

Pemberian nama jalan yang baru disiapkan oleh pemaju dan nama-nama jalan lama yang kurang sesuai untuk dikekalkan melalui satu Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JTNGWPKL) dan diangkat untuk pengesyoran dan kelulusan ke mesyuarat Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Wilayah Persekutuan di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan selaras dengan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh jabatan dan Akta 133 Parit Jalan dan Bangunan di bawah Seksyen 29.

Pada tahun 2021 sebanyak 12 batang jalan baru telah dinamakan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Wilayah Persekutuan Kementerian Wilayah Persekutuan.

5.4.3 Pengisytiharan Jalan Pemberian Nama Jalan Pemberian Alamat

Mengisytiharkan jalan-jalan persendirian kepada jalan awam selaras dengan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh jabatan dan Akta 133 Parit Jalan dan Bangunan di bawah Seksyen 13.

Pada 2021, sebanyak 38 batang jalan yang dibina oleh pihak pemaju telah disytiharkan kepada jalan awam.

5.5 Unit Permit Angkut Bahan

Unit Permit Angkut Bahan berperanan memproses permohonan permit angkut bahan yang dikemukakan oleh pihak jurutera perunding projek pembangunan dan pengusaha lori.

5.6 Permohonan permit

BIL	BULANAN	LORI TANAH			LORI BAHAN BINAAN			LORI KONKRIT		
		Permohonan	Kelulusan	Permit	Permohonan	Kelulusan	Permit	Permohonan	Kelulusan	Permit
1	Januari	36	21	64	76	71	185	19	15	175
2	Febuari	25	18	110	91	83	248	13	11	101
3	Mac	19	21	77	110	91	329	12	5	37
4	April	31	29	125	62	63	173	7	10	109
5	Mei	16	9	42	94	80	201	1	0	0
6	Jun	18	13	38	37	35	83	0	0	0
7	Julai	15	5	14	32	10	14	0	0	0
8	Ogos	20	25	125	69	65	234	1	0	0
9	September	23	17	64	84	68	174	3	2	3
10	Oktober	8	8	23	57	57	94	2	2	3
11	November	25	26	70	106	100	305	3	2	12
12	Disember	13	12	25	68	66	165	20	20	88
JUMLAH		**249**	**204**	**777**	**886**	**789**	**2205**	**81**	**67**	**528**

JUMLAH PERMOHONAN	**1216**
JUMAH KELULUSAN	**1060**
JUMLAH PELEKAT PERMIT YANG DIKELUARKAN	**3510**

Sebanyak 1216 permohonan telah diterima dan sebanyak 1060 permohonan yang telah diluluskan sepanjang tahun 2021 merangkumi permit angkut bahan bagi lori tanah, lori konkrit, lori bahan binaan dan lori konkrit.

5.7 Bahagian Perancangan

Bahagian Perancangan adalah terlibat dengan perancangan serahan bagi tujuan rezab jalan dan saliran, pelan pra-hitungan, kajian impak trafik, kemudahan tempat letak kereta, kemudahan jejantas pejalan kaki dan kemudahan pejalan kaki berbumbung.

5.7.1 Unit Perancangan Jalan dan Saliran

Bertanggungjawab memberi ulasan yang berkaitan dengan serahan tanah bagi tujuan rezab jalan & saliran dan ulasan kajian impak trafik bagi permohonan kebenaran perancangan. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab memproses permohonan pengesahan pelan pra-hitungan dan melaksanakan kajian perancangan rangkaian jalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.7.2 Ulasan Perancangan Jalan dan Saliran

PERKARA	KAWASAN PERANCANGAN										JUMLAH KESELURUHAN
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
JUMLAH ULASAN	75	80	54	85	71	49	67	73	55	71	**680**

Statistik Ulasan Perancangan Jalan dan Saliran Tahun 2021

5.7.3 Pengesahan Pelan Pra-Hitungan

PERKARA	KAWASAN PERANCANGAN										JUMLAH KESELURUHAN
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
JUMLAH PENGESAHAN	11	6	4	8	3	5	4	10	8	6	**65**

Statistik Pengesahan Pelan Pra-Hitungan 2021

5.7.4 Ulasan Pelan Pra Hitungan 2021

PERKARA	KAWASAN PERANCANGAN										JUMLAH KESELURUHAN
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
JUMLAH PENGESAHAN	8	4	4	6	2	1	2	6	7	8	**48**

Statistik Ulasan Pelan Pra-Hitungan 2021

5.75 Perancangan Rangkaian Jalan

Melaksanakan perancangan susun atur jajaran rangkaian jalan sedia ada dan jalan baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.7.6 Pelan Perancangan Jalan

Mengemaskini Pelan Perancangan Jalan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sedia ada dengan menggunakan perisian AutoCAD.

5.7.7 Ulasan Penilaian Laporan Kajian Impak Trafik

Memproses ulasan Laporan Kajian Impak Trafik (TIA) bagi pemajuan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan membentuk Jawatankuasa untuk menilai TIA yang dikemukakan oleh perunding TIA. Jawatankuasa ini terdiri dari wakil jabatan teknikal dalaman iaitu Jabatan Pengangkutan Bandar (JPB), Jabatan Kejuruteraan Awam & Saliran (JKAWS) dan Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB). Hasil keputusan mesyuarat akan dimaklumkan dengan menyediakan Ulasan TIA kepada JPRB dalam mempertimbangkan sesuatu pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.8 Unit Kemudahan Pengangkutan Awam

Berperanan dalam memproses dan memperakukan pelan-pelan berkaitan Tempat Letak Kereta, Perhentian Bas/ Teksi, Pelan Jejantas Pejalan Kaki dan Pejalan Kaki Berbumbung yang perlu dibina di bawah Projek Pembangunan yang dijalankan oleh pihak swasta dan kerajaan.

5.8.1 Ulasan Tempat Letak Kereta (TLK)

Penyediaan ulasan Tempat Letak Kereta bagi Permohonan Kebenaran Perancangan mengulas TLK dari segi pematuhan syarat-syarat berpandukan Garis Panduan TLK JPIF.

Jumlah ulasan TLK terhadap pemohonan Pelan Kebenaran Perancangan pada tahun 2021 adalah sebanyak 729 ulasan.

5.8.2 Memperakukan Pelan-Pelan TLK

Pelan-pelan TLK untuk perakuan TLK disemak terlebih dahulu dari segi pematuhan Garis Panduan JPIF dan pematuhan kepada syarat TLK dalam Perintah Pembangunan untuk sokongan kepada Pelan Bangunan.

5.8.3 Kemudahan Pengangkutan Awam

Kemudahan Pengangkutan Awam seperti laluan pejalan kaki berbumbung, jejantas dan bas '*layby*'. Dikemukakan oleh pemohon samada ianya adalah syarat Perintah Pembangunan atau secara (*Corporate Sosial Responsility*) oleh pemaju.

BIL	PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH KELULUSAN
1	Perakuan keperluan penyediaan TLK	202	202
2	Kelulusan Jejantas, Laluan Pejalan Kaki Berbumbung, Hentian Bas dan Teksi	17	15
3	Pematuhan syarat Perintah Pembangunan untuk pengesyoran CCC	62	62
	JUMLAH KESELURUHAN	**281**	**279**

Bilangan Permohonan dan Perakuan Tempat Letak Kereta dan Kemudahan Pengangkutan Awam Tahun 2020

5.9 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Bahagian ini bertindak sebagai penyelaras antara pentadbiran DBKL dengan bahagian-bahagian lain di jabatan bagi melaksanakan tugas-tugas yang menyentuh soal dasar atau memerlukan kerjasama antara bahagian-bahagian. Bahagian ini juga berperanan untuk memastikan kerja-kerja jabatan dapat dilaksanakan dengan lancar serta bertanggungjawab ke atas tugas-tugas pentadbiran am jabatan.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus Tahun 2021


PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	1,224,700.00	975,256.00	80


7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021


TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
19 Mac -19 April 2021	Semua wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), National Water Research Institute of Malaysia (NAHRIM) dan MyHomePalms Integrated Sdn. Bhd.	Taklimat Pelaksanaan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan Secara Online	Memberi kefahaman serta sesi perkongsian berkaitan pelaksanaan Sistem Penuaian Air Hujan oleh DBKL bersama PBT dan agensi luaran.














Gmail — Wan Attiya <wanattiya@gmail.com>

Kursus Pelaksanaan Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH)

3 messages

Santhini Thamilarasan <santhini@kpkt.gov.my> Fri, Mar 19, 2021 at 5:11 PM
To: Wan Attiya <wanattiya@gmail.com>, r.haris@mbmb.gov.my, mdsepl@gmail.com, kiucy89@sarawak.gov.my, nelson94@sarawak.gov.my, syukri@sarawak.gov.my, justinecgk@sarawak.gov.my, erwin.s@sarawak.gov.my, fatin94@sarawak.gov.my, dreny@sarawak.gov.my, ali@mdka.gov.my, azuan@mdka.gov.my, sanusaimdms@kelantan.gov.my, cash_87@yahoo.com.my, harim601017@gmail.com, izzahaf@sarawak.gov.my, dorawa@sarawak.gov.my, sylviana@sarawak.gov.my, haizszm@sarawak.gov.my, rizana@sarawak.gov.my, jonathanh@sarawak.gov.my, fionaburu@sarawak.gov.my, ijau@sarawak.gov.my, jorrelk@sarawak.gov.my, samuelas@sarawak.gov.my, dulianabdul89@gmail.com, liania@sarawak.gov.my, mdwimu@sarawak.gov.my, mdmarudi@sarawak.gov.my, jkpmpbp@gmail.com, amiza@mbpp.gov.my, nadzly80@gmail.com, norsuwanizulkefli@gmail.com, lowkaryongperancang@gmail.com, uhtm@dbkl.gov.my, kalaivaran@mbpp.gov.my, norhidayah@mbpp.gov.my, azdah@mpjasin.gov.my, mdpjohor@gmail.com, nezwatson@gmail.com, jtic@jardc.gov.my, dgumisuminrahmran@gmail.com, dannykoay@mbpp.gov.my, faizwan@mbpp.gov.my, muahirah@mbpp.gov.my, pentadbiranmpj@gmail.com, kalthum@sarawak.gov.my, zafirah@miricouncil.gov.my, fakhriyah_hassan@yahoo.com, miro_ezad@yahoo.com, izamdhi@gmail.com, yuyun_77@yahoo.com, amyrockental86@gmail.com, amri.zaina@hotmail.com, muzulkifleih.88@gmail.com, jk@mbmb.gov.my, mdt@mdlampin.gov.my, fak870824@gmail.com, fiaahjfk@gmail.com, mdt@mdlampin.gov.com, maharani@mpberiong.gov.my, mhazwan@sarawak.gov.my, mdbau@sarawak.gov.my, suriagading@gmail.com, barrywongmt@gmail.com, jkp_md@yahoo.com, NurulAsyikin.saudin@sabah.gov.my, wong.sf@bda.gov.my, mdmap@johor.gov.my, rohzaina@mbmb.gov.my, intanhasrida3@rawani@yahoo.com, sabindc@sarawak.gov.my, r.hanif@mbmb.gov.my, alawardindah1997@gmail.com, anarizx_mbjb@yahoo.com, alexgunda@gmail.com, hafizzuddin112104@gmail.com, norainbjp@gmail.com, latihan.mphtj@gmail.com, dianaqas@yahoo.com, ilyas@mbpj.gov.my, ahmadfadli@mbpj.gov.my, noorshilamuhdghazali@mbpj.gov.my, norazura@mbpj.gov.my, afiq@mpd.gov.my, norliana@mbpj.gov.my, farrss@sarawak.gov.my, cinurmastura89@gmail.com, mzakariyya_84@yahoo.com, hanleybee85@gmail.com, abdulrzalkhamis@mbpj.gov.my, latihan@mdc.gov.my, jeyakumar@mbpp.gov.my, mohdawrafhamdan@gmail.com, nurfarishabakiahyuari@gmail.com, amri.mpk@gmail.com, Sahrulmpkluang@gmail.com, muhairahakmal@yahoo.com, zikrizain9@gmail.com, jtangt388@gmail.com, hassan.igcfx1@gmail.com, chiawaling@gmail.com, mohdhashim@mbpp.gov.my
Cc: Noor Azman Bin Mastor <noor_azman@kpkt.gov.my>, Shapiramia Binti Hasanuddin <shapiramia@kpkt.gov.my>, Sarizah Binti Saipin <sarizah@kpkt.gov.my>, ZURAIDI <zuraidi@kpkt.gov.my>

Salam sejahtera,

Tuan/Puan,

Jemputan untuk Menghadiri Kursus Pelaksanaan Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH)

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Tuan/Puan seperti di **Lampiran A** adalah terpilih untuk menyertai kursus seperti berikut:

KURSUS : KURSUS PELAKSANAAN SISTEM PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN SEMULA AIR HUJAN

TARIKH : 19 MAC 2021 – 19 APRIL 2021

TEMPAT : SECARA ATAS TALIAN

3. Berikut adalah pautan video ceramah dan kuiz bagi kursus ini:

SLOT 1 (DBKL)

Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan Dalam Bandaraya Kuala Lumpur
Penceramah : Puan Wan Attiya binti Yusoh , DBKL

Pautan video ceramah : https://drive.google.com/file/d/1VTrO2laLHoHt2uHuVew1wcDoYhEv2FNQ/view?usp=sharing

SLOT 2 (NAHRIM)

New Perspective On Optimisng RWH As Alternative Water Resources Through R&D Initiatives
Penceramah : Ir. Marini Mohd Ideris, NAHRIM

Pautan video ceramah : https://drive.google.com/file/d/1t0lA1eE30HAVLKR_5cMslyo19nvXShgP/view?usp=sharing

SLOT 3 (MYHOMEPALMS)

Rainwater Harvesting and Company Products
Penceramah ; Encik Alvin Lam Lip Shyan, MYHOMEPALMS Intergrated SDN BHD

Pautan video ceramah :https://www.dropbox.com/s/df5eobv28mvr1es/video%20prez%20%28RWH%20by%20MHP%29.mp4?dl=0

KUIZ

Pautan *google form* kuiz : https://docs.google.com/forms/d/18FQC-H3iNZOK2UtPXmyEAoZzAV8GMWjtSXPgjk1ny4/edit?usp=sharing

Pautan ini boleh diakses oleh peserta sepanjang tempoh sebulan seperti tarikh di atas dan boleh diakses mengikut kesesuaian masa dan lokasi peserta. Peserta kursus adalah dimohon untuk memberikan komitmen serta menghabiskan kursus dalam tempoh tersebut.

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
Mac 2021	JPIF, JPK, Unit Drone UUG JPPH, Wakil Penduduk Kg Bukit Lanjan.	Operasi Bersepadu Tapak Kerja Tanah Tanpa Kebenaran. (Tapak penanaman pokok durian di Sungai Penchala)	Memastikan pemilik lot menghentikan kerja-kerja tanah tanpa kebenaran tersebut serta merta dan mengambil tindakan serta langkah-langkah pembersihan sistem saliran dan kawalan tapak dengan segera bagi mengurangkan kesan aliran air larian dari kawasan tapak ke sistem perparitan awam.











Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP) bertanggungjawab menyelaras serta memantau projek-projek pembangunan yang merangkumi aktiviti seperti penyediaan peruntukan projek pembangunan, pengemaskinian status projek dan pengagihan sumber kewangan yang telah diluluskan kepada Jabatan Pelaksana.

Selain itu, Jabatan ini turut memainkan peranan sebagai penyelaras bagi projek-projek penswastaan DBKL disamping terlibat juga di dalam pelaksanaan permohonan bagi pembinaan struktur telekomunikasi dan juga penyelarasan serta pemantauan setinggan di Kuala Lumpur

1.2 Bahagian-Bahagian/Unit-Unit di Jabatan

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP) terbahagi kepada 2 bahagian utama iaitu:

i. Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan
ii. Bahagian Penswastaan

Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan

Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan merangkumi 4 unit utama seperti berikut:-

i. Unit Pentadbiran Dan Kewangan
ii. Unit Belanjawan dan Pemantauan Projek Kerajaan
iii. Unit Pemantauan Projek Dbkl (JPPPB)/ Projek Khas DBKL Dan Telekomunikasi
iv. Unit Pemantauan Projek Dbkl (Selain JPPPB) Dan Pengurusan Pembangunan

Bahagian Penswastaan

Bahagian Penswastaan pula merangkumi 2 unit utama seperti berikut:-

i. Unit Penswastaan 1
ii. Unit Penswastaan 2

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan di Jabatan ini adalah seramai 62 orang dan pecahan mengikut kategori adalah seperti berikut:-

BIL	KUMPULAN	JUMLAH
1.	Pengurusan & Profesional	17
2.	Sokongan B	11
3.	Sokongan C	26
4.	Sokongan D	8
	JUMLAH	**62**

2.0 VISI DAN MISI JABATAN

2.1 Visi -

Ke arah merancang pembangunan sosioekonomi yang mampan dan dinamik bagi mencapai negara maju dan masyarakat sejahtera.

2.2 Misi -

Mencapai satu bentuk pembangunan yang seimbang melalui perancangan ekonomi bandar yang menyeluruh dan bersepadu selaras dengan dasar pembangunan negara

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Piagam Pelanggan Jabatan mengandungi 5 perkara:-

i. Mengemukakan laporan prestasi kemajuan projek di bawah pembiayaan kerajaan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) setiap bulan.

ii. Memastikan permohonan pelepasan unit kuota bumiputera diberi maklumbalas dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh mesyuarat.

iii. Memberi maklumbalas terhadap permohonan pembelian tanah, pajakan tanah dan projek usahasama dalam tempoh 7 hari bekerja selepas keputusan mesyuarat di peringkat pengurusan diterima.

iv. Memproses dokumen dan pelan-pelan cadangan pembangunan untuk tujuan kebenaran perancangan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima.

v. Menguruskan dokumen yang melibatkan sub-sale dalam tempoh masa 14 hari bekerja selepas dokumen lengkap diterima

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

4.1 KPI Jabatan

BIL	KPI	SASARAN TAHUN 2021
1	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan	Semua pegawai dan kakitangan jabatan menghadiri kursus di peringkat jabatan 4 hari setahun
2	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan (berpandukan sasaran KWP)
3	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2021
4	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022 sebelum 31 Disember 2021
5	Pulangan hasil melalui projek usahasama diterima oleh DBKL sebelum akhir disember 2021	Memastikan 90% pulangan hasil melalui projek usahasama iaitu sebanyak RM 140 juta (tunai dan *in kind*) diterima oleh DBKL sebelum akhir Disember 2021
6	Pulangan hasil melalui projek penjualan tanah diterima oleh DBKL sebelum akhir disember 2021	Memastikan 90% pulangan hasil melalui projek penjualan tanah daripada RM 260 juta (tunai dan *in kind*) diterima oleh DBKL sebelum akhir Disember 2021
7	Pulangan hasil melalui projek pajakan diterima oleh DBKL sebelum akhir disember 2021	Memastikan 90% pulangan hasil melalui projek pajakan daripada RM 5 juta diterima oleh DBKL sebelum akhir Disember 2021
8	Perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan dibelanjakan dalam tempoh yang ditetapkan	Memastikan prestasi perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan mencapai 90%.

9	Mengunci masuk maklumat projek pembangunan ke dalam sistem pemantauan projek 2 (SPP2)	Memastikan 100% maklumat projek pembangunan di kunci masuk ke dalam SPP2 setiap bulan
10	Senarai projek kecil yang diterima dan diluluskan dilaksanakan.	Memastikan 95% daripada 3 projek kecil yang diterima dan diluluskan dapat dilaksanakan.
11	Laporan outcome untuk projek DBKL	Menyelaraskan penyediaan laporan outcome bagi 5 projek yang dilaksanakan oleh DBKL
12	Pulangan hasil bagi yuran pemprosesan permohonan telekomunikasi yang diterima oleh DBKL sebelum akhir disember 2021	Memastikan 90% pulangan hasil bagi yuran pemprosesan permohonan telekomunikasi iaitu sebanyak RM 6 juta yang diterima oleh DBKL sebelum akhir disember 2021
13	Promosi/ hebahan pemilikan hartanah bumiputera	Melaksanakan 4 kali program promosi/ hebahan pemilikan hartanah bumiputera kepada ngo dan syarikat berkepentingan bumiputera.

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi Jabatan

i. Menyelaras penyediaan bajet pembangunan dan pengagihan sumber kewangan bagi projek-projek pembangunan kepada Jabatan Pelaksana.
ii. Menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan dan penswastaan DBKL
iii. Menilai kemajuan dan pencapaian projek pembangunan dan penswastaan;
iv. Mengenalpasti dan membuat kajian penyelidikan sosio ekonomi; dan
v. Menyelaras tindakan dan maklumbalas dengan institusi sosial dan politik serta agensi-agensi kerajaan dan swasta di luar DBKL.

5.2 Fungsi Bahagian dalam Jabatan

5.2.1 Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan

i. Mengurus tadbir hal-hal berkaitan pentadbiran dan kewangan Jabatan.
ii. Menyelaras dan memproses permohonan bagi pembinaan struktur-stuktur telekomunikasi di Kuala Lumpur.
iii. Merangka dan menyedia pelaporan Outcome bagi projek-projek pembangunan DBKL yang telah dilaksanakan.
iv. Merancang, memantau, menyelaras, menyedia dan mengagih peruntukkan bajet pembangunan bagi projek-projek pembangunan yang ingin dilaksanakan.
v. Menyelaras pembangunan infrastruktur Projek Kecil dan Projek Khas.
vi Menguruskan isu-isu berkaitan struktur dan kependudukan setinggan.
vii. Mengurus serta memantau kedudukan hartanah unit-unit kuota bumiputera serta menyelaras permohonan pelepasan unit-unit kuota bumiputera

5.2.2 Bahagian Penswastaan

i. Mengkaji permohonan-permohonan projek daripada syarikat swasta dan seterusnya mendapatkan kelulusan pentadbiran dan kerajaan.
ii. Menyelaras permohonan pemberimilikan tanah kerajaan/DBKL untuk dibangunkan secara penswastaan.
iii. Menentukan hala tuju/dasar/garis panduan kesesuaian tanah untuk dibangunkan projek penswastaan melalui penjualan tanah, usahasama land swap dan pajakan
iv. Medium pengantara wargakota bagi urusan-urusan permohonan unit-unit Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP).

v. Memproses permohonan pindah milik bagi unit kediaman/komersil yang belum memiliki status strata
vi Menyelaras proses pindahmilik dan penjualan semula
vii. Menyelaras projek penjualan tanah/usahasama/pembangunan semula.

6.0 BAJET

6.1 Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	8,851,700.00	7,672,983.00	86.7

Bahagian Pembangunan pula berperanan dalam menyelaras dan memantau pelaksanaan prestasi fizikal projek pembangunan serta menyelaras permohonan bajet pembangunan DBKL. Bahagian ini juga menyelaraskan projek-projek pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat.

Terdapat tiga (3) unit di bahagian ini iaitu:

i. Unit Belanjawan dan Pemantauan Projek Kerajaan
ii. Unit Pemantauan Projek DBKL (selain JPPPB) dan Pengurusan Pembangunan
iii. Unit Pemantauan Projek DBKL (JPPPB)/Projek Khas DBKL dan Telekomunikasi

6.1.1 Unit Belanjawan dan Pemantauan Projek Kerajaan

Pada tahun 2021, peruntukan asal bagi projek/program pembangunan adalah sebanyak **RM794,389,500**. Bagaimanapun, Belanjawan Pembangunan DBKL bagi tahun 2021 telah mengalami pindaan peruntukan menjadikan jumlah terbaharu sebanyak **RM580,540,800**. Jadual 6.1.1.1 di bawah menunjukkan prestasi kewangan mengikut sumber pembiayaan bagi tahun 2021.

Jadual 6.1.1.1: Prestasi Kewangan Mengikut Sumber Pembiayaan Bagi Tahun 2021

SUMBER PEMBIAYAAN	KESELURUHAN		
	Kos Projek (RM)	Peruntukan (RM)	Bil. Projek
DBKL	4,905,564,489	441,711,900	430
RMKe-11	1,280,713,000	70,459,500	41
GREATER KL	1,151,376,699	35,967,000	11
SWASTA	126,500,000	4,810,000	2
LAIN-LAIN	80,656,484	27,592,400	15
JUMLAH	7,544,810,672	580,540,800	499

Manakala, Jadual 6.1.1.2 pula menunjukkan peruntukan pembangunan mengikut sumber pembiayaan dan status projek.

Jadual 6.1.1.2 : Peruntukan pembangunan mengikut sumber pembiayaan dan status projek 2021

SUMBER PEMBIAYAAN	PELAKSANAAN / SIAP			PERANCANGAN			KESELURUHAN		
	Kos Projek (RM)	Peruntukan (RM)	Bil. Projek	Kos Projek (RM)	Peruntukan (RM)	Bil. Projek	Kos Projek (RM)	Peruntukan (RM)	Bil. Projek
DBKL	3,726,527,311	414,605,700	249	1,179,037,178	27,106,200	181	4,905,564,489	441,711,900	430
RMKe-11	1,139,513,000	57,459,500	38	141,200,000	13,000,000	3	1,280,713,000	70,459,500	41
GREATER KL	1,151,376,699	35,967,000	11	0	0	0	1,151,376,699	35,967,000	11
SWASTA	126,500,000	4,810,000	2	0	0	0	126,500,000	4,810,000	2
LAIN-LAIN	8,594,484	410,400	7	72,062,000	27,182,000	8	80,656,484	27,592,400	15
JUMLAH	**6,152,511,494**	**513,252,600**	**307**	**1,392,299,178**	**67,288,200**	**192**	**7,544,810,672**	**580,540,800**	**499**

Pada tahun 2021, prestasi keseluruhan perbelanjaan projek pembangunan mencatat **84.05%** dengan jumlah perbelanjaan sebanyak **RM487,919,266**. Peruntukan pindaan sebanyak **RM213,848,700** diperlukan bagi memastikan projek pembangunan pada tahun 2021 dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Jadual 6.1.1.3 seperti di bawah menunjukkan prestasi perbelanjaan projek pembangunan mengikut jabatan.

Jadual 6.1.1.3: Laporan Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan Mengikut Jabatan Pelaksana Bagi Tahun 2021

NAMA JABATAN	BIL PROJEK	PERUNTUKAN 2021 (RM)	BIL PROJEK	PINDAAN PERUNTUKAN 2021 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR SEHINGGA 31 DIS 2021 (RM)	BAKI PERUNTUKAN	PERATUS BELANJA (%)
JPPPB	145	208,191,500	237	110,870,400	100,545,383	10,325,017	90.69
JKAWS	87	349,400,000	100	230,039,500	202,101,513	27,937,987	87.86
JPB	16	12,290,000	33	9,442,300	8,705,910	736,390	92.20
JPLR	56	34,775,000	63	32,510,500	25,501,966	7,008,534	78.44
JPKKB	22	14,560,000	32	19,925,000	18,351,556	1,573,444	92.10
JKME	10	10,110,000	16	8,830,300	8,389,082	441,218	95.00
JPPH	13	105,563,000	15	131,682,800	114,979,808	16,702,992	87.32
JPEP	2	59,500,000	3	37,240,000	9,344,048	27,895,952	25.09
JUMLAH	**351**	**794,389,500**	**499**	**580,540,800**	**487,919,266**	**92,621,534**	**84.05**

Jika dilihat dari Jadual 6.1.1.4 di bawah, jelas menunjukkan projek berstatus pelaksanan dan siap mendahului jumlah keseluruhan projek pembangunan DBKL bagi tahun 2021.


Jadual 6.1.1.4 : Prestasi Status Projek Bagi Tahun 2021

JABATAN PELAKSANA	KESELURUHAN MENGIKUT PERUNTUKAN (PELAKSANAAN DAN SIAP)				KESELURUHAN MENGIKUT PERUNTUKAN (PERANCANGAN)			
	Pindaan Peruntukan Bil. 2/2021		Perbelanjaan Mengikut Peruntukan	Peratus Belanja	Bil. Projek	Pindaan Peruntukan Bil 2/2021	Perbelanjaan Mengikut Peruntukan	Peratus Belanja
	Bil. Projek	(RM)	(RM)	%		(RM)	(RM)	%
JPPPB	151	104,192,100	94,289,355	90.50	86	6,678,300	6,256,028	93.68
JKAWS	72	181,744,400	179,956,110	99.02	28	48,295,100	22,145,403	45.85
JPB	19	9,242,200	8,506,192	92.04	14	200,100	199,718	99.81
JPLR	38	32,180,100	25,441,426	79.06	25	330,400	60,540	18.32
JPKKB	13	15,050,000	14,655,982	97.38	19	4,875,000	3,695,574	75.81
JKME	5	7,330,000	7,095,802	96.80	11	1,500,300	1,293,280	86.20
JPPH	7	128,613,800	113,281,129	88.08	8	3,069,000	1,698,679	55.35
JPEP	2	34,900,000	7,004,048	20.07	1	2,340,000	2,340,000	100.00
JUMLAH	**307**	**513,252,600**	**450,230,044**	**87.72**	**192**	**67,288,200**	**37,689,222**	**56.01**

Jika dilihat dari aspek kategori status projek, status pelaksanaan mencatat peratusan sebanyak **61.5%**, manakala di peringkat perancangan projek adalah sebanyak **38.5%**. Kebanyakan projek-projek yang dilaksanakan pada tahun 2021 adalah projek-projek sambungan seperti naiktaraf dan membina infrastruktur jalan raya, naiktaraf dan penggantian lif-lif di PPA/PR, pengindahan bandar dan lain-lain lagi yang perlu diteruskan pelaksanaannya.

Ini menunjukkan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh DBKL bergerak seiring dan bertepatan dengan matlamat untuk memacu ekonomi di Kuala Lumpur dan negara amnya sepanjang berada di dalam fasa pandemik Covid-19.

Carta pai berikut menunjukkan peratusan keseluruhan status projek.



Carta 6.1.1.5 : Pecahan Status Projek Bagi Tahun 2021

6.1.2 Unit Pemantauan Projek DBKL (selain JPPPB) dan Pengurusan Pembangunan

i. Seksyen Penyelarasan Projek-Projek Kecil

Seksyen ini bertanggungjawab menyelaras peruntukan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan berskala kecil berkaitan infrastruktur dan bekalan yang tidak melebihi RM200,000.00. Penyelarasan projek melibatkan kerjasama dan input daripada Pejabat-pejabat Cawangan di 11 Parlimen. Berikut adalah perincian:

Jadual 6.1.2.1: Prestasi perbelanjaan Projek-projek Kecil (Infrastruktur)

BIL	VOT	PROJEK / PERUNTUKAN	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1	B0212220	Projek-projek Kecil	11	161,413.50

Sebanyak 11 Projek-projek Kecil (Infrastruktur) telah diluluskan pada tahun 2021 dengan jumlah sebanyak RM161,413.50. Prestasi pelaksanaan adalah seperti berikut:

Jadual 6.1.2.2: Prestasi Pelaksanaan Projek Kecil Infrastruktur 2021 Mengikut Pejabat Cawangan

BIL	PEJABAT CAWANGAN	JUMLAH		JABATAN			JUMLAH
		Projek	Siap	JPPPB	JKAWS	JPLR	
1	KEPONG	-	-	-	-	-	-
2	CHERAS	-	-	-	-	-	-
3	SEGAMBUT	-	-	-	-	-	-
4	SEPUTEH		-	-	-	-	-
5	WANGSA MAJU	7	7	1	5	1	7
6	BANDAR TUN RAZAK	-	-	-	-	-	-
7	BUKIT BINTANG	-	-	-	-	-	-
8	BATU	-	-	-	-	-	-
9	TITIWANGSA	-	-	-	-	-	-
10	LEMBAH PANTAI	1	1	1	-	-	1
11	SETIAWANGSA	3	3	1	1	1	3
JUMLAH		**11**	**11**	**3**	**6**	**2**	**11**

ii. Seksyen Kuota Bumiputera

Pada tahun 2021, sebanyak 5 siri mesyuarat pelepasan unit kuota bumiputera telah diadakan yang melibatkan 29 pemaju bagi permohonan pelepasan unit kuota bumiputera iaitu sebanyak 2,998 unit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 541 unit telah dilepaskan mengikut prosedur pelepasan unit kuota bumiputera.

BIL	PEMAJU	UNIT BUMIPUTERA	UNIT PELEPASAN	BAKI UNIT
1	WCT OUG Development Sdn. Bhd.	62	0	62
2	Kaisar Maxim Sdn. Bhd. (Fasa 1)	110	33	77
3	Kaisar Maxim Sdn. Bhd. (Fasa 2)	61	18	43
4	Amber Home Sdn. Bhd	146	0	146

5	Ibarat Duta Sdn. Bhd.	102	0	102
6	Nusmetro Property Sdn Bhd (RN)	14	0	14
7	Nusmetro Property Sdn Bhd (PK)	17	0	17
8	Majestic Maxim Sdn. Bhd. (RN)	16	0	16
9	Majestic Maxim Sdn. Bhd. (PK)	523	0	523
10	JL99 Development Sdn. Bhd.	112	0	112
11	Wajatex Sdn. Bhd.	43	34	9
12	Dwitasik Sdn Bhd	31	0	31
13	Bon Estates Sdn. Bhd.	52	42	10
14	Amber Home Sdn. Bhd	146	0	146
15	Pancaran Nilai (M) Sdn. Bhd.	4	0	4
16	I-Marcom Sdn. Bhd.	18	18	0
17	OCR Noble Land (The Pano) Sdn. Bhd.	94	28	66
18	Amber Home Sdn. Bhd.	146	73	73
19	Nusmetro Property Sdn Bhd (RN)	14	14	0
20	Nusmetro Property Sdn Bhd (PK)	17	0	17
21	Havana Solaris Sdn. Bhd.	139	70	69
22	TTDI KL Metropolis Sdn. Bhd.	156	47	109
23	Natural Domain Sdn. Bhd.	43	13	30
24	City View Ventures Sdn. Bhd.	162	80	82
25	WCT OUG Development Sdn. Bhd.	62	62	0
26	Sky Awani 2 Development Sdn. Bhd.	49	0	49
27	Kerjaya Property Sdn. Bhd.	340	0	340
28	Wajatex Sdn. Bhd.	9	9	0
29	Intersky Development Sdn. Bhd.	310	0	310
	Jumlah	**2,998**	**541**	**2457**

6.1.3 Unit Pemantauan Projek DBKL (JPPPB)/Projek Khas DBKL dan Telekomunikasi

Projek Penggantian Tiang Lampu Sedia Ada Milik DBKL Kepada Tiang Lampu Berintegrasi Sistem Pemancar Telekomunikasi

Sejumlah 26 syarikat telah dilantik untuk melaksanakan projek ini sehingga tahun 2021 dan sejumlah 1251 struktur telah dibina di sekitar Kuala Lumpur.

Perunding Yang Dilantik

Bagi melicinkan urusan memproses permohonan kebenaran mendirikan struktur telekomunikasi, sebuah syarikat perunding telah dilantik iaitu Akar Kordinasi Sdn. Bhd. (AKSB). Syarikat juga dipertanggungjawabkan mengenalpasti struktur-struktur yang telah dibina tanpa kelulusan untuk tujuan Program Pemutihan. Prestasi

kutipan hasil bagi memproses permohonan kebenaran mendirikan struktur telekomunikasi adalah seperti berikut:

Jadual 6.1.3.1: Prestasi Kutipan Bagi Tahun 2021

BULAN	KUTIPAN (RM)
Januari	494,800.00
Februari	960,200.00
Mac	1,737,100.00
April	495,500.00
Mei	885,200.00
Jun	-
Julai	43,100.00
Ogos	18,200.00
September	31,400.00
Oktober	137,500.00
November	333,400.00
Disember	245,900.00
Jumlah	**5,382,300.00**

6.2 Bahagian Penswastaan

Bahagian ini bertanggungjawab mengendalikan dan menyelaras projek-projek penswastaan DBKL khususnya melibatkan projek pembangunan tanah. Sehingga bulan Disember 2021, JPEP mengendalikan sebanyak 142 projek penswastaan dengan pulangan terkumpul dianggarkan sebanyak **RM 5,829,852,580.81** yang mana terimaan hasil bagi sepanjang tahun 2021 adalah sebanyak **RM 363,181,380.81.**

Status pelaksanaan dan pulangan projek penswastaan bagi sepanjang tahun 2021 adalah seperti di jadual berikut:-

Jadual 6.2.1: Bilangan Projek Penswastaan Bagi Tahun 2021

BIL	KATEGORI	JUMLAH
1	Usahasama dan pembangunan semula	30
2	Pajakan/Penyewaan/right-to-occupy	24
3	Penjualan tanah	88
JUMLAH KESELURUHAN		**142**

Jadual 6.2.2: Pecahan Projek Penjualan Tanah Mengikut Kategori Bagi Tahun 2021

BIL	KATEGORI	JUMLAH
1	Selesai	69
2	Telah Tandatangan Perjanjian	12
3	Belum Tandatangan Perjanjian	7
4	Penjualan tanah Dibatalkan	15
JUMLAH KESELURUHAN		**103**

Jadual 6.2.3: Pulangan Projek-Projek Penswastaan Bagi Tahun 2021 (berdasarkan rekod Jabatan Kewangan)

BIL	STATUS PROJEK	TERIMAAN SEHINGGA DISEMBER 2021 (RM)
1	Projek Penswastaan	145,042,627.20
2	Penjualan Tanah	210,890,408.03
3	Pajakan	7,248,345.58
JUMLAH KESELURUHAN		**363,181,380.81**

Seksyen RUMAWIP

Seksyen ini adalah berperanan untuk membantu pihak KWP dalam menerima dan memproses permohonan pembelian unit bagi projek – projek RUMAWIP dibangunkan di atas tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur. Laporan status semakan kelayakan permohonan kemudian dikemukakan kepada Urusetia RUMAWIP, KWP untuk kelulusan mematuhi tempoh masa 1 bulan dari tarikh tutup permohonan dan kaedah yang telah ditetapkan. Namun, bermula April 2018, semua permohonan pembelian unit projek RUMAWIP telah dipusatkan di KWP bagi memastikan pemantauan rapi dalam memastikan proses permohonan dikawal selia sepenuhnya oleh KWP. Status penjualan unit RUMAWIP di bawah seliaan JPEP adalah seperti berikut:

		STATUS JUALAN 19 PROJEK RESIDENSI WILAYAH SEHINGGA DISEMBER 2021					
BIL	PROJEK	PEMAJU	JUMLAH UNIT	JUMLAH UNIT TERJUAL		BAKI	
1	RESIDENSI AKASIA PERMAISURI	DWITASIK SDN BHD	200	200	100.00%	0	0.00%
2	RESIDENSI DESA SATUMAS	GARUDA SEARAH SDN BHD	1,346	1,346	100%	0	0%
3	RESIDENSI DESAMAS	ERA ECOLAND SDN BHD	323	323	100%	0	0%
4	RESIDENSI ENESTA KEPONG	THRIVEN AMONA AMONA SDN BHD	254	254	100%	0	0%
5	RESIDENSI GURNEYMAS	ERA ECOLAND SDN BHD	274	274	100%	0	0%
6	RESIDENSI HIJAUAN LUMAYAN	DANAU LUMAYAN SDN BHD	512	512	100%	0	0%
7	RESIDENSI INSPIRASI SETAPAK	ALMAVENTURES DEVELOPMENT SDN BHD	900	893	99%	7	1%
8	RESIDENSI JALILMAS	SINERJUTA SDN BHD	1,050	1,050	100%	0	0%
9	RESIDENSI KEPONGMAS	SINERJUTA SDN BHD	1,514	1,514	100%	0	0%
10	RESIDENSI KEPONGMAS 2	UJANA MUTIARA SDN BHD	324	324	100%	0	0%
11	RESIDENSI KUCHAIMAS	UJANA MUTIARA SDN BHD	478	478	100%	0	0%
12	RESIDENSI PANDANMAS 2	FABER VISTA SDN BHD	1,920	1,920	100%	0	0%
13	RESIDENSI PV9 @ VISTA WIRAJAYA	AMBANANG DEVELOPMENT SDN BHD	438	438	100%	0	0%
14	RESIDENSI RAMPAI II	PANCARAN NILAI (M) SDN BHD	308	308	100%	0	0%
15	RESIDENSI RAZAKMAS	ASET KAYAMAS SDN BHD	427	427	100%	0	0%
16	RESIDENSI TASIKMAS	UJANA MUTIARA SDN BHD	463	463	100%	0	0%
17	RESIDENSI VISTA WIRAJAYA	AMBANANG DEVELOPMENT SDN BHD	515	515	100%	0	0%
18	RESIDENSI WANGSAMAS	ERA ECOLAND SDN BHD	441	441	100%	0	0%
19	SKYAWANI 3 RESIDENCES	SKY SANCTUARY DEVELOPMENT SDN BHD	1,905	1,905	100%	0	0%
		JUMLAH	**13,592**	**13,585**	**99%**	**7**	**1%**

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

BIL	TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM/AKTIVITI	OBJEKTIF
1	1 April 2021	Semua Pegawai dan Kakitangan Jabatan	Taklimat Integriti kepada Kakitangan Jabatan	Membudayakan integriti dan penerangan kepada jenayah rasuah dalam kalangan kakitangan.
2	1 Jun 2021	Pegawai dan Kakitangan Jabatan Wakil Jabatan Perumahan Negara (JPN) dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP)	Sesi Perkongsian Berkenaan Mekanisme Perjanjian Jual Beli Dan Urusan Hakmilik Strata Unit Kediaman	Memperoleh penerangan wakil Jabatan Perumahan Negara (JPN) dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP) mengenai mekanisme perjanjian jual beli dan urusan hakmilik strata unit kediaman.
3	12 Ogos 2021	Semua Pegawai dan Kakitangan Jabatan	Taklimat Mengenai Tuntutan Sumbangan Kebajikan Kakitangan DBKL	Penerangan mengenai tuntutan sumbangan kebajikan kepada kakitangan jabatan.
4	8 – 10 November 2021	Pegawai dan Kakitangan Jabatan serta Jabatan Dalaman DBKL yang terlibat. Turut serta wakil daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri	Bengkel Perancangan Dan Penyediaan Laporan Outcome Bagi Projek-Projek Pembangunan DBKL	Menyelaraskan penyediaan laporan outcome bagi projek pembangunan yang dilaksanakan oleh DBKL

Jabatan Kawalan Bangunan

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Kawalan Bangunan (JKB) adalah salah satu jabatan di bawah Sektor Perancangan dan diterajui oleh Pengarah Eksekutif (Perancangan). Jumlah pegawai dan kakitangan semasa di jabatan adalah seramai satu ratus enam puluh (160) orang termasuk empat (4) orang kakitangan PSH. Pegawai dan kakitangan di jabatan ini terdiri dari Juruukur Bangunan dan Jurutera Awam serta Penolong Jurutera Awam, Penolong Pegawai Senibina dan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa.

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi -

Ke arah menjadikan jabatan terunggul dalam mencapai hasrat DBKL sebagai bandar raya sejahtera untuk semua menjelang tahun 2030 dari aspek pembangunan.

2.2 Misi -

Memberikan perkhidmatan yang efisien, cekap dan telus dari segi kawalan bangunan untuk semua warga kota Kuala Lumpur

30 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Mengeluarkan Kelulusan Pelan Bangunan (KPB)/ Kebenaran Mendirikan Bangunan (KMB) dalam tempoh 7 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya syarat-syarat kelulusan.

3.2 a) Mengeluarkan Permit di bawah Undang-Undang Kecil 17 bagi permohonan kediaman kecil dan sederhana (Sekatan Dalaman) dalam tempoh 7 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya.

b) Mengeluarkan Permit di bawah Undang-Undang Kecil 18 bagi permohonan binaan sementara di tapak binaan dalam tempoh 7 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya.

3.3 a) Mengeluarkan Permit di bawah Undang-Undang Kecil 17 bagi permohonan kediaman kecil dan sederhana (Sekatan Dalaman) dalam tempoh 7 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya.

b) Mengeluarkan Permit di bawah Undang-Undang Kecil 18 bagi permohonan binaan sementara di tapak binaan dalam tempoh 7 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya.

3.4 a) Mengeluarkan Permit di bawah Undang-Undang Kecil 17 bagi permohonan kediaman kecil dan sederhana (Sekatan Dalaman) dalam tempoh 7 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya.

b) Mengeluarkan Permit di bawah Undang-Undang Kecil 18 bagi permohonan binaan sementara di tapak binaan dalam tempoh 7 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya.

3.5 Melaksanakan lawatan tapak untuk pemantauan pembinaan dalam tempoh 3 bulan selepas Kebenaran Mendirikan Bangunan (KMB) dikeluarkan.

3.6 Mengeluarkan surat sokongan bagi rayuan lesen dalam tempoh 14 hari selepas semua syarat dipatuhi sepenuhnya.

3.7 Mengeluarkan Sijil Penyempurnaan Pemeriksaan (Pemeriksaan Bangunan secara Berkala) dalam tempoh 14 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya.

3.8 Mengeluarkan surat kelulusan Kerja Lebih Masa (KLM) dalam tempoh 7 hari bekerja selepas pematuhan sepenuhnya.

3.9 Memaklumkan tindakan yang diambil terhadap aduan awam melalui Sistem Aduan DBKL (ISPAAA) dalam tempoh 3 hari dan melaksanakan maklum balas dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan diterima.

4.0 PETUNJUK UTAMA PRESTASI (KPI) TAHUN 2021

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (Customer Focus)	1	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan.	Semua pegawai dan kakitangan jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun.	95.3%
	2	Mensasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021.	Menyelesaikan 95% aduan yang diterima pada setiap bulan. (Berpandukan sasaran KWP)	96%
Memperkukuhkan tahap integriti, akauntabiliti dan telus (*Transparency)*	3	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah.	Mencapai sekurang-kurangnya 90% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2021.	90%
	4	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022 sebelum 31 Disember 2021.	-
Bandaraya Tadbir Urus Cekap	5	Semua pembinaan (skala besar & sederhana) mematuhi Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1985.	Melaksanakan 40 kali lawatan pemantauan tapak bersepadu (skala besar/ sederhana) bagi projek yang telah diluluskan untuk tindakan penguatkuasaan.	100%
	6	Semua binaan sementara mempunyai permit Undang-Undang Kecil Bangunan 18.	Memastikan tindakan diambil 100% binaan sementara tanpa permit di tapak bina dengan mengeluarkan notis/ kompaun.	100%
	7	Aduan/ kesalahan kacau ganggu pembinaan yang mempunyai kelulusan diambil tindakan.	Memastikan 100% tindakan penguatkuasaan diambil dengan mengeluarkan notis/ kompaun bagi aduan/ kesalahan kacau ganggu yang dikesan dalam pemantauan tapak bina bersepadu.	100%
Menggalakkan Budaya Kerja Cemerlang	8a	Menyediakan dan mengemaskini garis panduan/kajian semula dan kertas dasar yang berkaitan dengan bangunan-bangunan di WPKL.	Memastikan semua garis panduan/ kajian semula mendapat kelulusan: a. Mengemaskini 3 Garis Panduan sedia ada iaitu: i. Garis Panduan Asrama Sementara Pekerja Di Tapak Binaan. ii. Garis Panduan Papan Dendeng (Pagar Perlindungan Sementara) Tapak Pembinaan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. iii. Garis Panduan Permit Bagi Kerja-kerja Kecil Bangunan.	95%
	8b	Menyediakan garis panduan/kajian semula dan kertas dasar yang berkaitan dengan bangunan-bangunan di WPKL	Menyediakan garis panduan baru iaitu Laporan Dilapidasi.	95%

Melaksanakan Tindakan Penguatkuasaan Selaras Dengan Peruntukan Undang-Undang Yang Terpakai	9	Melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan penyelewengan dari pelan yang diluluskan bagi pematuhan mengikut Kehendak- kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang – Undang Kecil Bangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1985. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan menduduki mana-mana bangunan atau bahagian tanpa Perakuan Menduduki (CCC) bagi pematuhan mengikut Kehendak- kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang – Undang Kecil Bangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1985.	Mengambil 100% tindakan penguatkuasaan diambil dengan mengeluarkan surat amaran/notis bagi kesalahan yang dikesan di WPKL berdasarkan pemantauan bersepadu tapak bina dan aduan.	100%
	10	Melaksanakan penguatkuasaan pemeriksaan berkala terhadap bangunan melebihi 5 tingkat dan berusia 10 tahun ke atas supaya mematuhi Kehendak- kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.	Mengeluarkan 200 surat pemberitahuan/ notis kepada pemilik bangunan yang telah dikenalpasti bagi kawasan: i. Utara ii. Tengah iii. Selatan	100%
	11a	Tindakan penguatkuasaan terhadap bangunan usang/ terbiar di sekitar kawasan Kuala Lumpur bagi mematuhi Kehendak- kehendak Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.	Mengeluarkan 400 notis atau kompaun terhadap kesalahan yang dikenalpasti pada bangunan usang/ kotor/ terbiar/ merbahaya di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dikeluarkan notis/ kompaun kepada pemilik bangunan.	100%
	11b	Tindakan penguatkuasaan terhadap bangunan usang/ terbiar di sekitar kawasan Kuala Lumpur bagi mematuhi Kehendak- kehendak Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.	Melaksanakan 10 program urban taskforce bersepadu secara berkala sebulan sekali untuk pemotongan pokok liar diatas bangunan.	100%
	12	Program pengindahan bangunan usang di sekitar kawasan Kuala Lumpur bagi mematuhi Kehendak- kehendak Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.	Melaksanakan 4 program pengindahan (Mural) di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).	100%
	13	Pemeriksaan Bangunan bagi pematuhan kemudahan akses OKU di bawah Seksyen 124A, Undang-Undang Kecil Bangunan Wilayah Persekutuan 1985.	Pelaksanaan audit akses terhadap 30 bangunan bagi pematuhan kemudahan akses OKU yang telah dikenalpasti bagi kawasan: i. Utara ii. Tengah iii. Selatan	100%
PENCAPAIAN KESELURUHAN			**98%**	

5.0 FUNGSI

Kawalan bangunan merangkumi aspek kelulusan, pemantauan pembinaan dan pemantauan pematuhan sebelum, semasa dan selepas bangunan siap dibina. Antara lain proses kawalan melibatkan pengeluaran kelulusan pelan bangunan, kebenaran mendirikan bangunan, permit kerja pengubahsuaian, permit bangunan sementara, permit struktur pemancar TELCO, permit kerja perobohan bangunan, permit kerja lebih masa, pemantauan tapak bina dari peringkat kerja pembinaan dimulakan sehingga Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan PSP.

Dalam aspek pemantauan pematuhan, JKB melaksanakan tindakan fizikal dan undang-undang terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan dibawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985. Di samping itu, JKB turut mengambil tindakan terhadap aduan awam, pembinaan menyeleweng dari pelan lulus serta mengambil bahagian dalam menjalankan operasi-operasi khas yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Kekukuhan struktur dan integriti bangunan-bangunan tinggi dalam WPKL dipantau dengan melaksanakan Pemeriksaan Berkala mengikut Seksyen 85A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dengan mengeluarkan notis kepada pemunya bangunan-bangunan tinggi yang melebihi 5 tingkat supaya mengemukakan Laporan Pemeriksaan Bangunan Visual/Struktur Secara Berkala setiap 10 tahun selepas CF atau CCC dikeluarkan.

Bangunan usang dan terbiar turut dikawal selia supaya dibersihkan atau dibaikpulih oleh pemunya dan program mengecat bangunan diselaraskan bagi memastikan semua bangunan dalam Bandaraya Kuala Lumpur bersih dan teratur.

Pematuhan kepada penyediaan kemudahan aksesibiliti bagi Orang Kurang Upaya (OKU) di bangunan juga diselia oleh jabatan mengikut keperluan sejagat seiring dengan pembangunan Bandaraya Kuala Lumpur bagi menyediakan bandaraya selamat dan selesa untuk semua.

Struktur organisasi jabatan terdiri daripada 3 bahagian utama:

- Bahagian Kawalan Bangunan
- Bahagian Pemantauan Tapak bina, Permit dan Forensik Bangunan
- Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Kualiti

Fungsi jabatan adalah melaksanakan kawalan bangunan berdasarkan perwakilan kuasa yang diberikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 serta pindaan-pindaan yang berkuatkuasa.

6.0 BAJET

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	10,041,700.00	9,358,110.00	93.19%

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

7.1. Bahagian Kawalan Bangunan

7.1.1 UNIT PEMANTAUAN PERMOHONAN

Kawalan Bangunan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dibahagikan kepada 10 kawasan mengikut Zon Utara, Tengah dan Selatan selaras dengan Zon Perancangan. Aktiviti kawalan bangunan merangkumi kerja-kerja memproses permohonan untuk pengeluaran kelulusan pelan dan kebenaran mendirikan bangunan, pemantauan tapak bina dan pembinaan bangunan dari permulaan kerja sehingga perakuan siap dan pematuhan (CCC) dikeluarkan PSP. Selain daripada itu, tindakan penguatkuasaan turut diambil terhadap kesalahan-kesalahan yang dikenalpasti mengikut Akta dan Undang-Undang Kecil dengan menjalankan siasatan dan mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang berkaitan dengan bangunan.

7.1.1.1 Statistik Permohonan Kelulusan Pelan

Pada tahun 2021, jumlah permohonan Pelan Pembangunan yang diterima oleh unit ini berjumlah 2331 permohonan melalui sistem Sistem Pengurusan Permohonan (AMS), Sistem Br1D dan Sistem KLIS. Jenis permohonan terbahagi kepada 5 kategori iaitu Projek Besar (B) dan Projek Sederhana (S), Kediaman Kecil (KK), permohonan melalui KLIS, Permit Binaan Sementara (BS) dan Permit Kerja Kecil (PK).

Jadual 1: Jumlah keseluruhan permohonan yang diterima pada tahun 2021 mengikut kategori

BIL	KATEGORI PERMOHONAN	JUMLAH
1	Besar (B) & Sederhana (S)	1094
2	Kediaman Kecil (KK)	264
3	Kediaman Kecil (KK) - KLIS	695
4	Permit Binaan Sementara	193
5	Permit Kerja Kecil	85
JUMLAH		**2331**

Jadual 2: Jumlah permohonan yang diterima pada tahun 2021 pada setiap bulan

KATEGORI PERMOHONAN	BULAN											
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS
BESAR (B) & SEDERHANA (S)	80	66	113	128	80	1	57	68	104	145	89	163
KEDIAMAN KECIL (KK)	22	32	40	49	24	11	9	14	30	31	2	0
KEDIAMAN KECIL (KK) - KLIS	42	48	54	44	57	30	35	31	61	84	93	116
PERMIT BINAAN SEMENTARA	11	8	18	20	10	5	31	36	10	20	16	8
PERMIT KERJA KECIL		-	-	12	9	0	2	6	8	9	19	20

Pelan pembangunan yang telah diproses oleh kawasan teknikal dikemukakan untuk dibentang di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat. Berikut adalah jumlah keputusan mesyuarat bagi permohonan pelan pembangunan pada tahun 2021.

Jadual 3: Jumlah kelulusan yang dikeluarkan pada tahun 2021 mengikut jenis kelulusa

BIL	JENIS KELULUSAN	JUMLAH
1	Kelulusan Pelan Bangunan (KPB)	314
2	Kelulusan Mendirikan Bangunan (KMB)	388
3	Kediaman Kecil (KK)	463
4	Permit Binaan Sementara (Baru & Lanjutan)	259
JUMLAH KELULUSAN		**1424**

7.1.2 UNIT PEMANTAUAN TAPAK BINA

Pemantauan tapak bina dilaksanakan secara berjadual bagi memastikan Aspek 3K iaitu keselamatan, kebersihan dan keselesaan di tapak bina dan kawasan persekitaran semua projek yang diluluskan sentiasa dipatuhi dengan menjalankan lawatan secara berjadual sekurang-kurangnya 1 kali dalam tempoh 3 bulan. Lawatan pemantauan dilaksanakan secara Berkala sehingga CCC dikeluarkan oleh PSP dan dibuat lawatan akhir untuk pengesahan.

7.1.2.1 Kerja Pembinaan Melebihi Waktu Biasa (Kerja Lebih Masa-KLM)

Pembangunan yang pesat dan berterusan serta permintaan tinggi terhadap industri harta tanah di dalam Kuala Lumpur telah memaksa pemaju dan kontraktor untuk mengambil langkah-langkah proaktif seperti berkerja lebih masa dan berterusan untuk menyiapkan sesuatu pembangunan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai pihak berkuasa perlu menangani isu tersebut kerana aktiviti pembinaan tidak terkawal akan mengganggu penduduk dan persekitaran sekeliling secara amnya.

Tempoh waktu yang dibenarkan oleh DBKL untuk kerja-kerja pembinaan adalah dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 petang dari Isnin hingga Sabtu. Hari Ahad dan cuti am tidak dibenarkan sebarang aktiviti pembinaan. Kebenaran Kerja Lebih Masa (KLM) ini adalah dengan syarat-syarat yang tertentu bagi tujuan mempercepatkan pembinaan.

STATISTIK UNIT KERJA LEBIH MASA TAPAK BINA DAN PEROBOHAN BANGUNAN
TEMPOH: JANUARI – DISEMBER 2021

Jadual 4: Kebenaran KLM

KEBENARAN KERJA LEBIH MASA TAPAK BINA (KLM)		
BIL	**PERKARA**	**JUMLAH**
1.	Bilangan Permohonan KLM Baharu Diterima	43
2.	Jumlah Kelulusan KLM Baharu Dikeluarkan	30
3.	Bilangan Permohonan Lanjutan KLM Diterima	137
Jumlah Kelulusan Lanjutan KLM Dikeluarkan		**130**

Jadual 5: Kebenaran KLM Khas

KEBENARAN KHAS KERJA LEBIH MASA TAPAK BINA (KLM KHAS)		
BIL	**PERKARA**	**JUMLAH**
1.	Bilangan Permohonan KLM Khas Diterima	23
2.	Jumlah Permohonan KLM Khas Dikeluarkan	23

Jadual 6: Kebenaran meroboh bangunan

KEBENARAN MEROBOH BANGUNAN		
BIL	**PERKARA**	**JUMLAH**
1.	Jumlah Permohonan Kebenaran Meroboh Bangunan Diterima	23
2.	Bilangan Permohonan Kebenaran Meroboh Bangunan Dikeluarkan	21
3.	Jumlah Permohonan Lanjutan Kebenaran Meroboh Bangunan Diterima	2
4.	Bilangan Permohonan Lanjutan Meroboh Dikeluarkan	2

7.1.2.2 Pasukan Task Force Tapak Bina JKB


Pasukan *Task Force* Tapak bina JKB ini ditubuhkan oleh Jabatan Kawalan Bangunan bagi memantau kerja-kerja yang dilakukan di tapak bina supaya mematuhi tempoh masa Kebenaran Kerja Lebih Masa (KLM) yang dikeluarkan dan menangani aduan-aduan awam berkaitan kesalahan kerja lebih masa di tapak bina. Pasukan *Task Force* Tapak bina ini menjalankan aktiviti pemantauan tapak bina selepas waktu pejabat iaitu dari pukul 7.00 petang sehingga 12.00 tengah malam pada hari biasa dan dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang pada hari Ahad dan cuti am.

Pasukan *Task Force* Tapak Bina beroperasi mengikut Zon Tengah, Zon Selatan dan Zon Utara bagi menangani aduan awam yang diterima dan tapak pembangunan yang sering didapati menjalankan kerja lebih masa di tapak bina *(hot spot)*. Kakitangan yang menganggotai Pasukan *Task Force* Tapak Bina secara pengiliran adalah seramai 36 orang dan dibahagikan kepada 18 kumpulan mengikut zon kawasan.

Jadual 7: Statistik bilangan tapak bina dan bilangan pemantauan tapak bina

PERKARA	ZON	BILANGAN	JUMLAH
Tapak bina dipantau	Utara	58 Tapak bina	228 Tapak bina
	Tengah	105 Tapak bina	
	Selatan	65 Tapak bina	

	PERKARA	BILANGAN	JUMLAH PEMANTAUAN TAPAK
1.	**Purata tapak bina dipantau** (setiap malam dan hari Ahad/Cuti Umum)	25 Tapak bina/hari	25 kali pemantauan tapak bina dilakukan setiap hari
2.	**Purata tapak bina dipantau** (setiap bulan)	25 tapak x 30 hari = 750 tapak bina	750 kali pemantauan tapak bina dilakukan setiap bulan
3.	**Purata tapak bina dipantau** (Januari hingga Disember 2021)	750 tapak x 12 bulan = 9000 tapak bina	9000 kali pemantauan tapak bina dilakukan dari Januari hingga Disember 2021



Gambar 1: Aktiviti pemantauan dan pengeluaran kompaun yang dilakukan oleh Pasukan 'Task Force' Tapak Bina JKB

7.1.3 UNIT PENDAKWAAN

Jadual 8: Notis Yang Dikeluarkan Mengikut Pecahan Unit

BULAN	TAPAK BINA FAIL BP	ISPAA/ TINDAKAN FAIL ADUAN	TELCO	UNIT URBANISASI	BERKALA	AKSESIBILITI	JUMLAH
JAN	1	0	0	41	6	2	50
FEB	1	0	0	21	9	2	33
MAC	3	0	0	77	0	0	80
APRIL	6	0	0	71	24	1	102
MEI	3	0	0	1	4	0	8
JUN	5	2	0	30	15	0	52
JULAI	2	0	0	21	2	0	25
OGOS	3	0	0	1	2	0	6
SEPT	0	0	0	4	9	0	13
OKT	3	0	0	54	5	0	62
NOV	7	0	0	9	10	0	26
DIS	6	0	0	2	5	0	13
	40	**2**	**0**	**332**	**91**	**5**	**270**

Jadual 9: Ringkasan Statistik Kompaun

BULAN	KOMPAUN DIKELUARKAN	KOMPAUN DIJELASKAN	BELUM DIJELASKAN	RM
JAN	9	6	2	87,000.00
FEB	11	11	0	190,700.00
MAC	26	22	5	366,000.00
APRIL	36	31	4	440,400.00
MAY	22	15	6	201,000.00
JUN	6	4	2	46,100.00
JULAI	6	6	0	7,200.00
OGOS	4	2	2	15,300.00
SEPT	18	13	5	205,600.00
OKT	27	24	3	347,300.00
NOV	23	20	3	253,000.00
DIS	15	11	4	108,500.00
	203	**163**	**36**	**2,268,100.00**

Jadual 10: Statistik Jumlah Kesalahan Mengikut Seksyen Bagi Pengeluaran Kompaun (Akta 133)

BULAN / AKTA / UUK / SEKSYEN		KESALAHAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Akta, Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)	46(2)	Meletakkan halangan di tempat awam dengan berdekatan di tapak binaan.				1					1				2
	47(2) (a)	Meletakkan sisa bahan binaan di tempat awam semasa pembinaan.				1									1
	47(1)(a)	Meletakkan bahan bahan binaan di atas bahu jalan													
	70 @ 70(9) @ 72(1)	Bangunan didirikan tanpa kebenaran		1		1						1			3
	70(13)(a)	Memulakan pendirian@memulakan semula bangunan melanggar subseksyen (9)			2	1			1						4
	70(13) (b)	Melencong daripada mana-mana pelan atau penentuan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan tanpa mendapat kebenaran bertulis dahulu daripada pihak berkuasa tempatan													
	70(13) (c)	Mendirikan sesuatu bangunan bersalahan dengan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil dibawahnya			3	4	2	1		1	1		3		15
	70(13)(d)	Tidak mematuhi perintah atau arahan bertulis oleh PBT	6	9	19	17	17	2			11	21	13	11	126
	79	Membina petak, galeri dan sebagainya dalam banguan tanpa kelulusan												1	1
	80	Mendirikan pejabat/bangsal/kabin tanpa permit	1		1	3		1	4	3		2	2	1	18
	82(2)	Tidak menyelenggara papan dendeng atau pagar keselamatan dengan baik dan memuaskan	1	1		5	1	1	1		2	1	2	2	17
	82 (2)(a)	Tidak menyelenggara papan dendeng mengikut garis panduan yang ditetapkan													

Jadual 11: Statistik Jumlah Kesalahan Mengikut Seksyen Bagi Pengeluaran Kompaun (UUKB (WPKL)1985)

BULAN / AKTA / UUK / SEKSYEN		KESALAHAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985	18	Mendirikan bangsal, peranca, pelantar kerja, papan dendeng tanpa permit sementara.									1				1
	46(1)	Tidak mempamerkan papan tanda di tapak bina				1	1	1					1		4
	47	Tidak memasang pelantar perangkap di sepanjang bahagian luar dinding													
	48	Tidak menyelenggara jaring keselamatan				1					2	2	2		7
	87	Membenarkan kotoran di tapak													
JUMLAH			**8**	**11**	**25**	**35**	**21**	**6**	**6**	**4**	**18**	**27**	**23**	**15**	**199**

7.2 Bahagian Permit Dan Forensik Bangunan

7.2.1 UNIT PREMIS LESEN PERNIAGAAN

Unit Lesen bertanggungjawab membantu memberikan pengesyoran bagi permohonan lesen premis baru melalui sistem e-Lesen dan mengeluarkan surat sokongan bagi permohonan lesen premis (rayuan) yang dimohon di Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan. Pengesyoran yang diberikan adalah berpandukan Akta, Undang-Undang Kecil dan Garis Panduan seperti berikut:

i. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)

ii. Undang-undang Kecil Bangunan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1985 dan

iii. Garis Panduan yang berkaitan

Terdapat dua jenis permohonan lesen premis baru iaitu permohonan lesen premis baru ekspress dan bukan ekspress.

i. **Permohonan lesen premis baru (ekspress) –** permohonan lesen premis yang tidak dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Premis (JKPP)

ii. **Permohonan lesen premis baru (bukan ekspress) –** permohonan lesen premis yang diterima dalam proses untuk pertimbangan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Premis (JKPP)

Jadual 12: Statistik pengesyoran bagi permohonan lesen premis baru melalui sistem e-Lesen tahun 2021

BIL.	TARIKH TERIMA	EKSPRESS	BUKAN EKSPRESS	JUMLAH
1	22/4/2021	23	0	23
2	30/4/2021	9	0	9
3	7/5/2021	35	0	35
4	21/5/2021	190	71	261
5	31/5/2021	21	2	23
6	8/6/2021	56	12	68
7	14/6/2021	14	5	19
8	23/6/2021	18	1	19
9	30/6/2021	0	13	13
10	8/7/2021	3	2	5
11	14/7/2021	8	0	8
12	19/8/2021	16	0	16
13	26/8/2021	18	0	18
14	2/9/2021	8	0	8
15	8/9/2021	42	4	46
16	15/9/2021	12	2	14
17	23/9/2021	45	13	58
18	29/9/2021	57	13	70
19	5/10/2021	38	0	38
20	14/10/2021	60	1	61
21	21/10/2021	8	6	14
22	28/10/2021	97	5	102
23	2/11/2021	79	29	108

24	10/11/2021	434	0	434
25	17/11/2021	203	36	239
26	24/11/2021	181	20	201
27	1/12/2021	254	0	254
28	8/12/2021	53	5	58
29	15/12/2021	53	0	53
30	22/12/2021	173	30	203
31	29/12/2021	173	30	203
Jumlah				**2681**

Pengeluaran surat sokongan rayuan lesen premis dibahagikan mengikut zon iaitu zon utara, tengah dan selatan. Pada tahun 2021, jumlah keseluruhan pengeluaran surat sokongan bagi permohonan lesen premis (rayuan) adalah sebanyak 1424 yang meliputi pengesyoran tetap, sementara dan tolak. Statistik pengeluaran surat sokongan tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 13: Statistik pengeluaran surat sokongan rayuan lesen premis (rayuan) tahun 2021

BULAN	ZON UTARA			ZON TENGAH			ZON SELATAN			JUMLAH KESELURUHAN
	LT	LS	T	LT	LS	T	LT	LS	T	
JANUARI	36	5	13	37	6	14	38	6	10	165
FEBRUARI	26	16	4	51	12	11	42	10	10	182
MAC	57	54	3	87	57	19	47	66	30	420
APRIL	42	4	8	49	7	8	33	14	9	174
MEI	8	4	1	24	11	5	11	11	4	79
JUN	2	4	1	3	4	1	4	4	2	25
JULAI	9	5	1	5	-	2	9	1	1	33
OGOS	7	1	2	26	5	2	10	4	-	57
SEPTEMBER	7	2	1	19	6	5	16	4	2	62
OKTOBER	18	5	1	36	11	2	25	3	6	107
NOVEMBER	14	8	1	29	11	1	16	4	2	86
DISEMBER	7	3	1	9	2	1	7	3	1	34
JUMLAH	**233**	**111**	**37**	**375**	**132**	**71**	**258**	**130**	**77**	**1424**
JUMLAH BESAR		**381**			**578**			**465**		**1424**

LT: LESEN TETAP **LS:** LESEN SEMENTARA **T:** TOLAK

7.2.2 UNIT PERMIT TELCO

Fungsi Unit Telco di Jabatan Kawalan Bangunan ialah melaksanakan memproses dan mengeluarkan permit sementara bagi struktur telekomunikasi di bawah kawalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan. Kawalan dan pemantauan juga dilaksanakan mengikut syarat-syarat garis panduan KPKT 2002 serta garis panduan Rekabentuk DBKL dan di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 / Akta Jalan Parit & Bangunan 1974. Permit sementara struktur telekomunikasi merangkumi struktur dibina atas tanah dan juga di atas bumbung, dikeluarkan bagi permohonan baru dan pembaharuan/lanjutan permit.

Jadual 14: Statistik pembaharuan/ lanjutan permit sementara telco

PEMBAHARUAN / LANJUTAN PERMIT SEMENTARA DIKELUARKAN SECARA PUKAL ATAS SYARIKAT TELEKOMUNIKASI (TELCO) -TAHUN 2021		
Jumlah syarikat telekomunikasi (Telco) yang berdaftar dengan Unit Telco, JKB	:	40
Jumlah permit yang dikeluarkan kepada syarikat telekomunikasi (Telco)	:	40
Jumlah tapak yang telah mempunyai permit (Pembaharuan Permit)	:	1792

Jadual 15: Statistik pembaharuan/ lanjutan permit sementara telco

PERMOHONAN BAHARU PERMIT SEMENTARA TAHUN 2021			
Jumlah syarikat telekomunikasi (Telco) baharu yang berdaftar dengan Unit Telco, (JKB)	:	5	
Jumlah permohonan / tapak diterima oleh JKB	:	Tapak Perkongsian (5G)	Tapak Baru
		112	50
		162	
Jumlah permit tapak telah dikeluarkan	:	112	50
		0	37
Jumlah permohonan dalam proses pematuhan (pematuhan dokumen, rayuan pengurangan denda, lawatan tapak dan sebagainya)	:	112	
Jumlah permohonan ditangguh (telah bayar tetapi dokumen tidak lengkap)	:	8	
Jumlah tapak telah dihantar ke JPK untuk tindakan penguatkuasaan	:	5	
Pemohonan yang ditolak	:	0	
Jumlah permohonan dibatalkan (Tarikh pembayaran permit tamat tempoh)	:	0	

7.2.3 UNIT FORENSIK BANGUNAN

Pemeriksaan bangunan secara berkala termaktub di bawah Seksyen 85A, Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 (Akta 133). Ianya merupakan satu pemeriksaan bangunan yang berkaitan dengan keselamatan, kekukuhan & integriti struktur bangunan. Pemunya bangunan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas premis dari aspek keselamatan dan kesejahteraan penghuninya.

Seksyen ini menyatakan kehendak mandatori bagi pemeriksaan berkala ke atas bangunan yang mempunyai ketinggian melebihi lima (5) tingkat dan selepas tahun kesepuluh (10) bermula dari tarikh Perakuan Menduduki Bangunan (CF) / Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) yang pertama berkenaan dengan bangunan itu dikeluarkan.

Unit Forensik Bangunan, Jabatan Kawalan Bangunan bertanggungjawab untuk melaksanakan pematuhan terhadap Pemeriksaan Bangunan Secara Berkala di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi memastikan penguatkuasaan dilaksanakan secara terancang dan menyeluruh, unit ini menjalankannya mengikut kawasan-kawasan yang telah ditetapkan secara berperingkat. Selain itu, pemeriksaan berkala ini juga telahpun didokumentasikan sebagai salah satu prosedur ISO jabatan yang bertujuan memastikan semua proses kerja dilaksanakan secara sistematik dan terkawal. Berikut merupakan statistik pengeluaran surat, notis dan sijil oleh unit ini sepanjang tahun 2012 sehingga 2021:

Jadual 16: Statistik pengeluaran surat, notis dan sijil oleh unit ini sepanjang tahun 2012 sehingga 2021

BIL	SURAT / NOTIS / SIJIL	TAHUN 2012	TAHUN 2013	TAHUN 2014	TAHUN 2015	TAHUN 2016	TAHUN 2017	TAHUN 2018	TAHUN 2019	TAHUN 2020	TAHUN 2021	JUMLAH
1	SURAT PEMBERITAHUAN 1	85	69	47	23	47	165	132	125	102	101	896
2	SURAT PEMBERITAHUAN 2								34	14	28	76
3	NOTIS	76	46	58	21	50	153	118	117	99	90	828
4	SURAT PERINGATAN 1	24	22	25	4	6	36	92	65	61	66	401
5	SURAT PERINGATAN 2	9	20	17	4	3	27	63	53	41	50	287
6	SURAT PERINGATAN TERAKHIR	0	15	14	5	4	19	39	36	30	40	202
7	SURAT KURANG 10 TAHUN	0	1	0	0	0	0	14	13	6	7	41
8	SURAT TIDAK PATUH NOTIS	0	0	0	0	5	2	29	26	10	19	91
9	SURAT PENANGGUHAN 1	3	18	22	5	7	23	59	31	47	58	273
10	SURAT PENANGGUHAN 2	0	7	15	0	4	3	34	14	3	39	119
11	SURAT PENANGGUHAN 3	0	0	3	1	3	1	10	9	4	11	42
12	SURAT MAKLUMAN LAWATAN TAPAK	0	153	69	54	88	137	85	113	68	103	870
13	SIJIL PENYEMPURNAAN	0	153	69	54	88	137	85	113	68	103	870
	JUMLAH	**197**	**504**	**339**	**171**	**305**	**703**	**760**	**749**	**553**	**715**	**4996**

Surat belum digunapakai





Gambar 2: Lawatan Tapak bersama Jurutera Perunding dan pihak Pengurusan Bangunan di Menara Kuala Lumpur pada 30 Mac 2021

7.2.4 UNIT URBANISASI

Fungsi Unit Urbanisasi adalah memastikan langkah-langkah tindakan penguatkuasaan bangunan kotor/ usang/ terbiar/ hampir runtuh/ merbahaya/ dan mendatangkan kacau ganggu kepada orang awam dilaksanakan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Unit Urbanisasi juga terlibat secara langsung dalam program pengindahan bandar. Arahan pelaksanaan Program Pengindahan Bandar ini diterima melalui 2 cara iaitu arahan dari Pentadbiran Tertinggi DBKL/ KWP atau kerjasama diantara NGO/ pihak swasta/ persendirian/ IPT dan lain-lain yang menawarkan diri untuk menaja / menjadi sukarelawan atau menyelaras.

7.2.4.1 Statistik bilangan notis/ surat peringatan

Jadual 17: Jumlah bilangan notis/ surat


BIL	NOTIS/SURAT	JUMLAH
1	Notis	332
2	Surat Peringatan	182
4	Surat kebenaran	20
5	Surat penghargaan	20
	JUMLAH	**554**

7.2.4.2 Program Pengindahan Bandar

Program pengindahan bandar (mengecat) akan dilaksanakan apabila pemilik memberi kebenaran untuk mengecat dinding bangunan hak milik mereka dan terdapat tajaan/ permintaan dari Badan Bukan Kerajaan (NGO), Agensi Kerajaan/ Bukan Kerajaan, Syarikat Persendirian dan lain-lain untuk mengecat dan mendapatkan artis mural yang bersedia. Antara program pengindahan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

7.4.2.2.1 Program Mural Kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Program mengecat mural akan dilaksanakan apabila pemilik memberi kebenaran untuk mengecat dinding bangunan hak milik mereka dan terdapat tajaan/ permintaan dari Badan Bukan Kerajaan (NGO), Agensi Kerajaan/ Bukan Kerajaan, Syarikat Persendirian dan lain-lain untuk mengecat dan mendapatkan artis mural yang bersedia.



Mural Dan Naiktaraf Lorong Belakang Di Sekitar Q Hotel (Steg Hotel), Jalan Tiong Nam Oleh Sweet Boundaries Sdn. Bhd
Lokasi : Jalan Tiong Nam
Status : Projek dijangka siap Jun 2022



Mural Oleh Samsung di Jalan Gereja telah siap pada 30 April 2021
Lokasi : Jalan Gereja
Status : Projek siap 30 April 2021



Mural Oleh Imec Media di Jalan Tan Chiew Sin
Lokasi : Jalan Tan Chiew Sin
Status : Projek siap 27 Disember 2021



Mural Oleh Chow Kit Art Sanctuary di Jalan Chow Kit dan Jalan Tuanku Abdul Rahman
Lokasi : Jalan Tiong Nam
Status : Projek dijangka siap Jun 2022

Gambar 3: Program Mural Bersama NGO

7.2.4.2.2 Operasi Urban Task Force

Urban Task Force ini ditubuhkan bagi tindakan pembersihan tumbuhan liar dan fasad bangunan pada bangunan usang/terbengkalai di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kos operasi pembersihan akan dituntut kepada pemilik bangunan.

Jadual 17: Operasi Urban Task Force Tindakan Pembersihan Tumbuhan Liar Pada Bangunan

BIL.	LOKASI	TARIKH
1	No.129 Jalan Sultan Azlan Shah	25 Feb 2021
2	No. 520 Jalan Tuanku Abdul Rahman	25 Feb 2021
3	No. 3,5,7,9,11,13 dan 15 (hadapan) Medan Pasar	25 Mac 2021
4	No 3,5,7,9,11,13 dan 15 (belakang) Medan Pasar	25 Mac 2021
5	Sepanjang jalan Tun H.S.Lee Fasa 1 (13 unit)	5 Mei 2021
6	Sepanjang jalan Tun H.S.Lee Fasa 1 (12 unit)	5 Mei 2021
7	Bekas Bangunan Muzik-Muzik	28 Ogos 2021
8	Bekas Bangunan Mahkamah Perusahaan	28 Ogos 2021
9	Bangunan Galeri Kuala Lumpur	28 Ogos 2021
10	No. 2 Jalan Tuanku Abdul Rahman	17 Dis 2021



Gambar 4: Operasi Urban Task Force Tindakan Pembersihan Tumbuhan Liar Pada Bangunan

7.2.5 UNIT AKSESIBILITI BANDAR

Pemeriksaan Kemudahan Aksesibiliti Bangunan dilaksanakan berdasarkan kehendak-kehendak bangunan untuk orang kurang keupayaan yang perlu disediakan oleh bangunan yang termaktub di bawah Seksyen 124A, Undang-Undang Kecil Bangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1985. Ianya merupakan satu pemeriksaan bangunan yang berkaitan dengan kemudahan aksesibiliti kepada bangunan atau yang mana bahagian daripadanya boleh diakses oleh orang awam dengan atau tanpa bayaran serta bangunan kediaman selain daripada rumah berasingan, rumah berkembar, rumah teres, rumah berangkai dan rumah bandar. Pemunya bangunan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas premis dari aspek keselamatan dan kesejahteraan orang awam dan penghuninya.

Seksyen ini menyatakan kehendak mandatori bagi penyediaan kemudahan aksesibiliti ke atas bangunan bagi Orang Kurang Upaya (OKU) untuk akses keluar masuk bangunan.

Unit Aksesibiliti Bandar (UAB), Jabatan Kawalan Bangunan bertanggungjawab untuk melaksanakan pemeriksaan bangunan bagi pematuhan kemudahan aksesibiliti disediakan bagi orang awam khususnya OKU. Berikut merupakan statistik pengeluaran surat, notis dan sijil oleh unit ini sepanjang tahun 2021:

Statistik bilangan surat makluman/notis pematuhan

Jadual 18: Jumlah bilangan notis/ surat

BIL	NOTIS/SURAT	JUMLAH
1	Surat Makluman Lawatan Tapak	44
2	Surat Makluman Pematuhan	41
3	Surat Kebenaran Lanjutan	10
4	Notis Seksyen 127	5
5	Surat Penghargaan	3
Jumlah		**103**



Gambar 5: Pemeriksaan bangunan bagi pematuhan kemudahan aksesibiliti

7.3 Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Kualiti

7.3.1 UNIT ADUAN AWAM

Unit Aduan bertanggungjawab menyelaras dan memantau aduan awam untuk diambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan sepertimana ketetapan yang perlu dicapai/dipenuhi dalam *Key Performance Indicator* (KPI) JKB setiap tahun. Aduan awam yang diterima adalah melalui sistem Adu@KL dan juga secara manual seperti surat, aduan bersemuka (walk-in), telefon, emel dan sebagainya. Statistik aduan yang diterima melalui sistem dan secara manual adalah seperti di bawah:

Jadual 19: Statistik aduan yang diterima melalui sistem Adu@KL

BULAN	JUMLAH ADUAN YANG DITERIMA	ADUAN YANG SELESAI DIJAWAB DALAM TEMPOH 14 HARI	ADUAN YANG DIJAWAB MELEBIHI TEMPOH 14 HARI	JUMLAH (%)
JANUARI	38	33	5	**89%**
FEBRUARI	53	50	3	**94%**
MAC	45	44	1	**98%**
APRIL	50	50	-	**100%**
MEI	87	78	9	**90%**
JUN	81	78	3	**96%**
JULAI	39	37	2	**95%**
OGOS	32	32	-	**100%**
SEPTEMBER	24	20	4	**83%**
OKTOBER	48	47	1	**98%**
NOVEMBER	65	63	2	**97%**
DISEMBER	105	105	-	**100%**
JUMLAH KESELURUHAN	**667**	**637**	**30**	**96%**

Jadual 20: Statistik aduan yang diterima secara manual (Fail tindakan)

BULAN	JUMLAH ADUAN YANG DITERIMA	ADUAN YANG SELESAI DIJAWAB DALAM TEMPOH 14 HARI	ADUAN YANG DIJAWAB MELEBIHI TEMPOH 14 HARI	JUMLAH (%)
JANUARI – DISEMBER	181	181	-	100%
JUMLAH KESELURUHAN	**181**	**181**	**-**	**100%**

7.3.2 UNIT INOVASI DAN KUALITI

7.3.2.1 Program Lawatan Pensyarah dan Pelajar Jabatan Ukur Bangunan, Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya ke Jabatan Kawalan Bangunan

Program lawatan pensyarah dan pelajar Jabatan Ukur Bangunan, Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya ke Jabatan Kawalan Bangunan telah diadakan pada 2 Disember 2021 di Bilik Taklimat Tingkat 3, Menara DBKL 3. Seramai 2 orang pensyarah dan 51 orang pelajar telah hadir ke sesi lawatan ini. Para peserta lawatan telah diberikan sesi taklimat dan latihan pemprosesan kelulusan pelan bangunan.



Gambar 6: Program lawatan pensyarah dan pelajar Universiti Malaya pada 2 Disember 2021

7.3.2.2 Pemeriksaan KeselamatanTadika Islam MAIWP

Pemeriksaan keselamatan Tadika Islam MAIWP telah dijalankan pada 20-27 September 2021 bersama-sama pihak MAIWP dan Bomba. Laporan pemeriksaan keselamatan bagi kesemua Tadika Islam MAIWP telah disediakan dan diserahkan kepada pihak MAIWP.



Gambar 7: Pemeriksaan keselamatan Tadika Islam MAIWP

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

TARIKH	ACARA	KEPUTUSAN
23/11/2021	Majlis Apresiasi Pembekal Data NAPIC Wilayah Persekutuan 2021	Anugerah Pembekal Data Terbaik



Gambar 7: Plaque Anugerah Pembekal Data Terbaik

Jabatan bertanggungjawab memberi maklumat data setiap pengeluaran kelulusan pelan bangunan kepada NAPIC untuk kegunaan penyediaan statistik pembangunan di Kuala Lumpur. Pada tahun 2021 Jabatan Kawalan Bangunan telah diberikan pengahrgaan kerana telah bekerjasama dengan baik dan memberikan maklumat data yang diperlukan oleh pihak NAPIC dan dianugerahkan sebagai Pembekal Data Terbaik.

SEKTOR PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI

Laporan Tahunan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

2021

Jabatan Penguatkuasaan

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Penguatkuasaan ditubuhkan pada asalnya sebagai Skuad Pemusnah (*Demolition Squad*) dan kini bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan yang diwakilkan kuasa ke atasnya.

Jabatan Penguatkuasaan mempunyai perjawatan sebanyak **1,855** yang terdiri daripada Skim Perkhidmatan Keselamatan dan Penguatkuasaan (KP), Pentadbiran (N), Kewangan (W), Teknologi Maklumat (F), Undang-undang (U) dan Pembantu Awam (H). Jabatan Penguatkuasaan ditadbir oleh Pengarah Gred Utama C VU7 bersama **23** orang Pegawai Pengurusan dan Profesional dan selebihnya adalah Kumpulan Pelaksana.

2.0 VISI, MISI DAN OBJEKTIF JABATAN

2.1 Visi -

Kearah menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandaraya bertaraf dunia melalui penguatkuasaan undang-undang.

2.2 Misi -

- Merancang, menyelaras dan menguatkuasakan undang-undang secara berhemah, berkesan dan berterusan.
- Menyelaras dan menggerakkan pegawai dan kakitangan sebagai tenaga kerja yang beretika, berintergriti, berakauntabiliti, berkualiti dan memberikan perkhidmatan yang efisyen, mampan dan berkesan.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Memperakukan / mengesahkan penerimaan aduan awam serta merta atau dalam tempoh 24 jam dan beri maklum balas awal dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

3.2 Memastikan barang yang disita atau pindah halangan yang telah tamat tempoh tahanan boleh dilepaskan kepada pemilik dalam tempoh satu (1) hari bekerja setelah memenuhi syarat-syarat tuntutan.

3.3 Memastikan tuntutan kenderaan yang ditunda dilepaskan dalam tempoh satu (1) jam setelah memenuhi syarat-syarat tuntutan.

3.4 Kebenaran beroperasi semula tapak bina yang telah ditutup dalam tempoh 24 jam setelah memenuhi syarat –syarat yang ditetapkan.

3.5 Memberi bantuan awal selepas menerima aduan atau laporan bencana alam seperti berikut:

i) Dalam kawasan jarak 5 km radius dari Jabatan Penguatkuasaan, Menara Penguatkuasa, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur dalam tempoh 15 minit.

ii) Luar kawasan jarak melebihi 5 km radius dari Jabatan Penguatkuasaan, Menara Penguatkuasa, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur dalam tempoh 30 minit.

3.6 Memberi khidmat nasihat / bimbingan / khidmat perundingan secara berkesan dalam aspek keselamatan DBKL dengan penyediaan laporan bertulis dalam tempoh 3 hari bekerja.

4.0 PETUNJUK PRETASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	PENCAPAIAN 2021
1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan.	100%
2.	Mensasarkan 100% Penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	100%
3.	Pelan Strategik Penguatkuasaan DBKL 2022 - 2026	100%
4.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	90.58%
5.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022	100%

6.	Pelaksanaan Tindakan Khas Penguatkuasaan	100%
7.	Pelaksanaan Operasi Bersepadu bersama Jabatan Dalaman DBKL dan Agensi Penguatkuasaan	100%
8.	Kehadiran petugas di lokasi Hotspot Lalu Lintas dan Penjajaan	100%
9.	Membawa kes pelanggaran undang-undang untuk diselesaikan ke peringkat mahkamah	Sehingga 30 November 2021, sebanyak 03 fail kertas siasatan bagi kes hiburan dibuka telah pun dihantar ke Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk mendapatkan izin mendakwa ke mahkamah.
10.	Sesi *enggagement* bersama warga kota bagi kesedaran undang-undang	100%
11.	Mempertingkatkan strategi pemantauan kawalan keselamatan ke atas premis milik Datuk Bandar	100%
12.	Meningkatkan prestasi dan keberkesanan kawalan keselamatan swasta ke atas harta benda Datuk Bandar	95.8%

5.0 FUNGSI

51 Fungsi Jabatan

a. Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan-kesalahan lalulintas, tempat letak kereta elektronik, penjaga kereta tanpa kebenaran, ingkar menggunakan jejantas dan halangan/pelanggaran isyarat lalulintas.

b. Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan kekotoran di tempat awam, jalan awam, tapak pembinaan dan kawasan perumahan Awam DBKL.

c. Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan halangan di tempat awam dan jalan awam.

d. Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan aktiviti penjajaan iaitu penjaja berlesen, penjaja tanpa lesen, penjaja warga asing dan pembinaan struktur perniagaan tanpa kebenaran.

e. Mengambil tindakan penguatkuasaan fizikal ke atas kesalahan iklan tanpa kebenaran, premis tidak berlesen, aktiviti tidak berlesen dan melanggar isyarat.

f. Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan vandalisme dan iklan tanpa kebenaran di tempat awam.

g. Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan vandalisme di taman-taman awam, Dataran Merdeka dan perumahan awam DBKL.

h. Mengambil tindakan penguatkuasaan fizikal terhadap kesalahan perancangan dan pelanggaran syarat kelulusan perintah pembangunan.

i. Mengambil tindakan penguatkuasaan fizikal terhadap kesalahan kacau ganggu pembinaan terhadap orang awam dan kerja-kerja lebih masa.

j. Menyediakan bantuan menyelamat semasa bencana dan bertindak sebagai secretariat kepada bilik gerakan bantuan bencana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

k. Menyediakan kawalan keselamatan fizikal terhadap harta benda Datuk Bandar Kuala Lumpur

5.2 Fungsi Bahagian

5.2.1 Fungsi Bahagian Penguatkuasaan Utara / Selatan

a) Bertanggungjawab bagi kawasan Parlimen Kepong, Segambut, Batu, Setiawangsa, Wangsa Maju, Bukit Bintang, Titiwangsa, Cheras, Lembah Pantai, Seputeh dan Bandar Tun Razak untuk melaksanakan fungsi-fungsi berikut :

b) Memantau, mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan penjajaan, halangan di tempat awam, kekotoran di tempat awam dan vandalisme harta milik Datuk Bandar Kuala Lumpur.

c) Memantau, mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan premis perniagaan, aktiviti hiburan, hotel, aktiviti kecantikan dan kesihatan serta tindakan terhadap iklan.

d) Menyelaras tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan berkaitan produk biodegradasi.

e) Memantau dan membantu Bahagian Teknikal Pembangunan bagi tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan struktur tanpa kebenaran, pelanggaran perintah pembangunan, kerja tanah tanpa kebenaran

f) Mengawal dan membantu Bahagian Teknikal Pembangunan bagi tindakan penguatkuasaan terhadap pelanggaran syarat permit pengangkutan bahan binaan dan galian.

g) Memantau dan mengeluarkan Notis Kesalahan keatas kenderaan buruk dan tersadai.

h) Memantau, mengawal dan mengambil tindakan terhadap kesalahan di Dataran Merdeka serta membantu Seksyen Kawalan Keselamatan bagi tindakan penguatkuasaan di taman-taman awam.

i) Memantau, mengawal dan mengambil tindakan serta membantu Seksyen Kawalan Keselamatan bagi tindakan penguatkuasaan di taman-taman awam.

j) Memantau, mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan di pasar-pasar awam.

k) Membantu Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar bagi tindakan penguatkuasaan di PPR dan PA.

l) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan illegal dumping dan korekan pasir.

m) Kawalan terhadap Perhimpunan Aman/Haram.

n) Kawalan terhadap setiap Perayaan / Perarakan Keagamaan yang dianjurkan oleh pihak DBKL / Persatuan Keagamaan (Hari Raya/Depavali/Chinese New Year).

o) Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan lalu lintas keatas kenderaan statik, bergerak.

p) Membantu PDRM & JKPB dalam melaksanakan kawalan lalu lintas serta penutupan jalan.

q) Membantu membuat kawalan lalulintas ketika upacara-upacara rasmi.

r) Memantau dan mengambil tindakan terhadap kesalahan tidak menggunakan jejantas.

5.2.2 Fungsi Bahagian Siasatan Penguatkuasaan

Melaksanakan siasatan, tindakan penguatkuasaan dan pengesyoran terhadap isu - isu umum yang berkaitan kesalahan premis, premis hiburan, hotel, iklan, tempat letak kereta swasta, pasar-pasar awam dan produk biodegrasi.

a) Memproses kertas siasatan (IP) ke atas kesalahan premis, premis hiburan, hotel, iklan, tempat letak kereta swasta dan produk biodegrasi untuk tujuan pendakwaan ke mahkamah.

Seksyen Siasatan Am & Trafik

a) Melaksanakan siasatan, tindakan penguatkuasaan dan pengesyoran terhadap isu - isu umum yang berkaitan kesalahan penjajaan, halangan di tempat awam, vandalisme, Dataran Merdeka, taman-taman awam, PPR & PA, lalulintas dan angkutan bahan dari tapak pembinaan yang melakukan kesalahan kekotoran jalan, tiada permit, tidak mematuhi syarat permit pengangkutan bahan binaan dan permit galian.

b) Memproses kertas siasatan (IP) ke atas kesalahan penjajaan, halangan di tempat awam, vandalisme, Dataran Merdeka, taman-taman awam, PPR & PA dan untuk tujuan pendakwaan ke mahkamah.

Seksyen Pengurusan Aduan Awam

a) Menyelaras dan menguruskan isu aduan/ pertanyaan awam berkaitan bidang tugas Jabatan daripada pelbagai sumber pemantauan melalui iSPAAA, surat, email, bersemuka, telefon, whatsapp, KLFM (Radio) dan Hari Bertemu Pelanggan.

b) Menyediakan maklum balas Mesyuarat Dewan Negara/Dewan Rakyat, Mesyuarat Pasca Kabinet, Mesyuarat Lembaga Penasihat DBKL, Datuk Bandar Bersama Ahli Parlimen, Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan, Mesyuarat Sektor Sosio-Ekonomi, Mesyuarat KSU dan Mesyuarat Pengurusan Aduan Awam DBKL

c) Merekod dan menyediakan laporan tindakan penguatkuasaan bahagian/cawangan/unit secara bulanan/ tahunan seperti pengeluaran notis kesalahan, tindakan/operasi-operasi yang dilaksanakan oleh Jabatan.

d) Melaksanakan tindakan memindahkan/menunda kenderaan yang membuat halangan lalulintas

e) Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas penjaga kereta tanpa kebenaran.

f) Melaksanakan tindakan mengapit dan memindahkan kenderaan yang membuat halangan lalulintas

g) Menyelaras dan mengurus operasi Bilik Gerakan 24 jam dan bertindak sebagai Pusat Perhubungan Jabatan.

h) Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan lalu lintas keatas di tempat letak kereta bermeter.

Sekretariat:

i. OPS TEBAH

ii. OPS ANGKUT MOTOSIKAL

iii. OPS BELANG

iv. OPS JEJANTAS

v. OPS LORONG BAS

vi. OPS JAGA

5.2.3 Bahagian Teknikal Pembangunan

Seksyen Teknikal Perancang

a) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan roboh/runtuh terhadap struktur tanpa kelulusan perintah pembangunan (tanah persendirian/kerajaan).

b) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan struktur binaan yang melanggar perintah pembangunan (DO).

c) Mengawal dan memantau pembinaan struktur atau menukar kegunaan tanpa kelulusan perintah pembangunan di kawasan tanah persendirian.

d) Menganggotai Ahli Jawatankuasa Tetap seperti: Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) One Stop Centre. Mesyuarat Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)

Seksyen Teknikal Bangunan

a) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap kerja tanah untuk pembinaan bangunan, kelulusan pelan pembangunan dan TELCO.

b) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan illegal dumping dan korekan pasir.

c) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap angkutan bahan dari tapak pembinaan yang melakukan kesalahan kekotoran jalan, tiada permit, tidak mematuhi syarat permit pengangkutan bahan binaan dan permit galian.

Sekretariat

i. OPS ROBOH

ii. OPS PERANCANG

iii. OPS SETINGGAN

iv. OPS PEJABAT TANAH GALIAN

v. OPS TAPAK

5.2.4 Bahagian Pembangunan Komuniti

Seksyen Tugas Khas

1. Pasukan Berkuda
   a) Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil Taman (WP) 1981.
   b) Mengawal dan menjaga Keselamatan harta benda kepunyaan Datuk Bandar Kuala Lumpur di taman-taman.
   c) Menyertai perbarisan dan perayaan seperti Hari Kemerdekaan dan Hari Wilayah Persekutuan dan lain-lain perarakan di peringkat kebangsaan.
   d) Mengadakan persembahan berkuda untuk tontonan awam khususnya wargakota.
   e) Menyertai pertandingan 'show jumping' polo dan tent pegging tertakluk kepada kelulusan pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

2. Pasukan Pancaragam
   a) Menyelaras persembahan pancaragam dalam acara-acara perbarisan Jabatan.
   b) Menyelaras persembahan pancaragam dalam acara-acara peringkat DBKL, WPKL dan negara.
   c) Membuat persembahan musik dan pancaragam kepada wargakota di lokasi strategik sekitar WPKL.
   d) Membantu Penguatkuasaan Zon Alpha & Bravo dalam melaksanakan tindakan Penguatkuasaan.

3. Pasukan Penyelamat
   a) Menjalankan kerja-kerja / bantuan menyelamat mangsa-mangsa bencana alam banjir.
   b) Menjalankan kerja-kerja / bantuan menyelamat mangsa-mangsa kebakaran.
   c) Menjalankan kerja-kerja / bantuan menyelamat mangsa-mangsa kemalangan jalanraya.
   d) Menjalankan dan menyelaraskan tugastugas mencari dan menyelamat mangsamangsa bangunan runtuh/ terperangkap.
   e) Menganggotai Ahli Jawatankuasa Tetap seperti Mesyuarat Sekretariat Bencana Alam WPKL.

Seksyen Keselamatan

a) Mengurus kawalan keselamatan ke atas harta benda Datuk Bandar.
b) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan di taman-taman awam.
c) Menganggotai Ahli Jawatankuasa Tetap Mesyuarat Pemeriksaan Kawalan Sasaran Penting WPKL dan).
d) Mesyuarat Jawatankuasa Gerak Saraf Perang Saraf Negeri (JGSPSN).
e) Menjadi Sekretariat Mesyuarat Inspektorat Keselamatan dan Mesyuarat Prestasi Kawalan Keselamatan Swasta DBKL
f) Menyelaras dan mengurus panel kawalan keselamatan swasta.
g) Pemeriksaan secara berjadual ke postpost yang ditempatkan pengawal swasta.

5.2.5 Bahagian Pengurusan Logistik

- Mengurus stor sitaan bagi urusan barangan sitaan/pindah halangan.
- Mengurus depoh simpanan tunda bagi kenderaan kesalahan lalulintas
- Mengurus depoh simpanan tunda bagi kenderaan buruk/tersadai Melaksanakan tindakan tunda/angkut ke atas kenderaan buruk/tersadai

Sekretariat:

a) Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksaan dan Pelupusan Aset (Kenderaan Kesalahan Lalulintas)
b) Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksaan dan Pelupusan Aset (Kenderaan Buruk/Tersadai)
c) Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksaan dan Pelupusan Aset (Barangan Sitaan)

Seksyen Logistik

Unit Aset

Unit Aset bertanggungjawab untuk menguruskan semua Aset Alih, Aset Hidup melalui proses kerja seperti berikut:

a) Menguruskan Pendaftaran dan pengagihan Aset Alih Datuk Bandar di peringkat Jabatan.
b) Pelupusan Aset Alih Datuk Bandar di peringkat Jabatan
c) Tatacara Pengurusan Kehilangan Aset Alih Datuk Bandar
d) Penyelenggaraan Aset (Harta Modal)
e) Pelupusan Aset Hidup
f) Menyelaras Borang Penggunaan dan Sewaan Kenderaan.

Pusat Bekalan Setempat

a) Mengurus Penggunaan Handheld dan Printer serta melaporkan kerosakan dan kehilangan.
b) Mengurus Penggunaan Walkie Talkie serta melaporkan kerosakan dan kehilangan.
c) Mengurus Penggunaan Kamera serta melaporkan kerosakan dan kehilangan.
d) Mengurus Penggunaan Buku Notis serta melaporkan kerosakan dan kehilangan.
e) Mengurus Penggunaan Beg Sitaan.

Unit Aset ICT

a) Merancang dan memperkukuh infrastruktur ICT Jabatan.
b) Memastikan Portal Jabatan dikemaskini dari masa ke semasa.
c) Memastikan aplikasi dalaman internet dan intranet DBKL dapat dicapai dan diakses sepanjang masa
d) Memastikan Rangkaian Setempat (LAN) di Jabatan beroperasi dengan baik
e) Memberikan khidmat nasihat dan sokongan teknikal kepada semua pengguna.

Depoh Kenderaan

- Mengurus Penggunaan pengagihan & penyelenggaraan Kenderaan Jabatan
- Mengurus penggunaan, pengagihan & penyelenggaraan Motosikal Jabatan

5.2.6 Bahagian Pengurusan Pentadbiran

Seksyen Pentadbiran

a) Melaksana dasar sumber manusia sektor awam yang melibatkan aspek perjawatan, perkhidmatan dan latihan bagi pegawai dan kakitangan Jabatan.
b) Mengurus penempatan pegawai dan kakitangan serta memohon
c) Mengurus pengesahan jawatan bagi lantikan baru dan pegawai yang memangku.
d) Menyelaras dan memantau pelaksanaan sistem HRMIS di Jabatan.
e) Mengurus pengiktirafan pegawai menerusi laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT), urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan, urusan penganugerahan bintang, pingat dan darjah kebesaran.
f) Mengurus dan menyelaras program pembangunan dan penyelenggaraan bangunan jabatan.

Seksyen Kewangan

Mengurus hal ehwal kewangan dan pengurusan tender / sebut harga harga Jabatan.

Unit Bekalan

Mentadbir dan mengurus stor bekalan pakaian seragam/peralatan.

5.2.7 Seksyen Integriti dan Standard

a) Mengurus dan memantau siasatan dan disiplin pegawai dan kakitangan Jabatan Penguatkuasaan.

b) Mengurus dan merekod program/latihan yang telah dijalankan dan dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Jabatan sama ada anjuran DBKL, Jabatan dan swasta.

c) Merancang dan menyediakan program kursus-kursus umum dan fungsional berdasarkan prospektus latihan mengikut Dasar Latihan, Jabatan Penguatkuasaan.

d) Menjadi pengantara Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB) dengan Jabatan Penguatkuasaan.

e) Memantau dan menyedikan laporan kehadiran peserta kursus (pegawai, anggota dan kakitangan).

f) Pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) menyediakan laporan/bahan taklimat dan cadangan penambahbaikan. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan ICT, liputan media, jurugambar, montaj, buku aturcara.

5.2.8 Seksyen Perundangan

a) Melaksanakan tindakan susulan ke atas notis tertunggak.

b) Memeriksa/menyemak kertas siasatan oleh Pegawai Penyiasat bagi tujuan dibawa ke mahkamah.

c) Melaksanakan tugas penyerahan saman dan waran tangkap.

d) Mendaftarkan kes-kes di Mahkamah bagi kesalahan-kesalahan di bawah akta/peruntukkan undang-undang yang dikawalselia/dikuatkuasakan oleh Jabatan.

e) Mengendalikan kes-kes sivil, perbicaraan dan rayuan-rayuan berhubung kes-kes yang dimulakan oleh Jabatan atau terhadap jabatan.

f) Membangunkan dan menyemak peruntukkan undang-undang yang sedia ada/baru.

g) Menyediakan pandangan perundangan dan mentafsir undang - undang yang ditadbir oleh Jabatan.

h) Memantau status notis kompaun yang ditawarkan.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	15,878,800.00	14,575,974.00	91.80

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	235,000.00	109,517.00	53.40

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021





Misi bantuan banjir DBKL di Selangor oleh Skuad Penyelamat
Tarikh : 19 Disember 2021 hingga 04 Januari 2022
Lokasi : Kampung Baru Hicom Seksyen 26, Shah Alam, Selangor







Latihan Simulasi Tindakan Kecemasan (EX TITIWANGSA 21) oleh Skuad Penyelamat
Tarikh : 17 Disember 2021
Lokasi : Stesen Monorel Titiwangsa
Penganjur : PRASARANA





Latihan Tali Tinggi oleh Skuad Penyelamat
Tarikh : 13-14 Disember 2021
Lokasi : Gua Damai, Batu Caves, Selangor




Tindakan Khas Urut Siri 1 Bahagian Penguatkuasaan Utara
Lokasi : Ganda Health Centre, Taman Danau Kota
Tarikh : 11 Februari 2021










Tindakan Khas Bahagian Penguatkuasaan Utara
Lokasi : THAI 77, Platinum Walk, Taman Ibukota
Tarikh : 12 Mac 2021









Tindakan Khas Bahagian Penguatkuasaan Utara
Lokasi : CAIRNHILL HOTEL (M) SDN BHD Jalan Ipoh
Tarikh : 26 Mac 2021





Tindakan Khas Bahagian Penguatkuasaan Utara
Lokasi : SAWADIKAP THAI MASSAGE, Setapak
Tarikh : 20 Oktober 2021







Pertandingan Show Jumping
Lokasi : Unit Berkuda Titiwangsa, Taman Tasik Titiwangsa
Tarikh : 16 Oktober 2021








Operasi PATUH
Lokasi : Pasar Borong Kuala Lumpur
Tarikh : 21 September 2021






Kunjungan Hormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan ke Jabatan Penguatkuasaan
Lokasi : Jabatan Penguatkuasaan Jalan Tun Razak
Tarikh : 20 September 2021







Program Derma Darah Pandemik Sempena Hari Penguatkuasa Ke 52
Lokasi : Pusat Darah Negara Jalan Tun Razak
Tarikh : 09 September 2021







Operasi Tindakan Khas Bersama Jabatan Imigresen Malaysia
Lokasi : Plaza Low Yat, Bukit Bintang
Tarikh : 10 Mac 2021






Operasi Tindakan Khas Penjaja Tanpa Lesen
Lokasi : Dataran Merdeka
Tarikh : 11 Mac 2021







Operasi Tindakan Khas Banteras Aktiviti Haram
Lokasi : Jalan Kuchai Maju 2
Tarikh : 11 Februari 2021







Bengkel Pemantapan Tindakan Penguatkuasaan
Lokasi : Amari Johor Bahru
Tarikh : 10 - 13 November 2021



Operasi Gelandangan Siri 4
Lokasi : Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur
Tarikh : 17 September 2021



Operasi Tindakan Khas Premis Solaris Dutamas Publika
Lokasi : Jalan Dutamas, Kuala Lumpur
Tarikh : 19 Mac 2021









Kunjungan Hormat Datuk Bandar Kuala Lumpur ke Pusat Pengurusan Pengangkutan (ITIS) Bukit Jalil

Lokasi : Pusat Pengurusan Pengangkutan (ITIS), Lebuhraya Bukit Jalil, Kuala Lumpur

Tarikh : 02 Oktober 2021









Kursus Asas Pembantu Penguatkuasa KP19

Lokasi : Pusat Latihan Gemencih, Negeri Sembilan

Tarikh : 09 Ogos 2021









Kunjungan Hormat Menteri Wilayah Persekutuan ke Jabatan Penguatkuasaan
Lokasi : Jabatan Penguatkuasaan Jalan Tun Razak
Tarikh : 15 September 2021









Ujian Lasak Penguatkuasa 2021
Lokasi : Unit Berkuda Titiwangsa, Taman Tasik Titiwangsa
Tarikh : 16 March 2021






Operasi Roboh Binaan Tanpa Kebenaran
Lokasi : Pasar Borong Kuala Lumpur
Tarikh : 14 Oktober 2021

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

TARIKH	ACARA	KEPUTUSAN
6, 7, 8 dan 27 November 2021	Pertandingan Showjumping di Kejohanan FEI World Jumping Challenge & Youth Jumping Qualifiying Competition 2021(Category C: 100 cm – 110 cm)	Memenangi tempat pertama acara Showjumping di Kejohanan FEI World Jumping Challenge & Youth Jumping Qualifiying Competition 2021 (Kategori C 100 cm – 110 cm)
16 November 2021	Pertandingan Bowling Jemputan Majlis Keselamatan Negara (MKN)	Memenangi tempat pertama pertandingan Bowling Jemputan Majlis Keselamatan Negara (MKN)
9 – 12 Disember 2021	Acara Sukan Rakyat Sempena Program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia 2021	Memenangi tempat pertama dan kedua acara Galah Panjang Memenangi tempat pertama dan ketiga acara Teng Teng Memenangi tempat pertama dan ketiga acara Untai Gelang Getah Memenangi tempat pertama acara Congkak Memenangi tempat pertama acara Dam Aji Memenangi tempat pertama acara Batu Seremban

Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar (JPKKB) terhasil dari penggabungan beberapa Jabatan dan Bahagian asal iaitu Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Perkhidmatan Kawasan, Perpustakaan Kuala Lumpur dan Bahagian Pengurusan Rekod.

Penggabungan ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran komuniti bandar yang berdaya maju dan sejahtera melalui jalinan kolaborasi dengan agensi kerajaan, swasta dan NGO yang seterusnya memperkukuh peranan Pejabat Cawangan dalam memberi perkhidmatan perbandaran kepada masyarakat setempat terutama dalam usaha membangunkan sebuah masyarakat yang berilmu dan berdaya saing selaras dengan visi DBKL iaitu "Bandar Raya Sejahtera untuk semua menjelang Tahun 2030

Penggabungan ini juga bagi memperkasakan serta memantapkan peranan dan tanggungjawab Jabatan dalam memenuhi mencapai aspirasi pengurusan tertinggi DBKL.

1.2 Bahagian-Bahagian/ Unit-Unit di Jabatan

Pentadbiran jabatan telah dibahagikan kepada dua (2) bahagian utama iaitu Bahagian Pengurusan Perumahan dan Kesejahteraan Bandar dan Bahagian Kejuruteraan, serta enam (6) unit iaitu Unit Pentadbiran, Dasar dan Pembangunan, Unit Pembangunan Komuniti, Unit Perkhidmatan Kawasan, Unit Kewangan dan Akaun, Unit Pengurusan Perumahan dan Unit Perpustakaan bagi menggerakkan fungsi utama jabatan.

1.3 Bilangan Pegawai dan kakitangan Jabatan

Bilangan pegawai dan kakitangan jabatan mengikut kumpulan perjawatan bagi tahun 2021 diperkemaskan dari semasa ke semasa ke semasa seperti di jadual dan **Lampiran 1**.

KUMPULAN	PENGURUSAN TERTINGGI	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	SOKONGAN 1		SOKONGAN II		PSH	JUMLAH	JUMLAH KESELURUHAN STAF + PSH
PERUMAHAN	1	24	94	256	46	143	24	588	**1212**
PEJABAT CAWANGAN	-	11	38	220	13	199	7	481	
PERPUSTAKAAN	-	8	13	41	13	23	14	98	
JUMLAH	**1**	**43**	**145**	**517**	**72**	**365**	**45**	**1167**	

Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Mengikut Kumpulan Perjawatan bagi Tahun 2021

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

2.1.1 Memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan ke arah mensejahterakan bandar.

2.1.2 Menjadikan komuniti bandar yang terunggul dan sejahtera.

2.2 Misi

Mewujudkan komuniti bandar yang terunggul menerusi penyampaian perkhidmatan perbandaran yang cemerlang dan berkualiti.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Pengesahan dokumen pendaftaran penyewaan yang lengkap akan dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh pendaftaran.

3.2 Surat tawaran penyewaan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi kategori awam akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas dibaikpulih.

3.3 Keputusan permohonan memperbaharui kontrak penyewaan akan dimaklumkan dalam tempoh 30 hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima dan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

3.4 Memaklumkan keputusan permohonan gotong-royong/program sosial dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima.

3.5 Memaklumkan keputusan permohonan permit khemah sementara untuk aktiviti penduduk setempat di Pejabat Cawangan dalam tempoh 3 hari daripada tarikh permohonan lengkap diterima.

3.6 Menyediakan Kelas Tuisyen kepada golongan berpendapatan rendah bagi sekolah yang memohon selama lima (5) bulan sebelum peperiksaan UPSR, PT3, dan SPM bermula.

3.7 Menyediakan perkhidmatan kaunter bayaran yang cekap dan berkesan di Menara DBKL 3 serta tempoh waktu menunggu tidak melebihi 15 minit.

3.8 Memberi maklum balas awal terhadap aduan-aduan pelanggan dalam tempoh 1 hari bekerja dan mengambil tindakan susulan/ penguatkuasaan dalam tempoh 3 hari bekerja. Maklum balas seterusnya dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh aduan diterima.

3.9 Memastikan penambahan koleksi perpustakaan sekurang-kurangnya sebanyak 5% setiap tahun.

3.10 Mengeluarkan Surat Kebenaran Pindah rekod kepada jabatan dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JABATAN TAHUN 2021

Jabatan telah menetapkan sebanyak lapan (8) *Key Result Areas* (KRA) dan tiga belas (13) *Key Performance Indicators* (KPI) dengan pencapaian keseluruhan sebanyak 95.26% bagi tahun 2021.

Jadual KPI Jabatan bagi tahun 2021

BIL	KRA	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
1	Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (Customer Focus)	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	100% (1,184 kakitangan)	82.35%
2		Menyelesaikan aduan awam pada tahun 2021	100% (4,733 aduan) Perumahan : 837 aduan Pejabat Cawangan : 3,896	100%
3	Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (Transparency)	Menguruskan peruntukan perbelanjaan dengan berhemah	90% (RM292,301,415.00)	100%
4		Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022	Disember 2021	100%

5	Memperkukuhkan Kedudukan dan Pengurusan Kewangan	Mengutip 50% dari keseluruhan caj sewa PA/ PPR tahun semasa.	50% (RM17,000,000)	100%
6		Mengutip 35% daripada RM19,249,322 tunggakan sewa PA/PPR penyewa individu aktif yang masih menyewa seperti pada 31.12.2020.	35% (RM6,737,262.70)	84.6%
7	Memupuk Pembangunan Komuniti ke Arah Kehidupan Sejahtera dan Harmoni	Pelaksanaan program bersama komuniti.	100% (1,000 Program)	100%
8	Perkhidmatan dan Penguatkuasaan	Bancian (flushing) 39,166 dibuat sekali setahun di PA / PPR bagi memastikan KP yang sah.	75% (29,375 unit)	71.43%
9	Mempertingkatkan Kualiti Kesejahteraan Hidup	Tempoh operasi "Uptime" 175 lif berusia lebih 10 tahun di 16 kawasan PA/PPR (1,440 minit / lif / kawasan).	90%	100%
10		Penyelarasan permohonan projek kecil (infrastruktur dan bekalan) masyarakat.	100 Projek	100%
11	Bandar Raya Milik Warga Kota	Meningkatkan peminjaman bahan digital di Perpustakaan Kuala Lumpur.	80% (5,339 naskhah)	100%
12	Keupayaan Tadbir Urus serta Sistem Penyampaian Perkhidmatan	Sesi libat urus 'sesi engagement' bersama masyarakat bersama warga kota atau NGO berhubung isu-isu setempat di setiap kawasan Parlimen.	24 sesi bagi setiap kawasan Parlimen (264 sesi)	100%
13	Keupayaan Tadbir Urus serta Sistem Penyampaian Perkhidmatan	Memperluaskan penggunaan Digital Document Management System (DDMS) kepada jabatan-jabatan	5 Jabatan daripada keseluruhan di dalam DBKL	100%

5.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

5.1 Fungsi JPKKB mencakupi 6 aspek utama iaitu Pengurusan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR), Pengurusan Rumah Jual, Penyelenggaraan PA dan PPR (Awam, Elektrik dan Mekanikal), Keselamatan, Pembangunan Komuniti, Pengurusan dan Pemantauan sebelas (11) kawasan parlimen iaitu Parlimen Bandar Tun Razak, Batu, Bukit Bintang, Cheras, Kepong, Lembah Pantai, Segambut, Seputeh, Setiawangsa, Titiwangsa dan Wangsa Maju dan disokong oleh Unit Pentadbiran, Dasar dan Pembangunan serta Unit Kewangan dan Akaun.

5.1.1 Mengurus dan menyelenggara Perumahan Awam (PA) dan Program Perumahan Rakyat (PPR).

5.1.2 Mengurus pendaftaran permohonan rumah sewa melalui Sistem e-Perumahan secara *online.*

5.1.3 Mengurus pemilihan dan tawaran kemasukan penyewa yang layak.

5.1.4 Mengurus hal berkaitan penjualan rumah kos rendah dan sederhana DBKL dan bertindak sebagai pemaju sebelum penubuhan *Joint Management Body (JMB)/ Management Corporation (MC)* di PA/PPR.

5.1.5 Mewujudkan suasana harmoni di kalangan penghuni dengan menyediakan kemudahan dan bantuan program-program sosial dan keagamaan untuk dimanafaatkan oleh warga bandar.

5.1.6 Membangunkan komuniti dari pelbagai lapisan masyarakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang merangkumi aspek pendidikan, pembangunan modal insan, perkhidmatan sosial dan membasmi kemiskinan bandar.

5.1.7 Melaksanakan penyampaian perkhidmatan secara langsung kepada penduduk setempat dengan efisyen dan berkesan.

5.2 Bahagian/ Unit di Jabatan bagi mengerakkan fungsi utama adalah seperti berikut :

5.2.1 Bahagian Perumahan dan Kesejahteraan Bandar

Bahagian ini dibahagikan kepada empat (4) unit seperti di bawah :

5.2.1.1 Unit Pengurusan Perumahan

Unit ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Sewa Rumah dan Kedai, Seksyen Jualan, Seksyen Kawalan Perumahan serta Seksyen Pengurusan Zon.

Seksyen Sewa Rumah dan Kedai bertanggungjawab memastikan permohonan sewa diproses dan dipertimbangkan untuk keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peruntukan Perumahan Awam. Selain itu, seksyen ini juga memastikan permohonan sewa kedai atau gerai diproses dan dipertimbangkan untuk keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Temuduga Kedai/Gerai berdasarkan garis panduan yang ditetapkan. Di samping itu, seksyen ini juga bertanggungjawab menyelaras program Perumahan Bandar @ Jalan TAR. Program ini adalah untuk memberi kemudahan penyewaan bilik kepada golongan B40 yang berstatus bujang dan baru pertama kali bekerja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kadar sewaan sebanyak RM 100.00 sebulan.

Seksyen Jualan ditugaskan untuk menyelaras dan melaksanakan urusan pindahmilik hakmilik strata dan penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) di kawasan perumahan DBKL.

Seksyen Kawalan Perumahan bertangunggjawab untuk memantau dan menyelaras kerja-kerja penguatkuasaan di peringkat jabatan bagi keseluruhan kawasan PA/PPR bagi mewujudkan suasana kemasyarakatan yang harmoni, toleransi dan selamat untuk didiami.

Seksyen Pengurusan Zon telah dibahagikan kepada empat (4) zon perumahan PA/PPR dan setiap zon diketuai oleh Pengurus Zon. Seksyen ini bertanggungjawab untuk mengawal selia kawasan PA/PPR seperti daripada aspek kebersihan dan aktiviti kemasyarakatan.

5.2.1.2 Unit Perkhidmatan Kawasan

Unit ini terdiri daripada pengurusan sebelas (11) kawasan parlimen oleh Pejabat Cawangan. Terdapat 11 kawasan parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Bandar Tun Razak, Batu, Bukit Bintang, Cheras, Kepong, Lembah Pantai, Segambut, Seputeh, Setiawangsa, Titiwangsa dan Wangsa Maju.

Setiap pejabat cawangan daripada sebelas (11) parlimen ini diketuai oleh Pengurus Kawasan dengan peranan dan fungsi sebagai medium perantaraan di antara DBKL dan penduduk setempat.

5.2.1.3 Unit Pembangunan Komuniti

Unit ini terdiri daripada dua (3) seksyen iaitu Seksyen Pembangunan Pendidikan dan Ekonomi, Seksyen Pembangunan Sosial dan Seksyen Program Khas.

Seksyen Pembangunan Pendidikan dan Ekonomi membantu dalam melaksanakan aktiviti atau program sosial kepada warga PA/PPR bagi meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan warga kota. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti kursus berbentuk menjana ekonomi, seminar pendidikan, sumbangan perayaan, kem motivasi, khidmat kemasyarakatan (gelandangan) serta khidmat kaunseling.

Seksyen Pembangunan Sosial bertanggungjawab untuk menyelaras perancangan dan pelaksanaan program tahunan untuk pembangunan belia khususnya bagi belia PA/PPR dan belia Kuala Lumpur amnya. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti karnival, pertandingan, sukan dan riadah, keagamaan, perayaan, kem motivasi atau kem bina semangat serta kempen.

Seksyen Program Khas bertanggungjawan untuk menyelaras hal ehwal Persatuan Penduduk PA/PPR dan Persatuan Penduduk Swasta, program anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Pelaksanaan Program Wilayah Prihatin serta Sekretariat Star Rating PA/PPR

5.2.1.4 Unit Perpustakaan

Unit ini terdiri daripada enam (6) seksyen iaitu Seksyen Perolehan dan Pendokumentasian, Seksyen Program dan Aktiviti, Seksyen Perkhidmatan Perpustakaan, Seksyen Khidmat Pengurusan, Seksyen Pengurusan Rekod dan Kuala Lumpur World Book Capital 2020 (KLWBC 2020).

Seksyen Perolehan dan Pendokumentasian bertanggungjawab sepenuhnya dalam membangunkan koleksi-koleksi baru di Perpustakaan Kuala Lumpur, Perpustakaan Jabatan dan Perpustakaan-Perpustakaan Cawangan dibawah seliaan DBKL. Selain itu, seksyen ini juga memproses pengkatalogan dan pengkelasan bahan bacaan dan memastikan ianya mengikut piawaian atau standard minima yang telah ditetapkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

Seksyen Perkhidmatan Perpustakaan berperanan untuk menyediakan perkhidmatan pinjaman dan perkhidmatan rujukan kepada ahli-ahli Perpustakaan Kuala Lumpur.

Seksyen Program dan Aktiviti membantu dan menyelaras aktiviti-aktiviti galakan membaca dan galakan penggunaan perpustakaan dari masa ke semasa di setiap rangkaian cawangan.

Melalui **Seksyen Pengurusan Rekod**, unit ini berperanan memastikan rekod awam DBKL sentiasa diurus dengan teratur serta sistematik dengan menyediakan peraturan, panduan dan manual mengenai pengendalian fail dan rekod.

Seksyen KLWBC 2020 ditubuhkan memandangkan Kuala Lumpur telah menerima pengiktirafan sebagai Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC2020) oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 23 April 2020.

5.2.2 Bahagian Kejuruteraan

Bahagian ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Penyelenggaraan Awam, Seksyen Penyelenggaraan Elektrikal, Seksyen Penyelenggaraan Mekanikal dan Bilik Gerakan.

228	04 Disember 2021	Pawe Lembah Pantai, Dewan Terminal Sejahtera, Jalan Sri Sentosa 8 ,Taman Sri Sentosa, 58000 Kuala Lumpur	Gotong – Royong Di Pawe Lembah Pantai
229	05 Disember 2021	Dewan Utama Pusat Rekreasi Yayasan Pendidikan Cheras	Program Pelancaran Direktori Usahawan Bumiputera Cheras
230	05 Disember 2021	Kawasan Masjid As-Sodiqin, Taman Kobena	Memohon Khidmat Lori Sampah Untuk Program Gotong-Royong Masjid
231	08 Disember 2021	Dewan Merdeka Pekan Sungai Besi	Program Penyerahan Sumbangan Bakul Makanan Kepada Komuniti
232	08 Disember 2021	Apartment Kg.Sg.Udang	Lawatan TUPA YB Menteri Wilayah Persekutuan
233	11 Disember 2021	Taman Desa Aman Flat	Memohon Bantuan dan Kerjasama DBKL untuk Program Gotong Royong
234	11 Disember 2021	Madrasah Al-Khairiah P.A Seri Perak Bandar Baru Sentul	Gotong Royong Bersih Surau
235	11 Disember 2021	Padang Futsal Kg. Malaysia Tambahan	Program Futsal Kampung Malaysia Tambahan
236	11 Disember 2021	Flat 4 Tingkat Kos Rendah Taman Mulia	Program Bakul Sumbangan Kepada Komuniti
237	11 Disember 2021	Dewan Masyarakat Flat Seri Labuan	Majlis Pelepasan Dan Taklimat Kontijen Kejohanan Futsal Tertutup Sub Zon 2 Parlimen Bandar Tun Razak
238	12 Disember 2021	Dewan Komuniti Taman IKS	Perjumpaan Pemimpin Wanita Muda Parlimen Batu
239	12 Disember 2021	Bilik Mesyuarat Perpustakaan 1 Wilayah Lembah Pantai,Jalan Pantai Permai 1, 59200 Kuala Lumpur	Program Mesyuarat Jawatankuasa KRT Parlimen Lembah Pantai Dan Seputeh

BIL	TARIKH	LOKASI	NAMA PROGRAM
240	14 Disember 2021	Pustaka KL @ Keramat	Perasmian Pustaka Kl @ Keramat oleh YB Dato' Seri Dr Shahidan Bin Kassim – Menteri Wilayah Persekutuan
241	15 Disember 2021	Balai Polis Pantai, Jalan Pantai Baharu, 59200 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Program Serah Terima Tugas Ketua Polis Balai Pantai
242	15 Disember 2021	Pejabat Persatuan Penduduk Taman Rainbow	Mesyuarat Agung Persatuan
243	17 Disember 2021	Bilik Mesyuarat Perpustakaan 1 Wilayah Lembah Pantai	Program Mesyuarat Pertubuhan Permuafakatan Majlis Ayahanda Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
244	18 Disember 2021	Perpustakaan Kanak-Kanak, Perpustakaan Kuala Lumpur	KL Story Fest 2021
245	18 Disember 2021	Dewan Taman Bukit Angkasa Block 1,5 & 6	Program Kembali Ke Sekolah 2022
246	18 Disember 2021	Dewan Yayasan Warisan Batu	Perjumpaan Bersama Pemimpin Setempat Parlimen Batu
247	18 Disember 2021	Laman Tun Razak Jalan Selimang Taman Tenaga Cheras Kl	Majlis Suai Kenal Bersama Pemimpin Mppwp Bandar Tun Razak Bersama NGO Setempat
248	18 Disember 2021	Dewan Shazac Bistari, Kompleks Yayasan Wangsa Perdana	Sumbangan Pek Makanan Kepada Warga Emas, Ibu Tunggal Dan Golongan Miskin
249	19 Disember 2021	Dewan Masyarakat Taman Tasik Indah	Mesyuarat Agung Tahunan Taman Tasik Indah
250	19 Disember 2021	Dewan Taman Desa Cheras	Program Suai Kenal Dan Ramah Mesra Mesyuarat Bersama Persatuan Penduduk
251	19 Disember 2021	Dewan PPR Sentul Murni	Majlis Sumbangan Uniform Sekolah "Back To School" Bersama-Sama Anak Yatim Dan Asnaf
252	19 Disember 2021	Dewan KRT Taman Mewah	Program Pertandingan Sepak Takraw MPPWP Sub Zon 3
253	19 Disember 2021	Padang Bolasepak Sri Johor 4A/B JalanJelawat Cheras KL	Pertandingan Bolasepak 9 Sebelah
254	23 Disember 2021	Kampung Pasir Baru Kuala Lumpur	Gotong – Royong Pasca Banjir Kampung Pasir Baru
255	23 Disember 2021	Pejabat Cawangan Kepong Seri Delima	Majlis Perjumpaan Ahli Pemadam Kepong
256	24 Disember 2021	Kampung Pasir Baru Kuala Lumpur	Gotong – Royong Pasca Banjir Kampung Pasir Baru Siri 1,2,3
257	25 Disember 2021	Kampung Pasir Baru Kuala Lumpur	Gotong – Royong Pasca Banjir Kampung Pasir Baru Siri 1,2,3
258	25 Disember 2021	Dewan Persatuan Ibu Tunggal Bandar Tun Razak	Program Usahawan Dan Pemeriksaan Kesihatan
259	25 Disember 2021	Dewan Komuniti Taman Setapak Indah	Kursus Persiapan Calon Guru Al-Quran Kaedah Qiraat
260	25 Disember 2021	Masjid Saidina Ali Karamallah Wajhah, Kampung Padang Balang Sentul	Program Retreat Remaja Masjid Saidina Ali Karamallah Kampung Padang Balang Sentul Tahun 2021
261	26 Disember 2021	Pusat Rekreasi Cheras, Jalan Peel Kuala Lumpur	Program Pelancaran "Basic" Smartphone Photography – Workshop Poster Digital Smartphone

BIL	TARIKH	LOKASI	NAMA PROGRAM
262	26 Disember 2021	Kampung Pasir Baru Kuala Lumpur	Gotong – Royong Pasca Banjir Kampung Pasir Baru Siri 1,2,3
263	26 Disember 2021	Masjid Zaid Bin Thabit	Program Pengurusan Mental Dan Emosi
264	26 Disember 2021	Dewan Kamara Kg. Malaysia Raya	Program Kempen Derma Darah PBI 2021
265	26 Disember 2021	Surau Al-Aula Flat Seri Labuan	Proram Khalifah Junior
266	26 Disember 2021	Lorong Medan Tuanku 2	Program OP Murni
267	27-28 Disember 2021	Jalan Kolam Air Jalan Ipoh Dan Kampung Kasipillay Jalan Ipoh	Program Gotong-Royong Pasca Banjir
268	30 Disember 2021	Pusat Komersial Komuniti BTR	Program Seminar Kewangan Dan Wakaf Serta Mesyuarat Agung
269	30 Disember 2021	Tiong Nam Park	Program Bantuan Wang Ihsan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim
270	31 Disember 2021	Madrasah Tarbiah Islamiah, Apartment Putra Ria, Jalan Bangsar, Kuala Lumpur	Majlis Ceramah Diambang Tahun Baru 2022
271	31 Disember 2021	Dataran Gemilang Taman Pasir Permata	Program Sambutan Program Amal, Ambang Tahun Baru 2022

Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan

1.0 LATAR BELAKANG JABATAN

Pada 1 Julai 2011 melalui penstrukturan DBKL, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Pengurusan Penjaja dan Peniaga Kecil telah digabungkan menjadi satu jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Pemudahcara Perniagaan dan Pengurusan Penjaja. Pada tahun 2012, nama jabatan ditukarkan kepada Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja. Bagaimanapun, pada tahun 2015 nama Jabatan sekali lagi ditukarkan ke Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja. Pada tahun 2020 nama Jabatan sekali lagi ditukarkan menjadi Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan. Penjenamaan semula nama jabatan adalah selaras dengan perubahan fungsi dan skop kerja jabatan. Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan adalah seramai 410 orang.

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Mewujudkan komuniti perniagaan yang professional dan berintegriti bagi meningkatkan tahap ekonomi dan sosial mereka selaras dengan visi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

2.2 MISI

2.2.1 Menyedia dan melaksana dasar, program pembangunan fizikal & modal insan yang relevan kepada komuniti perniagaan dan pengurusan jabatan.

2.2.2 Melaksanakan proses permohonan dan keputusan bagi semua jenis lesen perniagaan mengikut prosedur.

2.2.3 Melaksanakan penguatkuasaan pematuhan syarat lesen secara sistematik.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

BIL	PIAGAM PELANGGAN	TEMPOH
1	Memastikan permohonan lesen baru yang lengkap dan mematuhi syarat-syarat pelesenan diproses mengikut tempoh yang ditetapkan.	1 - 30 HARI
2	Memastikan permohonan lesen pembaharuan yang lengkap dan mematuhi syarat-syarat pelesenan diproses mengikut tempoh yang ditetapkan.	1 - 30 HARI
3	Memastikan permohonan pembatalan lesen yang lengkap dan mematuhi syarat-syarat pelesenan diproses mengikut tempoh yang ditetapkan.	1 - 30 HARI
4	Memberi maklum balas awal terhadap aduan-aduan pelanggan dalam tempoh 1 hari bekerja dan mengambil tindakan susulan/ penguatkuasaan dalam tempoh 3 hari bekerja. Maklum balas seterusnya dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh aduan diterima.	1 - 14 HARI

4.0 PETUNJUK PRETASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (*Customer Focus*)	1	Kehadiran 4 Hari Berkursus Setahun Kepada Semua Warga Kerja Jabatan	100%	100%
	2	Mensasarkan 100% Penyelesaian Aduan Awam Dalam Tempoh 14 Hari Pada Tahun 2021	100%	100%
Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntibility Dan Telus (Transparency)	3	Pengurusan Peruntukan Perbelanjaan Berhemah	90%	93.79%
	4	Mengemukakan Perancangan Perolehan Bagi Tahun 2022	100%	100%

Pengurusan Pasar Pembangunan / Pusat Penjaja DBKL	5	Kajian Pasar Pusat Penjaja DBKL Tidak Berdaya Maju	100%	100%
	6	Menyediakan Garis Panduan Rekabentuk Dan Susun Atur Pusat Penjaja Yang Lebih Komprehensif Yang Mesra Penjaja Dan Pengguna	100%	100%
	7	Memastikan Semua Penjaja Aktif Yang Menyewa Pasar / Pusat Penjaja DBKL Mempunyai Dokumen Perjanjian Yang Sah	100%	100%
Peningkatan Hasil	8	Melaksanakan Kutipan Sewaan Semasa Gerai Pasar / Pusat Penjaja	90%	84%
	9	Melaksanakan Kutipan Tunggakan Gerai Pasar / Pusat Penjaja	20%	100%
Transformasi Penjaja	10	Program Pemerkasaan Penjaja	100%	100%
	11	Bantuan Pengembangan Perniagaan Bumiputera	100%	100%
Pelesenan	12	Pemudahcara Proses Pembayaran Lesen Premis, Komposit, Iklan Papan Tanda Premis Dan Hiburan	60%	100%
Kawalan Perniagaan	13	Memastikan Pemantauan Di Pasar Berbangunan / Pusat Penjaja DBKL Dilaksanakan Mengikut Jadual Yang Ditetapkan	100%	100%

5.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

i. Memproses dan mengeluarkan lesen perniagaan yang merangkumi lesen penjaja dan peniaga kecil, lesen premis, lesen iklan, lesen hiburan, lesen minuman keras, lesen tempat letak kereta, lesen pelelong dan lesen penulis petisyen.

ii. Melaksanakan penguatkuasaan pematuhan syarat lesen terhadap lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan.

iii. Menyediakan pembangunan modal insan yang relevan kepada komuniti penjaja dan peniaga kecil.

iv. Merancang keperluan dan pembangunan pasar dan pusat penjaja yang seragam, teratur dan serba lengkap bagi mewujudkan sistem perniagaan kecil yang lebih sistematik dan bertaraf tinggi.

v. Melaksanakan kutipan hasil melalui Fi lesen, Sewaan Gerai Pasar dan Pusat Penjaja DBKL.

vi. Mencadangkan penggubalan dasar dan melaksanakan dasar pelesenan yang telah ditetapkan oleh Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

5.2 Fungsi Bahagian/Unit Jabatan

5.2.1 Bahagian Pelesenan dan Pentadbiran

i. Unit Dasar, Pelesenan Penjaja, Pentadbiran dan Kewangan

- Menyediakan dan Menyelaraskan Dasar-Dasar Jabatan
- Menguruskan Proses Pelesenan Penjaja
- Mengurus Hal Ehwal Kakitangan dan Pentadbiran
- Menguruskan Kewangan, Perbelanjaan dan Kutipan Hasil

ii. Unit Pelesenan Premis, Hiburan, Eksais, Iklan dan Teknologi Maklumat

- Menguruskan Proses Pelesenan Premis, Hiburan, Eksais, Iklan, Tempat Letak Kereta, Pelelong dan Penulis Petisyen
- Menyediakan dan Menyelaraskan Keperluan Sistem dan ICT Jabatan

5.2.2 Bahagian Pembangunan dan Kawalan Pelesenan

i. Unit Pembangunan dan Penyelenggaraan
- Menyelaraskan Projek-Projek Pembangunan Yang Melibatkan Penjaja
- Program Transformasi dan Kawalan Pasar Malam dan Food Truck
- Menyelaraskan Kerja-Kerja Penyelenggaraan, Pembersihan dan Kawalan Keselamatan Pasar Berbangunan dan Pusat Penjaja DBKL
- Program Usahawan Anak Muda Kota

ii. Unit Kawalan Pelesenan
- Menyiasat Semua Jenis Permohonan Lesen
- Membuat Pemantauan / Kawalan Pelesenan
- Pengurusan Hal Ehwal Pengoperasian Pasar Berbangunan dan Pusat Penjaja DBKL

6.0 BAJET JABATAN

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	46,688,000	43,613,669	93.79

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN

7.1 Program Jabatan

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
5 Januari 2021	Jabatan-Jabatan DBKL	Edaran bahan-bahan promosi Produk Biodegradasi kepada jabatan-jabatan DBKL dan peniaga/penjaja	Menggalakkan penjaja/peniaga menggunakan bahan-bahan dari produk biodegradasi
27-29 Mac 2021	Jabatan-Jabatan DBKL	Bengkel Pemurnian Pelan Strategik Pembangunan Penjaja	Kupasan isu dan permasalahan akan disediakan skop kerja dan juga pelan tindakan yang mencakupi skop yang relevan untuk kajian berkaitan dengan penyusunan dan penempatan penjaja, program pembangunan dan transformasi yang melibatkan penjaja. Maka setelah dibincang dan dirumuskan dalam retreat permurnian yang berakhir 28 mac 2021, jabatan menggariskan 5 strategi dengan 13 pelan tindakan untuk dilaksanakan bagi tempoh 1 hingga 10 tahun.
5 April 2021	DBKL TnG Digital Sdn. Bhd, Malayan Banking Berhad & Shopee Pay	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Urusniaga Tanpa tunai di Bazar, Pasar & Pusat Penjaja DBKL di antara Datuk Bandar Kuala Lumpur Dengan TnG Digital Sdn. Bhd. Malayan Banking Berhad dan Shopee Pay	Satu bentuk kerjasama DBKL bersama, TnG Digital Sdn. Bhd, Malayan Berhad & Shopee Pay bagi memudahkan transaksi bayaran pengunjung di Bazar, Pasar dan Pusat Penjaja

8-9 April 2021	Jabatan-Jabatan DBKL	Bengkel SOP Pembatalan Lesen dan Penyelarasan Tindakan Penguatkuasaan	Penyelarasan proses kerja tindakan penguatkuasaan di pusat bandar Utara. Penyediaan Garis Panduan aktiviti yang dibenarkan di pusat bandar utara. Penyelarasan semula SOP tindakan penguatkuasaan. Penyediaan garis panduan laporan dari agensi luar untuk tindakan pembatalan semua jenis lesen. Garis panduan penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) di bangunan-bangunan pasar DBKL.
13 April hingga 12 Mei 2021	Jabatan-Jabatan DBKL	Bazar Aidilfitri KL @ Lorong T.A.R	Program penganjuran Bazar Aidilfitri adalah merupakan program tahunan DBKL yang diadakan bagi persediaan umat islam menyambut Hari Raya Aidilfitri di WPKL
Bulan Julai 2021	Jabatan-Jabatan DBKL	Vaksinasi Penjaja Program MyMedic@ Wilayah Mobile Vaksin Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Memberi Suntikan Vaksinasi Covid-19 kepada penjaja-penjaja di sekitar Kuala Lumpur.
19 November 2021	Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 JPPP	Meraikan kakitangan yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Tahun 2020
21-24 November 2021	Jabatan-Jabatan DBKL	Bengkel Penyediaan Garis Panduan Reka Bentuk Pusat Penjaja Di WPKL	Garis Panduan Reka Bentuk Pusat Penjaja WPKL perlu diselaraskan semula bagi memberi nilai dan impak baru bagi menggambarkan imej dan reputasi DBKL sebagai Pihak Berkuasa Tempatan.
9 Disember 2021	Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan	Majlis Apresiasi Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan	Bagi menghargai jasa dan tenaga pegawai dan kakitangan sebagai petugas yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan Pengurusan dan Kawalan Covid-19 serta pelaksanaan Bazar Ramadan 2021.
15-16 Disember 2021	DBKL, Ahli Lembaga Eksais, PDRM, KASTAM	Bengkel Semakan Semula Pelaksanaan Garis Panduan Dan Lesen Minuman Keras Wilayah Persekutuan	Untuk mendapatkan pendekatan terbaik bagi mengawal kaedah penjualan, kawalan pemantauan dan penguatkuasaan lesen minuman keras selaras dengan norma baharu kehidupan susulan dengan penularan wabak Covid 19 disamping mendapatkan pemahaman yang jelas berkaitan garis panduan dan proses pengeluaran lesen berdasarkan Akta Eksais 1976.
25 Disember 2021	Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan	Misi Bantuan Banjir JPPP	Memberi serta membantu dalam kerja-kerja pembersihan rumah kepada 5 orang kakitangan Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan yang terlibat dengan banjir di Hulu Langat, Selangor
27-29 Disember 2021	Jabatan-Jabatan DBKL	Bengkel Semakan Semula Pengurusan Kualiti Jabatan	Bengkel semakan semula pengurusan kualiti jabatan bagi mencapai objektif seperti berikut: • Mengkaji dan menilai semula Prosedur Kualti dan Arahan Kerja selaras dengan kepentingan fungsi jabatan, tugas dan tanggungjawab pegawai dan kakitangan • Menambahbaik Prosedur Kualiti dan arahan Kerja selaras dengan modul-modul sistem-sistem yang digunapakai di jabatan ini. Membuat pindaan dan mengemaskini Pelan Pengurusan Risiko bagi MS ISO 9001:2015 serta Pelan Pengurusan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS IEC 27001:2013). Menyemak semula Piagam Pelanggan dan KPI jabatan bagi meningkatkan lagi tahap kepuasan warga kota khasnya serta mencapai Visi dan Misi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dan kakitangan mengenai sistem pengurusan kualiti jabatan.



Edaran beg Biodegradasi kepada Peniaga Jalan TAR
Pada **5 Januari 2021**



Bengkel Pemurnian Pelan Strategik Pembangunan Penjaja Di
Pullman Hotel Pada **27-29 Mac 2021**



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Urusniaga
Tanpa tunai di Bazar, Pasar & Pusat Penjaja DBKL Pada **5 April 2021**



Bengkel SOP Pembatalan Lesen dan Penyelarasan Tindakan
Penguatkuasaan di Pada **5 April 2021**





Bazar Aidilfitri KL @ Lorong T.A.R bermula Pada **13 April 2021** hingga **12 Mei 2021**





Program Vaksinasi Penjaja DBKL Di Pavillion Bukit Jalil
Pada **22** dan **23 Julai 2021**





Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 JPPP
Pada **19 November 2021**





Bengkel Penyediaan Garis Panduan Reka Bentuk Pusat Penjaja Di WPKL Di
Paya Bunga Hotel, Terengganu Pada **4 - 7 November 2021**





Majlis Apresiasi Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan
Di Berjaya Times Square Hotel Pada **9 Disember 2021**





Misi Bantuan Banjir JPPP Di Hulu Langat Pada **9 Disember 2021**

7.2 Pembangunan dan Pemerkasaan Penjaja

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
26 Sept 2021	YB Menteri, Kementerian Wilayah Persekutuan, Pengurusan Tertinggi DBKL, Jabatan-Jabatan DBKL	Pemindahan Pusat Penjaja D'laman Rasa, Sungai Besi Sesi Penyerahan Kunci Dan Lesen Perniagaan Pusat Penjaja D'laman Rasa, Pekan Sungai Besi	YB Menteri Wilayah Persekutuan telah memberikan Kunci simbolik kepada pengisian penjaja serta Penyerahan Lesen Perniagaan kepada 6 penjaja yang terpilih daripada pelbagai kaum pada 29 September 2021. Pusat Penjaja yang dilengkapi 64 Unit Gerai ini dibina bertujuan menempatkan penjaja-penjaja tepi jalan sekitar Pekan Sungai Besi yang terlibat dengan kerja pengindahan dan pelebaran jalan.
Nov – Dis 2021	Jabatan-Jabatan DBKL	Pemindahan Penjaja di Pusat Penjaja Tempat Letak Kereta Taman Segar.	Selaras dengan keputusan Mesyuarat Penyelarasan Pemindahan Peniaga di Pusat Penjaja Desa Aman ke Medan Selera di Tempat Letak Kereta (TLK) Taman Segar pada 2 November 2021. Jabatan telah mengeluarkan surat tawaran kepada penjaja pada 15 November 2021. Pusat penjaja ini juga dilengkapi 32 Unit Gerai, 4 Unit Kiosk dan 3 Unit pejabat. Sesi pengundian telah dibuat pada November 2021 dan juga kemasukan penjaja bermula pada 1 Disember 2021.



Penyerahan lesen kepada Puan Ambika Devi a/p Yoganathan di Pusat Penjaja D'Laman Rasa Sungai
Pada **28 Mac 2021**




Penyerahan Kunci Kepada En. Hassan Abdullah Di Pusat Penjaja D'laman Rasa Sungai
29 September 2021

7.3 Rundingan Awam

TARIKH	PERKARA	LOKASI	JUMLAH PESERTA
4.2.2021	Mesyuarat mengenai kawalan peningkatan COVID 19 di PBKL	Pasar Borong Kuala Lumpur	15
11.3.2021	Lawatan Ketua Polis Daerah Sentul	Di lokasi tapak	12
11.3.2021	Perbincangan memasang internet di PBKL oleh Kontraktor TM	Di lokasi tapak	10
1.4.2021	Kehadiran petugas KPDNKK di Pasar Pudu	Pasar Pudu	16
10.4.2021	Lawatan Tapak di Pasar Karat Bersama Pegawai JPPP dan persatuan	Di lokasi Tapak	15
14.4.2021	Lawatan pasukan pemantau PDRM Pusat Penjaja Desa Aman	Pusat Penjaja Desa Aman	16
8.6.2021	Lawatan MKN di Pasar Pudu	Pasar Pudu	14
11.6.2021	Perbincangan Bersama persatuan dan penjaja di Taman Shamelin Perkasa	Taman Shamelin Perkasa	11
3.7.2021	Lawatan PDRM dan KKM di Pasar Pudu	Pasar Pudu	15
30.8.2021	Lawatan tapak di pasar dan pusat penjaja yang kurang berdaya saing bagi pelaksanaan program (*Cloud Kitchen*) Parlimen Cheras	Sekitar Parlimen Cheras	13
6.10.2021	Lawatan ke Tapak Lorong Pasar Baru, Jalan Pudu	Pasar Pudu	12
22.10.2021	Lawatan tapak cadangan meroboh Gerai Tepi Jalan Terbiar dan tunda lori buruk Parlimen Cheras	Sekitar Parlimen Cheras	11
6.12.2021	Lawatan Bersama wakil YB ke TLK bertingkat Taman Segar dan Pusat Penjaja Taman Desa Aman	Pusat Penjaja Taman Desa Aman	16
7.12.2021	Lawatan YB Tan Kok Wai ke Pasar Taman Cheras	Pasar Taman Cheras	11
21.12.2021	Lawatan YB Tan Kok Wai ke TLK Taman Segar	TLK Taman Segar	13
29.12.2021	Lawatan tapak Bersama pihak Pemaju Maksim, pihak kontraktor,dan Unit Pelupusan JPPP di Pusat Penjaja Desa Aman	Pusat Penjaja Taman Desa	16

7.4 Program Gotong Royong

BIL	LOKASI	TARIKH PELAKSANAAN
1.	Pusat Penjaja Seksyen 1 Wangsa Maju (Kawasan 1)	21 Januari 2021
2.	Pasar Pagi Terbuka Kepong Baru Kawasan C	28 Mac 2021
3.	Pasar Harian Selayang	6 Julai 2021
4.	Pasar Harian Selayang	19 Julai 2021
5.	Pasar Harian Selayang	17 Ogos 2021



Gotong Royong di Pasar Wangsa Maju Seksyen 1 Kawasan 1
Pada **21 Januari 2021**



Gotong Royong Pasar Pagi Terbuka Kepong Baru Kawasan C
Pada **28 Mac 2021**

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

8.1 Kutipan Hasil

8.1.1 Statistik Kutipan Hasil Lesen

BIL	KATEGORI LESEN	JUMLAH	
		BIL	RM
1	PREMIS	36,166	13,734,268.10
2	KOMPOSIT (PREMIS)	30,638	11,944,184.96
3	KOMPOSIT (IKLAN)	48,477	11,955,220.34
4	IKLAN	775	6,227,437.30
5	PENJAJA	30,218	2,794,831.60
6	HIBURAN	1,015	1,080,959.00
7	TEMPAT LETAK KERETA	296	780,765.00
8	PELELONG	264	2,640.00
JUMLAH		**147,849**	**48,520,306.30**

8.1.2 Statistik Kutipan Semasa Sewa Pasar / Pusat Penjaja

BIL AKAUN	CAJ SEMASA BULANAN	PENGECUALIAN SEWA SEHINGGA DISEMBER 2021	CAJ SEMASA (SELEPAS PENGECUALIAN SEWA)	PENCAPAIAN KUTIPAN		TUNGGAKAN SEMASA (RM)	KESELURUHAN KUTIPAN (%)
				BIL PELESEN	JUMLAH (RM)		
7,176	21,637,730	(7,620,785)	14,016,946	5,425	11,782,651	2,234,295	84

8.1.3 Statistik Kutipan Tunggakan Sewa Pasar / Pusat Penjaja

STATUS AKAUN	TUNGGAKAN 31.12.2021		KUTIPAN TUNGGAKAN	% KUTIPAN
	BIL. AKAUN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	(RM)	
AKTIF	2,314	3,848,163.00	1,080,244.00	51
BATAL	8,129	17,325,987.00	292,144.00	4
JUMLAH	**10,443**	**21,174,150.00**	**1,372,388.00**	**3**

8.1.4 Statistik Proses Lesen Mengikut Kategori

KATEGORI LESEN	BILANGAN PERMOHONAN				BIL KELULUSAN		
	BARU	PEMBAHARUAN	RAYUAN	PEMBATALAN	BARU	PEMBAHARUAN	RAYUAN
PREMIS	10,163	23,074	321	728	9,368	22,783	294
KOMPOSIT	5,153	20,502	446	585	4,592	20,252	423
IKLAN	15,471	16,252	125	265	14,670	16,539	124
PENJAJA	6,718	28,167	542	2,488	4,342	23,807	82

HIBURAN	335	1,538	13	27	930	108	7
TEMPAT LETAK PERSENDIRIAN	82	336	3	23	80	264	1
MINUMAN KERAS	321	1,342	0	16	312	1,044	0
PELELONG	2	261	0	0	2	261	0
JUMLAH	**38,245**	**91,472**	**1,450**	**4,132**	**34,296**	**85,058**	**931**

8.1.5 Statistik Lesen Aktif Mengikut Kategori Lesen

KATEGORI LESEN	JUMLAH
PREMIS	36,166
KOMPOSIT	30,638
IKLAN	48,477
PENJAJA	775
HIBURAN	30,218
TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN	1,015
MINUMAN KERAS	296
PELELONG	264
JUMLAH KESELURUHAN	**147,849**

8.2 Kawalan Pelesenan

8.2.1 Statistik *Taskforce* Membanteras Iklan Haram

BIL	PERKARA	BILANGAN
1	Penurunan Poster/ Iklan Haram	454,002
2	Permohonan Pembatalan No.Telefon kepada SKMM	200
3	SMS Blast	192
4	Pembatalan nombor telefon oleh SKMM	76

8.2.2 Statistik Pengeluaran Kompaun Mengikut Kategori Kesalahan

BIL	KATEGORI KESALAHAN	JUMLAH
1	Kerajaan tempatan	**0**
2	Tanpa lesen	**53**
3	Pembantu tanpa kebenaran	**28**
4	Halangan	**9**
5	Kebersihan	**0**
6	Produk biodegradasi	**0**
7	Pelbagai kesalahan	**104**
JUMLAH KESELURUHAN		**194**



Operasi Penurunan Iklan Tanpa Lesen Di Jalan Bukit Bintang
Pada **16 Januari 2021**



Operasi Penurunan Iklan Tanpa Lesen Di Jalan Ampang
Pada **13 Ogos 2021**

8.2.3 Statistik Pembatalan Lesen Penjaja

i. UUK Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016
ii. UUK Pelesenan Pasar (WPKL) 2016
iii. UUK Pasar Borong (WPKL) 2002

BIL	JENIS KESALAHAN	JUMLAH
1	Tidak Aktif	76
2	Sewa atas sewa	23
3	Warga Asing	9
4	Pembantu warga asing	35
5	Pelesen tiada digerai	4
6	Tunggakan Sewa	276
7	Mengubah saiz / struktur petak tanpa kebenaran	1
8	Projek Pembangunan	37
9	Pelesen meninggal dunia	498
10	Perpindahan	14
11	Tidak menandatangani Dokumen Perjanjian	268
12	Memalsukan maklumat lesen	1
JUMLAH		1,242

8.2.4 Statistik Pembatalan Lesen dan Permit

i. Akta Hiburan (WPKL) 1992
ii. Akta Hotel (WPKL) 2003
iii. UUK Pelesenan Tred, Perniagaan, Perindustrian (WPKL) 2016
iv. UUK Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016

BIL	JENIS KESALAHAN	JUMLAH
1	PDRM	0
2	Kacau Ganggu	0
3	Warga asing	132
4	Tiada Kelulusan Pembangunan/Perintah Pembangunan Tamat Tempoh	6
5	Maklumat Palsu	1
6	Menjalankan aktiviti selain dilesenkan	7
7	Kawasan Hijau	0
8	Halangan	1
9	Iklan	0
10	Tanah Kerajaan	1
11	Aktiviti meraih pelanggan	1
12	Penganjur telah melanggar syarat-syarat pelesenan yang ditetapkan	0
13	Menjalankan perniagaan melebihi masa yang telah ditetapkan	0
14	Ekspo/Pameran/Hiburan Semasa	1
15	Warta Kerajaan (PKP/PDRM)	17
16	Majlis Keselamatan Negara	0
17	Menggunakan Tempat Letak Kereta Awam sebagai Tempat meletak kenderaan (JOKI)	10
	JUMLAH	**177**

8.3 Pengurusan Aduan Awam

Sejumlah **349** Aduan Awam telah diterima oleh pihak Jabatan ini melalui sistem iSPAAA sepanjang tahun 2021.

8.4 Statistik Aduan Awam Mengikut Kategori

BIL	KATEGORI	BUTIRAN	JUMLAH ADUAN DITERIMA
1	Kebersihan	Kotoran	13
2	Perancangan & Pembangunan	Penyelenggaraan Pasar/ Pusat Penjaja	9
3	Pelesenan	Iklan Papan Tanda (Signboard)	51
4		Hal Ehwal Penjaja	276
	JUMLAH		**349**

8.5 Statistik Aduan Awam Mengikut Tempoh Selesai

BULAN	TERIMA ADUAN	SELESAI <14 HARI	SELESAI >14 HARI
Januari	33	33	0
Februari	17	17	0
Mac	32	32	0

April	48	47	1
Mei	25	24	1
Jun	26	26	0
Julai	19	19	0
Ogos	22	22	0
September	24	24	0
Oktober	29	29	0
November	31	30	1
Disember	43	43	0
JUMLAH	**349**	**346**	**3**

8.6 Pelupusan Aset Tidak Alih

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
12 Jan 2021	• JPPP • JP • JUP • JKEW • JKME • JAD	Gerai Sementara Lorong Masjid Pakistan	Tujuan pelupusan adalah untuk pembangunan semula melibatkan 8 unit Gerai Sementara Lorong Masjid Pakistan
22 Sept 2021	• JPPP • JP • JUP • JKEW • JKME • JAD	Pasar Sementara Harian Selayang	Terdapat cadangan dari YB Menteri Wilayah Persekutuan di dalam mesyuarat Penyelarasan Penjaja-Penjaja Pasar Sementara Harian Selayang Kuala Lumpur pada 1 April 2021 untuk pembinaan kuarters pekerja *"Centralised Labour Quarters"* (CLQ) di tapak tersebut.





Kerja-kerja pelupusan unit sementara Lorong Masjid Pakistan
pada **12 Januari 2021**



Kerja-kerja pelupusan Pasar Sementara Harian Selayang
Bermula pada **22 September 2021**

8.7 Anugerah

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
23 Disember 2021	• KKM • JKWP • JPPP	Majlis Penyampaian Anugerah Pasar Bersih dan Selamat	Memberi penghargaan secara rasmi kepada Persatuan Penjaja di Pasar TTDI (Pertama) dan Pasar Wirawati (Kedua) kerana memenangi kategori Pasar Awam Terbersih Peringkat Kebaangsaan.



Majlis Penyampaian Anugerah Pasar Bersih dan Selamat di Pasar TTDI
23 Disember 2021

Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar pada awal penubuhannya menjalankan fungsi berkaitan dengan hal-hal kesihatan dan dikenali sebagai Jabatan Kesihatan. Pada 1 Julai 2011, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membuat perubahan dalam struktur organisasi yang di mana Bahagian Kawalan Pembersihan Bandar telah digabungkan dengan Jabatan Kesihatan dan dikenali sebagai Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS).

1.2 Bahagian-Bahagian/Unit-Unit di Jabatan

JKAS terbahagi kepada 4 bahagian utama iaitu Bahagian Kesihatan Awam, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Alam Sekitar dan Bahagian Kesihatan Persekitaran. Bahagian-bahagian utama ini disokong oleh pelbagai unit bagi memastikan fungsi jabatan berjalan lancar.

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Jabatan ini mempunyai seramai 36 orang pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan seramai 1159 orang kakitangan yang terdiri daripada pelbagai skim perjawatan.

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Bersatu Tenaga Bagi Menyediakan Perkhidmatan Kesihatan Yang Cemerlang.

2.2 Misi

Menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur Sihat Dan Sejahtera.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Memastikan 100% premis makanan (kedai makan/ restoran/ gerai) diperiksa seperti jadual berikut :-
   i. Premis Kategori A diperiksa sekali setahun
   ii. Premis Kategori B diperiksa dua kali setahun

3.2 Memastikan maklumbalas awal terhadap aduan diberikan dalam tempoh 3 hari (hari bekerja).

3.3 Memastikan kes denggi yang dilaporkan diambil tindakan kawalan dalam tempoh 24 jam daripada masa notifikasi diterima.

3.4 Memastikan tindakan aduan kes gigitan anjing diambil tindakan dalam tempoh 24 jam daripada tarikh aduan diterima.

3.5 Memastikan kertas siasatan ke atas sampel-sampel makanan yang melanggar peraturan makanan 1985 dilengkapkan tidak melebihi tempoh 150 hari dari tarikh persampelan.

3.6 Memastikan kad suntikan dikeluarkan pada hari yang sama pengendali makanan menerima suntikan.

3.7 Memastikan permohonan bagi aktiviti promosi kesihatan yang diluluskan dapat dilaksanakan 100%.

3.8 Memastikan aduan perkhidmatan unit kecemasan akan diambil tindakan dalam tempoh 3 jam dari aduan diterima.

3.9 Memastikan penghantaran tandas bergerak boleh digunakan selewat-lewatnya 2 jam sebelum acara dilangsungkan.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
	KRA 1 : MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (*CUSTOMER FOCUS*)		
1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan.	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun	100%
2.	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	Menyelesaikan 95% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	85.1%
	KRA 2 : MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*)		
3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2021	95%
4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022.	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022 sebelum 31 Disember Tahun 2021	100%
	KRA 3 : MEMELIHARA KEBERSIHAN, KEINDAHAN DAN KELESTARIAN BANDAR		
5.	Meningkatkan bilangan premis makanan ke Kategori A. (Jumlah premis makanan pada 2021: 6637)	80% premis makanan dalam Kategori A (5310)	80%
6.	(a) Memastikan premis makanan menyelenggara perangkap sisa minyak. (Jumlah premis makanan yang ada perangkap sisa minyak 2021: 6637)	80% premis makanan (5915)	80%
	(b) Efluen dari 140 perangkap sisa minyak komunal yang dipasang di 34 pusat penjaja DBKL mematuhi *Malaysian Sewerage Industry Guideline FOG* < 50mg / l (Projek Fasa 1- 4 Pusat Penjaja DBKL bawah RoL)	140 perangkap minyak	100%
7.	Memastikan kebersihan, *hygiene*, keselesaan dan kemudahan tandas awam yang selamat mengikut *standard Star Rating*, KPKT	Kebersihan tandas 3 bintang ke atas : i. Restoran (3947) ii. Stesen minyak (185) iii. Hotel (103) iv. Kompleks beli-belah (69) v. Pusat Pelancongan (15) vi. Pusat Penjaja (41) vii. Tandas DBKL (122)	66.9%
8.	Memantapkan tindakan kawalan vektor nyamuk untuk mengurangkan kes jangkitan Demam Denggi	100% kes denggi yang dinotifikasi dibuat tindakan kawalan dalam masa 24 jam (*Fogging /ULV/ larviciding*/ Pemusnahan Tempat Pembiakan (PTP) / edaran risalah)	100%
9.	Pemusnahan tempat pembiakan nyamuk di Taman Awam dan Taman Permainan (PPR / PA) Di WPKL a. Jumlah Taman Awam 2021: 20 b. Jumlah Taman Permainan Kanak-Kanak di PPR/ PA 2021: 53 (Sumber: Data Terbuka DBKL)	2 kali setahun (Untuk setiap lokasi)	100%
10.	Mensasarkan pemusnahan 40,000 ekor tikus di seluruh WPKL	40,000 ekor tikus	100%
11.	Menjalankan Program Kempen Kesedaran "Selamatkan Buah Pinggang Saya" di Jabatan-Jabatan di DBKL	6 Jabatan	100%

<table>
<tr><td>12.</td><td>Melaksanakan penarafan bagi satu kawasan Blueprint di setiap Parlimen WPKL</td><td>Tiga kali penarafan iaitu :
i. Pra-Penilaian 1
ii. Pra-Penilaian 2
iii. Penilaian Akhir
<table><tr><th>Tahun</th><th>Penilaian</th><th>Peratus Penilaian</th></tr><tr><td rowspan="3">2021</td><td>Pra-penilaian (Jan-Mac)</td><td>30%</td></tr><tr><td>Pra-Penilaian (Apr-Okt)</td><td>30%</td></tr><tr><td>Penilaian Akhir (Nov-Dis)</td><td>40%</td></tr><tr><td colspan="2">Jumlah</td><td>100%</td></tr></table></td><td>100%</td></tr>
<tr><td>13.</td><td>Melaksanakan program 1 Komuniti 1 Kitar Semula</td><td>12 kali setahun</td><td>100%</td></tr>
<tr><td>14.</td><td>Pemeriksaan kesihatan
'In Body Machine' bagi kakitangan Kumpulan C, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Jumlah kakitangan Kumpulan C 2020 : 3,935 orang
(Sumber: Data daripada JPSM)</td><td>500 kakitangan Kumpulan C di DBKL.</td><td>100%</td></tr>
</table>

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

5.1.1 Mengawas dan mengawal sanitasi dan *hygiene* premis makanan dan tempat awam.

5.1.2 Memantau dan mengawal kualiti makanan dan minuman melalui pemeriksaan makanan.

5.1.3 Mengawas dan mengawal industri dan aktiviti domestik yang mempunyai kesan kepada alam sekitar.

5.1.4 Mengawal penyakit-penyakit berjangkit.

5.1.5 Mengawas dan mengawal penyakit bawaan vektor dan pest melalui kawalan denggi dan malaria serta aktiviti kawalan pest.

5.1.6 Pemeriksaan mayat untuk tujuan pengeluaran permit pengkebumian dan sijil kematian.

5.1.7 Menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan untuk orang awam.

5.1.8 Menyediakan perkhidmatan imunisasi untuk pengendali makanan dan pengembara antarabangsa.

5.1.9 Menyediakan rawatan pesakit luar untuk kakitangan DBKL serta keluarga.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Bahagian Kesihatan Awam

5.2.1.1 Memastikan kes penyakit bawaan vektor dengan melakukan tindakan pengawalan dan pencegahan di seluruh WPKL.

5.2.1.2 Mengawal selia penyakit berjangkit bawaan makhluk perosak.

5.2.1.3 Memeriksa dan memberi rawatan pesakit luar untuk kakitangan DBKL dan keluarga.

5.2.1.4 Pemeriksaan dan pengesahan mayat untuk tujuan pengeluaran permit pengkebumian, eksport mayat dan pengawasan kerja penggalian kubur.

5.2.2 Bahagian Kesihatan Persekitaran

5.2.2.1 Memastikan sanitasi dan *hygiene* premis makanan dan tempat awam serta menerima dan mengendalikan aduan awam di WPKL.

5.2.2.2 Menjalankan analisis sampel pemantauan bagi memantau kualiti dan keselamatan makanan.

5.2.2.3 Memantau dan mengawal kualiti air dan makanan melalui pemeriksaan kualiti air dan makanan.

5.2.2.4 Menyediakan perkhidmatan imunisasi tifoid untuk pengendali makanan dan meninigitis di WPKL.

5.2.2.5 Menyediakan perkhidmatan makmal analisis kimia dan mikrobiologi bagi tujuan penguatkuasaan, aduan, krisis, surveilan, perkhidmatan analisis makmal, khidmat perundingan dan nasihat teknikal serta penyelidikan dan pembangunan kaedah.

5.2.3 Bahagian Alam Sekitar

5.2.3.1 Mewujudkan dan mengekalkan keadaan alam sekitar yang bersih untuk menjamin keselesaan, kesihatan dan kesejahteraan penduduk di Kuala Lumpur.

5.2.3.2 Mengawas dan mengawal industri dan aktiviti domestik yang mempunyai kesan kepada alam sekitar.

5.2.3.3 Memberikan bantuan awal bagi kes-kes kecemasan kepada warga Kuala Lumpur.

5.2.3.4 Mengurus serta menyelia tanah perkuburan Islam dan Kristian (termasuk pembakaran mayat).

5.2.3.5 Menyediakan perkhidmatan sewaan tandas bergerak untuk sebarang penganjuran majlis rasmi dan tidak rasmi dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.2.4 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

5.2.4.1 Sokongan kepada semua bahagian yang ada di Jabatan.

5.2.4.2 Mengawal selia hal-hal pejabat, pengurusan rekod, kebajikan kakitangan serta pengurusan kerjaya kakitangan.

5.2.4.3 Memastikan pengurusan kewangan Jabatan diuruskan secara berhemah.

5.2.5 Unit Promosi Kesihatan

5.2.5.1 Menjalankan pendidik kesihatan untuk orang awam dan pelajar-pelajar melalui pameran, ceramah dan pengedaran bahan bercetak.

5.2.5.2 Mengadakan kempen pendidikan khas seperti program anti denggi (COMBI) dan pencegahan HIV/AIDS di sekolah-sekolah dan lain-lain agensi yang memerlukan.

5.2.5.3 Menyelaras dan mengelolakan kursus dalam perkhidmatan untuk kakitangan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, DBKL dan agensi lain mengenai kesihatan.

5.2.5.4 Mengendalikan penerbitan bahan-bahan pendidikan audio visual.

5.2.5.5 Mengendali pengedaran bahan-bahan pendidikan kesihatan.

5.2.5.6 Membantu lain-lain bahagian di Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan.

5.2.5.7 Mengendali perkhidmatan khidmat nasihat/kaunseling kesihatan.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	279,747,300.00	273,138,247.00	97.64

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

7.1 Bahagian Kesihatan Awam

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
25-28 Mac 2021	Skuad Tikus	Kempen 1 Tikus RM3	Meningkatkan kesedaran tentang pembasmian tikus di perumahan awam di kalangan orang awam.
Sepanjang Musim Pandemik Tahun 2021	Pusat Logistik Vektor dan Unit Kawalan Pest	Nyahkuman Covid-19	Memastikan kawasan disanitasi dan terhindar dari COVID-19.
Sepanjang Musim Pandemik Tahun 2021	Pusat Logistik Vektor dan Unit Kawalan Pest	Tunjuk Ajar Aktiviti Nyahkuman di PPA/PPR	Menyahkuman kawasan yang telah dikenalpasti berisiko tinggi dan mempunyai kes Covid-19 dan juga kawasan awam di sekitar WPKL.
12-20 Julai 2021	Bahagian Kesihatan Persekitaran dan Unit Kawalan Pest	Operasi Lembu Sempena Ibadah Korban	Memastikan tiada aktiviti penyembelihan lembu tanpa permit.
Sepanjang Tahun	Skuad Tangkapan Anjing	Operasi Rampasan Anjing Bersama Pejabat Kesihatan Parlimen	Memantau dan membuat rampasan anjing yang menyebabkan kacauganggu.
Sepanjang Tahun	Unit Kawalan Pest	Adopsi Anjing & Kucing	Hebahan mengenai program adopsi anjing dan kucing kepada orang awam.
18 November 2021	Unit Kawalan Pest	Lawatan Belajar dari Majlis Daerah Marang	Sesi perkongsian antara PBT untuk penambahbaikan cara kerja di unit masing-masing.

7.1.1 Unit Perkhidmatan Perubatan

Jadual 1: Senarai Aktiviti Serta Statistik Unit Perkhidmatan Perubatan Tahun 2021.

BIL.	AKTIVITI	PERKARA	PENCAPAIAN
1.	Kaunter Pendaftaran / Makmal	Pendaftaran Pesakit	75,324 orang
		Pengeluaran surat jaminan	9,526 surat jaminan
2.	Prosedur	Makmal	20,033 prosedur makmal
		Rawatan Pesakit	3,085 orang
		Rawatan Pesakit (Bilik Pegawai Perubatan)	1,393 surat rujukan
		Pengeluaran sijil cuti sakit	5,194 cuti sakit
3.	Perlindungan Perubatan	Jumlah acara/program	15 sesi
4.	Program Saringan Kesihatan	Jumlah calon yang disaring semasa sesi temuduga	1,250 orang
5.	Saringan Covid-19	Jumlah Kakitangan yang di saring	4,857 orang
6.	Pemeriksaan Pesakit	Klinik Jalan Raja Laut	67,296 orang
		Klinik Jalan Cheras	8,028 orang
7.	Pemantauan Bas Medik	Jumlah pemantauan bagi 13 lokasi	80 sesi

7.1.2 Unit Pengesahan Kematian

Jadual 2: Statistik Unit Pengesahan Kematian Tahun 2021.

BIL.	PERKARA	PENCAPAIAN
1.	Bilangan Pengeluaran Permit Menguburkan	1149 Permit
2.	Bilangan Pengeluaran Permit Menggali Semula Kubur	288 Permit
3.	Jumlah Kutipan Bayaran Permit Menggali Semula Kubur (RM50.00)	RM 14, 350.00
4.	Bilangan Pengeluaran Permit Eksport Mayat Keluar Negara	1,677 Permit
5.	Jumlah Kutipan Bayaran Permit Eksport Mayat Keluar Negara (RM100.00 per mayat)	RM 167,700.00
6.	Bilangan Pengeluaran Permit Eksport Abu/Tulang Mayat Keluar Negara	265 Permit

7.1.3 Unit Kawalan Vektor dan Pest

Jadual 3: Senarai Aktiviti Serta Statistik Tindakan oleh Unit Kawalan Pest Tahun 2021

BIL.	AKTVITI	PERKARA	PENCAPAIAN
1.	Pengurusan Kes Anjing	1.1 Aduan Anjing	992
		1.2 Tangkapan Anjing	2,109 ekor
		1.3 Tuntutan Anjing	33 ekor
		1.4 Adopsi Anjing	64 ekor
		1.5 Kes serangan anjing	4
		1.6 Penjualan Lesen Anjing	1,787
2.	Pengurusan Kes Kucing	2.1 Aduan Kucing	206
		2.2 Tangkapan Kucing	965 ekor
		2.3 Adopsi Kucing	107 ekor
3.	Pengurusan Kes Tikus	3.1 Aduan Tikus	356
		3.2 Tangkapan & Pelupusan Tikus	41,279 ekor
		3.3 KPI Tikus	40,000 ekor
4.	Pengurusan Kes Lalat	4.1 Aduan Lalat	3
		4.2 Semburan fokal racun kimia	3 (300 ml)
		4.3 Kaedah Perangkap lalat	0
5.	Pengurusan Kes Gagak	5.1 Aduan Gagak	28
		5.2 Tangkapan Gagak	296 ekor
6.	Pengurusan Kes Merpati	6.1 Aduan Merpati	34
		6.2 Tangkapan Merpati	256 ekor
7.	Pengurusan Kes Lembu	7.1 Aduan Lembu Berkeliaran	1
		7.2 Tangkapan Lembu	0

8.	Pengurusan Kes Kambing	8.1 Aduan Kambing Berkeliaran	0
		8.2 Tangkapan Kambing	0
9.	Pengurusan Kes Lain-Lain Serangga	9.1 Aduan Lain-Lain Serangga	51
		9.2 Semburan fokal racun kimia	45 (11,450 ml)
10.	Operasi-Operasi yang melibatkan Unit Promosi Kesihatan	10.1 Operasi bersama Pejabat Kesihatan Parlimen	9
		10.2 Operasi lembu sempena ibadah korban	1

Jadual 4: Senarai Aktiviti Serta Statistik Tindakan oleh Kawalan Vektor Tahun 2021.

BIL.	PERKARA	PENCAPAIAN
1.	Kawalan denggi	2021 : 2951 kes 2020 : 9979 kes % Penurunan : 70.43 % kes
2.	Jumlah kematian kes denggi	2021 : 2 kes 2020 : 7 kes % Penurunan : 71.43 % kes
3.	Operasi mencari dan memusnahkan nyamuk Aedes	• Tapak bina : 137 buah tapak • Sekolah : 479 sekolah • Premis awam : 51 premis • Tempat pelancongan : 24 lokasi • Istana : 9 lokasi • Jumlah keseluruhan : 700 lokasi
4.	Premis yang terlibat bagi kerja-kerja pengasapan	1,849,027 premis
5.	Jumlah *abate* yang digunakan bagi kawalan nyamuk	*Abate* 500e : 945 liter *Abate* 1.1sg : 253.5 kg
6.	Program Pendidikan Kesihatan	• Pameran : 0 siri • Ceramah : 6 siri • Aktiviti gotong : 410 siri • Promosi : 110,927 helai risalah telah diedarkan kepada orang ramai.
7.	Jumlah Notis kompaun yang dikeluarkan (Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976)	883 kompaun
8.	Kerja-kerja pembersihan tanah kosong persendirian (Caj diterima)	RM67,764.00
9.	Jumlah kompaun yang dikeluarkan Jumlah Kompaun Dibayar	754 Kompaun (RM357,000.00) 575 Kompaun (RM186,330.00)
10.	Ops Sanitasi Awam	• Sekitar Kawasan Perumahan/ Jalan Kaki Awam & PPR : 55 • Pusat Komersial : 23 • Premis Kerajaan : 99 • Kawasan PKPD : 48 • IPD PDRM/Balai PDRM/Lain-lain PDRM : 16 • Sekolah Kerajaan : 45 • Tempat Ibadah : 4 • Stesen Pengangkutan Awam : 20 • Pasar Awam : 27 • PPV : 129
11.	Program Tunjuk Ajar Aktiviti Nyahkuman	• Lokasi : 84



Gambar 1 : Kempen 1 Tikus RM3 Pada 25-28 Mac 2021.



Gambar 2 : Nyahkuman Covid-19 Pada 05-06 Jun 2021 dan 12-13 Jun 2021.



Gambar 3 : Operasi Lembu Sempena Ibadah Korban Pada 12-20 Julai 2021.



Gambar 4: Operasi Rampasan Anjing Bersama Pejabat Kesihatan Pada 22 September 2021.

7.2 Bahagian Alam Sekitar

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
13 Mac 2021	Datuk Bandar Kuala Lumpur Bersama Jabatan/Agensi Serta Pihak Berkepentingan	Pelancaran Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R)	Memupuk amalan kitar semula dalam kalangan warga kota dan salah satu inisiatif dalam pengurangan jumlah sampah di Kuala Lumpur
1 – 3 April 2021	Datuk Bandar Kuala Lumpur Bersama Jabatan/Agensi Serta Pihak Berkepentingan	Forum Datuk Bandar Kuala Lumpur Bersama Jabatan / Agensi Serta Pihak Berkepentingan bagi Post Mortem Tahun 2020 dam Penyediaan Perancangan Kerja Tahun 2021 Bagi Pelaksanaan Blueprint Penarafan Kebersihan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Menyelaras pelaksanaan tindakan bagi isu-isu BPKWPKL dan penyediaan perancangan kerja Fasa 3/Tahun 2021 bersama pihak berkepentingan (agensi dan komuniti)
15 – 17 Oktober 2021	Jabatan/Agensi Serta Pihak Berkepentingan	Program Pemurnian Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)	Penyelarasan semula perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam di Kuala Lumpur

22 – 24 Oktober 2021	Datuk Bandar Kuala Lumpur Bersama Jabatan/Agensi Serta Pihak Berkepentingan	Bengkel Pengharmonian Program Jawatankuasa Alam Sekitar Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur serta pelancaran Blueprint Kawalan Pencemaran WPKL	Menyelaras semula bilangan program dibawah Jawatankuasa Alam Sekitar Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur. Objektif Blueprint Kawalan Pencemaran WPKL: meningkatkan kualiti alam sekitar terutamanya di Bandar Raya Kuala Lumpur serta diwujudkan sebagai satu penanda aras (*benchmark*) status kualiti alam sekitar di Kuala Lumpur.
23 Oktober 2021	Datuk Bandar Kuala Lumpur Bersama Jabatan/Agensi Serta Pihak Berkepentingan	Majlis Pelancaran Program Inisiatif Pembayaran Sewa Rumah PPR/PA melalui Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R)	Menggalakkan amalan kitar semula dan membantu ekonomi warga kota terutamanya kumpulan B40
24 Oktober 2021	Menteri, Datuk Bandar Bersama Jabatan/Agensi Serta Pihak Berkepentingan	Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2021 Peringkat Wilayah Persekutuan	Mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara meluas serta menyediakan platform kepada rakyat Malaysia untuk bersama – sama menghayati alam sekitar
13 – 15 November 2021	Jabatan/Agensi, Pejabat Cawangan Serta Pihak Berkepentingan	Bengkel Penambahbaikan dan Penyediaan Perancangan Kerja Fasa 3/Tahun 2022 bagi Pelaksanaan Blueprint Penarafan Kebersihan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (BPKWPKL)	Menyelaras pelaksanaan tindakan bagi isu-isu BPKWPKL tahun 2021 dan penyediaan perancangan kerja Fasa 3/Tahun 2022
17 November 2021	Menteri, Datuk Bandar Bersama Jabatan/Agensi Serta Pihak Berkepentingan	Majlis Perasmian Kios 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) Dan Pusat Pengomposan PPR Beringin	Menggalakkan amalan kitar semula dan kompos dalam kalangan penduduk setempat
26 – 29 November 2021	Jabatan/Agensi Serta Pihak Berkepentingan	Program KPKT : Konvensyen Mendaya Komuniti Di Bawah Dasar Kebersihan Negara	Menggalakkan penglibatan komuniti dalam pengurusan sisa
Sepanjang Musim Pandemik Tahun 2021	Datuk Bandar Kuala Lumpur Bersama JKAS, JPK dan Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur	Disinfeksi Dan Sanitasi Awam	Menyahkuman kawasan yang telah dikenalpasti berisiko tinggi dan mempunyai kes Covid-19 dan juga kawasan awam di sekitar WPKL.

7.2.1 Unit Kawalan Pembersihan Bandar

Jadual 5: Statistik Aduan Yang Diterima Dan Diselesaikan Oleh Skuad Kecemasan Bagi Tahun 2021

BIL.	JENIS ADUAN	JUMLAH ADUAN
1.	Ular	74
2.	Lebah	142
3.	Tebuan	18
4.	Pokok Tumbang/ Dahan Sekah	1,402
5.	Minyak Tumpah di Jalan Raya	191
6.	Tiang Lampu Tumbang	19
7.	Gangguan Binatang Liar	12
8.	Lain-lain Aduan/Arahan Semasa	20
	Jumlah Keseluruhan	**2,089**

Jadual 6: Statistik Pengebumian Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang & Cheras Tahun 2021.

BIL.	KATEGORI	JUMLAH KEMATIAN
1.	Lelaki	85
2.	Perempuan	55
3.	Covid-19	29
4.	Bayi	13
5.	Janin	33
6.	Anggota	6

Jadual 7: Statistik Pembakaran Mayat Dan Kutipan Krematorium Cheras Bagi Tahun 2021

BIL.	KATEGORI	JUMLAH KEMATIAN
1.	Cina	4,776
2.	India	1,617
3.	Lain-Lain	413
4.	DBKL	4
5.	Hospital	47
6.	Kes Tolak	67
7.	Jumlah Di Bakar	6,857
	Jumlah Kutipan (RM)	**RM680,600.00**

Jadual 8: Statistik Pengebumian Mayat Dan Kutipan Tanah Perkuburan Kristian Bagi Tahun 2021.

BIL	JENIS	KATEGORI	JUMLAH PENGEBUMIAN
1.	Pengebumian	Reserved Plot & Kali Pertama (RM200)	24
		Reburial (RM100)	86
2.	Penanaman Abu	*Reburial* (RM16)	309
	Jumlah Kutipan (RM)		**RM18,344.00**

7.2.2 Unit Pembangunan Alam Sekitar

Jadual 9: Laporan Bayaran Dan Pemotongan Kepada Swcorp Bagi Kerja-Kerja Pembersihan Awam Dan Pengurusan Sisa Pepejal Oleh Tetuan Alam Flora Sdn Bhd Tahun 2021.

PERKARA	TUNTUTAN SWCORP	JUMLAH PEMOTONGAN	JUMLAH BAYARAN DILULUSKAN
	RM	RM	RM
Jumlah	170,162,477.66	5,547.990.23	165,701,641.51

Jadual 10: Statistik Penyerahan Kawasan Baru Kepada Swcorp Untuk Perkhidmatan Kutipan Sampah dan Pembersihan Bagi Tahun 2021.

PERKARA	JUMLAH
Bilangan Permohonan Diterima	174
Diluluskan (Diserahkan kepada SWCorp)	166

Jadual 11: Jadual Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) Bergerak.

BIL.	TARIKH	LOKASI
1.	18 Februari 2021	Pangsapuri Anggerik Blok E7, Desa Pandan
2.	27 Februari 2021	Kg. Segambut Tengah
3.	13 Mac 2021	PPR Seri Alam
4.	20 Mac 2021	Perumahan Seri Perindu
5.	27 Mac 2021	Kg. Sungai Penchala
6.	1 Oktober 2021	Menara DBKL 1
7.	2 November 2021	PPR Beringin
8.	4 Disember 2021	PPR Air Panas
9.	18 Disember 2021	P.A Seri Sarawak

Jadual 12: Lokasi Kios 1C1R Di Kuala Lumpur Pada Tahun 2021.

BIL.	LOKASI KIOS 1C1R
1.	PPR Seri Alam
2.	PPR Beringin
3.	Wangsa Maju Seksyen 2

7.2.3 Unit Kawalan Pencemaran

Jadual 13: Statistik Aduan Dan Permohonan Lesen Premis Yang Diterima Berkaitan Pencemaran Alam Sekitar Bagi Tahun 2021.

BIL.	JENIS	KATEGORI	JUMLAH
1.	Aduan	Bunyi Bising	305
		Air	4
		Udara	56
		Lain-Lain	72
2.	Permohonan Lesen	Lesen Baru	183
		Pembaharuan Lesen	5
		Rayuan Lesen	46
Jumlah			**971**

Jadual 14: Statistik Notis Dan Kompaun Pencemaran Yang Dikeluarkan Pada Tahun 2021.

BIL.	JENIS	KATEGORI	JUMLAH
1.	Notis	Bunyi Bising	**26**
		Air	**1**
		Udara	**28**
		Lain-Lain	**5**

2.	Kompaun	Bunyi Bising	**9**
		Air	**8**
		Udara	**10**
		Lain-Lain	**17**
Jumlah			**104**

7.2.4 Unit Koordinasi Bahagian

Jadual 15: Statistik Operasi Dan Nilai Kompaun Bagi Program Penguatkuasaan Kebersihan Anti-Litter Kuala Lumpur.

OPERASI	JUMLAH KOMPAUN	JUMLAH KUTIPAN
144	1,176	**RM 4,325.00** (Kutipan oleh Penguatkuasa Jabatan)
		RM 32,310 (Kutipan oleh Bendahari DBKL)



Gambar 5 : Majlis Perasmian Kios 1 Komuniti 1 Kitar Semula Di PPR Seri Alam, Sungai Besi Pada 13 Mac 2021.



Gambar 6: Bengkel Pengharmonian Program Jawatankuasa Alam Sekitar Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur Serta Pelancaran Blueprint Kawalan Pencemaran WPKL Di Le Meridien, Kuala Lumpur Pada 22 – 24 Oktober 2021.



Gambar 7 : Bengkel Penambahbaikan Dan Penyediaan Perancangan Kerja Fasa 3/Tahun 2022 Bagi Pelaksanaan Blueprint Penarafan Kebersihan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (BPKWPKL) Pada 13-15 November 2021 Di Swiss Garden Resort, Kuantan



Gambar 8 : Program KPKT: Konvensyen Mendaya Komuniti Di Bawah Dasar Kebersihan Negara di Ideal Convention Centre, Shah Alam pada 26 – 29 November 2021



Gambar 9 : Kakitangan Skuad Terbang Cheras dan Sentul Semasa Misi Pasca Banjir 2021



Gambar 10: Skuad Terbang Merupakan Salah Satu Skuad Yang Terlibat Dengan Misi Pasca Banjir Pada Disember 2021

7.3 Bahagian Kesihatan Persekitaran

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
5 – 16 Jun 2021	Unit Sanitasi /Parlimen	Saringan Covid-19 di PPR/PA WPKL dan Serahan Borang pemerhatian Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (HSO)	Membantu orang awam untuk memantau kesihatan dan menilai risiko kendiri bagi mendapatkan rawatan kesihatan
Julai hingga Disember 2021	Unit Sanitasi/ Parlimen	Pemantauan dan pengurusan mayat Covid-19 di dua (2) lokasi: • Raudhatul Sakinah Gombak (387 kes) • Krematorium DBKL Cheras (410 kes) Termasuk aktiviti pengkebumian,nyahkuman/ proses dekontaminasi, *donning and doffing.*	Memantau tatacara pengurusan mayat Covid-19 agar mematuhi dasar yang telah ditetapkan oleh KKM

7.3.1 Unit Kualiti Makanan dan Air

Jadual 16 : Senarai Aktiviti Unit Kualiti Makanan Dan Air Tahun 2021.

BIL.	AKTIVITI	KATEGORI		JUMLAH
1.	Bilangan sampel	e-sample		22
		e-sample		1,211
		Jumlah		1,233
2.	Bilangan Dianalisa/ Diperiksa	Mikrobiologi	e	2
			s	865
		Kimia	e	20
			s	140
3.	*Holding Sample*			206
4.	Bilangan Keputusan Analisa Diterima			1,233
5.	Bilangan *Sample* Yang Melanggar Akta Makanan			135
6.	Bilangan Pelanggaran Tindakan Kompaun			135

BIL.	AKTIVITI	KATEGORI	JUMLAH
7.	Bilangan Kes Pendakwaan ke Mahkamah		0
8.	Rampasan	Bilangan Operasi	12
		Nilai Rampasan (RM)	3,784.60
9.	Jumlah Premis/Kilang		236
10.	Jumlah Premis/Kilang Baru		28
11.	Jumlah Premis/ Kilang Berhenti Operasi		27
12.	Bilangan Premis Diperiksa		300
13.	Bilangan Premis Ditutup		13
14.	Bilangan Notis Kompaun Dikeluarkan		113
15.	Aktiviti Pendidikan	Bilangan Pendidikan	300
		Bilangan Risalah Diedarkan	300
16.	Permohonan Lesen	Kilang Makanan	33
		Katering	22
		Sejuk Beku	81
		Pasaraya	2
		Rumah Sembelihan	1
		Gudang Makanan	1
		Jumlah	**140**

7.3.2 Unit Sanitasi Premis

Jadual 17: Statistik Aktiviti Penguatkuasaan Sanitasi Premis Sepanjang Tahun 2021.

BIL.	PERKARA	PENCAPAIAN / KEPUTUSAN
1.	Pengeluaran Kompaun Sanitasi	2,212
2.	Pengeluaran Kompaun Rokok (KL BAR)	3
3.	Pengeluaran Kompaun Biodegradasi	6
4.	Penutupan Premis Makanan	161
5.	Aduan ISPAAA	2,667
6.	Pengendali Makanan Yang Mendapatkan Suntikan Tifoid	10,306
7.	Pengendali Makanan Yang Hadir Kursus Latihan Pengendali Makanan (MAEH)	1,100


7.3.3 Unit Suntikan

Jadual 18: Jumlah Suntikan Yang Diberikan Sepanjang Tahun 2021.

BIL.	PERKARA	PENCAPAIAN / KEPUTUSAN
1.	Suntikan Tifoid	10,306 dos
2.	Suntikan Meningitis	76 dos

7.3.4 Pusat Analisis Dan Sekuriti Makanan (FoSAC)


BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Bilangan *Sample*	1,285
2.	Bilangan Analisis	4,399
3.	Bilangan *Sample* Melanggar Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985	194 (15.09%)



Rajah 1 : Program FoSAC Tahun 2021



Rajah 2 : Peratus Pelanggaran Akta Makanan 2021



Rajah 3 : Analisis Yang Dijalankan Tahun 2016-2021

7.4 Unit Promosi Kesihatan

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021	Semua kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Program Pemeriksaan Kesihatan *In Body Test Machine* 42 siri – 505 kakitangan	Program untuk pemeriksaan awal kesihatan dan pencegahan penyakit tidak berjangkit kepada kakitangan DBKL
1-31 Disember 2021	Jabatan JKAS dan Komuniti Setempat/penduduk	Hebahan Sanitasi dan Edaran Notis Awam Covid-19 103 siri – 10,125 orang	Pemberitahuan aktiviti Sanitasi Awam Covid-19 kepada komuniti setempat
1 Mac 2021 hingga 30 Jun 2021	Kakitangan DBKL	Kem Kesihatan 4 siri – 119 orang	Menjalankan aktiviti-aktiviti untuk pemeriksaan kesihatan seperti pemeriksaan BMI, Tekanan Darah Tinggi dan Kandungan gula
1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021	JKAS/Jabatan-jabatan DBKL/ Agensi/Komuniti Setempat	Pameran Kesihatan 7 siri – 850 orang	Pameran Kesihatan untuk menyampai informasi yang tepat dan berkesan kepada orang ramai
1 Januari 2021 hingga 31 Julai 2021	JKAS/Jabatan DBKL/Agensi/NGO Serta Sekolah	Ceramah Kesihatan 5 siri – 159 orang	Memberi ceramah informasi kesihatan awam/ Persekitaran kepada golongan sasar
1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021	Kakitangn DBKL dan Tanggungan	Klinik Berhenti Merokok 18 orang perokok	Memberi rawatan dan khidmat nasihat untuk perokok-perokok di kalangan kakitangan dan tanggungan untuk berhenti merokok – bebas asap rokok
8 April 2021 dan 8 Jun 2021	Kakitangan DBKL	Kursus Terapi Emosi dan Pengurusan Stress Kursus atas talian Google Meet 2 siri - 61 orang	Memberi kesedaran pengurusan emosi dan stress dan kaedah-kaedah untuk mengatasinya kepada kakitangan DBKL

31 Mac 2021 dan 1 April 2021	Kakitangan wanita DBKL	Kursus Penyusuan Susu Ibu Berkerjaya 29 orang	Memberi pengetahuan dan kesedaran kepada wanita yang berkahwin dan mempunyai anak tentang Penyusuan susu ibu
18 Mac 2021 dan 28 September 2021	JKAS/Jabatan-Jabatan DBKL/Pusat Darah Negara/ orang ramai	Program Derma Darah 2 siri – 129 penderma	Mengalakkan orang ramai menderma darah dan membantu Pusat Darah Negara dalam meningkatkan Tabung Darah Negara
22 Februari 2021 dan 05 Julai 2021	JKAS/ Pelajar IPT/ Murid-murid Sekolah	Program COMBI 2 siri – 60 peserta Taklimat atas talian Google Meet	Memberi informasi yang berkesan dan meluas tentang Program COMBI serta peranan COMBI di Sekolah/IPT
1-31 Julai 2021	JKAS/Veterinar/JPK/ JAWI/Komuniti Setempat	Hebahan Larangan Ibadah Korban 9 siri	Memberi informasi Larangan Ibadah Korban di kawasan sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur
1-31 Disember 2021	JKAS/Komuniti Setempat	Hebahan Wabak Chikungunya 9 siri	Memberi informasi kepada komuniti setempat tentang penularan wabak Chikungunya

Jadual 19: Statistik Aktiviti Dan Program Yang Dijalankan Oleh Unit Promosi Kesihatan Sepanjang Tahun 2021.

PROGRAM	JUMLAH PROGRAM	JUMLAH PESERTA
KEM KESIHATAN	4	119
PAMERAN	7	850
CERAMAH	5	159
LAIN-LAIN PROGRAM	126	10,357
IN BODY TEST	42	505
JUMLAH KESELURUHAN	184	11,990



Gambar 11: Program Pemeriksaan Kesihatan *In Body Test Machine* Klinik Jom Sihat, JKAS Pada 23 Ogos 2021



Gambar 12: Kursus Penyusuan Susu Ibu Berkerjaya di Hotel Istana Kuala Lumpur Pada 31 Mac Hingga 1 April 2021



Gambar 13 : Program Derma Darah JKAS Di Bilik Wacana JKAS Pada 28 September 2021



Gambar 14 : Pemasangan *Banner* Covid-19 Di Masjid Saidina Hamzah Pada 26 Jun 2021

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

Tarikh	Acara	Keputusan
22-26 Mac 2021	Repbulic of Croatia International Award of Merit inconjuction with The Malaysia-Crotia Technology Exchange 2021	*Silver Award Public Service Innovation Award 2021* *Tajuk Inovasi : MYKAV 360 (MY KIDNEY ALERT VIDEO 360)* Peringkat Kejayaan : Kebangsaan Ganjaran dari DBKL : RM500.00
25-26 Mac 2021	FoSAC telah menjalani "*Re-Assessment*" yang dijalankan secara maya oleh dua orang *Assessor* dari Jabatan Standard Malaysia bagi proses pensijilan semula dan migrasi akreditasi ke arah MS/ ISO/IEC 17025:2017. Akreditasi ISO/IEC 17025 ini adalah di bawah SAMM (Skim Akreditasi Makmal Malaysia) oleh Jabatan Standard Malaysia untuk menjalankan analisis dalam bidang kimia dan mikrobiologi.	Sijil Akreditasi ISO/IEC 17025:2017



Gambar 15 : Majlis Apresiasi DBKL pada 2 April 2022.



Gambar 16 : Sijil Akreditasi ISO/ IEC 17025:2017 bagi Pusat Analisis dan Sekuriti Makanan (FoSAC)

Jabatan Kebudayaan Kesenian Pelancongan dan Sukan

1.0 LATARBELAKANG

1.1 Jabatan ini pada asalnya dikenali sebagai Bahagian Kebudayaan, Pelancongan dan Sukan yang terletak di bawah Jabatan Perancangan Ekonomi dan Kemudahan Sosial.

1.2 Pada 1 April 2003 ia telah dinaiktaraf sebagai sebuah jabatan yang tersendiri dan dikenali sebagai Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan.

1.3 Selaras dengan penjenamaan jabatan, mulai tahun 2018, Jabatan ini di strukturkan kepada 3 bahagian yang utama iaitu:-

i. Bahagian Pengurusan Kemudahan dan Pentadbiran
ii. Bahagian Persembahan dan Pengurusan Acara
iii. Biro Pelancongan

1.4 Bahagian Persembahan & Pengurusan acara dibahagikan kepada tiga (3) unit iaitu ;-

i. Unit Kebudayaan
ii. Unit Muzik
iii. Unit Pengurusan Acara & Promosi

1.5 Bahagian Pengurusan Kemudahan & Pentadbiran dibahagikan kepada dua (2) unit iaitu ;-

i. Unit Pentadbiran dan Kewangan
ii. Unit Kemudahan Sukan

1.6 Jabatan mempunyai keseluruhan seramai **385** orang pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada lima skim perjawatan dan daripada jumlah keseluruhan tersebut terdapat seramai 231 orang adalah kakitangan tetap dan manakala selebihnya seramai 129 orang lagi adalah kakitangan kontrak.

Jadual 2 : Bilangan Kakitangan Mengikut Kategori bagi tahun 2021

SKIM PERJAWATAN	TETAP	KONTRAK	PSH	JUMLAH
1. Pengurusan Dan Professional (Gred 41 – Jusa C)	5	7	0	**12**
2. Kumpulan Pelaksana (Gred 17 – 40)	58	154	1	**213**
3. Kumpulan Pelaksana (Gred 1 – 16)	146	14	0	**160**
JUMLAH	**209**	**175**	**1**	**385**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Membentuk wargakota yang aktif, sihat dan kreatif serta meningkatkan bilangan pelancongan ke Kuala Lumpur melalui aktiviti-aktiviti kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan.

2.2 Misi

i) Menyediakan fasiliti yang mesra rakyat; dan

ii) Mengadakan program kebudayaan, kesenian dan sukan serta menyediakan produk pelancongan yang berkualiti bagi memenuhi kehendak warga kota dan pelancong.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Permohonan aktiviti kebudayaan dan kesenian diberi maklumbalas tidak melebihi empat belas (14) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3.2 Permohonan aktiviti muzik diberi maklumbalas tidak melebihi empat belas (14) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3.3 Permohonan penganjuran acara sukan diberi maklumbalas tidak melebihi empat belas (14) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3.4 Penganjuran acara/aktiviti dilaksanakan setelah kelulusan diterima dalam tempoh lebih/kurang tiga puluh (30) hari dari tarikh pelaksanaan program berdasarkan kalendar acara atau minit kelulusan.

3.5 Aduan pelanggan diberi maklumbalas akuan penerimaan tidak melebihi tiga (3) hari bekerja.

3.6 Bayaran kepada kontraktor perkhidmatan dan pembekal diproses tidak melebihi tujuh (7) hari bekerja dengan syarat dokumen lengkap diterima di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Jabatan sebelum dihantar kepada pihak Bendahari Bandaraya.

3.7 Tuntutan bayaran cagaran penggunaan fasiliti jabatan kepada pelanggan diproses tidak melebihi tujuh (7) hari bekerja dengan syarat dokumen lengkap diterima di Bahagian Kemudahan Sukan, Bahagian Kebudayaan dan Biro Pelancongan.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

4.1 Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (***Customer Focus***).

i) Kehadiran empat (4) hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan;

ii) Mensasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh empat belas (14) hari pada tahun 2021;

4.2 Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus ***(Transparency).***

i) Menguruskan peruntukan perbelanjaan dengan berhemah;

ii) Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022;

4.3 **Bandar Raya Milik Wargakota** – Program Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan.

i) Berkolaborasi bersama badan-badan **NGO** dan agensi lain bagi aktiviti kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan;

ii) Berkolaborasi bersama badan-badan **NGO** berkaitan Orang Kurang Upaya (**OKU**) bagi melaksanakan aktiviti kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan.

4.4 **Bandar Raya Milik Wargakota – Program Berprestij**

i) Melaksanakan satu (1) program bertaraf antarabangsa dan berprestij;

ii) Melaksanakan promosi produk pelancongan Kuala Lumpur;

iii) Mencipta lagu baharu melambangkan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai produk jabatan;

iv) Mereka cipta (3) koreografi tarian baharu;

v) Melaksanakan tiga (3) program pembangunan sukan;

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan & Sukan

i) Menyediakan dan mengurus fasiliti yang berkualiti dan mesra rakyat.

ii) Mempelbagai produk kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan yang berkualiti bagi menyemarakkan suasana kehidupan yang sihat dan kondusif di Kuala Lumpur.

ii) Memberi kerjasama dengan pihak berkepentingan (NGO), badan kerajaan, swasta) bagi menjayakan program dan aktiviti berkaitan kebudayaan, kesenian, pelancongan, sukan dan rekreasi.

5.2 Fungsi Unit-Unit Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan & Sukan

5.2.1 UNIT PENGURUSAN ACARA

i) Mengenal pasti acara/program sebagai aktiviti tahunan Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan;

ii) Mengurus, menyelaras dan memantau pelaksanaan acara /program tahunan jabatan (perayaan / kebudayaan / muzik / sukan / karnival / festival / aktiviti).

iii) Menyelaras bantuan / sumbangan bagi pelaksanaan acara / program anjuran jabatan dalaman DBKL / kementerian / Agensi (Kerajaan/Swasta) pertubuhan / persatuan / kelab / NGO dan lain-lain.

iv) Mengurus dan menyelaras permohonan peruntukan tahunan bagi sumbangan / bantuan, aset serta acara / program tahunan jabatan;

v) Menjalin kerjasama dengan agensi / kementerian yang berkaitan bagi pelaksaan acara / program berprestasi tinggi di peringkat Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, kebangsaan dan antarabangsa;

vi) Mengurus dan menyelaras pelaksanaan aktiviti promosi bagi acara / program anjuran jabatan dengan kerjasama agensi / kementerian yang berkaitan.

vii) Menyediakan belanjawan dan laporan pelaksanaan acara / program;

viii) Mendapatkan kelulusan acara / program tahunan jabatan melalui proses kelulusan minit bebas / lantikan terus.

5.2.2 UNIT KEBUDAYAAN

i) Menyediakan mekanisma di dalam pembentukan pembangunan seni dan budaya pelbagai kaum;

ii) Mengkaji kualiti program kebudayaan dan kesenian menepati peranan merakyatkan dan menyemarakkan seni budaya;

iii) Menyediakan, menggalakkan dan mempertingkatkan aktiviti kebudayaan dan kesenian khususnya di dalam seni pementasan teater, tarian, nyanyian dan muzik;

iv) Menyediakan dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti seni persembahan kebudayaan yang berkaitan dengan acara sambutan perayaan awam dan acara festival-festival kesenian;

v) Menyedia, menyelaras dan memberi kerjasama di dalam menganjurkan aktiviti seni persembahan kebudayaan bersama agensi-agensi kerajaan pihak NGO dan agensi-agensi swasta;

vi) Menyelaraskan permohonan sumbangan kepada agensi untuk pertimbangan Datuk Bandar dan Jabatan Kewangan.

5.2.3 UNIT MUZIK

i) Memberikan khidmat persembahan orkestra / kombo muzik kepada DBKL / agensi;

ii) Menyediakan dan melaksanakan program muzik kepada wargakota dan agensi;

iii) Mengubah lagu mengikut keperluan;

iv) Menjadi sumber rujukan IPT agensi yang berkaitan untuk persembahan orkestra / kombo;

v) Merancang pembangunan tahap kompetensi Ahli Muzik DBKL;

vi) Menyelaraskan permohonan sumbangan kepada agensi untuk pertimbangan Datuk Bandar dan Jabatan Kewangan;

vii) Menjalinkan hubungan baik dengan agensi dan penggiat muzik.

5.2.4 UNIT BIRO PELANCONGAN

i) Mempromosikan produk-produk pelancongan untuk pengusaha-pengusaha dan hubungan baik dengan penguasaha produk pelancongan / hotel / restoran dan lain-lain;

ii) Merancang aktiviti / program untuk penggalakkan industri pelancongan di Kuala Lumpur;

iii) Menyediakan bahan-bahan promosi seperti brosur dan *booklet* yang berkaitan pelancongan;

iv) Menjalinkan hubungan baik dengan pengusaha produk pelancongan;

v) Jawatankuasa Pandu Kajian Pelan Induk Bandar Pintar ***(Smart City Master Plan 2020-2025)***;

vi) Jawatankuasa Kerja Pelan Induk Bandar Pintar **(*Smart City Master Plan 2020-2025*)**;

vii) Jawatankuasa Penyelarasan Program Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar – Luar Bandar Malaysia (**MURNInets 2.0) 2021**;

viii) Wakil Tetap Pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan ***(SDG) Kuala Lumpur Subject Matter Expert (SME) Kuala Lumpur Urban Observatory (KLUO)***;

ix) Jawatankuasa Kerja Kuala Lumpur Urban Observatory **(KLUO)** Jawatankuasa Kerja Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok **(KLBAR LA21)** Jawatankuasa Kerja Komuniti Pintar Local Agenda 21;

x) Jawatankuasa Induk Majlis Rumah Terbuka Malaysia **(MRTM)** Jawatankuasa Penilaian Projek ICT **(JPPICT / PRA JTICT) 2021**.

5.2.5 UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

i) Melaksanakan fungsi pengurusan sumber manusia di peringkat jabatan;

ii) Menguruskan hal ehwal pentadbiran dan pengurusan keselamatan Jabatan;

iii) Pengurusan kualiti dan integriti Jabatan;

iv) Menguruskan aduan awam, mesyuarat dan surat-menyurat Jabatan;

v) Memberi kerjasama, bantuan logistik, bantuan kewangan serta khidmat nasihat dalam penganjuran program.

vi) Menyelia dan menyelaras perolehan jabatan, inventori dan aset jabatan;

vii) Pengurusan ICT Jabatan;

viii) Urusetia kepada Jawatankuasa Penasihat Warisan, Kesenian, Kebudayaan dan Sukan;

ix) Penyelaras kepada Pelan Strategik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2021-2030 bagi JKKPS;

x) Urusetia bagi Mobiliti Hijau – ***Establish Bike Rental Program – KL Cycle Hire Scheme*** di bawah Jawatankuasa Infrastruktur **PIMRK KL 2030**;

xi) Penyelaras kepada Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia 2021-2030 bagi JKKPS.

5.2.6 UNIT KEMUDAHAN SUKAN

i) Merancang penyediaan prasarana kemudahan sukan;

ii) Menyediakan kemudahan bagi memberi ruang kepada masyarakat untuk melibatkan dalam sukan;

iii) Menyelaraskan aduan kerosakan untuk penyelenggaraan fasiliti sukan kepada Unit Pengurusan Bangunan (**UPB**);

iv) Mempromosikan kemudahan sukan untuk kegunaan wargakota;

v) Membantu persatuan sukan, NGO, agensi kerajaan untuk penganjuran program sukan / sosial di venue kemudahan sukan;

vi) Menyelaraskan permohonan tempahan dan penggunaan kemudahan sukan;

vii) Memastikan kemudahan sukan mengikut spesifikasi dan berada dalam keadaan baik;

viii) Urusetia Program Kuala Lumpur Pagi Bebas Kenderaan (***Kuala Lumpur Car Free Morning***);

ix) Urusetia Program KUL FIT di Taman-Taman Awam Kuala Lumpur (Program Senam Sihat);

x) Urusetia Majlis Sukan Kawasan Pentadbiran (**MSKP**);

xi) Merancang dan melaksanakan program-program sukan dengan kolaborasi strategik bersama kementerian / persatuan / badan-badan NGO sukan selaras dengan Dasar Sukan Negara.

5.3 Fasiliti-fasiliti Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan

i) FASILITI BIRO PELANCONGAN

Jadual 3: Fasiliti Pelancongan Di Bawah Seliaan JKKPS

BIL	FASILITI PELANCONGAN
1	Mayor Courtyard Jalan Tangsi
2	The Hall, Lot.11, Jalan Tangsi
3	Helipad Taman Tasik Titiwangsa

ii) FASILITI UNIT KEBUDAYAAN

Jadual 4: Fasiliti Acara Di Bawah Seliaan JKKPS

BIL	FASILITI KEBUDAYAAN
1.	Panggung Anniversari
2.	Pentas Bergerak (Mobile Stage)
3	Dataran Medan Pasar
4	Panggung Bandaraya

iii) FASILITI UNIT KEMUDAHAN SUKAN

Jadual 5: Jumlah Keseluruhan Venue Kemudahan Sukan Di Bawah Seliaan JKKPS

BIL	FASILITI SUKAN	BILANGAN
1.	Stadium/Kompleks bertaraf Antarabangsa	6
2.	Pusat Komuniti / Dewan Komuniti	13
3.	Kompleks Sukan	9
4.	Dewan Serbaguna, Dewan PT.80	22
5	Gelanggang Futsal UTC	1
	JUMLAH	**51**

Jadual 6: Vanue Kemudahan Sukan Bertaraf Antarabangsa

BIL	KATEGORI	BILANGAN FASILITI SUKAN
1.	Stadium Bolasepak Kuala Lumpur	1
2.	Stadium Hoki Kuala Lumpur	1
3	Stadium Titiwangsa Kuala Lumpur	1
4	Kompleks Renang Kuala Lumpur	1
5	Kuala Lumpur International Radio Control Circuit (KLIRCC)	1
6	Arena Petanque Kuala Lumpur	1
	JUMLAH	**6**

Jadual 7: Jumlah Gelanggang Mengikut Jenis Sukan

BIL	JENIS SUKAN	BILANGAN GELANGGANG
1.	Badminton	97
2.	Tenis	20
3	Kolam Renang	5
4	Gimnasium	7
5	Skuasy	9
6	Ping Pong	15
7	Sepak takraw	8
8	Gelanggang Futsal	24
9	Padang Bola Sepak	27
10	Bola Jaring	1
	JUMLAH	**214**

6.0 BAJET

6.1 Pebelanjaan Mengurus

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	41,517,900.00	37,452,642.00	90.21

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	30,000.00	29,900.00	99

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

Sepanjang tahun 2021, pihak jabatan telah menlaksanakan sebanyak **43** buah program dan aktiviti yang merangkumi program-program berkaitan Kebudayaan, Kesenian, Pembangunan Sukan dan Pelancongan seperti berikut:

Jadual 9: Jadual Program dan Aktiviti Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan Dan Sukan Yang Telah Dilaksanakan Bermula Januari Hingga Disember 2021

BIL	TARIKH	PROGRAM & AKTIVITI	OBJEKTIF
1	27 Jan 2021	Rosalinda InstrumentaL (Sexaphone)	Membentuk wargakota kreatif melalui aktiviti kebudayaan & kesenian
2	31 Jan 2021	Heal The World	
3	7 Apr 2021	Ronggeng Melayu	
4	14 Mei 2021	Hari Mulia (Raya) Instrumental Sexaphone	
5	16 Jun 2021	Hazana Saeidana	

6	21 Jun 2021	Medley Tribute Sudirman Hj Arshad (Instrumental) – Kombo Budaya	Membentuk wargakota kreatif melalui aktiviti kebudayaan & kesenian
7	24 Jun 2021	Atouna El Toufoule	
8	27 Jun 2021	Lemak Manis (Instrumental)	
9	29 Jun 2021	Sakit Gigi (Instrumental)	
10	7 Julai 2021	Zapin Fusion Bunga Hutan	
11	9 Julai 2021	Sepanjang Jalan Kenangan	
12	11 Julai 2021	Chaaha Hai Tujko (Instrumental)	
13	11 Julai 2021	Samrah Gambus (Artis budaya)	
14	11 Julai 2021	Meglio Stasera (Instrumental)	
15	20 Julai 2021	Berkorban Apa Saja	
16	24 Julai 2021	'Beggin'	
17	24 Julai 2021	Keroncong Kemahyoran	
18	25 Julai 2021	Esperanto (Instrumental) Gambus	
19	31 Julai 2021	Terkayo-Kayo.Penampilan Khas-Jerry Kamit (Instrumental)	
20	1 Ogos 2021	Warisan – Penampilan Khas Sham Visa	
21	7 Ogos 2021	Pahlawanku	
22	14 Ogos 2021	Ilham Pujangga	
23	21 Ogos 2021	Malaysia Baru	
24	28 Ogos 2021	Tanggal 31 Ogos – Penampilan Khas Gerhana Ska Cinta	
25	11 September 2021	Sehati Sejiwa	
26	16 September 2021	Saya Anak Malaysia	
27	19 September 2021	Senam Sihat Kuala Lumpur	Membentuk wargakota yang aktif & sihat
28	20-25 September 2021	Rakaman KL Big Band (Tribute to P.Ramlee & The Beatles)	Membentuk wargakota kreatif melalui aktiviti kebudayaan & kesenian
29	10 Oktober 2021	KL Cultural Nitez Panggung Rakyat Bersama Cendana	
30	23 Oktober 2021	Konsert Rockestra	
31	23 Oktober 2021	KL Cultural Nitez, KL Street Jam Bersama Cendana	
32	24 Oktober 2021	Pelancaran Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur 2022	
33	27 Oktober 2021	Malam Apresiasi KLWBC	
34	30 Oktober 2021	Panggung Seni Tradisional	
35	30 Oktober 2021	Konsert Rockestra Nostalgia	
36	1-3 November 2021	Bengkel Penyediaan Perancangan Kalendar JKKPS bagi Tahun 2022	Perancangan Program Tahun 2022
37	7 & 21 November 2021 5 & 19 Disember 2021	KL Car Free Morning (Simulasi)	Membentuk wargakota yang aktif & sihat

38	13 November	KL Cultural Nitez Panggung Rakyat bersama Cendana	Membentuk wargakota kreatif melalui aktiviti kebudayaan & kesenian
39	26-28 November 2021	Kejohanan Teqball Piala Datuk Bandar Kuala Lumpur 2021	
40	26-28 November 2021	Kuala Lumpur Urban Youth Festival	
41	27 November 2021	KL Cultural Nitez, KL Street Jam bersama Cendana	
42	4 Disember 2021	Konsert Jundai Nusantara	
43	6 Disember 2021	Perhimpunan Pagi DBKL	Program Bulanan DBKL

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

8.1 Pencapaian Jabatan

BIL	TARIKH	ACARA	KEPUTUSAN
1.	Jun 2021	Festival Tari Rakyat Negeri Johor (Kebangsaan)	Johan
2.	20 Ogos 2021 hingga 20 September 2021	Festival Seni Hidup – Living Arts Cultural Festival (Kebangsaan) - Kategori Berpasangan	Johan Naib Johan Busana Terbaik

8.2 Hasil Kutipan Fasiliti Sukan Bagi Tahun 2021

Jabatan mempunyai kutipan hasil daripada sewaan terhadap 6 jenis fasiliti sukan seperti berikut :


i. Stadium,
ii. Kompleks Sukan,
iii. Pusat Komuniti,
iv. Dewan Serbaguna,
v. Dewan Komuniti,
vi. Gelanggang.

Sebanyak **RM1,304,570.44** telah dikutip daripada **47** buah fasiliti sukan di sepanjang tahun 2021 seperti yang terdapat pada jadual 8 di bawah :-

Jadual 8 : Penyata Kutipan Bagi Stadium, Kompleks Sukan, Pusat Komuniti, Dewan Serbaguna Dan Gelanggang Pada Tahun 2021

BIL	FASILITI SUKAN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
1	Stadium Hoki Kuala Lumpur	35,265.10
2	Pusat Komuniti Taman TTDI	61,446.44
3	Kompleks Sukan Taman Sri Delima	5,511.80
4	Pusat Komuniti Tmn Koperasi Polis Fasa 2	44,297.08
5	Pusat Komuniti Bandar Manjalara	36,340.28
6	Dewan Serbaguna Kg. Baru	16,744.56
7	Dewan Serbaguna Jinjang Utara	3,146.00
8	Kompleks Sukan Tasik Perdana	4,600.00
9	Dewan Komuniti Batu Muda	Pusat Penilaian Covid (CAC)
10	Dewan Serbaguna Desa Bakti	15,951.04
11	KUALA LUMPUR RICC	14,060.00

12	Pusat Komuniti Lembah Pantai	37,457.80
13	Pusat Komuniti Sri Petaling	44,096.68
14	Pusat Komuniti Bukit Damansara	70,824.02
15	Kompleks Sukan Bangsar	122,452.20
16	Kompleks Sukan Vista Angkasa	4,088.00
17	Dewan Serbaguna Taman Salak Jaya	9,085.12
18	Dewan Serbaguna Sri Endah	11,936.00
19	Pusat Komuniti Bukit Bandaraya	3,541.40
20	Dewan Serbaguna Kg. M'sia Tambahan	10,932.00
21	Stadium Titiwangsa Kuala Lumpur	5,300.00
22	Pusat Komuniti Gombak	35,074.56
23	Pusat Komuniti Sentul Perdana	31,431.64
24	Gelanggang Futsal UTC Sentul	15,631.00
25	Pusat Komuniti Taman Ibu Kota	68,478.48
26	Gelanggang Futsal Danau Kota	
27	Dewan Serbaguna Wangsa Maju	48,121.10
28	Kompleks Sukan Titiwangsa	6,895.00
29	Pusat Komuniti Datuk Keramat	17,930.12
30	Dewan Serbaguna Tmn.Bunga Raya	10,735.96
31	Dewan Serbaguna Tmn Melati Impian	36,013.76
32	Pusat Komuniti Setiawangsa	48,706.52
33	Dewan Serbaguna Air Panas	17,400.56
34	Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur	148,500.00
35	Kompleks Renang Kuala Lumpur	14,027.00
36	Pusat Komuniti Bukit Cheras	44,502.68
37	Kompleks Sukan Desa Tasik	900.00
38	Kompleks Sukan Bandar Tun Razak	2,105.00
39	Dewan Serbaguna Fasa 1E Bandar Tun Razak	
40	Arena Petanque Kuala Lumpur	2,050.00
41	Dewan Serbaguna Cheras Baru	16,615.60
42	Dewan Serbaguna Taman Maluri	48,728.72
43	Dewan Serbaguna Alam Damai	33,436.16
44	Dewan Serbaguna Taman Segar	10,600.32
45	Dewan Serbaguna Ampang Hilir	42,577.76
46	Dewan Serbaguna Pusat Komersial PT80	22,053.76
47	Gelanggang Rakyat Tmn Maluri	24,979.22
JUMLAH		**1,304,570.44**



Carta 1 : Carta Hasil Sewaan Fasiliti Sukan mengikut bulan bagi Tahun 2021

8.3 Gambar-Gambar Program dan Aktiviti Jabatan Sepanjang Tahun 2021

PROGRAM SUKAN



Gambar 1 : PROGRAM KL CAR FREE TAHUN 2021



Gambar 2 : PROGRAM SENAM SIHAT TAHUN 2021



Gambar 3 : PROGRAM SEMPENA HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2021
KEJOHANAN VIRTUAL E-SPORTS 2021



Gambar 4 : KUALA LUMPUR URBAN YOUTH FESTIVAL 2021

PROGRAM KESENIAN & KEBUDAYAAN



Gambar 5 : KONSERT ROCKESTRA NOSTALGIA 2021



Gambar 6 : KL STREET JAM 2021

PROGRAM BENGKEL JABATAN





Gambar 7 : BENGKEL PENYEDIAAN PERANCANGAN KALENDAR JKKPS TAHUN 2022

8.4 Gambar-Gambar Pencapaian Jabatan Sepanjang Tahun 2021







Gambar 1 : FESTIVAL TARI RAKYAT JOHOR



Gambar 2 : FESTIVAL SENI HIDUP – Living Arts Cultural Festival

SEKTOR PENGURUSAN

Laporan Tahunan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

2021


Jabatan Kewangan

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Kewangan diwujudkan pada tahun 1956 dikenali sebagai Jabatan Bendahari dan nama jabatan ini ditukarkan kepada Jabatan Kewangan mulai tahun 2003. Fungsi Jabatan Kewangan adalah untuk mengendalikan pengurusan kewangan DBKL yang terlibat dari segi pengurusan kutipan hasil, perbelanjaan, belanjawan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahunan DBKL. Sehingga kini, Jabatan Kewangan mempunyai tenaga kerja seramai 226 orang melibatkan 4 bahagian dan 14 unit.

1.2 Bahagian-Bahagian/Unit-Unit Jabatan ;



1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan ;

KUMPULAN	GRED	JUMLAH
PENGURUSAN & PROFESSIONAL	41 dan ke atas	22
SOKONGAN 1	19 - 36	188
SOKONGAN 2	14 dan ke bawah	16
JUMLAH		**226**

2.0 VISI DAN MISI JABATAN

2.1 Visi - Menguruskan kewangan DBKL secara berkualiti untuk menjadikan DBKL sebagai organisasi pengurusan sebuah bandar raya bertaraf dunia.

2.2 Misi - Bersama menyumbang ke arah menyediakan maklumat kewangan yang berkualiti.

3.0 PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2021

3.1 Menyediakan bajet tahunan DBKL dan mendapatkan kelulusan Menteri Wilayah Persekutuan sebelum atau pada 31 Disember setiap tahun.

3.2 Memberi perkhidmatan kaunter bayaran secara efisyen dengan memastikan waktu menunggu tidak melebihi 30 minit pada waktu puncak dan tidak melebihi 15 minit pada waktu biasa.

3.3 Menyediakan bayaran dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen tuntutan yang lengkap.

3.4 Memastikan data-data cukai taksiran dihantar ke vendor yang dilantik untuk proses cetakan dan penghantaran bil cukai taksiran tidak lewat pada 15hb. Januari bagi penggal pertama dan pada 15hb. Julai bagi penggal kedua setiap tahun.

3.5 Memastikan tindakan penguatkuasaan kutipan cukai taksiran dilaksanakan mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ke atas akaun-akaun yang tertunggak.

3.6 Menyediakan maklumat-maklumat kewangan status akaun hasil bukan cukai/ terimaan bukan hasil untuk tindakan penguatkuasaan kutipan hasil oleh jabatan pelaksana setiap 3 bulan.

3.7 Memastikan semua hasil kutipan di bawah kendalian jabatan dibankkan pada hari yang sama manakala kutipan waktu malam/hari cuti dibankkan pada keesokkan hari bekerja.

3.8 Memastikan notis tuntutan oleh pihak ketiga yang lengkap dikemukakan dalam tempoh 7 hari bekerja kepada pihak insurans yang dilantik.

3.9 Memastikan akuan penerimaan kepada aduan awam dibuat dalam tempoh 1 hari bekerja dan tindakan susulan diambil dalam tempoh 3 hari bekerja. Maklumbalas seterusnya dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh aduan diterima.

3.10 Memastikan pembayaran kepada agensi kerajaan seperti KWSP, KWAP, LHDN yang dibuat pemotongan dari gaji kakitangan dibayar dalam tempoh 7 hari dari tarikh gaji dibayar.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JABATAN TAHUN 2021

KRA	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Matlamat 5 : Tadbir Urus Cemerlang **Strategi 2 :** Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan *(Customer Focus)*	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun	100%
Matlamat 5 : Tadbir Urus Cemerlang **Strategi 2 :** Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan *(Customer Focus)*	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	99%
Matlamat 5 : Tadbir Urus Cemerlang **Strategi 1 :** Memperkukuhkan tahap integriti, akauntabiliti dan telus *(Transparency)*	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 90% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2021	100%
Matlamat 5 : Tadbir Urus Cemerlang **Strategi 1 :** Memperkukuhkan tahap integriti, akauntabiliti dan telus *(Transparency)*	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022 sebelum 31 Disember tahun 2021	100%

KRA	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Matlamat 5 : Tadbir Urus Cemerlang **Strategi 3 :** Menggunakan Sumber Organisasi Secara Optimum dan Meningkatkan Hasil	Mempertingkatkan peratusan bayaran hasil - hasil DBKL tanpa tunai (cashless).	Meningkatkan kutipan tanpa tunai sebanyak 10% transaksi kutipan bayaran berbanding tahun 2020.	100%
Matlamat 5 : Tadbir Urus Cemerlang **Strategi 3 :** Menggunakan Sumber Organisasi Secara Optimum dan Meningkatkan Hasil	Mendapatkan cadangan / syor / input daripada warga kota untuk Idea Bajet DBKL melalui capaian *online*.	Warga kota dapat memberi cadangan / syor / input untuk Idea Bajet DBKL melalui capaian *online* dalam tempoh satu bulan bermula bulan Jun 2021.	100%
Matlamat 5 : Tadbir Urus Cemerlang **Strategi 3 :** Menggunakan Sumber Organisasi Secara Optimum dan Meningkatkan Hasil	Menyelaras dan memastikan kutipan keatas hasil cukai taksiran bagi tahun semasa (2021) dibuat secara berkesan.	Mengutip 85% cukai taksiran tahun semasa (2021).	98%
Matlamat 5 : Tadbir Urus Cemerlang **Strategi 3 :** Menggunakan Sumber Organisasi Secara Optimum dan Meningkatkan Hasil	Mengurangkan tunggakan hasil cukai taksiran.	Mengutip RM80 juta tunggakan terkumpul seperti pada 31 Disember 2020 (RM453 juta)	95%
Matlamat 5 : Tadbir Urus Cemerlang **Strategi 1 :** Memperkukuh Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (*Transparency*)	Dokumen Tuntutan Bayaran yang lengkap dan teratur diproses dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh penerimaan di Unit Pembayaran, Jabatan Kewangan	Semua dokumen tuntutan bayaran yang lengkap dan teratur diproses dalam tempoh 7 hari bekerja.	100%
Matlamat 5 : Tadbir Urus Cemerlang **Strategi 3 :** Menggunakan Sumber Organisasi Secara Optimum dan Meningkatkan Hasil	Memastikan peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) yang diluluskan pada tahun 2021 disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM171,923,900 yang melibatkan 8 projek.	90% peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan disalurkan pada tahun 2021. Tertakluk kepada kelulusan semasa Pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).	100%
Matlamat 5 : Tadbir Urus Cemerlang **Strategi 1 :** Memperkukuh Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (*Transparency*)	Membuat penambahbaikan keatas Polisi Perakaunan DBKL	Menyediakan Polisi Perakaunan DBKL berkaitan hartanah, loji dan peralatan : Tanah untuk digunapakai pada November 2021.	100%

5.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

Fungsi Jabatan Kewangan adalah untuk mengendalikan pengurusan kewangan DBKL yang terlibat dari segi pengurusan kutipan hasil, perbelanjaan, belanjawan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahunan DBKL serta mempertingkatkan perancangan dan kawalan kewangan yang lebih berkualiti.

Jabatan Kewangan juga memastikan tindakan penguatkuasaan kutipan cukai taksiran dilaksanakan mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ke atas akaun-akaun tertunggak dan menyediakan maklumat-maklumat kewangan hasil bukan cukai / terimaan bukan hasil untuk tindakan penguatkuasaan kutipan hasil oleh jabatan pelaksana

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/Bahagian-Bahagian Jabatan

a. Menyediakan sistem kewangan yang sistematik selaras dengan akta-akta yang digunapakai aturcara kewangan, peraturan-peraturan kewangan kerajaan dan juga piawaian perakaunan yang diterima umum.

b. Mengutip hasil-hasil DBKL.

c. Menyediakan maklumat kewangan untuk kegunaan semua pihak yang berkepentingan.

d. Menyediakan belanjawan tahunan dengan mengutamakan kemudahan untuk pembayar cukai serta wargakota.

e. Mengendalikan sistem bayaran yang cekap dan teratur

f. Menyediakan sistem kawalan dalaman untuk memastikan pentadbiran kewangan selaras dengan akta dan peraturan yang digunapakai oleh DBKL.

g. Menguruskan skim insurans untuk melindungi harta benda

h. Menjadi ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Projek-Projek Khas dan Penswastaan oleh DBKL.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	1,761,781,400	1,688,211,345	95.82

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	655,954,900	556,211,035	84.79

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

7.1 Pembukaan kaunter Sistem eZpay

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
22 – 26 Februari 2021	Pembayar cukai taksiran DBKL	Pembukaan kaunter Sistem eZpay di Lobi Menara DBKL 1, di Kaunter Hasil Menara DBKL 1 dan Kaunter Hasil Menara 2.	1. Meningkatkan prestasi kerja kakitangan dan memendekkan proses mengakaunkan kutipan hasil di lapangan daripada manual kepada online 2. Memudahkan pembayar cukai membuat bayaran secara online 3. Memudahkan kakitangan di lapangan dan kaunter membuat kutipan hasil tanpa tunai. 4. Menyediakan medium bayaran cukai DBKL tanpa tunai kepada pemilik harta di Kuala Lumpur.

1. Kaunter eZpay di Lobi Menara DBKL 1



2. Latihan Super Admin Sistem eZpay

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
02-04 Disember 2021	*Super admin* Sistem eZpay	Latihan super admin kepada kakitangan yang terlibat. Latihan ini dijalan selama 3 hari di Hotel Doubletree by Hilton.	1. Memberi latihan intensif kepada *super admin* yang mentadbir Sistem eZpay. 2. Latihan yang diberikan adalah untuk memantapkan kemahiran penggunaan *back-end module* dan *mobile handheld.* 3. Memberi pendedahan dengan lebih jelas berkaitan penggunaan CIMB *plug and pay* dan portal kepada *super admin.*

3. Latihan Super Admin Sistem eZpay di Doubletree by Hilton Melaka









7.2 Portal Idea Belanjawan DBKL 2021

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
1 April hingga 31 Mei 2021	Warga Kota	Jabatan Kewangan telah melancarkan sebuah portal yang dinamakan Idea Belanjawan DBKL 2022	Portal ini disediakan untuk memberi peluang kepada warga kota dalam memberi idea dan cadangan dalam Belanjawan 2022. Ia seterusnya dapat membantu DBKL merangka pelbagai perancangan, strategi serta inisiatif bagi mensejahterakan warga kota Sebanyak 650 idea / cadangan diterima daripada 375 responden melalui portal Idea Belanjawan DBKL 2022 tersebut. Jumlah ini meningkat berbanding idea / cadangan diterima melalui portal Idea Belanjawan DBKL 2021 yang mana hanya 221 idea / cadangan daripada 110 responden yang diterima pada tahun berkenaan. Idea dan pandangan telah diambil maklum oleh jabatan-jabatan berkaitan untuk diselaraskan dalam program / aktiviti / projek untuk Belanjawan DBKL 2022.



7.3 Retreat Belanjawan 2022

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
23 - 25 September 2021	Secara fizikal : Pihak Pengurusan Tertinggi DBKL dan Ketua - Ketua Jabatan DBKL Secara dalam talian: Pegawai - Pegawai jabatan	Retreat Bajet 2022 di Hotel Le Meridien, Putrajaya.	Retreat ini dilaksanakan untuk memuktamadkan peruntukan Mengurus dan peruntukan Pembangunan bagi setiap jabatan serta anggaran hasil DBKL bagi tahun 2022 Penyediaan Belanjawan 2022 dirangka dengan jangkaan situasi negara dan ekonomi pulih daripada kesan pandemik COVID19 pada tahun hadapan atau sekurang - kurangnya setengah tahun kedua tahun hadapan. Di dalam Retreat ini, Fokus Belanjawan 2022 masih mengekalkan kesinambungan kepada 14 program sedia ada bagi memastikan fungsi utama DBKL dapat dilaksanakan.







7.4 Sidang Media Belanjawan DBKL 2022

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
21 Disember 2021	Pengurusan Tertinggi DBKL, ketua – ketua jabatan dan beberapa wakil media dari pelbagai medium.	Sidang Media Belanjawan DBKL 2022 oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di Bilik Lembaga, Tingkat 29 Menara DBKL 1.	Hebahan Belanjawan DBKL 2022 yang memperuntukkan peruntukan sebanyak RM1.762 bilion untuk Peruntukan Mengurus dan sebanyak RM891 juta untuk Peruntukan Pembangunan dengan keseluruhan RM 2.704 bilion bertemakan ''Kuala Lumpur Milik Semua''.








7.5 Bengkel Draft Perintah Tetap Pengurusan Aset Tak Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur (Pelupusan) Tahun 2021

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
9-11 November 2021	Bengkel ini diadakan bagi menyediakan draf Perintah Tetap Aset Tak Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur sebagai panduan jabatan dalam melupus Aset Tak Alih DBKL. Bengkel ini disertai oleh: • Jabatan Kewangan (Urusetia) • Jabatan Undang-undang & Pendakwaan • Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar • Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta • Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran • Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaran Bangunan • Jabatan Pembangunan Lanskap dan Rekreasi • Jabatan Audit Dalam • Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal • Jabatan Pentadbiran • Jabatan Perancangan Infrastruktur • Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja • Jabatan Perancangan Bandaraya • Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan	Bengkel Perintah Tetap Aset tak Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur diadakan di Hotel Royale Chulan, Pulau Pinang pada 9 hingga 11 November 2021.	Menyediakan draf Perintah Tetap Aset Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur dan juga polisi perakaunan berkenaan Hartanah, Loji dan Peralatan yang menjadi sumber rujukan jabatan di dalam pengurusan dan perakaunan Aset Tak Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur. Menyeragamkan proses Pelupusan Aset Tak Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur.





7.6 Bengkel Penyediaan Workflow Penguatkuasaan Denda Seksyen 160 Notis Pindah Milik Pegangan Berkadar Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171)

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
9-11 November 2021	Bengkel ini diadakan bagi menyediakan *Workflow* Penguatkuasaan Denda Seksyen 160 Notis Pindah Milik Pegangan Berkadar Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171). Bengkel ini disertai oleh: • Jabatan Kewangan • Jabatan Undang-undang & Pendakwaan • Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta • Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan	Bengkel ini diadakan di Hotel Royale Chulan, Pulau Pinang pada 9 hingga 11 November 2021.	Menyediakan draf proses kerja penguatkuasaan denda bagi Seksyen 160 Notis Pindah Milik Pegangan Berkadar.







7.7 Pembukaan Kaunter Bayaran

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
6 – 7 Februari 2021	Unit Hasil Cukai dan Unit Kawalan Tunggakan dan Penguatkuasaan	Kaunter Bergerak – Operasi Kutipan Cukai Taksiran Strata dengan kerjasama Joint Management Body (JMB)	Sempena bulan membayar cukai taksiran pada bulan Februari 2021. Bertujuan untuk memudahkan orang awam membuat semakan dan bayaran cukai taksiran.



7.8 Seminar Mencapai Kesedaran Awam Mengenai Tunggakan Cukai Taksiran


TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
8 Mac 2021	Jabatan Kewangan dengan kerjasama dengan Universiti Malaya telah menjalankan kajian bertajuk *Designing The Optimal Approach in Recovering Assessment Arrears in* Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kajian ini mula dijalankan pada tahun 2020 di bawah seliaan Institut Latihan DBKL. Dibawah kajian ini, satu seminar telah diadakan dan telah dihadiri oleh wakil daripada PBT di seluruh Malaysia dan Pengarah Jabatan Kewangan juga telah menjadi salah seorang daripada ahli panel dalam seminar ini.	Seminar Mencapai Kesedaran Awam Mengenai Tunggakan Cukai Taksiran telah diadakan melalui secara atas talian melalui medium pautan *Zoom*	Berkongsi dapatan kajian kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Malaysia dan membincangkan strategi serta cabaran yang dihadapi dalam mengutip tunggakan cukai taksiran.











7.9 Program membantu/memantau Pusat Bantuan Operasi Bencana Seliaan DBKL

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF
29 Disember 2021	Jabatan Kewangan telah menghantar pegawai dan kakitangan ke Bentong, Pahang untuk memberikan bantuan pemantauan di PKOB dan bantuan pembersihan di sekitar kawasan berkenaan.	Pemantauan dan gotong royong membersihkan kawasan yang dilanda banjir di Bentong, Pahang.	Memberikan bantuan dari segi tenaga kerja dengan memantau di PKOB dan membersihkan kawasan–kawasan yang terjejas akibat dari banjir yang melanda.












DBKL

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

TARIKH	ACARA	KEPUTUSAN
22 Disember 2021	Penyerahan Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020.	Telah menerima Sijil Bersih mengenai Pengauditan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 daripada Ketua Audit Negara Malaysia.



Jabatan Pengurusan Sumber Manusia

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Sejak ditubuhkan pada tahun 1970, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) telah mengalami beberapa perubahan dari segi status Jabatan. Walau bagaimanapun, perubahan ini tidak melibatkan perubahan fungsinya. Antara fungsi tradisi JPSM yang telah sekian lama dilaksanakan ialah perancangan guna tenaga manusia, pelantikan dan penempatan kakitangan, perkhidmatan, pembangunan prestasi, pembangunan modal insan, pengurusan hal ehwal kebajikan, kaunseling, hal ehwal peperiksaan dan persaraan. Selain melaksanakan fungsi-fungsi tradisi, JPSM telah diberi tanggungjawab sebagai urus setia kepada program-program peningkatan prestasi DBKL, program peningkatan budaya inovasi dan program peningkatan imej DBKL.Bagi program peningkatan prestasi DBKL, JPSM bertanggungjawab melaksanakan MS ISO QMS 9001: 2015, MS ISO ISMS IEC 27001:2013, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Sistem Pengurusan Kerja Amalan EKSA, Program peningkatan budaya inovasi pula dilaksanakan melalui penubuhan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di setiap Jabatan/unit dan program penjanaan idea inovasi daripada setiap Jabatan, kumpulan atau individu. Pasukan KIK diberi pengiktirafan semasa Konvensyen KIK peringkat DBKL dan idea inovasi pula diberi pengiktirafan pada Hari Inovasi peringkat DBKL.

Disamping itu, JPSM juga bertindak sebagai urus setia kepada program-program yang meningkatkan imej DBKL seperti Sistem Penggredan PBT (Star Rating) dan Anugerah Inovasi PBT dan lain-lain anugerah yang dipertandingkan. **Pada tahun 2020, DBKL telah mencapai tempat ke-7 bagi anugerah *Star Rating*.**

1.2 Bahagia-Bahagian/Unit-Unit di Jabatan

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia terbahagi kepada tiga (3) bahagian utama iaitu:-

i. Bahagian Perkhidmatan
- Unit Prestasi dan Kenaikan Pangkat
- Unit Kemudahan dan Persaraan
- Unit Pengambilan
- Unit Penilaian Perkhidmatan dan Kompetensi

ii. Bahagian Pengurusan
- Unit Pentadbiran dan Maklumat Personel
- Unit Kebajikan dan Kaunseling

iii. Bahagian Pembangunan
- Unit Perancangan Organisasi
- Unit Inovasi dan Kualiti

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan Jabatan Pengurusan Sumber Manusia adalah seramai **178 orang.**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 VISI

Warga kerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang kompeten menjelang tahun 2020

2.2 MISI

Melaksanakan fungsi Pengurusan Sumber Manusia dengan cekap dan berkesan berasaskan pelaksanaan amalan pengurusan terbaik

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Mengisi kekosongan jawatan lantikan dan kenaikan pangkat dilaksanakan dalam tempoh **2 bulan** dari tarikh temuduga/ pemilihan;

3.2 Mengeluarkan Surat Pengesahan Dalam Perkhidmatan tempoh **14 hari bekerja** setelah diluluskan

3.3. Mengemukakan keputusan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) kepada jabatan untuk tindakan dalam tempoh **1 minggu** dari tarikh minit mesyuarat diedarkan;

3.4 Menyelesaikan tuntutan bantuan kebajikan yang telah lengkap dalam tempoh **14 hari bekerja**

3.5 Mengadakan temu janji klien bersama kaunselor bagi sesi kaunseling individu dalam tempoh **3 minggu** dari tarikh permohonan diterima;

3.6 Menyiapkan maklumat bagi tujuan persaraan paksa atau persaraan pilihan **3 bulan sebelum** tarikh persaraan;

3.7 Memberi peluang kakitangan lantikan tetap menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) dalam **tahun pertama lantikan**;

3.8 Melaksanakan Peperiksaan Perkhidmatan **dua (2) kali setahun** untuk pengesahan dalam perkhidmatan pegawai dan kakitangan DBKL.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

KRA	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan (*customer focus*)	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan	Pegawai dan Kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun	100%
	Mensasarkan 100% Penyelesaian Aduan Awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	100%
Memperkukuhkan tahap integriti akauntabiliti dan telus (*transparency*)	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	90%	100%
	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022	Sebelum Disember 2021	100%
Pemantapan organisasi yang cemerlang	Pengisian Kekosongan Jawatan Kenaikan Pangkat	Mengisi 48 kekosongan perjawatan kenaikan pangkat OT : 100%	100%
	Pelaksanaan Pengisian kekosongan jawatan a) Pengisian Jawatan Lantikan b) Pengisian Persaraan 2021	Mengisi 300 kekosongan perjawatan: OT 90% a) 177 kekosongan 2020 b) 123 untuk persaraan 2021	100% 100% 99.19%
	Pelaksaan Penyelarasan Penempatan / Pusingan Kerja (Job Rotation)	Menyelaras semula penempatan skim perkhidmatan yang berkhidmat melebihi 5 tahun seperti berikut : Kumpulan A : 10 orang Kumpulan B : 10 orang Kumpulan C : 120 orang Kumpulan D/OMG : 40 orang Jum.Keseluruhan : 180 orang	100%

Pemantapan organisasi yang cemerlang	Pengauditan Perjawatan	Mengaudit 2 skim perjawatan i. Pelukis Pelan ii. Setiausaha	100%
	Penyediaan Draf Pelan Strategik Sumber Manusia 2021 - 2030	Menyediakan Pelan Strategik Sumber Manusia sebelum Jun 2021	100%
	Menyediakan Manual Keselamatan dan Kesihatan (OSHA) DBKL	Menyediakan manual sebelum 31 Disember 2021	100%
	Mensasarkan 400 orang pegawai dan kakitangan yang layak untuk menduduki peperiksaan perkhidmatan DBKL untuk tujuan pengesahan dalam perkhidmatan	Menyediakan 400 calon Gred 29 dan 19 yang layak	100%
Membangunkan pengurusan maklumat personel	Pengurusan Maklumat Perkhidmatan Kakitangan	Mengemaskini rekod tunggakan 855 buah buku perkhidmatan	100%
Pembentukan modal insan yang cemerlang	Program Motivasi kepada kakitangan : i. Prestasi Rendah ii. Keberhutangan wang yang berat	Melaksanakan 1 program setiap satu	100%
Bandaraya tadbir urus cekap	Mendapatkan 1 pensijilan/ penganugerahan dalam tahun semasa	Mendapatkan 1 pensijilan / penganugerahan / pengiktirafan	100%
Memperkukuhkan kedudukan dan pengurusan kewangan	Menyelaraskan dan Memastikan Kutipan ke atas tunggakan Bayaran Pinjaman Pelajaran Datuk Bandar bagi kakitangan yang telah berhenti perkhidmatan	Menyelesaikan 15% daripada tunggakan hasil pada 2020	93%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan

5.1.1 Merancang keperluan sumber manusia dan pembangunan organisasi DBKL.

5.1.2 Merancang dan menguruskan perjawatan, pengambilan, peminjaman dan penempatan pegawai DBKL

5.1.3 Menguruskan dan melaksanakan urusan peperiksaan pegawai DBKL yang merangkumi Peperiksaan Perkhidmatan dan Program Tranformasi Minda (PTM).

5.1.4 Menguruskan maklumat dan rekod perkhidmatan pegawai DBKL.

5.1.5 Menguruskan penilaian prestasi, kenaikan pangkat dan anugerah pegawai DBKL

5.1.6 Melaksanakan urusan berkaitan pengesahan dalam perkhidmatan dan persaraan pegawai DBKL.

5.1.7 Menguruskan dan melaksanakan urusan berkaitan kemudahan pegawai DBKL yang merangkumi cuti, elaun, biasiswa, pinjaman pelajaran, kenderaan, komputer, perumahan, kuarters dan rumah rehat.

5.1.8 Merancang dan menguruskan persekitaran tempat kerja yang sihat dan selamat di DBKL.

5.1.9 Mengurus hubungan majikan dan pekerja yang harmoni melalui Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

5.1.10 Mengurus program pembangunan kendiri dan kaunseling pegawai DBKL


5.1.11 Mengurus dan melaksanakan urusan berkaitan hal-ehwal kebajikan pegawai DBKL yang merangkumi sumbangan kebajikan, insurans dan ex-gratia.

5.1.12 Melaksana dan menguruskan program pembangunan kualiti dan inovasi DBKL

5.2 Unit Prestasi dan Kenaikan Pangkat


5.2.1 Statistik Pengisian Keseluruhan Perjawatan Kenaikan Pangkat Sehingga Disember 2021

Terdapat 153 kekosongan perjawatan kenaikan pangkat sehingga Disember 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 153 pengisian perjawatan telah dilaksanakan (98%) yang melibatkan pelbagai kategori seperti di dalam Carta 1 dibawah:




Carta 1: Statistik pengisian keseluruhan perjawatan kenaikan pangkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sehingga Disember 2021

5.2.2 Statistik Pengisian Kenaikan Pangkat Mengikut Kumpulan Sehingga Bulan Disember Tahun 2021





3.	Usaha kearah Bandar Raya Pintar	Sistem eLesen Versi 4.0	70%	100%
	Memelihara kebersihan, keindahan dan kelestarian bandar	KLFOSS	100%	100%
	Memperkukuhkan tahap integriti, akauntabiliti dan telus *(Transperancy)*	Tahap Pengauditan dan Paparan Audit Dalam	50%	100%
4.	Meningkatkan kecekapan Sistem Penyampaian *(Customer Focus)*	Menaiktaraf perkhidmatan e-mel	100%	100%
	Usaha kearah Bandar Raya Pintar	Kajian awalan pemilikan rangkaian Fiber di Kuala Lumpur	100%	100%
5.	Meningkatkan kecekapan Sistem Penyampaian *(Customer Focus)*	Integrasi dengan Sistem Chatbot	100%	100%
		Pembangunan Portal Perpustakaan Kuala Lumpur	40%	100%
		Pembangunan Portal Intranet DBKL dan naiktaraf Sistem eBooking	70%	100%

5.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

Jabatan Pengurusan Maklumat berfungsi untuk :

1. Merancang, menyelaras, membangun dan mengawalselia pembangunan serta pemkomputeran ICT di semua Jabatan di DBKL dalam meningkatkan kualiti system penyampaian perkhidmatan.
2. Menyediakan kemudahan infastruktur rangkaian dan telekomunikasi yang *reliable* dan selamat bagi menyokong pelaksanaan pengkomputeran ICT.
3. Merancang, menyelaras dan memberi perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran server dan sokongan teknikal ICT dalam menyediakan kelengkapan ICT yang terkini.
4. Menyediakan prasarana internet dan mail elektronik untuk kemudahan di kalangan warga DBKL dan juga antara agensi kerajaan dengan swasta dan orang ramai dalam memudahkan dan mempercepatkan capaian maklumat dan komunikasi kearah *paperless.*
5. Merancang,membangun dan menyelenggara portak dan laman web DBKL dalam menyalurkan informasi jabatan dan aktiviti semasa DBKL kepada warga kota dan kakitangan DBKL dengan tepat dan cepat.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit / Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Bahagian Pembangunan Aplikasi dan Sokongan

Unit Aplikasi Sokongan

- Mengkaji keperluan pembangunan sistem aplikasi ICT.
- Melaksanakan pembangunan sistem aplikasi ICT secara sumber dalaman dan luaran.
- Mengawal selia dan menyenggara sistem aplikasi ICT yang siap dibangunkan.
- Melaksanakan perancangan penambahbaikan / keperluan baru sistem aplikasi ICT.
- Memberi latihan kepada pengguna sistem.
- Memberi khidmat nasihat teknikal kepada pengguna sistem.
- Melaksanakan inisiatif - inisiatif ICT yang melibatkan peringkat kerajaan pusat.

Unit Dasar dan Kualiti ICT

- Merancang, menyedia, menyelaras, melaksana dan mengawal Dasar dan Polisi ICT DBKL.
- Merangka, menyedia, melaksana dan mengawal Garis Panduan Keselamatan ICT.
- Melaksana dan menyelaras ISP yang telah dirangka selari Pelan Strategik ICT kerajaan.
- Merancang strategi pelaksanaan pembangunan ICT mengikut prosedur dan polisi ditetapkan.
- Memastikan piawaian kualiti ISO dan ISMS dipatuhi.
- Menyelaras KPI dan Star Rating jabatan.
- Menyelaras Pelan Strategik DBKL berkaitan ICT.

5.2.2 Bahagian Pembangunan Aplikasi & Strategik

Unit Aplikasi Strategik

- Mengkaji keperluan pembangunan sistem aplikasi ICT.
- Melaksanakan pembangunan sistem aplikasi ICT secara sumber luaran.
- Mengawal selia dan menyenggara sistem aplikasi ICT yang siap dibangunkan.
- Melaksanakan perancangan penambahbaikan/keperluan baru sistem aplikasi ICT.
- Memberi latihan kepada pengguna sistem.
- Memberi khidmat nasihat teknikal kepada pengguna sistem.

Unit Perundingan ICT

- Kajian kertas cadangan yang dikemukan oleh syarikat-syarikat ICT.
- Penyediaan laporan kajian kertas cadangan / pembentangan ICT.
- Penyerlarasan dan Pemantauan kesesuaian pelaksanaan teknologi baru di DBKL.

5.2.3 Bahagian Multimedia dan GIS

Unit Pembangunan Portal

- Pembangunan dan Penyelenggaraan Portal dan Laman Web
- Pengintegrasian Sistem Aplikasi dengan Portal Internet
- Menyelaras perolehan data dan maklumat di jabatan DBKL untuk pengemaskinian Portal Rasmi DBKL

Unit Perkhidmatan Intranet

- Pembangunan dan Penyelenggaraan Portal Intranet Dbkl
- Pengintegrasian Sistem Aplikasi dengan Portal Intranet
- Menyelaras perolehan data dan maklumat dari jabatan DBKL untuk pengemaskinian Portal Intranet DBKL

Unit Produksi Multimedia

- Perancangan dan Pembangunan Produksi Multimedia
- Memberi khidmat rundingan mengenai Pembangunan Produksi Multimedia
- Merekabentuk dan Pengemaskinian Produksi Multimedia

Unit KL GIS

- Mengkaji keperluan pembangunan sistem aplikasi ICT berkaitan GIS untuk keperluan Jabatan Teknikal di DBKL.
- Melaksanakan pembangunan sistem aplikasi ICT berkaitan GIS berdasarkan belanjawan dan kelulusan pentadbiran DBKL.
- Mengawal selia dan menyenggara sistem aplikasi ICT yang siap dibangunkan.
- Membuat perancangan penambahbaikan sistem aplikasi ICT yang dilaksanakan.
- Mengurus dan menyelaras permohonan peruntukan di dalam belanjawan induk dan tambahan untuk setiap tahun bagi perkakasan komputer dan pembangunan sistem.

- Memberi latihan kepada pengguna sistem.
- Memberi khidmat nasihat dan khidmat teknikal kepada pengguna sistem.

5.2.4 Bahagian Pengurusan Data, Rangkaian Dan Sokongan Teknikal

Unit Pengurusan Rangkaian

- Merancang, mentadbir dan mengawal selia penyelenggaraan infrastruktur rangkaian ICT di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi memastikan pengoperasian rangkaian DBKL berjalan lancar 24 jam tanpa sebarang masalah *major*.
- Melaksanakan pengurusan keselamatan rangkaian DBKL dari ancaman dalam dan luar bagi memastikan ketersediaan keselamatan rangkaian ICT DBKL adalah sepanjang masa dan berada pada tahap yang optimum.
- Merancang, mentadbir dan mengawal selia penyelenggaraan keperluan infrastruktur ICT di Pusat Data Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi memastikan pengoperasian rangkaian dan sistem-sistem DBKL berjalan lancar 24 jam tanpa sebarang masalah *major*.
- Memastikan inftrastruktur rangkaian ICT DBKL beroperasi lancar 24 jam di tahap optimum tanpa sebarang masalah *major*.
- Merancang, mengurus dan mengawal selia pelaksanaan serta belanjawan projek bagi infrastruktur rangkaian ICT bagi memenuhi keperluan dan memastikan ketersediaan infrastruktur rangkaian ICT di tahap yang optimum.

Unit Pengurusan Telekomunikasi

- Merancang, mengkaji semula, menaiktaraf dan mengawalselia sistem CCTV, sistem komunikasi dan talian tanpa wayar (*wireless*).
- Menyediakan infrastruktur komunikasi.
- Memantau dan menguruskan keselamatan komunikasi.
- Menyenggara perkakasan komunikasi.
- Mentadbir dan mengurus sistem telekomunikasi PABX, talian ISDN dan PSTN (talian terus dan faksimili).

Unit Pengurusan Server

- Merancang dan mentadbir operasi pengurusan *server* DBKL.
- Merancang, menurus dan mengawalselia bagi memastikan server dan sistem aplikasi beroperasi dengan *down time* yang minima.
- Merancang, merangka dan mengawalselia operasi pemulihan sistem (*disaster recovery).*
- Merancang dan mentadbir operasi pengurusan *backup & restore.*
- Merancang, mentadbir dan mengawalselia pengurusan Email DBKL.

Unit Pengurusan Perkakasan

- Mentadbir perkakasan komputer, notebook, printer dan scanner di DBKL dari segi perolehan, pengagihan, penyelenggaraan, menaiktaraf dan pelupusan.
- Menyelaras dan melaksanakan urusan sebut harga, penyediaan dokumen tender dan kontrak.
- Mentadbir dan mengurus pembekalan *toner* dan *cartridge* bagi pelbagai jenis printer di DBKL.
- Merancang dan mentadbir perisian sistem operasi komputer dan memantau polisi kawalan pengguna.
- Memberi khidmat sokongan teknikal, penyelesaian masalah, bantuan, penyelenggaraan, nasihat dan latihan kepada pengguna di jabatan-jabatan DBKL.

5.2.5 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

Unit Pentadbiran

- Pengurusan Pejabat
- Pengurusan Hal Ehwal Kakitangan

- Pengurusan Inventori Bekalan Pejabat
- Pengurusan Aktiviti Sosial
- Pengurusan Perolehan ICT
- Penyelaras AJK Aset Alih Dan Pelupusan

Unit Belanjawan ICT

- Pengurusan Belanjawan Tahunan ICT
- Pengurusan Belanjawan Tambahan ICT
- Pengurusan Kewangan

6.0 BAJET JABATAN TAHUN 2021

6.1 Perbelanjaan Mengurus Tahun 2021

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	30,268,900.00	29,262,710.00	96.68

6.2 Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2021

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	54,439,100.00	51,838,011.87	95.22

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

7.1 Sistem ADU@KL

ADU@KL diwujudkan bagi mengendalikan sebarang aduan/maklumbalas orang awam berkaitan perkhidmatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

- Maklumbalas baru seperti aduan, cadangan, pertanyaan atau pun penghargaan beserta dengan butiran yang lengkap boleh terus dihantar secara atas talian. Ini memudahkan orang awam membuat aduan pada bila-bila masa dan dimana jua.
- Ia juga akan memastikan maklum balas awal kepada pengadu diberikan dalam tempoh 24 jam dan maklum balas mengenai status pelaksanan tindakan ke atas aduan diberikan selewat-lewatnya dalam tempoh 3 hari daripada tarikh penerimaan aduan dan membuat susulan sehingga selesai.
- Orang awam yang telah membuat aduan juga boleh menyemak semula status aduan yang telah dibuat di atas talian.

Antara aduan dan maklumat yang boleh didapati di laman web ADU@KL adalah :

Sampah

1. Semak Samun
2. Rumput
3. Pembersihan Jalan
4. Kekotoran Jalan
5. Kekotoran Gerai Penjaja/Premis
6. Jalan
7. Permit pengorekan jalan
8. Lampu Jalan
9. Lampu Isyarat
10. Pagar Keselamatan

Selain saluran atas talian ADU@KL DBKL, Call Center kami turut menguruskan penerimaan maklumbalas melalui semua saluran.Antara salurannya ialah :-

1. E-Aduan
2. Aplikasi mudah alih
3. Faks
4. Kaunter Bersemuka
5. Emel
6. Surat
7. Talian bebas tol (1-800-3255)

Poster:

Tajuk :
Penjenamaan Semula Sistem iSPAAA DBKL Kepada Sistem Pengaduan Awam Kuala Lumpur (ADU@KL)



Keratan Akhbar:

DBKL Launch "ADU@KL", Improve Online Complaint System - (Sin Chew Daily)
By Hamizi Hamir JPRKIn Keratan

AkhbarPosted 20 October 2021
Tarikh Terbit : 20 Oktober 2021

Sumber Keratan Akhbar : Sin Chew Daily


提升線上投訴系統
隆市局推介"ADU@KL"
SLIDE TO LAUNCH
ADU@KL

Isi Kandungan ADU@KL
http://adukl.dbkl.gov.my/eApps/system/index.do




1. Laman Utama
   1.1 MaklumBalas Baru
   1.2 Semak MaklumBalas




2. Soalan Lazim



3. Perkhidmatan Kami



4. Hotline



5. Hubungi Kami

7.2 RASIONALISASI SPJ

Projek ini adalah menaiktaraf SPJ sedia ada melibatkan skop utama seperti berikut:


a) Menambahbaik Modul-modul sedia ada SPJ;

b) Membangunkan Modul-modul seperti :
   - Modul e-Sitaan,
   - Modul e-Tunda,
   - Modul e-Rayuan
   - Modul e-Mahkamah;

c) Penyelenggaraan *server* sedia ada; dan

d) Penstrukturan, migrasi dan permurnian pangkalan data.





7.3 MAJLIS PELANCARAN BUKU PELAN STRATEGIK ICT DBKL 2021-2025

Pelan Strategik ICT dibangunkan untuk mentakrifkan hala tuju dan rangka kerja strategik DBKL berkaitan penggunaan teknologi dalam organisasi DBKL. Ia juga akan meliputi usaha ke arah menghasilkan perkhidmatan penghantaran yang lebih baik dan cekap, dalam memenuhi objektif organisasi ke arah membina Kuala Lumpur menjadi sebuah bandar yang makmur. Pelan Strategik ini menetapkan gabungan 36 inisiatif yang digariskan melalui (5) lima teras pelaksanaan dan akan dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2021.

Sehubungan itu, jabatan telah mengadakan Majlis Pelancaran Buku Pelan Strategik ICT DBKL 2021-2025 yang oleh YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan pada tarikh 21 Oktober 2021 bertempat di Biro Pelancongan, Jalan Tangsi, Tasik Perdana, 50480 Kuala Lumpur.







Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA bertanggungjawab bagi memastikan semua hartanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dinilai bagi maksud kadaran dengan adilnya berpandukan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976. Di samping bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat bagi maksud nilai pasaran, sewa pasaran, caj pembangunan dan kajian kemungkinan kepada lain-lain jabatan dalaman.

Di samping itu, jabatan juga menguruskan hal ehwal hartanah Datuk Bandar Kuala Lumpur dari segi hakmilik strata, pemilik hartanah, pengambilan balik tanah, perolehan harta dan insuran kebakaran dengan cekap dan berkualiti.

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta juga berperanan melaksanakan fungsi Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur di bawah peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

1.2 Pada tahun 2021, jumlah kakitangan di Jabatan adalah seramai 303 orang dengan penempatan di JPPH adalah seramai 294 orang manakala penempatan di luar JPPH adalah seramai 5 orang.

2.0 VISI DAN MISI

2.1 VISI
Bersatu tenaga secara cekap dan produktif ke arah meningkatkan hasil percukaian taksiran DBKL.

2.2 MISI
Memberi perkhidmatan penilaian harta yang cekap, bermutu, mesra dan tepat.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Meminda Senarai Nilaian bagi hartanah yang dibenarkan di bawah Seksyen 144 Akta Kerajaan Tempatan 1976 seperti bangunan baru, tambahan atau ubahsuaian dan perobohan sebanyak 4 kali setahun iaitu pada 1 Januari, 1 April, 1 Julai, dan 1 Oktober setiap tahun. Tarikh kuatkuasa pindaan Senarai Nilaian bagi bangunan baru adalah 6 bulan selepas tarikh keluaran Perakuan Menduduki Sementara Bangunan (TCF), Perakuan Menduduki Bangunan (CF), Sijil Siap dan Pematuhan (CCC) atau Borang F.

3.2 Mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada pemilik harta mengenai pindaan Nilai Tahunan selewat-lewatnya 30 hari sebelum tarikh pendengaran bantahan.

3.3 Mengeluarkan Notis Panggilan Mendengar Bantahan kepada pemilik yang mengemukakan bantahan terhadap pindaan Nilai Tahunan secara bertulis dan dalam tempoh yang dibenarkan selewat-lewatnya 3 hari sebelum tarikh mendengar bantahan.

3.4 Mengeluarkan keputusan Pendengaran Bantahan cukai taksiran dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh pendengaran bantahan.

3.5 Menjelaskan bayaran cukai tanah tahunan bagi tanah-tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur di bawah seliaan jabatan sebelum 31 Mei setiap tahun.

3.6 Memaklumkan kepada Jabatan Kewangan bahawa kerja-kerja pindaan Senarai Nilaian telah disempurnakan sebelum 1 Januari, 1 April, 1 Julai, dan 1 Oktober setiap tahun.

3.7 Menyediakan laporan penilaian bagi maksud caj pembangunan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3.8 Menyediakan laporan hasil siasatan tanah sebanyak dua (2) kali setahun.

3.9 Mengemukakan permohonan tanah bagi maksud hakmilik rizab atau TOL dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3.10 Mengeluarkan Sijil Perakuan Penubuhan Badan Pengurusan Bersama dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3.11 Memastikan Notis Penubuhan Badan Pengurusan Bersama dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan Borang 25 (Notis oleh Pemaju Mengenai Niatnya untuk menyerahkan milikan kosong) kepada pemaju.

3.12 Mengeluarkan keputusan permohonan penyewaan bangunan yang diurus oleh jabatan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan Tanah dan Bangunan.

3.13 Mengeluarkan Surat Tawaran Menyewa Dewan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan resit cagaran lengkap bersama dokumen berkaitan.

3.14 Mengeluarkan Notis Tuntutan Tunggakan Sewa pada setiap dua (2) bulan kepada penyewa yang mempunyai tunggakan sewa,

3.15 Menyediakan Pelan Ukur Kejuruteraan bagi keluasan pengukuran 0.5 hektar pertama dalam tempoh 25 hari dan tambahan 10 hari lagi bagi setiap 0.5 hektar berikutnya.

3.16 Menyediakan Pelan Pengambilan Tanah untuk ulasan awal kepada JKPTG dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan maklumat hak milik dan carian rasmi daripada Pejabat Tanah dan Galian.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

KRA	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
URUS TADBIR CEKAP DAN BERKESAN	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan.	Semua pegawai dan kakitangan jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun	100%
	Mensasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	Menyelesaikan 95% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	100%
	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 90% perbelanjaan dan peruntukan tahun 2021	100%
	Mengemukakan Perancangan Perolehan 2022	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022 sebelum 31 Disember tahun 2021.	100%
MENAMBAH HASIL DBKL	Pindaan Senarai Nilaian bagi tujuan cukai taksiran	Memastikan 100% bangunan baru yang diterima CF/CCC/Borang F diambil tindakan dalam kerja – kerja pindaan Senarai Nilaian pada empat (4) penggal pindaan iaitu 1.4.2021, 1.7.2021, 1.10.2021 dan 1.1.2022	100%
	Penggunaan jadual matriks caj pembangunan	Pemaju boleh membuat kiraan caj pembangunan secara manual berdasarkan jadual kadar matriks melibatkan 7 Kawasan kajian mulai September 2021.	95%

PENGURUSAN HARTANAH	Kutipan caj sewaan Semasa	Mengutip 55% dari anggaran hasil sewaan semasa bangunan kediaman, komersil, tempat letak kereta dan tanah.	96.88%
	Kutipan tunggakan sewa harta milik Datuk Bandar.	Memastikan sejumlah RM5.93 juta (40%) dari keseluruhan RM14.83 juta tunggakan sewa sehingga 31.12.2020 dapat dikutip sebelum akhir Disember 2021.	83.35%
	Analisis kos faedah/ manfaat (*cost-benefit analysis*) bagi pendapatan dan perbelanjaan pengurusan fasiliti bangunan	Menyediakan analisis kos faedah/ manfaat (*cost-benefit analysis*) bagi pendapatan dan perbelanjaan pengurusan fasiliti bangunan tahun 2020 untuk: i. Kompleks Perniagaan dan Komuniti Bandar Baru Sentul ii. Kompleks Perniagaan Keramat Mall Hasil analisis tersebut akan digunapakai untuk pertimbangan tentang konsep pengurusan fasiliti bangunan pada masa hadapan/ tahun-tahun berikutnya.	100%
TRANSFORMASI PENGURUSAN KOMUNITI STRATA	SOP Pemantauan Prestasi Ejen Pengurusan	Menyediakan SOP Pemantauan Prestasi Ejen Pengurusan selewat-lewatnya dalam bulan Disember 2021.	100%
	Prosedur Operasi Standard (SOP) Penggunaan & Tatacara Pelaksanaan Deposit Akuan Kecacatan Harta Bersama	Menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) Penggunaan & Tatacara Pelaksanaan Deposit selewat-lewatnya dalam bulan Disember 2021	95%
	Soalan Lazim (FAQ) Pengurusan kewangan dan akaun bagi bangunan berstrata.	Menyediakan soalan-soalan lazim (FAQ) berkaitan pengurusan kewangan dan akaun melibatkan kawasan pemajuan berstrata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).	95%

5.0 FUNGSI

5.1 Membuat penilaian cukai taksiran ke atas hartanah persendirian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.2 Membuat penilaian caruman membantu kadar ke atas harta milik Kerajaan Persekutuan, Kerajaaan Negeri dan Badan Berkanun.

5.3 Membuat penilaian nilai pasaran, nilai pampasan, nilai sewa, nilai pajakan, nilai insuran dan kajian kemungkinan bagi harta-harta milik DBKL atau yang dicadang dibeli/disewa/diambil balik oleh DBKL.

5.4 Membuat penilaian caj pembangunan mengikut permintaan dari Jabatan Perancang Bandar DBKL.

5.5 Mengurus permohonan tanah, sewaan tanah dan bayaran cukai tahunan bagi tanah-tanah milik DBKL.

5.6 Mengurus dan menyelenggara bangunan pejabat, kilang, pangsapuri dan kondominium milik DBKL.

5.7 Mengurus permohonan hakmilik strata bagi perumahan awam milik DBKL.

5.8 Mengawal selia pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam melaksanakan fungsi Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur.

5.9 Menjalankan kerja pengukuran untuk kejuruteraan, ortofoto, pengambilan tanah, permohonan tanah, pengesanan utiliti bawah tanah dan geospatial serta membantu pasukan bangunan untuk khidmat nasihat bagi projek-projek yang dijalankan oleh DBKL.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus Tahun 2021

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	25,988,600	21,733.567	84

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

7.1 SENARAI NILAIAN

7.1.1 Jumlah harta yang dinilai sehingga 31 Disember 2021 ialah 692,698 harta. Jumlah nilai tahunan pada tahun 2021 ialah RM19,683,817,056.75 berbanding RM19,234,277,775.50 pada tahun 2020 iaitu pertambahan sebanyak RM449,539,281.25 atau bersamaan 2.37%.


Maklumat harta ini atau pegangan berkadar direkodkan ke dalam sistem penilaian mengikut seksyen, mukim, jalan dan taman perumahan. Maklumat penting yang direkodkan ialah Nilai Tahunan setiap pegangan di samping butir-butir pegangan serta nama dan alamat surat menyurat pemilik yang dikemaskini.

7.1.2 Pertambahan Nilai Tahunan

Jadual 3: Perbandingan jumlah Nilai Tahunan serta pertambahannya di antara tahun 2014 (Penilaian Semula) hingga tahun 2021 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH NILAI TAHUNAN (RM)	PERTAMBAHAN NILAI TAHUNAN (RM)	PERATUSAN KENAIKAN (%)
2014	RM14,998,570,101.00	RM5,170,658,857.02	52.98%
2015	RM15,698,646,801.00	RM700,076,700.00	4.67%
2016	RM16,220,177,997.00	RM521,531,196.00	3.32%
2017	RM17,143,237,842.00	RM923,059,844.91	5.69%
2018	RM17,853,466,003.50	RM710,228,161.59	4.14%
2019	RM18,559,453,448.50	RM705,987,445.00	3.95%
2020	RM19,234,277,775.50	RM674,824,326.00	3.64%
2021	RM19,683,817,056.75	RM449,539,281.25	2.37%

Jumlah nilai tahunan pada tahun 2021 ialah RM 19,683,817,056.75 berbanding RM 19,234,277,775.50 pada tahun 2020 iaitu pertambahan sebanyak RM 449,539,281.25 atau bersamaan 2.37%.



Carta 1: Peratusan Kenaikan Nilai Tahunan Harta-Harta Persendirian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi Tahun 2014 sehingga 2021.

7.1.3 Bilangan Bantahan

Bilangan bantahan terhadap Senarai Nilaian bagi tahun 2014 hingga tahun 2021 dapat diringkaskan seperti berikut :-

TAHUN	JUMLAH PINDAAN	JUMLAH BANTAHAN	PERATUS BANTAHAN (%)
2014	12,249	2,216	18.09%
2015	40,842	2,464	6.03%
2016	34,915	2,061	5.90%
2017	49,697	6,218	12.51%
2018	59,519	13,917	23.40%
2019	55,843	7,605	13.62%
2020	47,669	6,047	12.68%
2021	35,842	8,886	24.79%

Jumlah pindaan yang dibuat tahun 2020 ialah 47,669 pindaan dan jumlah pindaan pada tahun 2021 ialah 35,842 pindaan. Jumlah bantahan pada tahun 2020 dan tahun 2021 masing-masing berjumlah 6,047 dan 8,886 di mana peratusan bantahan berbanding jumlah pindaan didapati meningkat daripada 12.68% pada tahun 2020 kepada 24.79% pada tahun 2021. Bilangan bantahan ini adalah bagi kes-kes pindaan (*current work*) sahaja.

Sesi Pendengaran Bantahan Cukai Taksiran secara atas talian (*online*) bagi penggal pindaan 1.4.2021 dan 1.7.2021 telah diadakan pada 30 November, 1 dan 2 Disember 2021 manakala bagi penggal pindaan 1.10.2021 dan 1.1.2022 pula telah diadakan pada 14, 15 dan 16 Disember 2021. Sesi pendengaran bantahan telah dipengerusikan oleh Ketua Jabatan DBKL.

7.2 CAJ PEMBANGUNAN

7.2.1 CAJ PEMBANGUNAN

Sepanjang **tahun 2021,** sejumlah **187 kes** penilaian telah disiapkan dan dihantar jawapan ke Jabatan Perancangan Bandaraya, berbanding dengan **224 kes** pada **tahun 2020**. Bilangan kes telah berkurang sebanyak 17% berbanding tahun 2020. Pengurangan bilangan kes yang diterima daripada Jabatan Perancangan Bandaraya pada tahun 2021 adalah 37 kes. Sepanjang tahun 2021 juga, didapati bilangan kes melebihi RM1 juta mencatatkan 62 kes (33%) daripada keseluruhan permohonan penilaian caj pembangunan yang diterima. Manakala baki 125 kes (67%) melibatkan penilaian caj pembangunan tidak melebihi RM1 juta.

Tahun 2021 mencatatkan pengurangan amaun penilaian caj pembangunan berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM426,228,000 iaitu daripada **RM1,283,085,800** kepada **RM856,857,000** bersamaan 33%. Pengurangan caj pembangunan ini disebabkan oleh penerimaan permohonan melibatkan cadangan pembangunan berskala kecil.

Jadual 4 : Perbandingan Permohonan Penilaian Caj Pembangunan Dari Tahun 2019 Hingga 2021

BIL.	PERKARA	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	PERATUS (%) PERBEZAAN DI ANTARA TAHUN 2020 DENGAN 2021
1.	Menambah Kepadatan Penduduk	82,006,000	276,481,000	419,622,000	+51.77%
2.	Tukar Guna Tanah	478,257,000	861,792,000	338,102,500	- 60.77%
3.	Lebihan Luas Lantai	333,664,000	138,885,500	97,316,700	-29.93%
4.	Sumbangan Akibat Pengecualian Penyediaan Ruang Penjaja	840,000	4,915,500	1,140,000	-76.81%
5.	Sumbangan Akibat Pengecualian Penyediaan 10% Kawasan Lapang Berpusat	Tiada	Tiada	Tiada	0%
6.	Penukaran Zon Gunatanah Tempoh Sementara	855,800	1,011,800	675,800	-33.21%
	JUMLAH KESELURUHAN	**895,622,800**	**1,283,085,800**	**856,857,000**	**-33 %**

Jadual 5 : Penilaian Caj Pembangunan Yang Melebihi 1 Juta Bagi Tahun 2021

BIL.	PERKARA	BILANGAN KES
1.	Menambah Kepadatan Penduduk	25
2.	Penukaran Zon Kegunaan Tanah	25
3.	Lebihan Luas Lantai	11
4.	Sumbangan Pengecualian Penyediaan Ruang Penjaja	1
	JUMLAH KES MELEBIHI 1 JUTA	**62**

PERATUSAN PENILAIAN CAJ PEMBANGUNAN YANG MELEBIHI 1 JUTA PADA TAHUN 2021 ADALAH 33 **% (62 /187)**

7.3 PENILAIAN PASARAN

Sejajar dengan fungsi dan tugas utamanya, aktiviti unit ini sepanjang tahun 2021 tertumpu kepada aktiviti penilaian kadar sewa pasaran dan penyerahan bangunan milik Datuk Bandar Kuala Lumpur seperti berikut:-

Jadual 6: Aktiviti Unit Harta Bandaraya

BIL	KETERANGAN	TAHUN 2020	TAHUN 2021
		Bil. Harta	Bil. Harta
1.	Nilai Insuran Yang Disemak semula	8	-
2.	Aktiviti Penilaian Nilai Sewa Pasaran	920 unit	668 unit
3.	Aktiviti Penyerahan Harta Kepada Jabatan Pengguna	11	10

Jadual 7: Aktiviti Unit Penjualan Aset

BIL	KETERANGAN	TAHUN 2020	TAHUN 2021
		Bil. Harta	Bil. Harta
1.	Menguruskan Penjualan Rumah Kedai dan Kilang di Bandar Tun Razak	4	6
2.	Menguruskan Penjualan Kediaman/ Kuaters /Rumah Rehat	1	1
3.	Menguruskan permohonan kebenaran pindahmilik bagi penjualan tanah	7	8
4.	Membuat penilaian pasaran/pajakan bagi penjualan yang diuruskan oleh JPEP	14	7
5.	Membuat penilaian pasaran bagi tujuan laporan kes lelong	-	-
6.	Mengurus dan mengemaskini maklumat bagi kes-kes penjualan yang diuruskan oleh JPEP	51	80

Ringkasan aktiviti penyerahan Harta kepada Jabatan Pengguna Sepanjang Tahun 2021 adalah seperti berikut:-

Jadual 8: Aktiviti Penyerahan Harta Kepada Jabatan Pengguna Sepanjang Tahun 2021

BIL	NAMA HARTA	TARIKH SERAHAN	JABATAN PENGGUNA	TARIKH SURAT
	Pusat Komuniti Pinggiran Bukit Jalil 2 (Dewan TLKB dll)	12.1.2021	JPKKB	22.2.2021
	Gerai Pusat Penjaja Sungai Besi	20.1.2021	JPPP	25.3.2021
	Pusat Penjaja D'Tebing	29.1.2021	JPPP	25.3.2021
	TLK Plaza Putra Dataran Merdeka	15.3.2021	JPPH (Unit TLK)	26.3.2021
	Medan Selera Taman Tasik Titiwangsa Kuala Lumpur	22.3. 2021	JPPP	15.4.2021
	Gerai Makan Pusat Penjaja Semarak	22.3. 2021	JPPP	15.4.2021
	Pusat Gelandangan Jalan Medan Tuanku 2	17.9.2021	JPKKB	1.4.2022
	TLKB Beringin (PPR Beringin), Kedai, Perpustakaan	27.10.2021	JPKKB	1.4.2022
	Rumah Rehat (Bunglow) A,famosa (Lot 2742)	31.12.2021	JPSM	1.4.2022
	Gerai Anjung Selera Jalan Jujur Bandar Tun Razak	31.12.2021	JPPP	1.4.2022

7.4 PENGURUSAN DAN KAWALAN TANAH

Permohonan tanah bagi maksud Hakmilik, Rizab dan Lesen Menduduki Sementara telah dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 2021 adalah seperti berikut :-

BIL	JENIS PERMOHONAN	2020	2021
1.	Hakmilik	9	15
2.	Lesen Menduduki Sementara	34	429
3.	Rizab	61	18
	JUMLAH KESELURUHAN	**104**	**462**

Sepanjang tahun 2021 terdapat kira-kira 694 tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur yang perlu diselaraskan maklumat dan hakmilik asal. Daripada 694 tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur tersebut, 101 tapak merupakan tanah kosong dan Bahagian ini bertanggungjawab untuk memastikan tapak-tapak tersebut tidak diceroboh.

Jadual 9 : Maklumat Pemilikan Tanah Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah seperti berikut:-

BIL	SEKSYEN / MUKIM	JUMLAH
1.	SEKSYEN	123
2.	KUALA LUMPUR	232
3.	SETAPAK	128
4.	BATU	79
5.	PETALING	52
6.	AMPANG/ULU KELANG	30
	JUMLAH KESELURUHAN	**694**

Jadual 10 : Pengambilan Balik Tanah

BIL	PERKARA	JUMLAH KES		JUMLAH LOT	
		2020	2021	2020	2021
1.	Penyediaan laporan & anggaran awal (fail PE).	2	5	3	5
2.	Penetapan Kadar Sewa.	-	-	-	-
3.	Mengemukakan permohonan ke PTG untuk penwartaan.	-	-	-	-
4.	Penyediaan laporan penilaian menentukan pampasan (fail Q).	-	-	-	-
5.	Jumlah kes baru yang dirujuk ke Mahkamah (fail RMQ).	-	-	-	-
	JUMLAH	**2**	**5**	**3**	**5**

7.5 TRANSAKSI TANAH

Sepanjang tempoh **Januari hingga Disember 2021**, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menerima data daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kuala Lumpur, Kementerian Kewangan Malaysia.

Jadual 11 : Jumlah penerimaan data adalah seperti berikut:-

BULAN	JUMLAH DATA	
	Tanah & Bangunan	Tanah Kosong
Januari - Jun	7790	180
Julai – Disember	1498	30
Jumlah Keseluruhan	**9288**	**210**

Data Transaksi daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kuala Lumpur, Kementerian Kewangan Malaysia

Jadual 12 : Pengurusan dan Penyelenggaraan Secara Interim di bawah seliaan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH)


BIL.	BANGUNAN	LOKASI
1.	Kuala Lumpur Citywalk (KLCW)	Jalan P Ramlee / Jalan Pinang Kuala Lumpur
2.	Kediaman Pekerja di Pasar Borong Kuala Lumpur	Kompleks Pasar Borong, Jalan 2/3A, KM 12, Jalan Ipoh, Batu Caves, 68100 Kuala Lumpur
3.	Tempat Letak KeretaPasar Harian Selayang	Jalan Selayang Baru, Kuala Lumpur
4.	Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur	Bandar Tasik Permaisuri, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur
5.	Kompleks Arena Sukan Kuala Lumpur	Lot 201209, Jalan Air Jernih, 53200 Setapak, Kuala Lumpur

7.6 HAK MILIK STRATA


Jadual 13 : Statistik permohonan hakmilik strata sehingga Disember 2021, adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Jumlah Skim
1.	Telah ada hakmilik strata	45
2.	Telah kemukakan Permohonan Strata ke PTGWPKL	1
3.	Dalam tindakan permohonan Sijil Cadangan Pelan Strata (CPSP)	4
4.	Dalam tindakan permohonan Sijil Formula Unit Syer (SiFUS)	1
5.	Dalam tindakan penyediaan Pelan Akui (PA) atau/ dan penyediaan Pelan QT oleh Jurukur	3
6.	Dalam tindakan permohonan serah balik dan beri milik semula tanah	1
7.	Dalam tindakan kelulusan pelan Pra-Hitungan	1
8.	Dalam tindakan penyediaan pelan pra-hitungan bagi pemohonan serah balik dan beri milik semula tanah	0
9.	Dalam tindakan pelantikan Jurukur	2
Jumlah		**58**

Kelulusan keseluruhan yang diperolehi bagi permohonan memecah bahagi bangunan sehingga Disember 2021 adalah berjumlah 43,839 unit sebagaimana yang dipaparkan pada Carta 1.1 dan Carta 1.2 di bawah :-



Carta 1: Pecahan dan peratusan permohonan hakmilik strata di bawah tanggungjawab JPPH DBKL sehingga tahun 2021



Carta 1.2 Jumlah kelulusan hakmilik strata yang telah diperolehi oleh DBKL dari tahun 1998 sehingga 2021

7.7 PEMBELIAN

Sepanjang tahun 2021 aktiviti pembelian aset Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah seperti berikut:-

BIL.	PERKARA	HARGA SEUNIT	CATATAN
1.	Pembelian bangunan pejabat berstrata "*En-Bloc*" di atas Plot 7B (2) KL Metropolis - TTDI KL Metropolis Sdn Bhd	RM292,500,000.00	Dalam tindakan. Serahan pemilikan kosong dijangka pada Ogos 2022.
2.	Pembelian 21 unit Pangsapuri Pandan Mas 2 - Faber Vista Sdn Bhd	RM 40,000.00	Dalam tindakan. Masih menunggu tarikh untuk lawatan tapak bagi pemeriksaan kecacatan bersama *(Joint Inspection)* dibuat sebelum pihak DBKL menjelaskan baki harga belian.
3.	Pembelian banglo satu (1) tingkat di lot 2742 (PT 1070), Villa D'Lagos 10, A' Famosa Golf Resort, Melaka - Amalan Tepat Sdn Bhd	RM800,000.00	Pembelian telah selesai pada Disember 2021 dan telah diserahkan kepada Jabatan Pengguna (JPSM).
4.	Pembelian 395 Unit Residensi Razakmas 2, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur - Sinerjuta Sdn Bhd	RM150,000.00	Pembelian telah selesai pada Mei 2021. Sebanyak 381 pemilik telah mencabut undi. JPPH kini sedang dalam tindakan menguruskan pembayaran yuran penyelenggaraan, kumpulan wang penjelas *(sinking fund)* & insurans kebakaran bagi 14 unit yang masih belum dicabut undi. Unit-unit tersebut adalah kekal dibawah seliaan JPPH sehingga ada pemilik atau ditentukan pengurusannya kelak.
5.	Cadangan pembelian hartanah di sekitar Negeri Pahang Darul Makmur	-	Telah dibentangkan di dalam 'Mesyuarat Bagi Cadangan Pembelian Rumah Rehat DBKL di Kuantan Pahang' yang dipengerusikan oleh YBhg Datuk Bandar pada 21 Mei 2021. YBhg Datuk Bandar memutuskan Jabatan untuk mencari lokasi lain di Terengganu dan Pahang dengan mengambilkira beberapa faktor seperti berikut:- i) Mempunyai kawasan tanah lapang yang besar bagi hartanah *landed* untuk membolehkan aktiviti riadah dijalankan ii) Lokasi yang tidak mempunyai risiko banjirdan sesuai untuk beriadah serta selamat untuk dikunjungi iii) Berhampiran pantai yang mempunyai pelbagai kemudahan, boleh menjalankan aktiviti riadah bersama keluarga seperti berkelah dan sebagainya.

7.8 SEWAAN TANAH

Jadual 15: Sewaan Hartanah Tahun 2021

BIL	KATEGORI	BILANGAN TAPAK
1.	Tanah Milik Datuk Bandar Kuala Lumpur	25
2.	Tanah Rizab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	1
3.	Tanah Rizab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk tujuan Side Walk Café	7
4.	Tanah yang diluluskan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur	10
	Jumlah	**43**

7.9 PENYEWAAN BANGUNAN, KEDIAMAN, KOMERSIAL DAN BANDAR TUN RAZAK

Jadual 16: Senarai Unit - Unit Sewaan Komersil dan Kediaman Bahagian Sewaan Bangunan 2021

BIL.	NAMA BANGUNAN/ LOKASI/ ALAMAT HARTA	JENIS HARTA	BILANGAN UNIT KESELURUHAN	BILANGAN UNIT YANG DIGUNAKAN	BIL KEKOSONGAN	KOMPONEN SEDIA ADA
1.	KG. ATAP	Komersil	4	4	0	Kedai 4 Tingkat
2.	PUSAT BANDAR SRI RAMPAI	Komersil	36	30	6	Kedai 3 Tingkat
3.	SRI PETALING	Komersil	4	2	2	Kedai Pejabat 4 Tingkat
4.	SALAK JAYA	Komersil	30	29	1	Kilang Teres 1 Tingkat
5.	TAMAN TASIK TITIWANGSA	Komersil	0	0	0	Restoran (LUPUS)
6.	DATARAN DWITASIK	Komersil	5	3	2	Kedai 3 Tingkat
7.	PLAZA DWITASIK	Komersil	4	4	0	
8.	TSI BUSINESS KEPONG	Komersil	1	1	0	Kilang
9.	PUSAT INDUSTRI RAMPAI	Komersil	5	5	0	Kilang Berkembar 2 Tingkat / Kilang Teres
10.	QUEENS AVENUE	Komersil	34	24	10	Kedai Pejabat
11.	MENARA DBKL 2	Komersil	6	6	0	Ruangan Tingkat Bawah
12.	SETIAWANGSA BUSINESS SUITES	Komersil	2	2	0	Kedai Pejabat 2 Tingkat
13.	PUSTAKA WARISAN	Komersil	1	1	0	Galeri Kuala Lumpur
14.	RAMPAI BUSINESS PARK	Komersil	4	3	1	Kedai Pejabat 4 Tingkat
15.	BANDAR TUN RAZAK	Komersil	26	26	0	Rumah Kedai 2 Tingkat
		Komersil	4	3	1	Kilang
16.	MEDAN SELERA PLAZA 393	Komersil	1	0	1	Medan Selera
17.	KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	Komersil	15	15	0	Klinik Kesihatan
18.	BERJAYA TIMES SQUARE	Komersil	2	2	0	Ruang Niaga

19.	JALAN WAN KADIR	Komersil	3	0	3	Kedai Pejabat 3 Tingkat
20.	KL CITY WALK	Komersil	22	19	3	Kiosk
21.	CHANGKAT TUNKU	Kediaman	1	1	0	Banglo
22.	DESA CAHAYA 202	Kediaman	18	18	0	Kondominium
23.	MENARA CITY ONE	Kediaman	31	25	6	Kondominium
24.	NOVA TWO APARTMENT	Kediaman	14	14	0	Apartment
25.	VILLA LAMAN TASIK	Kediaman	9	9	0	Town House
26.	TERATAK MUHIBBAH	Kediaman	176	169	7	Apartment
27.	PLAZA 393	Kediaman	66	58	8	Apartment
28.	VISTA TASIK KONDOMINIUM	Kediaman	21	21	0	Kondominium
29.	GURNEY HEIGHT CONDO	Kediaman	5	4	1	Kondominium
30.	LANAI GURNEY CONDO	Kediaman	4	3	1	Kondominium
31.	ASRAMA PASAR BORONG	Kediaman	224	1	223	
	JUMLAH KESELURUHAN		**778**	**502**	**276**	

7.10 PENYEWAAN BANGUNAN

Jadual 17: Maklumat Penyewaan Ruang/ Premis di Kompleks Perniagaan dan Komuniti Bandar Baru Sentul adalah seperti berikut:

BIL.	ALAMAT PREMIS	NAMA PENYEWA	LUAS LANTAI (KP)
1.	Lot T1-47, Tingkat 1	Polis DiRaja Malaysia	605
2.	Lot T1-54, Tingkat 1	Jabatan Imigresen Malaysia	6,839
3.	Lot T3-05, Tingkat 3	Jabatan Pengangkutan Jalan	1,026
4.	Lot T3-04, Tingkat 3	Pos Malaysia Berhad	388
5.	Lot T3-06, Tingkat 3	Jabatan Pendaftaran Negara	4,581
6.	Lot T3-08, Tingkat 3	Kementerian Kesihatan Malaysia	1,456

Jadual 18: Maklumat Penyewaan Ruang/ Premis di Kompleks Perniagaan Keramat Mall adalah seperti berikut:

BIL.	ALAMAT PREMIS	NAMA PENYEWA	LUAS LANTAI (KP)
1.	Bilik Pejabat, Tingkat 1	N/A	100
2.	Bilik NGO 1 Tingkat UG	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI)	190
3.	Bilik NGO 2 Tingkat UG	Puan Puspa Suria (Pesuruhjaya Sumpah)	170
4.	Bilik NGO 3 Tingkat UG	Stor Klinik Pergigian 1 Malaysia	190
5.	Bilik NGO 4 Tingkat UG	N/A	144
6.	Bilik Pejabat, Tingkat UG	Persatuan Peniaga Kompleks Keramat Mall	300
7.	Lot 1, Tingkat UG	Perpustakaan Negara Malaysia	2,788
8.	Lot 2, Tingkat UG	Jabatan Pengangkutan Jalan	2,443

9.	Lot 3, Tingkat UG	Kementerian Kesihatan Malaysia	4,047
10.	Lot 4, Tingkat UG	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	1,722
11.	Lot 5, Tingkat UG	Polis DiRaja Malaysia	1,173
12.	Lot 6, Tingkat UG	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat	2,788
13.	Lot 7, Tingkat UG	Jabatan Imigresen Malaysia	3,014
14.	Lot 8, Tingkat UG	Jabatan Pendaftaran Negara	3,014
15.	Lot 9, Tingkat UG	N/A	2,217
16.	Stor, Tingkat LG	Persatuan Peniaga Kompleks Keramat Mall	100
17.	Bilik Kaca 1, Besmen	N/A	378
18.	Bilik Kaca 2, Besmen	N/A	378

Jadual 19: Maklumat Penyewaan Premis di Lain-lain kawasan adalah seperti berikut:

BIL.	ALAMAT PREMIS	NAMA PENYEWA	LUAS LANTAI (KP)
1.	Kedai Cenderamata, Taman Botani Perdana	Kia Klemenz Gifts & Souvenirs Sdn Bhd	2,010
2.	Kafeteria 1, Taman Botani Perdana	RKKM Cartoon & Comic Gallery	1,176
3.	Lot 5-1, Aras 5, Ruang Letak Kereta Bertingkat, Taman Botani Perdana	KL Seafood Market Sdn Bhd	10,760
4.	Lot 5-2, Aras 5, Ruang Letak Kereta Bertingkat, Taman Botani Perdana	Food Parcel Sdn Bhd	12,033
5.	Lot 10, Jalan Tangsi	IKATAN	16,323
6.	Kafe Jalan Bandar, Leboh Pudu (Segitiga Bangkok Bank)	N/A	1,834
7.	Guiding Gallery (Menara 1 & 3)	Arch Collection Sdn Bhd	1,193
8.	Guiding Gallery (Menara 2)	Makan Buzz Sdn Bhd	530
9.	Ruang Bumbung TLK bertingkat, Eco City (Infrastruktur Telco)	Pancar Bakti	53.82
10.	Kafe Tepian Tasik di Jalan Tembeling,Taman Tasik Titiwangsa KL	Rimbunan Alam Enterprise	2,563.00

Statistik Penyewaan Dewan Perdana Keramat Mall seperti berikut:

Sejumlah **5 penyewa** yang terdiri daripada orang awam, kakitangan, pesara atau jabatan dalaman DBKL dan agensi kerajaan telah menyewa dewan untuk kegunaan majlis bagi sepanjang tahun 2021. Jumlah pendapatan sewaan dewan dan bayaran komisen panel katerer adalah sebanyak **RM 19,750.00**.

7.11 TEMPAT LETAK KERETA

Pada tahun 2021, jabatan mempunyai dua puluh (20) tempat letak kereta yang merangkumi sebelas (11) tempat letak kereta bertingkat dan sembilan (9) tempat letak kereta atas tanah.

Jadual 20: Senarai Tempat Letak Kereta Bertingkat:

BIL.	LOKASI
1.	Tempat Letak Kereta Bertingkat KL Eco City, Kg Haji Abdullah Hukum
2.	Tempat Letak Kereta Bertingkat Jalan Berhala Brickfields
3.	Tempat Letak Kereta Betingkat Taman Segar, Cheras
4.	Plaza Danau Desa Taman Desa Kuala Lumpur

5.	Park & Ride Pekan Sg. Besi Jalan Sg. Besi, Kuala Lumpur
6.	Tempat Letak Kereta Bertingkat Taman Botani Perdana
7.	Tempat Letak Kereta Bertingkat Sri Petaling Lot. 24213 Bandar Baru Sri Petaling
8.	Park & Ride Bandar Tasik Selatan
9.	Tempat Letak Kereta Metropolitan, Kepong
10.	Bangunan PT80
11.	Tempet Letak Kereta Plaza Putra Dataran Merdeka

Jadual 21 : Senarai Tempat Letak Kereta Atas Tanah:

BIL.	LOKASI
1.	Jalan Setiapuspa Off Jalan Damansara (Hadapan Victoria Station)
2.	Bandar Sri Permaisuri (Sebelah JPJ) Jalan Permaisuri 10
3.	Lot. 24214, Jalan Radin Bagus 8 Bandar Baru Sri Petaling
4.	Lot. 36667 Jalan Semantan 2
5.	Lot. 54, Jalan Law Yew Swee (Belakang BSN) Jalan Ampang
6.	Lot. 126-132 Jalan Pudu, Kuala Lumpur
7.	Lot. 234 Bukit Nanas, Jalan Ampang Kuala Lumpur
8.	Lot. 55134, Jalan 29/70A Desa Sri Hartamas, Kuala Lumpur
9.	Lot. 48670, Jalan Desa Hartamas Desa Hartamas Kuala Lumpur

Jabatan dalam kajian untuk menambahbaik kaedah pengurusan tempat letak kereta bertingkat dengan menggunakan kaedah *Intergrated Property Facilities Management* (IPFM) dengan melantik Pengurus Harta / Property Management (PM) yang diiktiraf oleh Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta. Manakala bagi tempat letak kereta terkawal atau tanah, jabatan dalam kajian menambahbaik kaedah pengurusan dengan menggunakan kaedah sewaan perkakasan dan sistem tempat letak kereta secara tanpa tunai.

7.12 HASIL

Sebanyak **RM9,496,168** caj sewa dikenakan ke atas sewaan premis komersil dan kediaman, **RM3,568,830** dikenakan caj sewaan ke atas sewaan tanah, dan **RM2,949,600** caj dikenakan ke atas sewaan tempat letak kereta sepanjang tahun 2021 dengan jumlah keseluruhan berjumlah **RM16,014,598** Sebanyak **62.86%** kutipan semasa dapat dikutip untuk caj sewaan premis komersil dan kediaman serta sebanyak **59.37%** kutipan semasa dapat dikutip untuk caj sewaan tanah bagi kutipan semasa tempat letak kereta pula, sebanyak **13.39%** dapat dikutip sepanjang tahun 2021 dengan jumlah peratus keseluruhan adalah sebanyak **52.97%** seperti berikut:

BIL	KATEGORI	CAJ SEWAAN SEMASA JAN – DIS 2021 (TAHUN SEMASA)	KUTIPAN SEBENAR TAHUN SEMASA	PERATUSAN KUTIPAN (%)	BAKI SEMASA (RM)
1	BANDAR TUN RAZAK	982,118	681,298	69.37	300,820
2	KOMERSIL	4,321,320	2,659,299	61.54	1,662,021
3	KEDIAMAN	2,239,908	1,690,788	75.48	549,120
4	BANGUNAN KHAS	1,952,822	938,155	48.04	1,014,667
	JUMLAH	**9,496,168**	**5,969,540**	**62.86**	**3,526,629**
5	TANAH	3,568,830	2,118,942	59.37	1,449,888
6	TEMPAT LETAK KERETA	2,949,600	395,000	13.39	2,554,600
	JUMLAH KESELURUHAN	**16,014,598**	**8,483,482**	**52.97**	**7,531,117**

7.13 BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

Jadual 22: Pecahan Status dan Jumlah Pihak Pengurusan Bangunan Berstrata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

	JUMLAH
Pemaju (DBKL)	46
Pemaju (Swasta)	924
Badan Pengurusan Bersama (JMB)	449
Perbadanan Pengurusan (MC)	1,511
Ejen Pengurusan	30
Pentadbir	2
Lain-Lain	2,829
JUMLAH KESELURUHAN	**5,791**



Jadual 23: Statistik Aduan Berkenaan Bangunan Berstrata Yang Diterima Dan Diselesaikan Oleh COB Kuala Lumpur Bagi Tahun 2021

BIL	ADUAN AWAM	TERIMA
1	Mesyuarat	2,038
2	Pentadbiran dan Pengurusan	715
3	Penyenggaraan dan Kerosakan	731
4	Isu Kewangan	321
5	Khidmat Nasihat	269
6	Penguatkuasaan COB	9
7	Lain-lain (penubuhan JMB/MC, penyalahgunaan harta bersama, kecurian kabel, deposit air/elektrik)	125
	JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2020	**4,208**

Sebanyak empat (4) sesi latihan yang merangkumi seminar, bengkel dan kursus berkaitan Pengurusan Bangunan Berstrata telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021.

Jadual 24: Program Anjuran Bahagian COB Kuala Lumpur Sepanjang Tahun 2021

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	SASARAN PESERTA	JUMLAH PESERTA
1.	Salah Guna Kuasa, Pecah Amanah Dan Penyelewengan Dana Pengurusan Bangunan Berstrata Oleh Pemaju / JMB / MC Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) Tahun 2021	8/4/2021	Secara atas talian melalui platfom ZOOM	Pemaju. JMB dan MC	1,000 orang
2.	Seminar Pengurusan Strata Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2021 "Kearah Kemakmuran Bersama Komuniti Strata Semasa Pandemik Covid-19"	24/6/2021	Secara atas talian melalui platfom ZOOM	Pemaju, JMB dan MC	100 orang
3.	Bengkel Penyediaan Prosedur Operasi Standard (SOP) Penggunaan dan Tatacara Pelaksanaan Deposit Akuan Kecacatan Harta Bersama dan Soalan Lazim (FAQ) Pengurusan Kewangan dan Akaun Bagi Bangunan Berstrata	25 – 27/11/2021	Grand Ion Delemen Hotel, Genting Highland	Pegawai dan Kakitangan COBKL	40 orang
4.	Bengkel Pengurusan Perkhidmatan Manage Service Untuk Sektor Pesuruhjaya Bangunan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Melalui Building Management Information System (BMIS)	22 – 24/12/2021	Hotel Le Meridien, Kuala Lumpur	Pegawai dan Kakitangan DBKL	40 orang

Jadual 25: Program Turun Padang (Mesyuarat AGM dan EGM) Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Bersama Pemaju/JMB/MC Sepanjang Tahun 2021

BIL	KAWASAN	TARIKH	JUMLAH PEMILIK
1.	Badan Pengurusan Bersama Lanai Gurney	6 Mac 2021	160
2.	Perbadanan Pengurusan Harta Fasa 1A Desa Tasik	7 Mac 2021	538
3.	Badan Pengurusan Bersama Blok A, B, C Mutiara Fadason	3 Mac 2021	1,100

Jadual 26: Sasaran Peserta Program

BIL	SASARAN PESERTA PROGRAM	JUMLAH PROGRAM
1.	DALAMAN	2
2.	LUAR	2
	JUMLAH KESELURUHAN	**4**

7.14 BAHAGIAN GEOMATIK

Pada 5 Oktober 2021, peranan, fungsi dan pengurusan Bahagian Geomatik yang sebelum ini di bawah Jabatan Perancangan Infrastruktur (JPIF) telah dipindahkan ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dengan melibatkan penyelarasan penempatan pegawai dan kakitangan dari skim Jurukur, Penolong Juruukur dan Pembantu Awam seramai 68 orang . Sepanjang tahun 2021, Statistik Pelan Ukur adalah seperti berikut :

Jadual 27 : Statistik yang hanya dikeluarkan pelan akhir adalah:

BIL	JENIS PELAN	JUMLAH
1.	Kejuruteraan	128
2.	Utiliti	22
3.	Pra-Hitungan	35
4.	Pengambilan Tanah	4
	JUMLAH KESELURUHAN	**189**







Pendengaran Bantahan Cukai Taksiran dikendalikan secara atas talian (online). pada 30 November hingga 2 Disember 2022 (Siri Pertama) dan 14 Disember hingga 16 Disember 2021 di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB)





Kerja-kerja pengukuran di tapak oleh Bahagian Geomatik

Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mula melaksanakan kursus dan latihan untuk kakitangan DBKL sejak tahun 1979 di bawah Bahagian Latihan Jabatan Personel. Kursus- kursus yang dilaksanakan di peringkat awal adalah berkaitan dengan bidang penguatkuasaan dan sistem kerja jabatan-jabatan di DBKL. Pada 1 Jun 1982, sebuah bangunan Institut Latihan Kakitangan DBKL (IDB) telah dibina dan beroperasi di Jalan Kepong, Jinjang. Pada 1 Julai 2011 IDB telah berpindah di Jalan Yaacob Latif (Jalan Tenteram), Bandar Tun Razak Cheras.

Selaras dengan hasrat untuk mengukuhkan peranan Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB) sebagai sebuah pusat kecemerlangan yang bukan sahaja menawarkan latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran modal insan warga DBKL, pentadbiran DBKL telah memutuskan agar IDB akan melapor terus kepada Pengarah Eksekutif (Pengurusan) bagi memperkasa peranan IDB dalam bidang pembangunan dan penyelidikan berkuatkuasa pada 2 Januari 2020.

1.2 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan Institut Latihan Dewan Bandaraya adalah seramai 61 orang seperti Jadual 2.

Jadual 2 : Perjawatan Institut Latihan Dewan Bandaraya

KATEGORI	STATUS JAWATAN			JUMLAH
	Tetap	Kontrak	PSH	
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	21	-	-	21
Kumpulan Sokongan I	19	1	2	22
Kumpulan Sokongan II	14	4	-	18
JUMLAH	**54**	**5**	**2**	**61**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Menjadi peneraju pusat latihan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia yang cemerlang dalam menyediakan khidmat latihan dan rujukan dalam bidang perkhidmatan perbandaran.

2.2 Misi

Beriltizam merancang, mengurus dan melaksana program latihan yang berkualiti, bersistematik dan responsif berteraskan amalan terbaik bagi melahirkan warga kerja yang kompeten dan berintegriti dalam memberi perkhidmatan perbandaran yang cemerlang.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Menyediakan prospektus latihan DBKL yang lengkap sebelum 15 Januari setiap tahun.

3.2 Melaksanakan latihan sebanyak 200 siri kursus dalam setahun kepada pegawai dan kakitangan DBKL.

3.3 Mengadakan perkongsian ilmu sekurang-kurangnya 2 kali setahun.

3.4 Memberi maklumbalas tawaran kepada pelajar latihan industri yang berjaya dalam tempoh 14 hari bekerja.

3.5 Memastikan fasiliti, makanan dan minuman peserta kursus mendapat skor purata tidak kurang daripada skala 4.0 berdasarkan borang penilaian kursus.

4.0 KEY PERFOMANCE INDICATOR (KPI) TAHUN 2021

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN (Jan – Dis 2021)
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (COSTUMER FOCUS)	1.	Kehadiran 4 Hari Berkursus Setahun Kepada Semua Warga Kerja Jabatan	59 orang	100%
	2.	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan ispaa dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	100%	-
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (TRANSPARENCY)	3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	95%	BT 89.11%
	4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022	100%	100%
KPI JABATAN	5.	Program Latihan Kakitangan	200 siri kursus	339 siri kursus 100%
	6.	Mengadakan latihan perbandingan amalan terbaik di luar negara	5 Program	100%
	7.	Melatih penceramah/jurulatih dikalangan pegawai dan kakitangan DBKL	2 siri kursus	100%



BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN DAN PENGUKURAN	INDIKATOR	INISIATIF (STRATEGI PENCAPAIAN)	IMPAK	PENCAPAIAN (Jan – Disember 2021)
1.	Kehadiran **4 hari** berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun	BT**:** <100% **OT: 100%** ET: >100% ST: -	1. Mengadakan kursus-kursus atau program-program yang sesuai. 2. Menyemak kehadiran kursus pegawai dan kakitangan secara berkala. 3. Kehadiran kursus termasuk yang dianjurkan oleh IDB.	• Melahirkan pegawai dan kakitangan yang kompeten, berpengetahuan dan berkemahiran.	100% Seramai 59 kakitangan telah berjaya menghadiri 4 hari kursus sebagaimana ditetapkan.
2.	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2022	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	**BT: <** 100% **OT: 100%** **ET: >** 100% **ST**: -	1. Menyalurkan maklumat aduan dengan kadar segera kepada unit berkaitan. 2. Menetapkan tempoh penyelesaian aduan dalam masa tidak lebih dari 14 hari.	• Pengurusan aduan awam yang lebih sistematik dan efisyen	Tiada aduan awam sepanjang tahun 2021
3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2021	**BT: <** 95% **OT: 95%** **ET: >** 95% **ST**: 100%	1. Perbelanjaan mengikut perancangan 2. Memantau prestasi perbelanjaan setiap bulan	i. Meningkatkan prestasi bajet jabatan ii. Mengurangkan perbelanjaan tambahan	**89.11%** Peruntukan asal IDB RM12,841,500 Serahan ke kewangan: RM2,782,500 Peruntukan IDB 2021 sehingga Dis 2021 telah dibelanjakan sebanyak 8,515,762 daripada 10,059,500 Peruntukan: RM10,059,500 95%=9,556,525 Belanja : RM8,515,762 Baki :Rm1,543,738 %belanja 8,515,762 x 100% 9,556,525 =**89.11%**

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN DAN PENGUKURAN	INDIKATOR	INISIATIF (STRATEGI PENCAPAIAN)	IMPAK	PENCAPAIAN (Jan – Disember 2021)
3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2021	**BT: <** 95% **OT: 95%** **ET: >** 95% **ST**: 100%	1. Perbelanjaan mengikut perancangan 2. Memantau prestasi perbelanjaan setiap bulan	i. Meningkatkan prestasi bajet jabatan ii. Mengurangkan perbelanjaan tambahan	**89.11%** Peruntukan asal IDB RM12,841,500 Serahan ke kewangan: RM2,782,500 Peruntukan IDB 2021 sehingga Dis 2021 telah dibelanjakan sebanyak 8,515,762 daripada 10,059,500 Peruntukan: RM10,059,500 95%=9,556,525 Belanja : RM8,515,762 Baki :Rm1,543,738 %belanja 8,515,762 x 100% 9,556,525 =**89.11%**
4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023 sebelum 31 Disember tahun 2022	**BT:** Januari 2022 **OT:** Disember 2021 **ET:** November 2021 **ST**: -	1. Mesyuarat di peringkat Jabatan 2. Pengisian borang perancangan perolehan yang disediakan bahagian perolehan oleh Jabatan Pentadbiran	1. Program/ projek dapat dilaksanakan mengikut perancangan 2. Mengurangkan perbelanjaan tambahan	Telah hantar kepada urusetia pada 3 Disember 2021

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN DAN PENGUKURAN	INDIKATOR	INISIATIF (STRATEGI PENCAPAIAN)	IMPAK	PENCAPAIAN (Jan – Disember 2021)
5.	Program Latihan Kakitangan	Memastikan pencapaian 200 kursus seperti yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan	BT:<100 % OT : 100% ET : >100% ST : -	Melaksanakan latihan mengikut : Prospektus Latihan, a. Program Latihan Jabatan, b. Program Latihan Anjuran Agensi Luar/Swasta c. Program Antarabangsa.	Pegawai dan kakitangan yang kompeten, berpengetahuan dan berkemahiran serta mempunyai keyakinan diri yang tinggi	100% Keseluruhan sebanyak 339 siri kursus
6.	Mengadakan latihan perbandingan amalan terbaik di luar negara	Memastikan pencapaian sebanyak lima (5) kali latihan setahun	BT : <100 % OT : 100% ET : >100% ST : -	Melaksanakan latihan mengikut: Lawatan, a. Program secara dalam talian	Memperkasa kemahiran, pengetahuan teknologi baharu di kalangan pegawai dan kakitangan	100% Menggadakan Program dalam talian seperti berikut: 1) International Forum On SDGS For Regional Revitalization 2021 2) International Green Model City Initiative : Call For Stronger Actions Towards Healthy, Resilient, And Carbon-neutral Cities 3) "Age-friendly Cities: Enabling A Supportive Environment" 4) Learning From Tactical Urbanism Metropolitan Perspectives For Long-term Solution 5) Online Business Partner City Roundtable 2021\" Anjuran Osaka Business Partner City Council\"
7.	Melatih penceramah/jurulatih dikalangan pegawai dan kakitangan DBKL	Melaksanakan sekurang-kurangnya 2 program kursus dalam setahun	BT <100 % OT : 100% ET : >100% ST : -	Melaksanakan program melalui: Kursus Asas i. Kursus Lanjutan ii. Praktikal atau Lawatan	Melahirkan penceramah / jurulatih yang berkualiti dari kalangan pegawai dan kakitangan DBKL	100% Kursus anjuran Bidang Teknologi Maklumat - Kursus Pengendalian Latihan Secara dalam Talian melibatkan 5 Siri

5.0 FUNGSI

Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan adalah seperti berikut :

- Perkhidmatan latihan kepada warga kerja DBKL
- Perkhidmatan sewaan fasiliti
- Latihan Industri/ Praktikal kepada pelajar IPT

5.1 Unit Latihan dan R&D

- Merekabentuk dan menyediakan program dan modul latihan baru.
- Menyediakan perancangan program latihan tahunan / prospektus.
- Bekerjasama dengan jabatan untuk keperluan latihan.
- Melaksanakan peranan sebagai peneraju program kajian dan penyelidikan.
- Melaksanakan kajian penyelesaian masalah terhadap isu DBKL bagi tujuan menjamin kualiti dan kecekapan penyampaian perkhidmatan.
- Mengadakan kolaborasi strategik dalam bidang keilmuan bersama tenaga pakar dari institusi ilmu dan latihan dalam dan luar negara.
- Bertanggungjawab bagi mengumpul dan membangunkan bahan-bahan rujukan / kajian kes untuk rujukan.
- Menjadikan hasil kajian sebagai input kepada program penambahbaikan di dalam bidang kerja DBKL.
- Menggalakkan pembangunan idea-idea baru.
- Analisi keperluan Latihan (TNA).
- Mengkaji keberkesanan program latihan bagi tujuan penambahbaikan modul latihan.
- Menyediakan laporan penilaian latihan, penceramah dan pasca latihan.
- Mengadakan kerjasama strategik dalam program latihan.
- Menguruskan keperluan latihan dari segi kesediaan fasiliti, peserta, teknologi dan alat bantu mengajar penceramah.
- Menyelaras dan melaksanakan program latihan bagi pembangunan latihan dan kajian.
- Urusetia Jawatankuasa Penilaian Latihan.
- Menguruskan penyediaan prospektus latihan tahunan.
- Menyelaraskan penyediaan TNA.

5.2 Unit Pentadbiran dan Kewangan

- Menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kakitangan.
- Menguruskan penempatan pelajar latihan industry.
- Menyelaras keperluan latihan dan kemajuan kerjaya kakitangan.
- Mengurus dan menyenggara fasiliti pusat latihan.
- Merancangan belanjawan tahunan.
- Menyediakan laporan prestasi perbelanjaan.
- Menguruskan tempahan tiket penerbangan dan penginapan program latihan serta tempahan tiket bagi kemudahan pulang ke wilayah asal.
- Urusetia kepada pembangunan program kualiti dan inisiatif pusat latihan.
- Memantau dan mengawal selia persekitaran , keselamatan dan keceriaan pusat latihan.
- Menguruskan keperluan teknologi maklumat pusat latihan.
- Merancang dan melaksanakan program promosi produk-produk latihan DBKL.
- Pusat komunikasi IDB dengan pelanggan.

5.3 Unit Antarabangsa

- Merancang dan melaksanakan program latihan Kuala Lumpur Regional Training Centre KLRTC di peringkat DBKL.
- Mengadakan kolaborasi dengan pusat latihan antarabangsa untuk penempatan program sangkutan.
- Mengadakan kerjasama strategik dengan pertubuhan antarabangsa.
- Mengadakan perbandingan amalan terbaik dengan negara luar.
- Menggalakkan perkongsian pintar hasil penyelidikan.
- Menguruskan program latihan ke luar negara.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	12,841,500	8,509,704	84.72

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	1,615,000	0	0

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

NO	TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF
1.	27 Mei 2021	• Datuk Seri TPr. Haji Mahadi bin Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur, • Dr. Bernadia Irawati Tjandradewi, Setiausaha Agong UCLG ASPAC. • Abigail Binay, Datuk Bandar Makati, Filipina • Ketua Penasihat Polisi local Government New Zealand • Dr. Mike Reid dan Prof. Joon Park, Associate Professor, University of Seoul, South Korea.	Program Webinar Kuala Lumpur regional training Centre (KLRTC) 36: Nurturing Human Assets for urban excellence.	► Kerjasama DBKL dengan United Cities and Local Goverments Asia Pacific (UCLG ASPAC). ► Membincangkan amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan di negara masing-masing.
2.	29 Jun 2021	• Datuk Seri TPr. Haji Mahadi bin Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur • Dr. Bima Arya Sugiato, Datuk Bandar Bogor, Indonesia • Ms. Madelaine Alfelor-Gazmen, Datuk Bandar Iriga, Filipina • Mr. Suriya Yeekhun, Datuk Bandar Prik, Thailand • Mr. Marten Taha, Datuk Bandar Gorontalo, Indonesia • Mr. Huang Dingxi, Secretary General of Guangzhou, China	ASEAN Mayor Forum	► Meningkatkan intergrasi perlindungan iklim yang berkesan dengan membentangkan kes-kes mengenai tindakan terhadap perubahan iklim dan melokalisasikan sumbangan Penentu Nasional (National Determined Contributions) NDCs.

NO	TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF
3.	8 September 2021	• Datuk Seri TPr. Haji Mahadi bin Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur • Pegawai-pegawai DBKL	Program Kuala Lumpur Regional Training Center (KLRTC) 38: "Building Back better: Evolving Urban Management for resilient and healthy cities	► Kerjasama DBKL dengan United Cities and Local Goverments Asia Pacific (UCLG ASPAC). ► Menjelajahi hubungkait serta impak bandar sebagai pemacu kesihatan global, sewaktu dan selepas berakhirnya pandemic COVID 19 melalui polisi dan pengagihan sumber dalam membangunkan kelestarian perkhidmatan, keselamatan da sosio-ekonomi bandar.
4.	5 hingga 7 Oktober 2020 (Siri 1/2020) 19 hingga 21 Oktober 2020 (Siri 2/2020)	Pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional gred 48 hingga JUSA C	Program Master Class Dale Carnegie ® Immersion for Future Leader	► Melahirkan seorang kakitangan yang berkeyakinan dan mempunyai jati diri yang tinggi. ► Memperkasakan kemahiran komunikasi pelbagai peringkat dalam penyampaian perkhidmatan. ► Mencorakkan nilai kepimpinan individu selaku pemimpin dalam organisasi. ► Berkebolehan untuk membina hubungan kerjasama yang kukuh untuk mencapai sasaran kerja di samping mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni. ► Menerangkan kompetensi yang diperlukan untuk menjadi seorang pemimpin yang efektif dan bermanfaat untuk organisasi.

Program Webinar Kuala Lumpur regional training Centre (KLRTC) 36: Nurturing Human Assets for Urban Excellence pada 27 Mei 2021





ASEAN Mayor Forum pada 29 Jun 2021





Program Kuala Lumpur Regional Training Center (KLRTC) 38: "Building Back Better: Evolving Urban Management for Resilient and Healthy Cities pada 8 September 2021



Program Master Class Dale Carnegie ® Immersion for Future Leader pada
5 hingga 7 Oktober 2020 (Siri 1/2020) &19 hingga 21 Oktober 2020 (Siri 2/2020)





SEKTOR PENGURUSAN PROJEK

Laporan Tahunan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

2021

Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan (JPPPB) telah ditubuhkan pada 1976 dengan nama pertamanya, Jabatan Pelaksanaan Projek Khas. Jabatan ini memainkan peranan penting dalam projek-projek pembangunan kemudahan awam di sekitar Kuala Lumpur. Di antara projek-projek terawal jabatan ini adalah membangunkan Perumahan Awam (PA) di kawasan Cheras, Lembah Pantai, Gombak, Sentul, Setapak Jaya dan Pusat Bandar.

Penyusunan semula organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dari tahun 1989 sehingga 2005 telah menjadikan nama jabatan ini ditukar kepada Jabatan Arkitek dan Projek Khas (JAPK) selaras dengan skop jabatan yang mengintegrasikan disiplin senibina, ukur tanah, kejuruteraan awam, kejuruteraan struktur dan kejuruteraan elektrik dalam melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan bangunan. Pada tahun 2005, nama jabatan ditukar kepada Jabatan Akitek (JA).

Pada tahun 2011, penyusunan semula organisasi DBKL telah dilakukan dengan penggabungan Bahagian Penyelenggaraan Perumahan Awam dan nama jabatan telah dinamakan Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Perumahan Awam (JPPPA). Selanjutnya pada tahun 2012, bahagian tersebut telah dipindahkan untuk bergabung kembali ke Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti (JPPPK). Ini menjadikan jabatan ini telah ditukar namanya menjadi Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan (JPPPB) dan nama ini kekal sehingga kini.

Selain keterlibatan dalam melaksanakan projek-projek DBKL, jabatan ini juga turut terlibat dengan projek-projek di bawah Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Antaranya adalah Projek Perumahan Rakyat (PPR), Kompleks Sukan dan Stadium, Pusat Komuniti dan Dewan Serbaguna, Kompleks Penjaja, Pasar, Surau, Tanah Perkuburan, Kemudahan Sukan dan Rekreasi, Padang, Gelanggang, Perpustakaan, Taman Permainan Kanak-kanak dan pelbagai lagi projek. Jabatan ini juga bertanggungjawab menyelenggara bangunan-bangunan serta kemudahan awam milik DBKL.

1.2 Bahagian-Bahagian / Unit-Unit Jabatan

Bagi memastikan setiap fungsi ini dilaksanakan dengan lebih efisyen, sistematik dan professional, pelaksanaan fungsi ini telah dipecahkan kepada dua (2) bahagian utama.

1.2.1 Bahagian Pengurusan Pembangunan

Bahagian ini terbahagi kepada 6 unit yang bertanggungjawab dalam perancangan dasar, pengurusan data dan prestasi berkaitan dengan pembangunan projek-projek.

Berikut adalah unit-unit di bawah Bahagian Pengurusan Pembangunan;

1.2.1.1 Unit Perancangan dan Pelaksanaan Dasar 1;

1.2.1.2 Unit Perancangan dan Pelaksanaan Dasar 2;

1.2.1.3 Unit Penyelidikan dan Pembangunan;

1.2.1.4 Unit Pengurusan Data dan Piawaian;

1.2.1.5 Unit Pengurusan Kualiti;

1.2.1.6 Unit Prestasi Bangunan;

1.2.1.7 Unit Pentadbiran.

1.2.2 Bahagian Pengurusan Fasiliti

Bahagian ini terbagi kepada 7 unit yang bertanggungjawab dalam mengurus perihal berkaitan pentadbiran, pengurusan fasiliti dan penyelenggaraan.

Berikut adalah unit-unit di bawah Bahagian Pengurusan Fasiliti;

1.2.2.1 Unit Pengurusan Projek Ikonik;

1.2.2.2 Unit Pelaksanaan Rekabentuk Bandar;

1.2.2.3 Unit Perancangan Rekabentuk Bandar;

1.2.2.4 Unit Warisan dan Kawalan Bangunan;

1.2.2.5 Unit Penyelenggaraan Menara, Logistik dan Ruang Awam;

1.2.2.6 Unit Penyelenggaraan Bangunan Kemudahan Awam;

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

1.3.1 Dengan kekuatan seramai **267 kakitangan**, jabatan ini dianggotai oleh pelbagai golongan professional dan sokongan dari pelbagai disiplin dalam memastikan visi dan misi jabatan ini tercapai.

1.3.2 Pembahagian pegawai dan kakitangan adalah seperti berikut;

1.3.2.1 Kumpulan Pengurusan dan Professional Gred Utama : 1 orang

1.3.2.2 Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54): 55 orang

1.3.2.3 Kakitangan Sokongan 1 (Gred 17-40) : 190 orang

1.3.2.4 Kakitangan Sokongan 2 (Gred 1-16) : 16 orang

1.3.2.5 Pekerja Sambilan Harian : 16 orang

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Perancangan, rekabentuk, pelaksanaan dan penyelenggaraan projek pembangunan dan kemudahan awam diurus secara sistematik dan professional serta selamat sejahtera melalui penyelenggaraan yang efisyen dan berkualiti.

2.2 Misi

Membangun, mentadbir dan mengurus projek-projek pembinaan dan penyelenggaraan bangunan milik DBKL.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Mengadakan pemantauan projek sebulan sekali di peringkat Jabatan.

3.2 Menganalisa Laporan Prestasi Kontraktor dua (2) kali setahun pada Januari - Jun dan Julai - Disember.

3.3 Memastikan semua aduan kerosakan kecemasan yang melibatkan nyawa dan harta benda diambil tindakan dalam tempoh 24 jam selepas aduan diterima.

3.4 Memastikan semua kerosakan selain daripada kecemasan diambil tindakan dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja dari tarikh aduan diterima.

3.5 Memastikan bil, invois dan Sijil Bayaran Kemajuan yang lengkap dihantar ke Jabatan Kewangan dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap dan tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (*Customer Focus*)	1.	Kehadiran 4 hari berkursus kepada semua warga Jabatan.	Semua pegawai dan kakitangan jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun.	**100%**
	2.	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021.	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP).	100%
Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntibiliti dan Telus (*Transparency*)	3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah.	Mencapai sekurang-kurangnya 90% perbelanjaan daripada peruntukan Tahun 2021.	Perbelanjaan pembangunan 97.00% Perbelanjaan pengurusan 90.75%
	4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi Tahun 2022.	Keseluruhan jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi Tahun 2022 sebelum 31 Disember Tahun 2021.	100%
Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (*Customer Focus*)	5.	Memastikan semua aduan kerosakan bangunan/ fasiliti yang disenggara diambil tindakan dalam tempoh ditetapkan.	Memastikan 100% kerosakan kecil diambil tindakan dalam tempoh 3 hari.	100%
Mempertingkatkan Kualiti Kesejahteraan Hidup	6.	Memastikan projek-projek pembangunan mula kerja, disiapkan, dimuktamadkan dan mencapai tahap kualiti piawaian dalam kontrak.	Sekurang-kurangnya 15 projek mula kerja pada 2021.	100%
			Sekurang-kurangnya 20 projek siap sebelum Disember 2021.	100%
			10 akaun akhir dimuktamad sepanjang tahun 2021.	100%
Mempertingkatkan Kualiti Kesejahteraan Hidup	7.	Membaiki dan Mempertingkatkan Kemudahan Bangunan Awam Kepada Warga Kota	Memperbaiki dan Mempertingkatkan Kemudahan 5 Kompleks Sukan dan Pusat Komuniti DBKL Dalam Tempoh Setahun.	100%
			Memperbaiki dan Mempertingkatkan Kemudahan 5 Pasar dan Pusat Penjaja DBKL Dalam Tempoh Setahun	100%
			Naiktaraf 10 Tandas Awam dalam tempoh setahun.	100%
Bandaraya Milik Warga Kota	8.	Melaksanakan dan menyiapkan projek-projek kecil.	80% projek kecil (<RM100,000) siap dalam tempoh yang ditetapkan.	100%

	9.	Melaksanakan pembinaan kiosk Usahawan Anak Muda di sekitar bandaraya Kuala Lumpur.	Menyiapkan pembinaan 29 unit kiosk untuk program Usahawan Anak Muda dalam tempoh setahun 2021.	100%
	10.	Mengenalpasti projek-projek yang membuat pemasangan solar panel pada bangunan baru/ sedia ada milik DBKL di Kuala Lumpur.	Mengenalpasti lima (5) lokasi projek utk dijadikan lokasi pemasangan solar pada Disember 2021.	100%
Mempertingkatkan Kualiti Ruang Perbandaran Kuala Lumpur	11.	Menaiktaraf Ruang Perbandaran Sekitar Kuala Lumpur.	Memastikan status 15 projek naiktaraf ruang perbandaran dimulakan pada Disember 2021.	100%

Nota: *Key Result Area (KRA)* selari dengan Pelan Strategik DBKL 2021-2030

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

Fungsi utama Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan adalah merekabentuk serta melaksana projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bertanggungjawab menyelenggara bangunan-bangunan serta kemudahan awam milik DBKL.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Bahagian Pengurusan Pembangunan

5.2.1.1 Unit Perancangan dan Pelaksanaan Dasar 1-

Merancang dan melaksanakan pengurusan perbelanjaan, belanjawan dan pengurusan projek bagi projek ROL / KWP.

5.1.2.2 Unit Perancangan dan Pelaksanaan Dasar 2-

Merancang dan melaksanakan pengurusan perbelanjaan, belanjawan dan pengurusan projek bagi projek-projek DBKL.

5.1.2.3 Unit Penyelidikan dan Pembangunan;

Menyedia perincian dokumentasi dan penyelidikan berkaitan sektor pembinaan dan pengurusan tapak bina

5.1.2.4 Unit Pengurusan Data dan Piawaian;

Mengurus serta mengawalselia pengurusan data jabatan, perancangan strategik dan mengemaskini maklumat rekod projek-projek dan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan dan pengurusan ISO.

5.1.2.5 Unit Pengurusan Kualiti;

Mengurus perancangan strategik pengurusan seperti HRMIS, Myportfolio, integriti, pematuhan prosedur kerja dan keperluan spesifikasi termasuk penambahbaikan prosedur.

5.1.2.6 Unit Prestasi Bangunan.

Mengurus dan mengawalselia pematuhan kepada prestasi bangunan seperti GBI, QLASSIC dan keperluan spesifikasi teknikal lain-lain yang mesra-alam dan jimat tenaga.

5.2.2 Bahagian Pengurusan Fasiliti

5.2.2.1 Unit Pengurusan Projek Ikonik

Merancang dan melaksanakan pengurusan perbelanjaan, belanjawan dan pengawalan peruntukan bagi pengurusan dan penyelenggaraan kawasan ROL, Heritage Trail serta Pintu Gerbang Kuala Lumpur.

5.2.2.2 Unit Pelaksanaan Rekabentuk Bandar;

Menyedia dokumen tender, rekabentuk dan pelaksanaan serta pemantauan pembinaan bagi projek-projek rekabentuk bandar

5.2.2.3 Unit Perancangan Rekabentuk Bandar;

Melaksana sesi taklimat awam, penyediaan deraf skematik, laporan pra-rekabentuk dan perancangan projek-projek rekabentuk bandar.

5.2.2.4 Unit Warisan dan Kawalan Bangunan;

Mengurus perihal berkaitan ulasan rekabentuk warisan dan rupabentuk fasad, penilaian impak rekabentuk dan menyedia garis-panduan berkaitan kawalan bangunan.

5.2.2.5 Unit Penyelenggaraan Menara, Logistik dan Ruang Awam;

Melaksanakan tugas penyelenggaraan Menara DBKL 1, 2, 3, semua Pejabat Cawangan, memantau urusan ujian kerja dan pemasangan segala peralatan elektrik, mekanikal, loji dan aset-aset kejuruteraan milik DBKL.

5.2.2.6 Unit Penyelenggaraan Bangunan Kemudahan Awam;

Melaksanakan tugas penyelenggaraan kuarters, klinik, kompleks sukan, dewan serbaguna, taman-taman dan tandas awam, pasar, kompleks perniagaan, pusat penjaja & kiosk milik DBKL di dalam 3 disiplin kejuruteraan iaitu Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, dan Kejuruteraan Mekanikal.

5.2.2.7 Unit Pentadbiran

Melaksanakan fungsi pengurusan personel peringkat jabatan, hal-ehwal pentadbiran, pengurusan kewangan dan perbelanjaan, perolehan, inventori, aset jabatan, pengurusan surat-menyurat, aduan awam dan pengangkutan jabatan.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Mengurus (30110)	20,149,700.00	19,594,615.00	97.25
Bajet Mengurus (30120)	50,861,000.00	49,213,753.00	96.76

6.2 Perbelanjaan Pembangunan


Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Pembangunan	110,870,400.00	100,614,182.00	90.75


7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

7.1 Cadangan Membina 64 unit Penjaja di Pekan Sg. Besi









Jadual 1: Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan membina 64 Unit Penjaja di Pekan Sungai Besi, Jalan Suasa 6, Mukim Petaling, Kuala Lumpur.
Kontraktor	Pdp Utek (M) Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	8 Disember 2014
Tarikh Siap	20 Januari 2021
Kos Projek	RM5,758,611.30

7.2 TLK Hiliran Ampang






Jadual 2: Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Merekabentuk, Membina dan Menyiapkan Tempat Letak Kereta Bertingkat di PPR Seri Pantai, PPR Kg. Baru Air Panas dan **PPR Hiliran Ampang** (Reka dan Bina)-Pakej 1
Kontraktor	Tetuan Euro Saga Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	12 April 2016
Tarikh Siap	11 Mac 2021
Kos Projek	RM56,072,999.70

7.3 Tempat Letak Kereta, Beringin





Jadual 3 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Tempat Letak Kereta Beringin
Kontraktor	Kurnia Ekuiti Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	2 Mei 2018
Tarikh Siap	17 Sepember 2021
Kos Projek	RM22,938,500.00

7.4 TLK di City View Cheras





Jadual 4: Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	TLK di City View Cheras.
Kontraktor	Tetuan Comraya Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	25 Oktober 2017
Tarikh Siap	12 Disember 2020 (CCC : 13 September 2021)
Kos Projek	RM41,600,022.77

7.5 Pusat Komuniti Semarak





Jadual 5 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Pusat Komuniti Semarak
Kontraktor	Bintang Fadzilat (M) Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	17 Julai 2016
Tarikh Siap	27 Oktober 2021
Kos Projek	RM27,467,560.68

7.6 Pusat Komuniti di PPR Bukit Jalil 2






Jadual 6 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Membina Pusat Komuniti di PPR Bukit Jalil 2
Kontraktor	Tetuan Jetabina Sempurna Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	12 Jan 2017
Tarikh Siap	30 Julai 2021
Kos Projek	RM19,878,156.79

7.7 Kompleks Jabatan Penguatkuasaan DBKL







Jadual 7 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Membina Kompleks Jabatan Penguatkuasaan DBKL di Bandar Tun Razak.
Kontraktor	Mega Legacy Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	8 April 2018
Tarikh Siap	21 September 2021
Kos Projek	RM139,674,300.00

7.8 Ubahsuai 2 Bangunan Komersial 9 Tingkat, Jalan Tuanku Abdul Rahman










Jadual 8 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Ubahsuai 2 Bangunan Komersial 9 Tingkat dengan 1 Tingkat Bawah Tanah di atas Lot 36,37, 38 dan 39 Seksyen 34, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur (Fasa 2) (Aras Besmen, Aras Lima (5) hingga Aras Tujuh (7) dan Aras Bumbung).
Kontraktor	Pembinaan Bumiasia Sdn. Bhd. Cengal Jaya Sdn. Bhd. / Persada MBE Sdn. Bhd. Juara Cahaya Sdn. Bhd. / Kemudi Usaha Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	14 Februari 2019
Tarikh Siap	4 Jun 2021
Kos Projek	RM21,029,638.74

7.9 KL Heritage Trail 5 (Fasa 1) - Naiktaraf dan Pengindahan Rumah Warisan Jalan Tangsi ke Taman Botani Perdana










Jadual 9 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	KL Heritage Trail 5 (Fasa 1) - Naiktaraf dan Pengindahan Rumah Warisan Jalan Tangsi ke Taman Botani Perdana
Kontraktor	Tetuan Pelita Maintenance Resources Sdn. Bhd. Futurelink Excel Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	27 Mac 2018
Tarikh Siap	23 April 2021
Kos Projek	RM27,965,250.34

7.10 ROL 3A3B





Jadual 10 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	ROL 3A3B
Kontraktor	Azza Mewah Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	15 September 2016
Tarikh Siap	23 Mac 2021
Kos Projek	RM208,627,274.97

7.11 Projek River Of Life (Fasa 2) Pakej 4A4B



Jadual 11 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Projek River Of Life (Fasa 2) Pakej 4A4B
Kontraktor	Ekoriver Construction Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	22 Disember 2016
Tarikh Siap	25 Jun 2021
Kos Projek	RM255,493,254.17

7.12 Cadangan Pemasangan bollard di Siar Kaki SOGO dan Kompleks Pertama





Jadual 12: Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Pemasangan *bollard* di Siar Kaki SOGO dan Kompleks Pertama
Kontraktor	Isokabeh Resources Sdn. Bhd
Tarikh Mula	18 Januari 2021
Tarikh Siap	18 Mac 2021
Kos Projek	RM65,140.00

7.13 Naiktaraf Kawasan Siarkaki Untuk Program Usahawan Muda Kota, di hadapan Menara DBKL 3, Kuala Lumpur





Jadual 13 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Projek Naiktaraf Kawasan Siarkaki Untuk Program Usahawan Muda Kota, di Hadapan Menara DBKL 3, Kuala Lumpur
Kontraktor	Everest Corp. Sdn. Bhd
Tarikh Mula	25 Januari 2021
Tarikh Siap	25 Mac 2021
Kos Projek	RM48,142.26

7.14 Cadangan Perletakan Kiosk Usahawan Anak Muda.





Jadual 14: Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Perletakan Kiosk Usahawan Anak Muda di UTC Pudu Raya.
Kontraktor	Everest Corp. (M) Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	25 Januari 2021
Tarikh Siap	24 Mac 2021
Kos Projek	RM100,000.00

7.15 Pintu Gerbang Jalan Raja Bot





Jadual 15 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Membina Pintu Gerbang Jalan Raja Bot dan Jalan Haji Taib, Mukim Kuala Lumpur.
Kontraktor	Tetuan My Sinaran Enterprise
Tarikh Mula	12 Oktober 2020
Tarikh Siap	11 Februari 2021
Kos Projek	RM199,651.04

7.16 Projek Pencahayaan Impak Ruang Perbandaran Kuala Lumpur (Viaduct Jalan Kuching dan Jalan Kinabalu)





Jadual 16: Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Projek Pencahayaan Impak Ruang Perbandaran Kuala Lumpur (Viaduct Jalan Kuching dan Jalan Kinabalu).
Kontraktor	Tetuan Pembinaan Bumiasia Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	19 April 2021
Tarikh Siap	31 Mei 2021
Kos Projek	RM1,000,000.00

7.17 Cadangan pengindahan bandar bagi naiktaraf Lorong Belakang, Lorong Petaling 2





Jadual 17 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan pengindahan bandar bagi naiktaraf Lorong Belakang, Lorong Petaling 2.
Kontraktor	Tetuan Cahaya Dimaju Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	13 September 2021
Tarikh Siap	15 November 2021
Kos Projek	RM200,000.00

7.18 Kerja-kerja Pembinaan Papan Tanda Nama (LED) di Kawasan Bangunan Sultan Abdul Samad





Jadual 18 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Kerja-kerja Pembinaan Papan Tanda Nama (LED) di Kawasan Bangunan Sultan Abdul Samad Blok A dan Panggung Bandaraya
Kontraktor	Pembinaan Bumiasia Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	25 Mei 2021
Tarikh Siap	15 Mei 2021
Kos Projek	RM300,000.00

7.19 Cadangan Mengecat Artwork di Struktur Jambatan di Jalan Raja Laut menghala ke Jalan Kuching.





Jadual 19 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Mengecat Artwork di Struktur Jambatan di Jalan Raja Laut menghala ke Jalan Kuching.
Kontraktor	Cahaya Dimaju Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	2 April 2021
Tarikh Siap	20 April 2021
Kos Projek	RM90,569.20

7.20 Kerja-kerja Pengindahan Tempat Duduk Bertangga di Padang Merbok.






Jadual 20 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Kerja-kerja Pengindahan Tempat Duduk Bertangga di Padang Merbok, Kuala Lumpur.
Kontraktor	Muaffaq Holdings
Tarikh Mula	5 Mac 2021
Tarikh Siap	5 April 2021
Kos Projek	RM100,000.00

7.21 Cadangan Kerja-kerja Mural di Sebahagian Dinding Dalam Kawasan ROL Pakej 4A4B.





Jadual 21 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Kerja-kerja Mural di Sebahagian Dinding Dalam Kawasan ROL Pakej 4A4B
Kontraktor	Tetuan Ambang Perantau Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	20 Mac 2021
Tarikh Siap	15 Mei 2021
Kos Projek	RM31,800.00

7.22 Sambungan Penyediaan Papan Panel Maklumat, Heritage Trail 6







Jadual 22: Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Sambungan Penyediaan Papan Panel Maklumat di Tapak Heritage Trail 6, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
Kontraktor	Tetuan Pembinaan Yazid
Tarikh Mula	12 April 2021
Tarikh Siap	26 April 2021
Kos Projek	RM100,000.00

7.23 Cadangan Mengecat Feeder Pillar Milik DBKL, di Sebahagian Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Sultan Ismail



Jadual 23 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Mengecat Feeder Pillar Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, di Sebahagian Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Sultan Ismail.
Kontraktor	SEDAJAYA SDN. BHD.
Tarikh Mula	18 Januari 2021
Tarikh Siap	18 Mac 2021
Kos Projek	RM83,783.06

7.24 Penyediaan Almari Buku KLWBC di Hentian Bas.





Jadual 24: Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Penyediaan Almari Buku KLWBC di Hentian Bas, Jalan Raja Muda Abdul Aziz dan Perkarangan Masjid Jamek Kampung Bharu, Kuala Lumpur sempena KLWBC 2020.
Kontraktor	SEDAJAYA SDN. BHD.
Tarikh Mula	25 Januari 2021
Tarikh Siap	25 Februari 2021
Kos Projek	RM6,727.80

7.24 Ubahsuai dan Tambahan Bangunan Makmal, JKAS di Pasar Borong Kuala Lumpur.



Jadual 25 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Ubahsuai dan Tambahan Bangunan Makmal, Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar di Pasar Borong Kuala Lumpur.
Kontraktor	Tetuan A. Rahis Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	24 Jan 2017
Tarikh Siap	15 Mac 2021
Kos Projek	RM12,200,000.00

7.26 Pusat Gelandangan, Medan Tunku





Jadual 26 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Pusat Gelandangan, Medan Tunku
Kontraktor	Juara Cahaya Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	9 Mac 2021
Tarikh Siap	21 Mei 2021
Kos Projek	RM579,952.52

7.27 Naiktaraf Garaj Kereta Kuda, Tempat Menunggu Carriage, Tempat Menunggang Kuda, Ubahsuai Kandang dan Pasung Kuda di Unit Berkuda Tasik Titiwangsa





Jadual 27 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Naiktaraf Garaj Kereta Kuda, Tempat Menunggu Carriage, Tempat Menunggang Kuda, Ubahsuai Kandang dan Pasung Kuda di Unit Berkuda Tasik Titiwangsa
Kontraktor	KMS Jaya Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	3 Mei 2021
Tarikh Siap	7 September 2021
Kos Projek	RM187,990.56

7.28 Cadangan Membina Struktur Fasad di Atas Gerai Penjaja (sedia ada) Jalan Kovil, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.





Jadual 27 : Maklumat Projek

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Membina Struktur Fasad di Atas Gerai Penjaja (sedia ada) Jalan Kovil, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.
Kontraktor	Tetuan AS Bina Bagus
Tarikh Mula	1 Julai 2021
Tarikh Siap	3 September
Kos Projek	RM124,953.55

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

TARIKH	ACARA	PENCAPAIAN / KEPUTUSAN
8/12/2021	*The International Awards for Liveable Communities 2021(Technology and Solution Project)*	Anugerah Emas bagi Projek *River Of Life (ROL)* Precinct 7, Kuala Lumpur, Malaysia

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal adalah sebuah jabatan yang berorientasikan perkhidmatan dan pembangunan dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ditubuhkan pada tahun 1977 dikenali sebagai Jabatan Bengkel dan Stor. Pada tahun 1983 ditukar nama kepada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan pada tahun 2011 dikenali sebagai Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal dalam penstrukturan semula DBKL

1.2 Bahagian-Bahagian /Unit di Jabatan

Jabatan ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Elektrikal (terdiri dari Unit Lampu Jalan, Unit Projek Elektrik dan Unit Elektrikal Pembangiunan Swasta, serta Bahagian Mekanikal (terdiri dari Unit Projek Mekanikal, Unit Selenggara Kemudahan Mekanikal, Unit Pengangkutan, Unit Bengkel, Unit Stor.

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Dalam melaksana dan mencapai objektif jabatan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal mempunyai seramai 461 orang pegawai dan kakitangan yang diketuai oleh Ketua Jabatan Gred JUSA C, dibantu oleh Timbalan Pengarah Kanan Gred J54, dua (2) orang Timbalan Pengarah Gred J52 dan enam (6) orang Timbalan Pengarah Gred J48.

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi-

Menyediakan perkhidmatan kejuruteraan dan logistik kenderaan bagi kegunaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia.

2.2 Misi-

Berusaha untuk memberikan dan menghasilkan perkhidmatan yang memenuhi kehendak dan keperluan jabatan pengguna.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Memastikan dokumen perolehan (tender/sebutharga) kenderaan/jentera dikemukakan kepada Bhg. Pengurusan Perolehan selewat-lewatnya bulan Mac pada tahun tersebut.

3.2 Melaksanakan penyenggaraan kenderaan, jentera berat dan motosikal mengikut kategori kerja seperti berikut

3.2.1 Kerja servis dalam tempoh 24 jam

3.2.2 Kerja pembaikan kecil (minor) dalam tempoh 3 minggu

3.2.3 Kerja pembaikan besar (major) dalam tempoh 3 bulan

3.3 Memastikan pembekalan kenderaan/jentera (pool) harian mempunyai pemandu bagi tempahan berkala tidak kurang dari 85% daripada jumlah pemandu.

3.4 Membekalkan alat ganti dan barangan pelbagai stok sedia ada dalam tempoh 1 hari bekerja.

3.4.1 Membekalkan alat ganti dan barangan pelbagai yang tiada dalam simpanan dalam tempoh 21 hari.

3.5 Mengurus dan melaksanakan penyenggaraan peralatan mekanikal dan elektrikal bagi rumah pam kawalan banjir, sistem air pancutan dan mesin bakar mayat.

3.5.1 Memastikan setiap peralatan sentiasa berfungsi dengan kadar kerosakan tidak melebihi 10% daripada bilangan aset.

3.5.2 Memastikan setiap aduan yang diterima akan disiasat dan diambil tindakan dalam tempoh 3 jam.

3.5.3 Memastikan kerosakan minor pada peralatan diatasi dalam tempoh 14 hari.

3.5.4 Memastikan kerosakan major pada peralatan diatasi dalam tempoh tidak melebihi 3 bulan.

3.6 Mengurus dan melaksanakan penyenggaraan lampu jalan.

3.6.1 Membaiki kerosakan lampu jalan melibatkan komponen tidak melebihi 3 hari.

3.6.2 Memastikan purata bulanan lampu jalan yang padam melebihi 3 hari tidak lebih 1% dari keseluruhan jalan.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

KRA	BIL.	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (Customer Fokus)	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun	100%
Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan (Customer Fokus)	2.	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	100%
Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (*Transparency*)	3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah.	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2021	100%
Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabiliti dan Telus (*Transparency*)	4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022 sebelum 31 Disember tahun 2021.	100%
Pengurusan Penyenggaraan	5.	Memastikan sistem pam kawalan banjir sentiasa dalam keadaan kesiapsiagaan yang tinggi dan berfungsi pada setiap masa.	Pam kawalan banjir rosak tidak lebih 10% daripada jumlah pam di setiap Rumah Pam Kawalan Banjir (32 RPKB).	100%
Pengurusan Penyenggaraan	6.	Memastikan mesin pembakar mayat sentiasa dalam keadaan kesiapsiagaan yang tinggi dan berfungsi dengan baik di Krematorium DBKL.	Mesin pembakar mayat rosak tidak lebih 30% daripada jumlah keseluruhan mesin. (Jumlah mesin pembakar mayat: 7 buah).	100%
Pengurusan Penyenggaraan	7.	Memastikan sistem pancutan air sentiasa dalam keadaan kesiapsiagaan yang tinggi dan berfungsi dengan baik.	Sistem pancutan air rosak tidak lebih 20% di : a) 45 Buah Tasik & Taman Rekreasi (Termasuk Kolam Dalam Taman) b) 11 Dataran & Persekitaran Kuala Lumpur. c) 10 Projek ROL	100%
Pengurusan Penyenggaraan	8.	Penyenggaraan motorsikal, kenderaan, lori dan jentera berat	1% Kadar Kerosakan dari jumlah Motosikal (Jumlah 573 unit) 6% Kadar kerosakan dari jumlah Kenderaan Ringan (Jumlah 746 unit) 12% Kadar Kerosakan dari jumlah Kenderaan Berat (jumlah 542 unit)	100%

KRA	BIL.	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Pengurusan Penyenggaraan	9.	Menyenggara lampu jalan awam	Purata lampu jalan rosak (tidak menyala) melebihi 3 hari tidak lebih 1.0% daripada jumlah lampu. (Jumlah 45,000 unit)	100%
Pengurusan Penyenggaraan	10.	Menaik taraf Sistem Pencahayaan daripada lampu jenis HPSV kepada Jenis LED di Taman Awam	Menukar sebanyak 80% lampu taman di Taman Rimba Bukit Kerinchi dan Taman Tasik Permaisuri kepada lampu jenis LED	100%
Pengurusan Penyenggaraan	11.	Pemasangan Pencahayaan *'Impact Lighting'* di Jalan-Jalan Terpilih Di Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Penyediaan dokumen pemasangan pencahayaan *'impact lighting'* di 2 lokasi jalan terpilih pada tahun ini	100%
Pengurusan Penyenggaraan	12.	Menaik Taraf Sistem Pencahayaan Bagi Pintu-Pintu Gerbang Laluan Masuk Utama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Menukar sistem pencahayaan Pintu Gerbang di Jalan Selayang.	40%
Perkhidmatan Sokongan	13.	Mengurus pembekalan lori dan jentera gunasama (pool) secara giliran bagi tempahan berkala	Semua kenderaan berpemandu yang dapat dibekalkan tidak kurang 85% daripada jumlah pemandu. (Jumlah pemandu:130 orang)	100%
Perkhidmatan Sokongan	14.	Pembekalan bahan/ peralatan kerja, alat ganti motosikal, kenderaan, jentera dan bahan api melalui Stor Pusat.	a) Bahan/barang dan peralatan kerja: Kadar Pusingan Stok setiap sukuan tahun = 0.5 b) Alatganti motosikal, kenderaan dan jentera (barangan stok): Kadar Pusingan Stok setiap sukuan tahun = 0.50 c) Bahan api stok depoh (petrol & diesel). Kadar Pusingan Stok setiap sukuan tahun = 1.0	100%
Perkhidmatan Sokongan	15.	Kaedah Pelupusan Lelong Awam/ Sebutharga	Dua (2) kali setahun	100%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan berbentuk merancang, merekabentuk, memperolehi, mengurus dan menyenggara pelbagai kemudahan peralatan mekanikal dan elektrikal, logistik dan juga pembekalan. Fungsi utama jabatan seperti :

i. Merancang, menganalisa keperluan, mengurus perolehan serta pelupusan semua kenderaan, jentera dan peralatan mekanikal jabatan-jabatan DBKL.

ii. Menyelaraskan dan mengurus pembekalan kenderaan / jentera untuk kegunaan kepada jabatan-jabatan DBKL.

iii. Menyelia, mengawasi, mengawal dan memantau kerja penyenggaraan kenderaan / jentera dan pelbagai kemudahan Mekanikal di dalam bengkel jabatan atau secara kontrak / kontrak berpenggal.

iv. Merancang perolehan dan penyelenggaraan semua alatganti, peralatan kerja dan pelbagai bahan keperluan kerja jabatan-jabatan di Stor Pusat DBKL.

v. Memberi khidmat perundingan bagi merekabentuk, tender, memasang dan menyenggara perkhidmatan mekanikal dan elektrikal bangunan seperti sistem lif, eskalator, pencegah kebakaran, penyaman udara, rektikulasi, bekalan kuasa elektrik, pencahayaan dan lain-lain bagi projek-projek pembangunan dan aset bangunan DBKL.

vi. Merancang, menyelaras serta memantau operasi dan senggaraan sistem pelupusan sisa pepejal.

vii. Merancang, menyelaras serta memantau senggaraan lampu jalan awam di bandar raya Kuala Lumpur.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/Bahagian Jabatan

5.2.1 Bahagian Pentadbiran

i. Menguruskan Hal Ehwal Pentadbiran Kakitangan (Urusan rekod cuti/ kehadiran pegawai/kakitangan (termasuk cuti sakit/ cuti tanpa rekod /cuti kuarantin).

ii. Menguruskan Hal Ehwal Perkhidmatan Kakitangan (Urusan permohonan lawatan keluar negara /elaun tanggung kerja / permohonan bersara awal /permohonan lanjut tempoh kontrak / permohonan bantuan perubatan.

iii. Urusetia Penilaian Prestasi/ Pengesahan Dalam Perkhidmatan

iv. Sekretariat Lembaga Tatatertib Jabatan.

v. Menguruskan dokumen kontrak.

vi. Urusetia Mesyuarat Penilaian Tawaran/Lanjutan Tempoh Kontrak/Arahan Perubahan

vii. Menguruskan Kewangan dan Belanjawan Jabatan

5.2.2 Bahagian Mekanikal

Unit Pengangkutan

i. Menyelaras dan mengurus Perkhidmatan bekalan Kenderaan/jentera gunasama kepada jabatan-jabatan DBKL

ii. Penerimaan pembekalan kenderaan/jentera baharu Pengurusan daftar induk aset kenderaan/jentera DBKL.

iii. Pengurusan perihal kemalangan dan kehilangan kenderaan/jentera

Unit Bengkel

i. Menguruskan Penyenggaraan Kenderaan Ringan

ii. Menguruskan Penyenggaraan Kenderaan

iii. Mengurus Penyenggaraan Motosikal Mengurus Kontrak Perkhidmatan Penyenggaraan kenderaan

iv. Mengurus Perolehan Kenderaan dan Jentera

v. Mengurus Pemeriksaan kenderaan (GI) dan sistem hidraulik jentera

Unit Stor

i. Memesan, menyimpan dan membekalkan pelbagai jenis alatganti, minyak pelincir, tayar bateri dan lain-lain yang seumpamanya kepada Bahagian Bengkel, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal untuk menyenggara dan servis kenderaan/jentera milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

ii. Memesan, menyimpan dan membekal pelbagai jenis barang dan peralatan yang diperlukan kepada semua Jabatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terutama peralatan kerja taman, peralatan kerja-kerja jalan, peralatan lampu jalan, longkang, kain pakaian seragam, peralatan saliran dan sebagainya.

iii. Memesan, menyimpan dan membekal keperluan minyak Disel dan Petrol kepada semua kenderaan/ jentera milik Jabatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

iv Bertanggungjawab menguruskan dan menyimpan pelbagai barang lupus dan barang sita sebagai barangan terpakai. Pelbagai jenis barang lupus akan dijual melalui Lelongan Awam bersama dengan kenderaan/ jentera DBKL yang telah ditamatkan perkhidmatan.

Unit Selenggara Kemudahan Mekanikal

i. Memastikan setiap peralatan dan sistem dapat berfungsi dengan baik dan efisen

ii. Memastikan setiap peralatan dan sistem diselenggara dengan baik mengikut jadual termasuk penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan baik pulih

iii. Mewujudkan kontrak penyelenggaraan dan menyelia kerja--kerja yang dijalankan oleh panel kontraktor

iv. Memberi khidmat nasihat dan cadangan dari aspek teknikal berkaitan kerja-kerja mekanikal kepada jabatan-jabatan pengguna untuk penambahbaikan atau menyelesaikan masalah.

Unit Projek Mekanikal

i. Memberikan perkhidmatan perunding kejuruteraan mekanikal dan dalam melaksanakan projek pembangunan seperti perumahan awam, bangunan pejabat,masjid, taman rekreasi dan jalan.

ii. Memberi perkhidmatan mekanikal terhadap sistem lif bangunan, sistem pencegahan kebakaran, sistem pam air domestik, sistem pancutan air rekreasi, sistem penyaman udara bangunan, sistem pembakar mayat, sistem pam kawalan banjir, sistem pam kawalan banjir, disamping menyenggara kemudahan awam yang berbentuk mekanikal

5.2.3 Bahagian Elektrikal

Unit Projek Elektrikal

i. Melaksanaaan projek bagi sistem dan kemudahan elektrikal yang terdiri daripada projek-projek *Inhouse* yang melibatkan perancangan, reka bentuk, tender dan pengurusan kontrak pembinaan secara dalaman dan

ii. pasukan bangunan projek-projek yang melibatkan Juruperunding Elektrik dari jabatan pelaksana (SO) seperti JPPPB dan JPLR secara design & build atau konvensional.

Unit Lampu Jalan

i. Menaiktaraf lampu jalan HPSV kepada LED secara retrofit (45,000 unit) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

ii. Mengurus aduan awam berkaitan lampu jalan dan lampu hiasan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

iii. Pemasangan dan penyelenggaraan lampu-lampu hiasan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

iv. Penyelenggaraan lampu jejantas, siarkaki berbumbung, hentian bas dan teksi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Unit Elektrikal Pembangunan Swasta

i. Mengurus dan memproses kelulusan pelan lampu jalan & lampu awam.

ii. Memproses sokongan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) atau Sijil Siap Kerja lampu jalan, pertukaran nama pengguna akaun bil elektrik TNB & pengambilan lampu jalan dan lampu awam daripada pihak pemaju kepada Datuk Bandar

iii. Mengurus dan memproses kelulusan bahan lampu jalan dan lampu awam

iv. Menyediakan Spesifikasi dan Garis Panduan Pemasangan Lampu Jalan dan Lampu Awam.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	146.034,700	141.477,710	96.88

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	28,305,100	27,791,389	98.19

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

7.1 Perkhidmatan Pengangkutan

Unit Pengangkutan telah menguruskan penerimaan kenderaan/jentera sebanyak 175 unit dengan harga perolehan keseluruhan berjumlah RM19,426,557.80 sepanjang tahun 2021 seperti yang tercatat pada Jadual 1. Kenderaan/jentera diserahkan kepada Jabatan Pemilik sebaik sahaja proses pendaftaran kenderaan/jentera tersebut ke dalam sistem pangkalan data dibuat.

Jadual 1: Penerimaan Kenderaan/Jentera Baharu Sepanjang 2021

BIL	JENIS KENDERAAN	(UNIT)	HARGA PEROLEHAN (RM)	TARIKH TERIMA
1	Motorcycle Cub	39	260,130.00	29-Jan-21
2	Motorcycle with Side Carriage	8	78,095.00	29-Jan-21
3	Van	41	5,325,408.00	8-Mar-21
4	Roller, 3 ton Vibratory	1	143,000.00	12-Mar-21
5	2WD, Light Utility (KRJ)	1	125,000.00	26-Apr-21
6	Recovery Truck	1	1,129,300.00	30-Apr-21
7	Pick-up Truck	1	99,173.60	16-Jun-21
8	Pick-up Truck with Crew Cab	32	3,614,941.20	16-Jun-21
9	Tipper, End with High Side	8	1,927,928.00	18-Jun-21
10	2WD, Light Utility	30	2,990,280.00	29-Jun-21
11	Excavator & Backhoe, Wheeled	3	870,000.00	10-Sep-21
12	Trailer, Aerial Platform	1	79,500.00	21-Sep-21
13	Tipper, 3-way 5-ton	5	1,196,210.00	25-Nov-21
14	Tipper, End with Crane & High Side	3	872,592.00	10-Dec-21
15	Bus, Passenger	1	715,000.00	14-Dec-21
	JUMLAH	**175**	**RM19,426,557.80**	

7.2 Pelaksanaan Projek Elektrikal

Pelaksanaaan projek bagi pelaksanaaan projek bagi sistem dan kemudahan elektrikal yang terdiri daripada projek-projek Inhouse yang melibatkan perancangan, reka bentuk, tender dan pengurusan kontrak pembinaan secara dalaman dan menjadi sebahagaian pasukan bangunan projek-projek yang melibatkan Juruperunding Elektrik dari jabatan pelaksana (SO) seperti JPPPB dan JPLR secara design & build atau konvensional. bagi memudahkan kerja-kerja pemantauan ditapak.Jabatan bertanggungjawab keatas projek-projek seperti berikut:-

7.2.1 Projek Penswastaan (Land Swap) di bawah JPEPP

7.2.1.1 Kompleks Sukan Ayer Panas, Setapak Kuala Lumpur

7.2.1.2 Kompleks Pejabat Jabatan Penguatkuasaan DBKL

7.2.1.3 Pembangunan semula Pasar Gombak

7.2.1.4 Rumah Mampu Milik di Lorong Maarof (Flat Sri Pahang)

7.2.1.5 Pembangunan 1 Kompleks Belia 6 Tingkat, Jalan Cheras

7.2.1.6 Pembangunan Akademi Latihan Badminton, Jalan Cheras

7.2.2 Projek dibawah JPPPB (*Design & Build*/ Konsultan/ *In House*)

7.2.2.1 Pembinaan bangunan, dewan-dewan dan pusat komuniti

7.2.2.2 Pembinaan pasar-pasar & pusat penjaja

7.2.2.3 Pembinaan tempat letak kereta bertingkat di sekitar PA & PPR

7.2.2.4 Pembinaan dan Ubahsuai Pejabat, Setor

7.2.2.5 Pembinaan Bazar, Gerai & Kiosk Penjaja

7.2.3 Pembinaan *council homes* (5,000 unit rumah mampu milik)

7.2.3.1 *River of Life (ROL)* dan *Heritage Trail (NKEA)*

7.2.3.2 Pengindahaan bandar di lorong-lorong belakang

7.2.3.3 Pengindahaan bandar di jalan-jalan utama tumpuan ramai seperti Jalan Raja Laut, TAR, Sultan Ismail, Ampang, Bukit Bintang dan Imbi.

7.2.4 Projek dibawah Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi (JPLR) (*Design & Build*/ Konsultan/ *In House*)

7.2.4.1 Projek sistem elektrik bangunan dan pencahayaan untuk lampu taman di taman-taman yang baru

7.2.4.2 Sistem pencahayaan di pocket park dan kawasan lapang yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur

7.2.5 Projek di bawah Pembangunan Kampung Baru (PKB)

7.2.5.1 Menjadi jawatankuasa dalam penilaian perunding dan kontraktor bagi penilaian teknikal dan penilaian kos projek

Sepanjang tahun 2021 antara projek-projek besar yang diberi keutamaan berdasarkan indeks pencapaian Datuk Bandar adalah menyediakan 5,000 unit rumah majlis (council homes) di sekitar Kuala Lumpur di mana Unit Elektrikal terlibat secara langsung dalam projek tersebut. Antara council homes tersebut:

i. Council Homes Sg Udang – 897 unit
ii. Council Homes Jln Selimang – 702 unit
iii. Council Homes Desa Tasik – 1,000 unit
iv. Council Homes Bdr Baru Sentul – 168 unit
v. Council Homes Tasik Permaisuri – 204 unit

Kesemua projek di atas telah/akan dilaksanakan secara design & build dimana SO ialah dibawah kendalian jabatan JPPPB.

Selain itu terdapat projek besar lain iaitu membuat Kompleks JKME dengan nilai projek sebanyak RM168 juta dimana kontraktor telah pun dilantik dan projek tersebut dilaksanakan secara konvensional (perunding dilantik DBKL) dan unit projek elektrik terlibat sebagai pasukan bangunan dan juga klien.

Terdapat juga projek-projek yang telah dijalankan secara *joint venture (JV)* antara pihak pemaju dengan DBKL dimana unit projek elektrik terlibat secara langsung sebagai pasukan bangunan bagi menyemak dan menilai semula kadar harga yang diberikan oleh pihak pemaju serta material yang digunakan.

Manakala projek-projek kecil lain kebanyakan dilaksanakan secara in house yang melibatkan jabatan seperti JPLR dan sebahagian projek dari JPPPB.

7.3 Verifikasi Stok

Penutupan akhir tahun untuk proses verifikasi stok telah diadakan pada 8 hingga 10 Disember 2021. Kedudukan stok alat ganti, barang pelbagai dan diesel/petrol seperti di Jadual 2, 3 dan 4.

Jadual 2: Kedudukan stok alat ganti bagi tahun 2021

TAHUN 2021	KEDUDUKAN STOK				Kadar Pusingan Stok	Pelupusan Stok (RM)	Kehilangan dan Hapuskira Stok (RM)
	Sedia Ada	Pembelian	Pengeluaran	Stok Semasa			
	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	c (a+d) ÷ 2		
	(a)	(b)	(c)	d=(a+b) - (c)			
Baki Bawa Hadapan	**Baki Stok Akhir Tahun 2020 :**			**3,557,269.55**			
Suku 1 (Jan - Mac)	3,555,310.56	838,940.37	830,727.18	3,563,523.75	0.23		
Suku 2 (Apr - Jun)	3,563,523.75	1,305,056.90	892,117.55	3,976,463.10	0.24		
Suku 3 (Jul - Sep)	3,976,463.10	691,299.77	833,269.49	3,834,493.38	0.21		
Suku 4 (Okt - Dis)	3,834,493.38	941,776.94	1,507,989.40	3,268,280.92	0.42		
Nilai Tahunan		**3,777,073.98**	**4,064,103.62**	**3,268,280.92**	**1.19**		

Jadual 3: Kedudukan stok barang pelbagai bagi tahun 2021

TAHUN 2021	KEDUDUKAN STOK				Kadar Pusingan Stok	Pelupusan Stok (RM)	Kehilangan dan Hapuskira Stok (RM)
	Sedia Ada	Pembelian	Pengeluaran	Stok Semasa			
	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	c (a+d) ÷ 2		
	(a)	(b)	(c)	d=(a+b) - (c)			
Baki Bawa Hadapan	**Baki Stok Akhir Tahun 2020 :**			**540,688.59**			
Suku 1 (Jan - Mac)	540,688.59	708,279.80	448,738.78	800,229.61	0.67		
Suku 2 (Apr - Jun)	800,229.61	1,281,350.08	849,626.14	1,231,953.55	0.84		
Suku 3 (Jul - Sep)	1,231,953.55	579,995.40	1,173,654.61	638,294.34	1.26		
Suku 4 (Okt - Dis)	638,294.34	765,112.14	891,329.66	512,076.82	1.55		
Nilai Tahunan		**3,334,737.42**	**3,363,349.19**	**512,076.82**	**1.74**		

Jadual 4: Kedudukan stok diesel/petrol bagi tahun 2021

TAHUN 2021	KEDUDUKAN STOK				Kadar Pusingan Stok	Pelupusan Stok (RM)	Kehilangan dan Hapuskira Stok (RM)
	Sedia Ada	Pembelian	Pengeluaran	Stok Semasa			
	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	c (a+d) ÷ 2		
	(a)	(b)	(c)	d=(a+b) - (c)			
Baki Bawa Hadapan	**Baki Stok Akhir Tahun 2020 :**			**26,411.97**			
Suku 1 (Jan - Mac)	26,411.97	315,680.00	224,646.36	117,445.61	3.12		
Suku 2 (Apr - Jun)	117,445.61	230,240.00	341,994.02	5,691.59	5.55		
Suku 3 (Jul - Sep)	5,691.59	419,881.22	326,817.88	98,754.93	6.26		
Suku 4 (Okt - Dis)	98,754.93	233,580.00	266,868.97	65,465.96	3.25		
Nilai Tahunan		**1,199,381.22**	**1,160,327.23**	**65,465.96**	**25.26**		

7.4 Penyelengaraan Kenderaan dan Jentera DBKL

Sepanjang tahun 2021 jabatan melaksanakan penyelenggaraan kenderaan seperti berikut:

BIL.	PERKARA	BIL. KENDERAAN
1.	Penyenggaraan Kenderaan Ringan	746
2.	Penyenggaraan Kenderaan Berat	542
3.	Penyenggaraan Motosikal	573

7.5 Penukaran Tiang Lampu Jalan

Skop tugas Unit Pembangunan Swasta merangkumi mengawal selia pemasangan lampu jalan dan lampu awam baru yang melibatkan semua pembangunan baru bagi projek swasta dan DBKL sehingga penyerahan kepada penyelenggaraan. Pertambahan skop dibuat pada Julai 2020, selaras dengan perubahan struktur organisasi yang mana melibatkan tugas mengawalselia penukaran tiang lampu jalan kepada tiang lampu jalan dwifungsi pemancar telekomunikasi. Berikut adalah data bilangan permohonan yang diproses mengikut kategori masing-masing;

FUNGSI UTAMA	KATEGORI	BIL. DOKUMEN
Pelan Lampu Jalan	Pemohonan Kelulusan Pelan /Bahan/Pengecualian	500
	Permohonan CCC	110
	Permohonan COT	41
	Lain-lain	13
Tiang Dwifungsi	Permohonan Kelulusan Tapak	324
	Pengalihan/Aduan	30
	Lain-lain	10

Setiap permohonan adalah melibatkan beberapa siri perbincangan dan lawatan tapak, sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Lampu Jalan dan OSC2

7.6 Pemasangan Lampu Jalan

i. Kerja-kerja Retrofit Lampu Jalan HPSV Kepada Lampu Jalan LED

Sebanyak 45,000 unit lampu jalan HPSV, iaitu sebahagian besar lampu jalan di Kuala Lumpur telah diretrofit kepada lampu jalan LED yang mana kerja-kerja ini telah bermula sejak 1 Ogos 2016 sehingga kini. Kerja-kerja retrofit ini akan diteruskan dengan retrofit lampu jalan di Lebuhraya KL – Seremban yang baru diserah oleh Syarikat Konsesi Lebuhraya (ANIH Berhad) dan lampu lorong belakang.

Ringkasan pemasangan lampu jalan LED retrofit adalah seperti berikut:
Kuantiti kontrak = 45,000 unit
Kuantiti siap = 45,000 unit (100%)



Lampu Jalan HPSV



Lampu Jalan LED

ii. Pemasangan Lampu Hiasan

Pemasang lampu-lampu hiasan mengikut festival atau perayaan utama yang disambut seluruh Malaysia seperti Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Deepavali dan Krismas yang mana lampu-lampu hiasan ini dipasang di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan pelancong dan juga tumpuan orang ramai.

Pemasangan Lampu Hiasan Tanglung Sempena Tahun Baru Cina 2021. Sebanyak 3,850 biji lampu hiasan tanglung 125 biji motif tanglungtelah dipasang di kawasan tumpuan pelancong dan tumpuan orang ramai seluruh Kuala Lumpur.





Pemasangan Lampu Hiasan Ketupat Sempena Hari Raya Aidilfitri 2021

Sebanyak 4,230 biji lampu hiasan ketupat telah dipasang di hadapan masjid, surau, madrasah dan kawasan tumpuan orang ramai seluruh Kuala Lumpur.



Pemasangan Lampu Hiasan LED, Motif Merak dan Pelita sempena Deepavali 2021. Sebanyak 10 span Scallope Decorative, 3 biji Pelita Motif dan 2 biji Peacock Motif di kawasan Jalan Tun Sambanthan, 2 span Scallope Decorative kawasan Jalan Sentul, 4 span Scallope Decorative di Jalan Ipoh, 5 span Scallope Decorative, 3 biji Pelita Motif dan 3 biji Peacock Motif dan 8 pelita motif di kawasan Lebuh Ampang.



Pemasangan Lampu Hiasan Bermotif Sempena Hari Krismas 2021

Sebanyak 6 unit lampu hiasan crossing dipasang di Jalan Bukit Bintang:



Pemasangan Lampu LED DI jambatan Sogo



Pemasangan Lampu Hiasan sempena sambutan Jubli Emas 50 Tahun di Laman DBKL 1



7.7 Selenggaraan Kemudahan Mekanikal

Peralatan dan sistem yang diselenggara adalah Sistem dan Rumah Pam Kawalan Banjir milik DBKL termasuk mesin jana kuasa elektrik (*generator set*). Sistem pam air pancutan termasuk air terjun buatan di taman-taman tasik DBKL serta sistem penyiraman air automatik.

i. Jejantas bermotor, eskalator dan lif penumpang di Jejantas DBKL.
ii. Krematorium bakar mayat dan juga bangkai haiwan.
iii. Mesin "*spiral waste bin*" di pusat penjaja, pasar serta medan selera.
iv. Loji rawatan air sisa (Wastewater Treatment Plant [WWTP]) di pasar-pasar basah DBKL.
v. Depoh Kenderaan JKME yang menempatkan kenderaan DBKL serta Bengkel
vi. Terowong dan mesin jana kuasa elektrik (*generator set*).
vii. Pemantauan operasi dan penyelenggaraan Kolam Biru *River of Life* (ROL) di Masjid Jamek Kuala Lumpur.


Penyelenggaraan yang dilaksanakan adalah sebanyak 140 kawasan meliputi sistem mekanikal dan elektrikal mengikut jabatan seperti berikut:-

BIL	JENIS PERALATAN DAN SISTEM	BILANGAN LOKASI
1.	Rumah Pam Kawalan Banjir (RPKB)	32
2.	Mesin Spiral Waste Bin (SWB)	23
3.	Tasik dan Kolam *Water Features*	66
4.	Kolam Biru *River of Life* (ROL)	1
5.	Loji *Wastewater Treatment (WWTP)*	6
6.	Terowong/*Underpass*	5
7.	Depoh dan Jejantas Mekanikal	3
8.	Eskalator dan Lif di Jejantas	3
9.	Krematorium	1
	JUMLAH KESELURUHAN LOKASI	**140**

Bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dengan berkesan, 11 kontrak penyelenggaraan, 1 kontrak projek sambungan secara serahan serta 1 kontrak Kerja Undi dan menyelia 19 kontraktor secara keseluruhan. Senarai kerja-kerja adalah seperti berikut: -

i. Kerja-kerja Penyelenggaraan Sistem Pam Kawalan Banjir di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2017/A191) – 4 kontraktor berpenggal
ii. Kerja-kerja Penyelenggaraan Sistem Pam Air Pancutan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Untuk Tempoh Dua (2) Tahun (2019/A041) – 4 kontraktor berpenggal
iii. Kerja-kerja Menyelenggara Sistem Eskalator Berjenama Schindler Secara Penyelenggaraan Menyeluruh di Jejantas-Jejantas Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tempoh Dua (2) Tahun (2019/B058) – 1 kontraktor berpenggal
iv. Kerja-Kerja Menyelenggara Sistem Lif Berjenama Kone di Jejantas Hospital Kuala Lumpur Bagi Tempoh Dua (2) Tahun (2020/B054) – 1 kontraktor berpenggal
v. Kerja-kerja Penyelenggaraan Jentera Pembakar Mayat dan Bangkai Haiwan Serta Peralatan Berkaitan di Krematorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Selama Dua (2) Tahun (2019/A132) – 1 kontraktor berpenggal
vi. Kerja-derja Penyelenggaraan Komprehensif Sistem Spiral Waste Bin dan Pengurusan Pembersihan Rumah Sampah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Zon A & Zon B) (2017/A174) – 1 kontraktor berpenggal
vii. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Komprehensif Sistem Spiral Waste Bin dan Pengurusan Pembersihan Rumah Sampah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Zon C) (2017/A173) – 1 kontraktor berpenggal
viii. Kerja-kerja Operasi dan Penyelenggaraan Waste Water Treatment Plant (WWTP) Untuk Pasar-Pasar Basah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2018/A112) – 1 kontraktor berpenggal
ix. Kerja-kerja Penyelenggaraan Depoh, Stesen, Jejantas, Struktur dan Mekanikal Am Bagi Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Untuk Tempoh Dua (2) Tahun (2018/A109) – 1 kontraktor berpenggal
x. Kerja-kerja Penyelenggaraan Sistem Mekanikal, Elektrikal, Instrumentasi dan Sistem Automasi Berkomputer Terowong Bawah Tanah Laluan Kenderaan Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Selama Dua (2) Tahun (2018/A081) – 1 kontraktor berpenggal
xi. Kerja-Kerja Menyelenggara Sistem Eskalator Berjenama Fujitec Secara Penyelenggaraan Menyeluruh (Komprehensif) Di Jejantas UTC Pudu Sentral Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur – 1 kontraktor berpenggal
xii. Cadangan Projek Kolam Biru Di Kawasan River Of Life (ROL) Presint 7 – Zon Masjid Jamek, Kuala Lumpur Secara Reka dan Bina (2017/A031) – 1 kontraktor projek
xiii. Kerja-kerja Membekal, Menghantar, Memasang Baru, Membaikpulih, Menguji Terima dan Mentauliah Sistem dan Peralatan Mekanikal di Depoh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal Cheras, Kuala Lumpur (2021/C216M) – 1 kontraktor Kerja Undi


1. Rumah Pam Kawalan Banjir (RPKB)















2. Sistem Air Pancut dan Siraman













3. Mesin Spiral Waste Bin (SWB)











4. Jejantas Mekanikal









5. Depoh JKME











6. Krematorium










7. Eskalator dan Lif Jejantas









8. Wastewater Treatment Plant (WWTP)














9. Terowong
















10. Kolam Biru (*Blue Pool*) *River of Life* (ROL)











11. Misi Bantuan Banjir DBKL Disember 2021









Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan rekreasi kepada warga kota dan memainkan peranan yang penting dalam memastikan kecantikan Bandar Raya Kuala Lumpur secara berterusan ke arah mencapai visi menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Tropika Lestari Bertaraf Dunia menjelang 2020. Selaras dengan visi dan misi Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi untuk menjadikan Kuala Lumpur Bandar Raya dalam Taman, kerja-kerja pengindahan sentiasa dipertingkatkan dan memperbanyakan serta menaiktaraf kawasan rekreasi dan kemudahan riadah bagi semua peringkat umur dan golongan kurang upaya.

1.2 Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi mempunyai 3 bahagian iaitu Bahagian Perancangan dan Pembangunan Landskap, Bahagian Pentadbiran Kewangan dan Kontrak serta Bahagian Penyelenggaraan Landskap Zon, Pengurusan Pokok Rendang dan Nurseri. Jabatan ini juga mempunyai 12 unit.

1.3 Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi mempunyai kakitangan seramai 871 orang yang terdiri daripada skim perkhidmatan Pentadbiran (N), Arkitek Landskap (J), Pegawai Pertanian (G), Kejuruteraan (J), Kewangan (W), dan Pembantu Awam (H). Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi ditadbir oleh Pengarah Gred Jusa C bersama 26 orang Pegawai Pengurusan dan Profesional dan selebihnya adalah Kumpulan Pelaksana.

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi
Ke arah merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya tropika lestari bertaraf dunia menjelang 2020.

2.2 Misi
Pembangunan landskap bandar yang indah, bersih dan kemas dengan ciri-ciri rekabentuk pengindahan yang dinamik dan menyeluruh bagi kepuasan semua wargakota dan pelancong.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Merancang projek-projek landskap sekurang-kurangnya 6 bulan

3.2 Merekabentuk landskap boleh disiapkan bagi:
- 3.2.1 Projek Besar (Bajet : Melebihi RM5 juta) – 6 bulan
- 3.2.2 Projek Sederhana (Bajet : RM1 juta – RM5 juta) – 3 bulan
- 3.2.3 Projek Kecil (Bajet : Kurang RM500K) – 1 bulan

3.3 Memastikan projek-projek penanaman pokok dan landskap dilaksanakan mengikut amalan terbaik selaras dengan wawasan ke arah menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Taman Tropika Lestari menjelang 2020.

3.4 Memastikan kawasan taman awam dan pokok-pokok rendang di kawasan awam sentiasa berada dalam keadaan bersih, cantik dan selamat kepada orang ramai.

3.5 Menanam pelbagai jenis pokok sebanyak 30,000 setahun.

3.6 Taman-taman awam dibuka mulai 6.00 pagi hingga 8.00 malam.

3.7 Memastikan kerja-kerja pembersihan pokok tumbang dan sekah di bawah penyelenggaraan DBKL dibuat dalam tempoh 24 jam selepas mendapat maklumat.

3.8 Memastikan kerja-kerja membaikpulih kerosakan di taman permainan kanak-kanak diambil tindakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh aduan diterima dan juga dari pemeriksaan secara berkala di tapak.

3.9 Memastikan perkhidmatan hiasan bunga memenuhi kehendak pelanggan.

3.10 Menyediakan kemudahan untuk aktiviti / acara rekreasi di taman-taman awam sekurang-kurangnya 10 acara sebulan

3.11 Memastikan akuan penerimaan kepada aduan awam dibuat dalam tempoh satu (1) hari bekerja dan tindakan susulan diambil dalam tempoh tiga (3) hari bekerja. Maklum balas seterusnya kepada pengadu dan tindakan penyelesaian dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh aduan diterima.

3.12 Memastikan kelulusan permohonan penggunaan sewa tapak rekreasi dalam taman awam dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari dari tarikh permohonan diterima. Setiap permohonan yang diluluskan akan dikeluarkan surat kebenaran di tapak. Manakala permohanan melalui surat ke Bahagian Pentadbiran akan diambil tindakan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.

3.13 Memastikan proses pembayaran kepada kontraktor dihantar ke Bahagian Semakan dan Pembayaran, Jabatan Kewangan dalam masa sepuluh (10) hari bekerja.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

BIL	KRA	KPI	SASARAN TAHUN 2021
1.	Bandaraya Mampan	Mengurus pembangunan Bandar dengan lebih teratur dan strategik	Bilangan kawasan yang dihiasi dengan tanaman landskap
2.	Kehidupan Bandar Berkualiti	Memelihara kebersihan, keindahan dan kelestarian bandar	Bilangan lokasi kawasan lapang yang dibangunkan
3.	Masyarakat Harmoni	Memperkukuhkan libat urus strategi bersama masyarakat	Bilangan lokasi kawasan landskap dan poket park yang dinaktaraf
4.	Menghijaukan dan Mengindahkan Bandar Raya	Pembangunan Rezab Kawasan lapang (Kawasan lapang pembangunan untuk kemudahan rekreasi)	Naiktaraf Kawasan lapang
5.	Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian *(Customer Service)*	Kehadiran **4 hari** berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan	Semua Pegawai dan kakitangan jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun
		Mensasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	Menyelesaikan 95% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)
6.	Memperkukuhkan Tahap Integriti, Akauntabilitii dan Telus *(Transparency)*	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2021
		Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022	Keseluruhan jabatan hendaklah mengeluarkan perancangan perolehan bagi tahun 2022 sebelum 31 Disember tahun 2021

5.0 FUNGSI

5.1 Menjadikan Kuala Lumpur Bandaraya Dalam Taman.

5.2 Merancang, merekabentuk dan membangunkan projek-projek landskap, taman-taman dan kawasan rekreasi untuk warga kota berpandukan pelan induk landskap Kuala Lumpur.

5.3 Mengintegrasikan jalinan hijau bagi perkembangan flora dan fauna dalam bandar dengan memperbanyakkan dan mempelbagaikan tanaman pokok-pokok di kawasan bahu jalan, sungai, pejalan kaki serta kawasan-kawasan lapang.

5.4 Penyelenggaraan landskap yang berkualiti, efisyen dan selamat.

5.5 Penguatkuasaan Undang-Undang Kecil Taman (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2012.

5.6 Menjalankan kerja-kerja penyenggaraan pokok rendang bagi tujuan keselamatan dan menjalankan kerja-kerja pembersihan pokok-pokok tumbang, tunggul dan sekah.

5.7 Meluluskan permohonan penggunaan kemudahan awam dan rekreasi di taman-taman awam, padang rekreasi, taman permainan dan sebagainya.

5.8 Menguruskan tapak semaian tanaman untuk keperluan jabatan.

5.9 Menyediakan perkhidmatan hiasan dan sewaan bunga pasu dan bunga keratan mengikut tempahan.

5.10 Memberi khidmat nasihat mengenai landskap dan hortikultur kepada agensi kerajaan, sekolah, badan-badan berunifom dan NGO.

5.11 Menganjurkan aktiviti-aktiviti landskap dan rekreasi yang melibatkan penyertaan orang awam seperti Klinik Perkebunan, Bicara Taman, Kempen Menanam Pokok, Ceramah Bunga Raya dan Orkid.

5.12 Memperbanyakkan penanaman pokok berbunga dan daun berwarna.

5.13 Meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan penyertaan warga kota terhadap alam sekitar dan pembangunan landskap.

5.14 Membantu sektor pelancongan mempromosikan taman-taman bertema dan taman awam sebagai produk dan destinasi pelancongan.

5.15 Mengawalselia pembersihan tandas-tandas awam oleh kontraktor penyelenggaraan Jabatan ke tahap yang memuaskan.

5.16 Mengawal selia perkhidmatan pengawal keselamatan di sekitar taman-taman.

5.17 Melaksanakan Penyelidikan dan Pembangunan

5.18 Menguruskan dan melaksanakan program landskap di tapak-rezab kawasan lapang.

5.19 Membangun dan menyelenggara 400 taman permainan kanak-kanak di sekitar Kuala Lumpur serta memastikan taman permainan kanak-kanak berada di dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	68,018,200	64,345,807	95%

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	32,510,500	25,501,966	78%

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM/AKTIVITI	OBJEKTIF
4/4/2021	Kementerian Wilayah Persekutuan dengan Kerjasama DBKL, Khususnya Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi, telah melaksanakan Perasmian Program Penanaman 1 Juta Pokok di Wilayah Persekutuan di kolam takungan Batu, Kepong. Program telah dirasmikan oleh YBhg Tan Sri datuk Seri Panglima Hj. Annuar Musa.	Perasmian Program Penanaman 1 Juta Pokok di Wilayah Persekutuan	
23/10/2021	Penganjuran secara bersama Jabatan Alam Sekitar WPKL, Jabatan Landskap dan Pembangunan Landskap dan Rekreasi, DBKL, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Alamflora, Jabatan Pengairan dan Saliran WPKL, Persatuan Penduduk dan beberapa NGO sempena Hari Sekitar Negara di Kampung Sungai Penchala pada 23 Oktober 2021. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek) DBKL YBhg. Datuk Hj. Azmi Bin Abd Hamid.	Program Jom tanam 1 Juta Pokok & Komuniti Tanpa Pembakaran Terbuka	
25/11/2021	Penganjuran program penanaman pokok oleh Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi DBKL dan Tetuan Ecoknight Kawasan Lapang Lot 44437, Jalan Tasik Selatan 31, Taman Tasik Selatan	Program Penanaman 'Tree for Us' di Kawasan Lapang Lot 44437, Jalan Tasik Selatan 31, Taman Tasik Selatan anjuran bersama DBKL dan Tetuan Ecoknight	

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

TARIKH	ACARA	KEPUTUSAN
8/12/2021	THE INTERNATIONAL AWARDS FOR LIVEABLE COMMUNITIES 2021 (TECHNOLOGY AND SOLUTION PROJECT)	SILVER AWARD (TAMAN TASIK PEMAISURI)
8/12/2021	THE INTERNATIONAL AWARDS FOR LIVEABLE COMMUNITIES 2021 (TECHNOLOGY AND SOLUTION PROJECT	GOLD AWARD (TAMAN TASIK TITIWANGSA)
8/12/2021	THE INTERNATIONAL AWARDS FOR LIVEABLE COMMUNITIES 2021 (TECHNOLOGY AND SOLUTION PROJECT	SILVER AWARD (TAMAN BOTANI PERDANA)
05/03/2022	HARI LANDSKAP NEGARA	ANUGERAH ROSA SINESIS 2021 (TAMAN BOTANI PERDANA)
25/03/2022	MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECTURE AWARD (MLAA12)	HONOUR AWARD GREEN INITIATIVES AWARD – GOVERNMENT CATEGORY 2021 (PERDANA BOTANICAL GARDEN)

Jabatan Ukur Bahan

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Perkhidmatan Ukur Bahan di DBKL bermula pada 1 Oktober 1976 di bawah Jabatan Arkitek. Pada tahun 1977 ia telah dikembangkan menjadi satu bahagian dibawah Unit Penyelarasan Pembangunan sebelum dengan rasminya menjadi sebuah jabatan pada 1 Oktober 1981.

Dalam proses penyusunan semula organisasi DBKL, pada tahun 1995 Bahagian Pengurusan Perolehan telah diletakkan di bawah Jabatan Ukur Bahan dan dikenali sebagai Jabatan Pengurusan Perolehan dan Ukur Bahan. Walaubagaimanapun bermula pada tahun 2003 Bahagian Pengurusan Perolehan telah dikeluarkan semula dari Jabatan Ukur Bahan untuk diletakkan di bawah Jabatan Pentadbiran.

1.2 Bahagian-Bahagian/Unit-Unit di Jabatan

Struktur Jabatan Ukur Bahan mengandungi 5 Bahagian dan 1 Unit seperti berikut:-

i. Bahagian Bangunan
ii. Bahagian Kejuruteraan
iii. Bahagian Penswastaan dan Teknologi Maklumat
iv. Bahagian Landskap dan Rekreasi
v. Bahagian Infrastruktur Bandar dan Pembangunan Kompetensi
vi. Unit Pentadbiran dan Kewangan

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Jumlah keseluruhan kakitangan di Jabatan Ukur Bahan adalah seramai 48 orang (termasuk 1 Pengarah). Untuk bilangan pegawai (Pengurusan dan Profesional) adalah berjumlah 16 orang. Di mana 4 orang pegawai telah memperolehi pendaftaran secara penuh (Sr.) dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia. Manakala bilangan kakitangan sokongan adalah berjumlah 32 orang.

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi
Menyediakan Perkhidmatan Ukur Bahan Yang Sistematik, Efisyen dan Cemerlang.

2.2 Misi
Komited Dalam Memberi Perkhidmatan Pentadbiran Kontrak, Kawalan Kos dan Pengurusan Projek Dengan Cekap dan Telus.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Memberi perkhidmatan kepakaran Ukur Bahan di peringkat Pra-Kontrak yang meliputi perkhidmatan-perkhidmatan berikut:-

3.1.1 Menyediakan **Dokumen Tender Perolehan Kerja dan Perunding** dalam tempoh **1 bulan** selepas menerima dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana.

3.1.2 Menyemak **Dokumen Tender Perolehan Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan** yang dikemukakan oleh jabatan pelaksana serta memberi khidmat nasihat prosidur kontrak dalam tempoh **2 minggu untuk semakan kali pertama dan 1 minggu untuk semakan kali kedua** selepas penerimaan dokumen daripada Jabatan Pelaksana.

3.1.3 Menyemak **Dokumen Kerja Undi** yang dikemukakan oleh jabatan pelaksana dalam tempoh **3 hari** selepas penerimaan dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana.

3.1.4 Menyediakan **Anggaran Kos Projek** dalam tempoh **3 minggu** selepas menerima dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana.

3.2 Memberi perkhidmatan kepakaran Ukur Bahan di peringkat Pasca-Kontrak yang meliputi perkhidmatan-perkhidmatan berikut:-

3.2.1 Menyelaras **Kadar Harga** dan **Pecahan Harga Tender** dalam tempoh **6 minggu** selepas penerimaan dokumen tender yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana.

3.2.2 Menyediakan **Sijil Bayaran Kemajuan** dalam tempoh **4 hari** dari mengisi maklumat bayaran yang lengkap di dalam sistem bayaran.

3.2.3 Menyediakan Arahan Perubahan (**Kelulusan Perubahan Kerja (KPK), Kelulusan Kuantiti Sementara (KKS)** dan **Perubahan Wang Peruntukan Sementara (WPS))** bagi setiap kerja-kerja perubahan dalam tempoh **1 bulan** selepas penerimaan dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana/ pengesyoran Perunding.

3.2.4 Menyediakan **Penyata Perakuan Muktamad Kontraktor** dikeluarkan dalam tempoh berikut :-

a. **Projek Konvensional - 3 bulan** selepas tamat Tempoh Liabiliti Kecacatan (DLP) atau **3 bulan** selepas keluar Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) mengikut mana yang kemudian tertakluk kepada kelulusan perubahan kerja terakhir**.**

b. **Projek Reka dan Bina - 6 bulan** selepas keluar Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) tertakluk kepada kelulusan perubahan kerja terakhir**.**

3.2.5 Menyediakan **Penyata Perakuan Muktamad Perunding** dalam tempoh **3 bulan** selepas Penyata Perakuan Muktamad kontraktor ditandatangani tertakluk kepada kelulusan pelarasan fi terakhir perunding.

3.3 Mengkaji dan menganalisa **Kos Pembangunan Projek** bagi projek-projek penswastaan dalam tempoh **3 minggu** dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

4.1 KPI Jabatan Tahun 2021

Jadual 4.1: Bilangan KPI Jabatan adalah 11 dan Pencapaian Keseluruhan KPI Jabatan adalah 100% Bagi Tahun 2021

BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN TAHUN 2021 (%)
1	Memastikan kehadiran 4 hari berkursus setahun bagi semua pegawai dan kakitangan jabatan.	100%	100%
2	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	100%	-
3	Menguruskan perbelanjaan secara berhemah dengan memastikan perbelanjaan melebihi 90% daripada peruntukan tahun 2021	100%	100%
4	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022	100%	-
5	Memastikan 90% Bayaran Interim disediakan dalam tempoh 4 hari bekerja dari tarikh penilaian tapak/tarikh pengesyoran diterima	100%	100%
	Memastikan 90% Sijil Perakuan Muktamad Kontraktor dikeluarkan dalam tempoh Liabiliti Kecacatan (DLP) atau 3 bulan selepas keluar Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) mengikut mana yang kemudian	100%	100%
	Memastikan 90% Sijil Perakuan Muktamad Perunding dikeluarkan dalam tempoh 3 bulan selepas Sijil Perakuan Muktamad Kontraktor dikeluarkan	100%	100%
6	Memastikan Jadual Cut-Off bagi penilaian tawaran disediakan tidak melebihi 3 hari dari tarikh arahan kepada pegawai	100%	100%

BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN TAHUN 2021 (%)
7	Memastikan 90% Draf Dokumen Tender yang disemak kali Pertama tidak melebihi 14 hari dan semakan kali Kedua tidak melebihi 7 hari	100%	100%
8	Memastikan perisian Build Space digunakan bagi tujuan penyediaan Senarai Kuantiti (BQ), anggaran kos dan arahan perubahan kerja untuk sekurang-kurangnya 20 senarai projek	100%	100%
9	Anggaraan Kos Kerja Tender disediakan dalam tempoh 3 minggu dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap dari Jabatan Pelaksana	100%	100%
10	Anggaraan Kos Kerja Sebutharga disediakan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap dari Jabatan Pelaksana	100%	100%
11	Memastikan Jadual Kadar Harga untuk Pelaksanaan Tender Bagi Kontrak Kerja dikemaskini selewat-lewatnya pada November 2021	100%	100%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhannya

5.1.1 Menyediakan dan menyelaras perancangan kos bagi projek-projek pembangunan DBKL mengikut tatacara yang ditetapkan bagi kerja-kerja bangunan, kejuruteraan, infrastruktur, landskap, pengangkutan bandar, penyelenggaraan dan teknologi maklumat

5.1.2 Menyelaras dan mengurus dokumen perolehan kerja

5.1.3 Mengurus dan melaksana pentadbiran kontrak bagi kawalan kontrak kerja

5.1.4 Menilai dan memberi khidmat nasihat berkaitan tuntutan pentadbiran kontrak

5.1.5 Mengurus dan memberi khidmat nasihat pentadbiran kontrak bagi projek penswastaan dan aset ICT

5.2 Fungsi Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Menyedia dan Menyelaras Perancangan Kos Bagi Projek-Projek DBKL:-

a. Penyediaan Anggaran Kos Awalan (PDA) Untuk Peruntukan Projek
b. Penyediaan Anggaran Kos Berdasarkan Rekabentuk Awalan
c. Penyediaan Anggaran Kos Pra-Tender
d. Penyediaan ATDA Bagi Kontrakor Yang Berjaya
e. Penyediaan ACDA Bagi Penyata Akaun Muktamad

5.2.2 Penyediaan/Semakan Dokumen Perolehan:-

a. Penyediaan Dokumen Perolehan Kerja dan Perunding
b. Menyemak Dokumen Perolehan Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan

5.2.3 Pentadbiran Kontrak Bagi Kawalan Kos Kontrak Kerja:-

a. Menyelaras Kadar Harga dan Pecahan Harga Tender
b. Penyediaan Sijil Bayaran Kemajuan
c. Penyediaan Arahan Perubahan Kerja
d. Penyediaan Penyata Perakuan Muktamad Kontraktor

5.2.4 Pentadbiran Kontrak Bagi Tuntutan Kontrak:-

a. Menyemak dan Menilai Tuntutan 'Loss and Expense'
b. Menyemak dan Menilai Fi Abortif Bagi Perunding
c. Menyemak dan Menilai Tuntutan Kontraktor Disebabkan Penamatan Bersama (mutual Termination)
d. Menilai Gantirugi Datuk Bandar Disebabkan Penamatan Kontrak

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	102,300.00	94,160.48	92.04

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

7.1 Menyediakan Anggaran Kos dan Perancangan Kos

Bagi sepanjang tahun 2021 jabatan telah terlibat di dalam menyediakan anggaran–anggaran kos bagi **56 projek** yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender dan sebutharga. Anggaran kos tersebut adalah bagi perolehan secara tender dan sebutharga dengan nilai anggaran kos keseluruhan berjumlah **RM305 juta**.

7.2 Menyediakan Dokumen Tender dan Sebutharga

Sebanyak **34 Dokumen Tawaran** telah disediakan bagi perolehan secara Tender dan Sebutharga di sepanjang tahun 2021. Perincian bilangan dan peratusan berdasarkan kategori dokumen perolehan adalah seperti berikut:

Jadual 7.2: Statistik Penyediaan Dokumen Tender dan Sebutharga Tahun 2021

KATEGORI PENYEDIAAN DOKUMEN	JUMLAH	PERATUSAN
Dokumen Tender	30	88 %
Dokumen Sebutharga	4	12%
JUMLAH	**34**	**100%**

7.3 Menyemak Dokumen Tender / Sebutharga dan Kerja Undi


Deraf-deraf dokumen bagi perolehan tender dan sebutharga yang disediakan oleh Jabatan Pelaksana, ianya perlu melalui proses semakan oleh Jabatan Ukur Bahan bagi memastikan ianya sempurna dan teratur bagi tujuan tender.

Selain daripada dokumen tender dan sebutharga, dokumen-dokumen perolehan secara kerja undi juga perlu melalui proses semakan oleh Jabatan Ukur Bahan sebelum proses undi dilaksanakan.

Pecahan dan peratusan semakan dokumen 2021 mengikut kategori adalah seperti berikut:

Jadual 7.3.1: Statistik Penyemakan Dokumen Tender/ Sebutharga dan Kerja Undi untuk Tahun 2021

KATEGORI SEMAKAN DOKUMEN	JUMLAH	PERATUSAN
Semakan Dokumen Tender/ Sebut Harga	502	51%
Dokumen Kerja Undi	483	49%
JUMLAH	**985**	**100%**



Carta 7.3.2 Pecahan Penyemakan Dokumen Tender/ Sebutharga dan Kerja undi Tahun 2021

7.4 Menyediakan Sijil Bayaran Interim Projek

Penilaian ke atas kemajuan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor perlu dibuat secara progresif bagi memastikan pembayaran yang dibuat adalah bersesuaian dan tepat.

Jabatan Ukur Bahan bertanggungjawab di dalam menilai kemajuan kerja di tapak bina dan seterusnya membuat pengesyoran pembayaran melalui Sijil Bayaran Interim Projek. Bagi tahun **2021** sebanyak **300 sijil** telah disyorkan oleh Jabatan Ukur Bahan di mana melibatkan keseluruhan pengesyoran bayaran lebih kurang **RM292 juta.**

7.5 Menyediakan Perakuan Muktamad Projek

Di dalam memuktamadkan akaun sesuatu projek, satu komitmen yang tinggi diperlukan oleh Juruukur Bahan Projek. Ini adalah bagi memastikan ianya dapat disempurnakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan di samping perlu memastikan segala tuntutan-tuntutan yang dikemukakan kontraktor seperti kerja-kerja pengukuran semula, arahan perubahan, tuntutan bagi kerugian & perbelanjaan *(loss & expenses)* dan lain-lain lagi adalah sah serta teratur.

Bagi tahun **2021** sebanyak **29 Perakuan Muktamad** projek telah berjaya dimuktamadkan dan **8 projek** telah dinilaikan bagi tuntutan kerugian dan perbelanjaan *(loss & expenses)* oleh Jabatan Ukur Bahan .

8.0 PENCAPAIAN JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021


8.1 Penghasilan Jadual Kadar Harga Piawai Kerja (2021-2023)

Kadar harga di dalam Jadual Kadar Harga ini biasanya digunakan sebagai rujukan untuk perkiraan kos bagi Tender Kerja DBKL sahaja selama 3 tahun. Ianya juga boleh digunakan untuk mengira harga Kerja-kerja Perubahan di dalam mana-mana kontrak DBKL yang berasaskan Senarai Kuantiti dan Spesifikasi. Pengguna utamanya adalah Juruukur Bahan dan kontraktor binaan komersial.

Jika terdapat butir-butir kerja yang kadar harganya tidak terdapat di dalam Jadual Kadar Harga ini, harga persetujuan bolehlah digunakan secara *"pro-rata"* dari jadual kadar harga tersebut.

Kadar Harga ini telah meliputi kos-kos bahan bina, pemasangan, pengangkutan, tenaga buruh dan termasuk kos óverhead' serta keuntungan.

Kadar-kadar harga ini adalah berasaskan nilai kerja-kerja di Kawasan Kuala Lumpur sahaja.



Gambar 8.1: Jadual Kadar Harga Piawai Kerja (2021-2023)

Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Kerja Awam telah digabungkan dengan Jabatan Saliran dan Pengurusan Sungai semasa penstrukturan semula Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 1 Julai 2011 dan dikenali dengan nama Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran (JKAWS). Jabatan ini bertanggungjawab dalam melaksanakan fungsi pengurusan, penyelenggaraan dan pembinaan projek infrastruktur jalan, jambatan, sungai, cerun, parit induk, tebatan banjir dan lain-lain fungsi yang berkaitan.

Ringkasan perjawatan bagi Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran adalah seperti berikut:

KATEGORI	JUMLAH
Kumpulan Pengurusan & Profesional	35
Kumpulan B	70
Kumpulan C	64
Kumpulan D dan IMG	301
JUMLAH	**470**

2.0 VISI DAN MISI JABATAN

2.1 Visi
Ke arah pelaksanaan rangkaian jalan, jambatan, cerun dan sungai selamat, indah dan berkualiti.

2.2 Misi
Menjadikan rangkaian jalan, jambatan, cerun dan sungai mengikut piawaian, berkualiti dan bertaraf dunia

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Membaiki kerosakan jalan berlubang berskala kecil (berkeluasan < 100 meter persegi) di dalam Pusat Bandar dalam tempoh 24 jam dari tarikh aduan diterima atau penemuan kerosakan oleh tenaga Jabatan (kecuali kerosakan jalan yang disebabkan oleh paip air / pembentungan yang bocor / rosak).

3.2 Membaiki kerosakan jalan berskala besar (berkeluasan > 100 meter persegi) dalam tempoh 1 bulan dari tarikh kontraktor dilantik.

3.3 Membaiki kerosakan longkang berskala kecil (panjang < 5 meter) dalam tempoh 3 hari bekerja, dari tarikh aduan diterima atau penemuan kerosakan oleh tenaga Jabatan (kecuali kerosakan longkang yang disebabkan oleh akar pokok/pembinaan struktur haram).

3.4 Mengambil tindakan awalan (pembersihan runtuhan dan perlindungan) ke atas runtuhan cerun dalam rezab jalan dalam tempoh 48 jam dari masa maklumat diterima.

3.5 Memproses permohonan kebenaran pengorekan jalan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3.6 Menjalankan kerja-kerja pembersihan sungai 3 kali seminggu sepanjang 84 km untuk sebanyak 17 batang sungai.

3.7 Menjalankan kerja-kerja pemeriksaan berkala untuk parit induk 2 kali setahun

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
	PELAKSANAAN PENYELENGGARAAN		
1	Menurap semula jalan-jalan awam yang mempunyai kerosakan sepanjang 60 km.	Memastikan 100% 60 km jalan-jalan awam yang rosak diturap semula sehingga akhir 2021.	79.26%
2	Pengeluaran kelulusan permit ke atas permohonan permit dan izinlalu bagi kerja korekan di rizab jalan awam dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh mesyuarat Jawatankuasa Task Force Permohonan Korekan Jalan JKAWS.	Mensasarkan pengeluaran kelulusan permit 60% dari jumlah permohonan dibuat dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh mesyuarat Jawatankuasa *Task-Force* Korekan Jalan JKAWS.	106.5%
3	Penutupan fail permit kerja korekan dari tahun 2020 ke bawah.	Mensasarkan penutupan fail permit kerja korekan sebanyak 500 fail setahun dari tahun 2020 dan ke bawah.	100%
4	PSDT : Bilangan tindakan baikpulih kerosakan di jalan-jalan awam dalam Central Business District mematuhi model tempoh masa penyelenggaraan yang ditetapkan.	Memastikan 90% kerosakan jalan / lubang < 3m² yang diterima melalui aduan awam dan rondaan dibaiki dalam tempoh 24 jam.	100%
5	Mensasarkan penyelesaian 100% di 15 lokasi yang sering dilanda banjir kilat.	Menangani masalah banjir di 15 lokasi banjir kilat.	100%
6	Menyelenggara parit-parit induk sepanjang 143km.	Memastikan 100% parit induk diselenggara mengikut jadual.	100%
7	Memastikan kerja pembersihan kesemua 19 perangkap sampah terapung dilaksanakan setiap hari.	100%	100%
8	Memastikan pembersihan semak samun dilaksanakan di 123 km rezab sungai dan 16 kawasan kolam takungan banjir mengikut jadual.	100%	100%
9	Pemeriksaan berkala terhadap 264 lokasi cerun di atas rezab kerajaan.	Memastikan 264 lokasi cerun diperiksa secara berkala.	100%
10	Pembaikan laluan pejalan kaki 3 km panjang di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	Memastikan 3 km laluan pejalan kaki di baiki di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	100%
11	Pemeriksaan berkala terhadap 177 unit jambatan/ *flyover* di Kuala Lumpur.	Memastikan 177 unit jambatan/ *flyover* diperiksa secara berkala.	100%
	MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (*CUSTOMER FOCUS*)		
12	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan.	100% pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun.	100%
13	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	Menyelesaikan 95% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP).	67%
	MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS *(TRANSPARENCY)*		
14	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2021.	92.64%
15	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023	Mensasarkan 12 perancangan perolehan projek baru dilaksanakan bagi tahun 2022	100%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

- Menyelenggara rangkaian jalan awam, longkang tepi jalan, lorong belakang / sisi dan tembok penahan dalam rezab jalan.
- Memproses permohonan permit korekan jalan oleh syarikat / agensi utiliti seperti TNB, Telekom, IWK dan Air Selangor.
- Mengurus pembinaan projek jalan, jambatan, jejambat, terowong dan persimpangan bertingkat.
- Melaksanakan kerja-kerja baik pulih cerun runtuh di rezab jalan dan kawasan cerun di bawah DBKL serta menyelenggara dan membaikpulih jambatan, jejambat dan terowong kenderaan.
- Merancang, mengurus dan melaksana projek-projek Tebatan Banjir, kerja- kerja menaiktaraf sistem perparitan, pembinaan kolam takungan banjir dan rumah pam kawalan banjir.
- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi memelihara kebersihan estetik, kapasiti hidraulik parit utama untuk mengurangkan risiko banjir seperti pembersihan kelodak, semak samun, sampah, pembaikan parit induk, pembinaan kecil sistem saliran bandar.
- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi memelihara kebersihan, memelihara estetik, kapasiti hidraulik sungai untuk mengurangkan risiko banjir seperti pembaikan tebing, kutipan sampah dan pembersihan kelodak serta membersihkan kolam takungan banjir.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

- Sokongan kepada semua bahagian yang ada di Jabatan
- Mengawal selia hal-hal pejabat, pengurusan rekod, kebajikan kakitangan serta pengurusan kerjaya kakitangan
- Memastikan pengurusan kewangan Jabatan diuruskan secara berhemah.

5.2.2 BAHAGIAN KEJURUTERAAN AWAM

Unit Penyelenggaraan Jalan

- Membuat program pembaikan/ penyelenggaraan berjadual untuk infrastruktur jalan mengikut bajet.
- Menyelenggara rangkaian jalan-jalan awam, longkang-longkang tepi jalan, lorong-lorong belakang/sisi, pagar keselamatan pejalan kaki/ jalanraya/ terowong dan papan tanda jalan awam**.**
- Mengemaskini buku senarai pengisytiharan jalan dan menemukan Borang MARRIS kepada Kementerian Kewangan bagi tujuan mendapatkan 'grant'.
- Membuat pemeriksaan berkala, menyediakan laporan terhadap kerosakan - kerosakan dan melaksanakan kerja - kerja penyelenggaraan longkang, jalan, perabot jalan, penandaan jalan dan lain-lain kerja berskala kecil oleh tenaga jabatan.
- Melaksanakan kerja-kerja segera berskala kecil dan bantuan awal kecemasan terhadap insiden-insiden seperti tanah runtuh, tanah jerlus, paip pecah dan sebagainya dari masa ke masa.
- Mengurus aduan awam (melalui Adu@KL, surat, telefon, dll).

Unit Projek Jalan dan Jambatan

- Mengenal pasti lokasi / keperluan projek.
- Menyediakan laporan penilaian perunding untuk dibentang kepada Jawatankuasa Penilaian Perunding peringkat Jabatan.
- Menyediakan Dokumen Perjanjian perunding. Deraf Dokumen Perjanjian perlu disemak oleh Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan.
- Membuat ulasan terhadap rekabentuk yang disediakan dan mengemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) untuk kelulusan.
- Menyediakan dan mengemukakan Dokumen Tender kepada JP, BPP untuk panggilan tender. Deraf Dokumen Tender perlu disemak oleh Jabatan Ukur Bahan. Sekiranya projek dilaksanakan sehingga peringkat rekabentuk sahaja, peringkat seterusnya diserahkan kepada Bahagian Projek.

- Memantau kemajuan kerja-kerja rekabentuk yang dilaksanakan oleh perunding dan menyediakan sijil bayaran kepada perunding mengikut kemajuan.
- Membuat ulasan terhadap rekabentuk yang disediakan dan mengemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) untuk kelulusan.

Unit Permit Utiliti

- Memproses permohonan permit korekan jalan bagi pemasangan utility di dalam rizab jalan oleh agensi utiliti/ pemaju seperti TNB, IWK, Pengurusan Air Selangor dan Syarikat Telekomunikasi.
- Menyelaraskan kerja korekan jalan di dalam rizab jalan awam dan di laluan siar kaki di WPKL oleh agensi utiliti dan pemaju.
- Memproses tuntutan kos gantirugi dan membaikpulih lubang gali.
- Menyelaras kerja-kerja membaikpulih lubang gali oleh agensi utiliti / pemaju di dalam rizab jalan awam sahaja.
- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi membaikpulih semula jalan yang melibatkan bekas korekan di dalam rizab jalan awam.
- Menyelaras kebenaran kerja-kerja kecemasan yang melibatkan pengorekan jalan disebabkan insiden paip pecah, kerosakan kabel elektrik dan telekomunikasi dan paip pembetungan awam di rizab jalan awam.
- Menyelaras kebenaran bagi pembaikan kerosakan penutup lurang oleh agensi utiliti di dalam rizab jalan awam.
- Melaksanakan pemeriksaan berkala ke atas kerja korekan dan menyemak aduan awam yang diterima serta menilai kerosakan disebabkan kerja-kerja agensi atau pemaju di dalam rizab jalan awam.
- Mengeluarkan notis kompaun / pengesyoran kepada Jabatan Penguatkuasaan untuk notis kompaun kepada agensi utiliti / pemaju yang menjalankan kerja tanpa kebenaran atau tidak mematuhi kepada syarat yang telah ditetapkan.

Unit Cerun

- Menyediakan dan mengemas kini inventori cerun di rezab jalan dan kawasan hijau di bawah kawalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, termasuk pengkalan data ciri-ciri geologi dan geoteknikal cerun.
- Menjalankan penyiasatan forensik untuk insiden cerun runtuh di rezab jalan dan di kawasan kawalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- Menjalankan pemeriksaan berkala untuk cerun dan mengesyorkan kerja-kerja penyelenggaraan tembok penahan dan rezab jalan secara berkala.
- Melaksanakan kerja-kerja baik pulih cerun runtuh di rezab jalan dan kawasan cerun di bawah DBKL.
- Berurusan dengan pakar geoteknikal dari agensi lain dan pemilik-pemilik tanah yang terlibat dengan insiden cerun runtuh skala besar di Kuala Lumpur mengenai kerja baik pulih jangka masa pendek dan jangka masa panjang.
- Menjalankan pemeriksaan cerun dalam rezab jalan atau kawasan milik DBKL yang diserahkan untuk tujuan pengambilalihan penyelenggaraan.
- Merancang dan melaksanakan kerja cerun tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP).

5.2.3 BAHAGIAN SALIRAN

Unit Projek Saliran

- Merancang, melaksanakan dan menyelenggara sistem saliran utama bagi tebatan banjir dan mengatasi masalah banjir kilat.
- Melaksanakan secara strategik Cadangan Pelan Induk Saliran Bandar dan Pengurusan Air Hujan Kuala Lumpur.
- Menguruskan projek-projek tebatan banjir menggunakan kaedah berstruktur dan tidak berstruktur.
- Membina dan menaik taraf kapasiti sungai – sungai kecil.
- Membina kolam takungan banjir dan rumah pam.
- Menguruskan sistem amaran banjir termasuk papan tanda elektronik dan sistem siren.
- Merancang dan melaksanakan program *'waste water treatment plant'* di bawah projek *'River of Life'*.

Unit Parit Induk

- Mengurus dan merangka program penyelenggaraan, pembaikan dan pembersihan sistem perparitan induk yang sistematik, teratur dan terancang seperti pembersihan semak samun, pengorekan kelodak, pembaikan struktur parit induk dan menyelenggara pagar keselamatan parit induk.
- Menerima dan menyiasat aduan yang berkaitan sistem perparitan induk.
- Menjalankan kerja-kerja kecemasan yang berkaitan sistem perparitan induk.

Unit Penyelenggaraan Sungai

- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berjadual bagi memelihara kebersihan, memelihara estetik, memelihara kapasiti hidraulik sungai untuk mengurangkan risiko banjir seperti berikut:
- Kutipan sampah, pembersihan semak-samun, pembersihan kelodak dan pembaikan tebing sungai.
- Pembersihan kolam dan pembaikan tebing Kolam Takungan Banjir.
- Kerja – kerja kecemasan selepas hujan.
- Membuat penyelarasan dengan agensi-agensi yang berkaitan dengan sungai seperti JPS, JAS, Pejabat Tanah, Kerajaan Negeri Selangor dan lain-lain.
- Melaksanakan kerja-kerja untuk mengawal kualiti air kolam takungan banjir dan tasik supaya terjamin.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	195,473,000.00	191,818,693.00	98.13

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN (%)
Bajet Mengurus	218,044,622.24	190,004,083.82	87.14

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

Unit Penyelenggaraan Jalan

- Jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi kerja-kerja penyelenggaraan sepanjang tahun 2021 ialah **RM 125,376,227.00**
- Aktiviti Penyelenggaraan Jalan:
  i. Membaik pulih dan menurap semula jalan utama/protokol di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

LEBUHRAYA TIMUR BARAT



SEBELUM



SELEPAS

ii. Projek-projek Menaik taraf Jalan-jalan dan Pembinaan Jalan Di Seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

JALAN TUNKU ABDUL HALIM



SEBELUM



SELEPAS

iii. Penyelenggaraan Jalan-jalan Dalam Kawasan Taman-taman Perumahan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

TAMAN DESA AMAN



SEBELUM



SELEPAS

TAMAN SRI RAMPAI



SEBELUM



SELEPAS

iv. Mempertingkatkan Lorong-lorong Sisi dan Belakang Di Seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

CHANGKAT THAMBY DOLLAH



SEBELUM



SELEPAS


v. Penyelenggaraan Kecil Jalan

SUSUR KELUAR JALAN KINABALU



SEBELUM

JALAN 1/2B TAMAN SRI MURNI



SELEPAS

vi. Penyelenggaraan Kecil Longkang

JALAN HELANG LAUT



SEBELUM



SELEPAS

- Aktiviti Pembinaan Infrastruktur Di Kampung-kampung

  Kerja-kerja pembinaan infrastruktur dan menaikkan taraf jalan-jalan di kampung-kampung baru dan kampung-kampung tradisi juga telah dilaksanakan dengan perbelanjaan keseluruhan sebanyak **RM 494,298.00.**

i. Pembinaan Infrastruktur Di Kampung Tradisi

KAMPUNG PUAH



SEBELUM



SELEPAS

ii. Kerja-kerja Penyelenggaraan Siarkaki dan Pagar

PERSIARAN ARA KIRI



SEBELUM



SELEPAS

iii. Program Penurapan Melibatkan Komuniti Penduduk dan Pejabat Cawangan

PPR SRI MULIA, TAMAN MULIA




SEBELUM



SELEPAS

- Pengurusan Aduan Awam

  Sepanjang tahun 2021, sebanyak 13,634 tindakan pembaikan oleh tenaga jabatan telah diselesaikan berdasarkan rondaan dan aduan pelbagai sumber yang diterima.



7.2 Unit Projek Jalan dan Jambatan

7.2.1 Aktiviti Unit Projek Jalan dan Jambatan

i. Cadangan Menaik taraf Persimpangan Jalan Manis/ Jalan Persiaran Lemak, Kuala Lumpur



SEBELUM



SELEPAS

ii. Cadangan Menaiktaraf Jalan di Jalan Cerapu / Jalan Cerapu 1, Cheras, Kuala Lumpur



SEBELUM



SELEPAS

iii. Cadangan Membina Laluan Pejalan Kaki dan Kemudahan Rekreasi di Sungai Bonus Dari Jalan Hamzah ke Jalan Raja Abdullah Kg. Bharu, Kuala Lumpur



SEBELUM



SELEPAS

7.2.2 Kerja-Kerja Membaikpulih *Expansion Joint*

i. Kerja membaikpulih *expansion joint* di Bulatan Batu Caves



SEBELUM



SELEPAS


7.3 Unit Permit Utiliti

7.3.1 Aktiviti Kerja Unit Permit Utiliti

i. Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* (MJTF) juga diadakan pada setiap minggu sepanjang tahun 2021 bagi mendapatkan keputusan dan kelulusan bagi setiap permohonan baru. Disebabkan oleh kekangan dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang diumum oleh kerajaan, MJTF dilakukan secara dalam talian serta bersemuka (jabatan dalaman sahaja) selaras dengan SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

ii. Lawatan Task Force Secara Berkala diadakan dengan kekerapan dua kali sebulan bagi pemantauan secara mengejut ke atas kerja-kerja pemegang permit yang telah mendapat kelulusan.





iii. Kerja-kerja turapan utiliti oleh kontraktor berpenggal DBKL dijalankan sekiranya pihak syarikat utiliti gagal untuk membaikpulih bekas korekan pada masa yang diarahkan.



iv. Lawatan tapak bersama untuk pemulangan deposit diadakan setelah pihak syarikat utiliti memaklumkan kerja-kerja baikpulih bebas korekan telah siap sepenuhnya. Ini bagi memastikan kerja-kerja baikpulih yang dilakukan di tapak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Jabatan.



7.3.2 Permohonan Permit dan Kerja Kecemasan Serta Mengikut Kaedah Kerja Korekan dan Panjangnnn Korekan Bagi Tahun 2021

BIL	JENIS PERMOHONAN	NORMAL	KECEMASAN	TRENCHLESS (Meter)	KOREKAN TERBUKA (Meter)
1	Paip Air	66	14,400	372.20	26,304.05
2	Elektrik	108	649	12,569.74	20,046.59
3	Pembentungan	49	47	3,757.28	4,942.06
4	Telekomunikasi	217	228	66,566.00	7,536.00
5	Pemaju / Swasta	98	-	35,663.00	13,678.20
	JUMLAH	**538**	**16,544**	**118,928.22**	**72,506.90**

Trenchless: Horizontal Directional Drilling (HDD), Pipe Jacking & Microtrenching

7.3.3 Jumlah Kutipan Anggaran Caj Gantirugi dan Caj Baikpulih (Deposit) Bagi Tahun 2021

BIL	JENIS PERMOHONAN	CAJ GANTIRUGI (RM)	CAJ BAIKPULIH (DEPOSIT) (RM)
1	Paip Air	1,289,723.50	14,638,735.27
2	Elektrik	1,373,291.55	2,413,029.12
3	Pembentungan	355,951.40	3,349,270.97
4	Telekomunikasi	2,372,862.49	14,411,962.12
5	Pemaju / Swasta	2,207,810.00	11,564,502.00
	JUMLAH	**7,599,638.94**	**46,377,499.48**

7.3.4 Penggantian Penutup Manhole Kepada Pre-Cast Concrete (PCC) Slab Gred 50 Bagi Tahun 2021

BIL	AGENSI UTILITI	JUMLAH
1	Tenaga Nasional Berhad	0
2	Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.	280
3	Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	219
4	Telekom Malaysia Berhad	0
5	TT Dotcom Sdn. Bhd.	39
6	Celcom Networks Sdn. Bhd.	0
7	Maxis Berhad	46
8	Digi Telecommunications Sdn. Bhd.	0
9	Gas Malaysia Sdn. Bhd.	3
10	Fibrerail Sdn. Bhd.	0
	JUMLAH	**587**

7.3.5 Ringkasan Data Jumlah Pemulangan Wang Deposit dan Jumlah Fail Utiliti Yang Ditutup Bagi Tahun 2021

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Wang Deposit Yang Dipulangkan Ke Syarikat Utiliti / Pemohon	RM 13,901,916.32
2	Wang Deposit Yang Dipotong (Caj Gantirugi, Caj Baikpulih & Caj Perkhidmatan)	RM 10,515,133.25
3	Fail Utiliti Yang Ditutup	1224

7.3.6 Kerja-kerja pengisaran, penurapan jalan dan kerja-kerja Thermal Patcher oleh Kontraktor Berpenggal Utiliti (TCU) telah dijalankan di 22 lokasi dengan jumlah kos RM 7,910,630.85 pada tahun 2021

7.4 Unit Cerun

Di sepanjang tahun 2021, Unit Cerun, JKAWS telah menjalankan sebanyak 31 kerja-kerja membaikpulih cerun runtuh di WPKL di mana 20 projek telah siap. Jumlah kos yang terlibat adalah berjumlah **RM13,126,000.00.**

7.4.1 Kerja-Kerja Pembaikan Cerun



SEBELUM



SELEPAS

i. Kerja-Kerja Pembaikan Cerun dan Kerja-kerja Berkaitan Di No 76, Jalan Bangkung, Taman Bandaraya, Kuala Lumpur

ii. Kerja-Kerja Pembaikan Cerun dan Kerja-Kerja Berkaitan Di E37 Lebuhraya Salak, Berhampiran Susur Keluar Besraya



SEBELUM



SELEPAS

iii. Kerja-Kerja Pembaikan Cerun dan Kerja Berkaitan Di Jalan 1/27E, Seksyen 10, Wangsa Maju, Kuala Lumpur



SEBELUM



SELEPAS

7.5 Unit Projek Saliran

Unit telah melaksanakan **6 projek** dengan kos keseluruhan **RM 37,245,246.48**

7.5.1 Aktiviti Projek Sliran:

i. Cadangan Naiktaraf Sistem Perparitan Di Sekitar Jalan Udang Pasir 3, Kepong dan Kawasan Sekitarnya



SEBELUM



SELEPAS

ii. Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Tembok Penahan Tebing Tasik, Taman Tasik Manjalara, Kepong



SEBELUM



SELEPAS

iii. Cadangan Mempertingkatkan Sistem Saliran Kawasan Tadahan Sungai Bunus Di Jalan Usahawan 5, Jalan Usahawan 6 dan Sebahagian Jalan Usahawan, Kuala Lumpur



SEBELUM



SELEPAS

iv. Cadangan Mempertingkatkan Sistem Perparitan Induk dan Sistem Pengurusan Air Hujan Di Taman Bukit Mas, Kuala Lumpur



SEBELUM



SELEPAS

v. Cadangan Mempertingkatkan Sistem Perparitan Induk Untuk Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Lorong Kiri 15, Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur



SEBELUM



SELEPAS

vi. Cadangan Projek Tebatan Banjir Di Jalan Universiti Malaya, Kuala Lumpur Secara 'Design And Build'




SEBELUM | SELEPAS

7.6 Unit Parit Induk

7.6.1 Kerja-Kerja Pembinaan, Penyenggaraan dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Untuk Sistem Perparitan Induk Bagi Tahun 2021:

i. Kerja-kerja Pembersihan Kelodak




SEBELUM | SELEPAS

ii. Kerja-kerja Pembersihan Semak Samun





SEBELUM | SELEPAS

iii. Kerja-kerja Kecemasan / Segera



SEBELUM



SELEPAS

7.7 Unit Penyelenggaraan Sungai

Kerja-kerja pembinaan, penyenggaraan, pembersihan dan kerja-kerja lain yang berkaitan dengan sungai-sungai dan kolam-kolam takungan banjir adalah melibatkan jajaran sungai sepanjang 128.3 km dan 16 buah kolam takungan banjir dibawah penjagaan DBKL. Untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut, Unit ini telah diperuntukkan bajet sejumlah RM 30 juta dan telah membelanjakan sebanyak RM 29.74 juta (99.13%).

7.7.1 Aktiviti-Aktiviti Penyelenggaraan Sungai:

i. Pembersihan Sampah di *Floating Boom* Jalan Metro Prima Kepong (Sungai Keroh)



SEBELUM



SELEPAS

ii. Pembersihan Sampah di Statik Skrin Jalan Udang Gantung 4, Taman Megah (Sungai Jernih)



SEBELUM



SELEPAS

iii. Kerja-Kerja Pembersihan Sampah Sarap Di Dalam 'GPT' Berhampiran Jalan Keramat, Keramat



SEBELUM



SELEPAS

iv. Kerja-kerja Pembersihan Semak Samun Di Sungai Bunus Berhampiran IJN



SEBELUM



SELEPAS

v. Kerja-kerja Pembersihan Kelodak dan Bahan-bahan Batuan Di Segambut Dalam (Sungai Toba)



SEBELUM



SELEPAS

vi. Kerja-kerja Pembersihan Kelodak dan Bahan-bahan Batuan Di Segambut Dalam (Sungai Toba)



SEBELUM



SELEPAS

v. Kerja-kerja Pemotongan Pokok Tumbang Di Jajaran Sungai Toba



SEBELUM



SELEPAS

Jabatan Pengangkutan Bandar

1.0 LATAR BELAKANG

Pada 1 Ogos 2015 Jabatan Pengangkutan Bandar telah digabungkan dengan Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran dan dikenali sebagai Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar (JKPB).

Pihak pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan penyelarasan semula fungsi Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar (JKPB) dan melibatkan penjenamaan semula serta pewujudan jabatan kepada **Jabatan Pengangkutan Bandar (JPB)** berkuatkuasa pada **3 September 2019**.
Jabatan ini mempunyai seramai 214 orang kakitangan yang terdiri dari pelbagai gred dan terbahagi kepada 5 bahagian utama iaitu:-

i. Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
ii. Bahagian Pengangkutan Awam
iii. Bahagian Pengurusan dan Kawalan Lalulintas
iv. Bahagian Pengurusan Kuala Lumpur Command and Control Centre (KLCCC)
v. Depoh Penyelenggaraan, Sungai Besi.

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi
Mewujudkan sistem pengurusan lalulintas di Kuala Lumpur setaraf dengan bandaraya utama dunia.

2.2 Misi
Menjadikan sistem pengurusan lalulintas di Kuala Lumpur lebih efisien untuk keselesaan warga kota.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Menghebahkan maklumat perubahan lalulintas, penutupan lorong, penutupan jalan, lencongan jalan melalui Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu (KLCCC) – VMS dan laman media sosial (Facebook dan Twitter) sekurang-kurangnya 3 hari sebelum sesuatu acara dan aktiviti dijalankan.

3.2. Mengoperasikan semula lampu isyarat yang terpadam dalam tempoh 2 jam selepas aduan diterima (kecuali lampu isyarat yang terputus bekalan elektrik akibat kerosakan kabel/gangguan bekalan).

3.3 Memproses permohonan pelan pengurusan lalulintas bagi pelaksanaan kerja-kerja pembinaan di dalam rizab jalan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas permohonan yang lengkap diterima.

3.4 Mengambil tindakan awal terhadap kerosakan kemudahan awam (perhentian bas, teksi, jejantas, pejalan kaki berbumbung) dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima

3.5 Memastikan sistem operasi kawalan lalu lintas berkomputer dikendalikan 24 jam sehari

3.6 Memproses dan mengeluarkan keputusan permohonan penutupan sementara (tidak melebihi 7 hari) sebahagian jalan awam dalam tempoh 30 hari bekerja selepas permohonan yang lengkap diterima bagi tujuan acara/event

3.7 Memaklumkan tindakan yang diambil terhadap aduan awam melalui Sistem Aduan DBKL (ADU@KL) dalam tempoh 3 hari dan melaksanakan proses siasatan / tindakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan diterima

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2021

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN TAHUN 2021
MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN *(CUSTOMER FOCUS)*	1	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan.	100% pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun.	30.7%
	2	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021.	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP).	69%
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTERGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS *(TRANSPARENCY)*	3	Menguruskan peruntukan perbelanjaan dengan cekap dan berhemah.	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2021.	100%
	4	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022.	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022 sebelum 31 Disember tahun 2021	100%
PENINGKATAN KELANCARAN ALIRAN LALU LINTAS	5	Melaksanakan skim penambahbaikan bagi melancarkan aliran lalulintas di 10 lokasi jalan-jalan utama	Memastikan penyuraian lalulintas di 10 lokasi jalan utama dapat dipertingkatkan.	100%
	6	Menyiapkan tambahan bilangan CCTV bagi mencapai sasaran sebanyak 5000unit CCTV di Kuala Lumpur	Memastikan pertambahan CCTV siap dipasang sebanyak 5000unit selewat-lewatnya Disember 2021	80%
	7	Penggantian papan tanda tunjuk arah yang lebih jelas di 100 lokasi utama	Memastikan papantanda tunjuk arah yang lebih jelas digantikan di sekurang-kurangnya 100 lokasi di Kuala Lumpur.	100%
	8	Memastikan peralatan VMS sentiasa berfungsi dengan baik.	Memastikan 95% VMS beroperasi daripada jumlah keseluruhan 140unit pada bila-bila masa.	100%
	9	Melaksanakan pemantauan sebanyak 90% daripada jumlah kelulusan Pelan Pengurusan Lalu Lintas (PPL) sepertimana standard Piagam Pelanggan Jabatan	Memastikan pemantuan PPL dapat dijalankan sebanyak 90% daripada jumlah kelulusan agar mematuhi syarat kelulusan.	35%
PEMERKASAAN KEMUDAHAN PENGANGKUTAN AWAM SEDIA ADA DI WILAYAH PERSEKUTUAN	10	Mempertingkatkan perkhidmatan bas GoKL.	Mengkaji, menyediakan kemudahan dan melancarkan dua (2) laluan baharu perkhidmatan First Mile untuk Bas GOKL	100%
PENINGKATAN CIRI-CIRI KESELAMATAN JALAN RAYA	11	Melaksanakan pelbagai skim pengurusan lalulintas untuk meningkatkan keselamatan.	Memastikan 80 lokasi yang terdedah kepada kemalangan ditingkatkan ciri-ciri keselamatan.	100%
	12	Menyediakan / Menambahbaik kemudahan perteduhan motosikal.	Mengkaji dan mengenalpasti 5 lokasi yang sesuai.	60%

5.0 FUNGSI

Jabatan ini bertanggungjawab dalam melaksanakan fungsi pengurusan, penyelenggaraan dan pembinaan projek kemudahan pengangkutan awam dan bandar, Kuala Lumpur Command and Control Centre (KLCCC), pengurusan lampu isyarat dan kawalan lalu lintas serta fungsi-fungsi lain yang berkaitan dengan pengurusan trafik dan kemudahan pengangkutan awam**.**

5.1 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

5.1.1 FUNGSI BAHAGIAN

Bahagian ini mempunyai seramai 33 orang kakitangan yang menyelia hal ehwal pentadbiran dan kewangan dan melapor secara terus kepada Pengarah jabatan. Berikut adalah fungsi-fungsi Bahagian Pentadbiran & Kewangan jabatan.

- Mengurus hal ehwal pentadbiran dan Sumber Manusia.
- Mengurus kemajuan kerjaya perkhidmatan Pegawai dan kakitangan
- Mengurus penilian prestasi dan tatatertib
- Mengurus latihan kursus, seminar, aktiviti sosial dan kebajikan kakitangan
- Mengurus penempatan latihan praktikal dari IPTA/IPTS
- Menguruskan penerimaan dan pengeluaran surat-surat Jabatan.
- Menguruskan pelbagai Cuti Pegawai dan Kakitangan
- Menguruskan rekod-rekod Jabatan
- Mengurus ICT jabatan
- Menyelenggara Infrastruktur, perkakasan, perisian sistem komputer.
- Mengurus dan menyelaras hal ehwal Innovasi jabatan.
- Menyelaras dan memantau MS ISO 9001:2015 Jabatan.
- Menyelaraskan EKSA Jabatan
- Menyediakan laporan Keutuhan dan Karenah Birokrasi
- Menyelaraskan Pencapaian KPI Jabatan
- Menyelaraskan Pencapaian Piagam Pelanggan Jabatan.
- Melaksanakan dan menyediakan laporan e-PBT jabatan.
- Mengurus hal ehwal aset inventori jabatan
- Menyediakan bajet tahunan.
- Merancang, mengurus dan mengawal perbelanjaan bagi Bajet Mengurus dan Pembangunan
- Mengurus penyediaan dokumen tender, kontrak, sebutharga, pembelian dan pemulangan bon/cagaran
- Menguruskan Sijil -sijil Bayaran
- Menguruskan bil-bil utiliti untuk pembayaran
- Penyediaan laporan tahunan jabatan.
- Menyelaras Kenderaan Jabatan.
- Hal Ehwal Keselamatan Jabatan

5.2 Bahagian Pembinaan dan Penyelenggaraan

5.2.1 FUNGSI BAHAGIAN

- Mengurus pembinaan projek-projek.
- Mengurus pembinaan, menyelenggara dan membaikpulih ruang menunggu teksi, bas awam, bas-bas sekolah, kemudahan pejalan kaki ke stesen transit, ruang berteduh motorsikal, tempat letak motorsikal dan kereta, Park and Ride di stesen transit, kemudahan integrasi sistem LRT (Pedestrian Plaza, Pedestrian Linkage), hentian akhir bandar untuk bas-bas awam, sistem tempat letak kereta di kawasan komersial dan laluan sikal
- Menyelaras penyediaan dokumen kontrak, perakuan lanjutan masa, perakuan kerja tidak siap, lanjutan masa, perubahan arahan kerja dan pelarasan harga kontrak
- Mengurus dan menyelia tapak pembinaan.
- Menyediakan dokumen-dokumen pembayaran kepada kontraktor
- Penyelarasan bersama-sama juruperunding dan agensi utiliti berkaitan.

- Mengatur mesyuarat koordinasi bersama-sama pihak kontraktor, juruperunding dan agensi berkaitan
- Menyediakan laporan kemajuan kerja bulanan.
- Menjalankan kajian impak dan outcome projek.
- Menyediakan program pemeriksaan berkala ke atas kemudahan pengangkutan awam.
- Mengambilalih prasarana kemudahan pengangkutan awam setelah siap dibina dan memeriksa inventori
- Melaksanakan projek kecil bandar selamat

5.2.2 KERJA-KERJA PEMBANGUNAN YANG TELAH DIJALANKAN PADA TAHUN 2021



Cadangan Mempertingkatkan Laluan Basikal dan Laluan Pejalan Kaki di Seksyen 2 dan Sebahagian Jalan 2/27A dan Jalan 1/27A, Wangsa Maju, Kuala Lumpur



Tarikh cpc bg projek2 kerja undi :

Pembinaan Pondok Bas Berbumbung di hadapan Matrade & Miti - 21.10.2021 - RM 43, 232.60



Pembinaan Siarkaki Berbumbung di hadapan SK Polis Depot - 21.10.2021 - RM 111,056.48



Pembinaan Perhentian Bas di Pangsapuri Delima J, Desa Pandan - 1.11.2021 - RM 42, 102.28



Pembinaan Siarkaki Berbumbung di SK Puteri Pandan 1 - 31.10.2021 - RM 127, 749.50



Pembinaan Siarkaki Berbumbung di hadapan SMK Miharja - 1.11.2021 - RM 62, 647.50

5.3 Kerja-Kerja Penyelenggaraan Yang Telah Dijalankan Pada Tahun 2021

BIL.	PERKARA	JUMLAH ASET	BIL ASET YANG DIBAIKI/NAIK TARAF
1.	Hentian Bas / Teksi	1769	530 tempat lokasi
2.	Jejantas	114	38 tempat lokasi
3.	Siarkaki Berbumbung	114	41 tempat lokasi



Kerja Kerja Penyelenggaraan Jejantas Di Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur





Kerja Kerja Penyelenggaraan Hadapan Matrade Jalan Sultan Haji Ahmad Shah

5.4 Bahagian Pengangkutan Awam

5.4.1 FUNGSI UNIT

- Mengurus pembinaan projek-projek infrastruktur pengangkutan awam.
- Mengurus pembinaan, menyelenggara dan membaikpulih ruang menunggu teksi, bas awam, bas-bas sekolah, kemudahan pejalan kaki ke stesen transit, ruang berteduh motorsikal, tempat letak motorsikal dan kereta, Park and Ride di stesen transit, kemudahan integrasi sistem LRT (Pedestrian Plaza, Pedestrian Linkage), hentian akhir bandar untuk bas-bas awam, sistem tempat letak kereta di kawasan komersial dan laluan sikal
- Menyelaras penyediaan dokumen kontrak, perakuan lanjutan masa, perakuan kerja tidak siap, lanjutan masa, perubahan arahan kerja dan pelarasan harga kontrak
- Mengurus dan menyelia tapak pembinaan.
- Menyediakan dokumen-dokumen pembayaran kepada kontraktor
- Penyelarasan bersama-sama juruperunding dan agensi utiliti berkaitan.
- Mengatur mesyuarat koordinasi bersama-sama pihak kontraktor, juruperunding dan agensi berkaitan
- Menyediakan laporan kemajuan kerja bulanan.
- Menjalankan kajian impak dan outcome projek.
- Menyediakan program pemeriksaan berkala ke atas kemudahan pengangkutan awam.
- Mengambilalih prasarana kemudahan pengangkutan awam setelah siap dibina dan memeriksa inventori

5.4.2 UNIT PENGURUSAN GO KL



Unit ini ditubuhkan untuk memberikan perkhidmatan bas batuan awal (*first mile*) dan batuan akhir (*last mile*) yang boleh diharap, mudah diakses, kesalinghubungan yang baik, selamat dan selesa untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur.

FUNGSI UNIT


- Menyediakan bas percuma kepada orang awam bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam
- Memberikan perkhidmatan bas 'first mile and last mile' yang boleh diharap, mudah diakses, selamat dan selesa terutamanya kepada pengguna kenderaan persendirian, pengguna pengangkutan awam dan pelancong di kawasan pusat perniagaan Kuala Lumpur.
- Sebagai perkhidmatan bas perantara dengan mod lain (LRT, Monorail, KTM). Dengan adanya perkhidmatan pengangkutan alternatif ini, ia dapat mengurangkan kesesakan lalulintas dan justeru mengurangkan 'carbon footprint' di kawasan pusat bandar.
- Menambah laluan baru iaitu `first mile' daripada kawasan perumahan/pinggiran bandar ke stesen yang berhampiran untuk menggalakan orang awam menggunakan pengangkutan awam.
- Merancang, mengkaji dan melaksanakan laluan tambahan berdasarkan permintaan dan pematuhan kretiria pemilihan laluan baru.
- Menyelaras hal-hal mengawalselia perkhidmatan bas dengan agensi berkaitan dan jabatan dalaman untuk menambahbaikan perkhidmatan bas.

- Mengurus dan memantau operasi perkhidmatan bas untuk menjamin perkhidmatan berfungsi dengan baik dan berkesan.
- Mengumpul data dan menyediakan laporan prestasi bulanan perkhidmatan bas.
- Program kempen menggalakkan pengunaan kemudahan pengangkutan awam.
- Menyelaras mesyuarat Task force Pengangkutan Awam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi perkongsian data dan membincangkan masalah yang dihadapi setiap agensi bagi meningkatkan penggunaan Pengangkutan Awam
- Kaji selidik pengunaan pengangkutan awam
- Kaji selidik dilakukan dua kali setahun bagi mengenalpasti masalah dan meningkatkan lagi perkhidmatan Bas GOKL

5.4.3 PERKHIDMATAN BAS GOKL

Perkhidmatan bas GOKL mula beroperasi di bawah seliaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia atau dikenali sebagai SPAD pada tahun 2012 dengan memperkenalkan empat (4) laluan iaitu Laluan Hijau, Ungu, Merah & Biru. Pada tanggal 1 Januari 2019 perkhidmatan bas GOKL telah diambil alih oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan memperkenalkan Laluan Jingga, Merah Jambu, Biru Firus, Merah Manggis, Coklat , Laluan Hijau Serindit dan Kelabu. Sehingga kini perkhidmatan bas GOKL mempunyai 11 laluan di sekitar Kuala Lumpur.

Imej Baharu Perkhidmatan Bas GOKL Bermula 1 November 2021 Menggunakan Bas Elektrik



Pelancaran bas Elektrik dan Dua (2) Laluan Baharu bas GOKL telah di laksanakan pada 28 Oktober 2021 melibatkan laluan iaitu :

i. Parrot Green Line / Laluan Hijau Serindit (Terminal Maluri – Bandar Sri Permaisuri)

ii. Grey Line / Laluan Kelabu (MRT Maluri – Bandar Tun Razak)

Bermula pada 1 November 2021 perkhidmatan bas GOKL berimej baru dengan menggunakan bas elektrik. Rekabentuk dan warna baharu balutan luar badan bas GOKL merupakan perubahan kepada imej baru Perkhidmatan bas GOKL. Sasaran Kuala Lumpur 2030 menjurus kearah pengurangan karbon. Dijangkakan menjelang 2023 perkhidmatan bas GOKL akan menggunapakai hampir keseluruhan laluan dengan penggunaan bas elektrik sepenuhnya. Sehingga kini terdapat 24 buah bas EV telah beroperasi di Kuala Lumpur.

5.4.4 PELAKSANAAN BAS UNTUK WANITA (LADIES COACH)



Bermula pada 7 Mac 2022, Perkhidmatan bas GOKL telah melaksanakan bas untuk wanita *'ladies coach'* pada waktu puncak melibatkan laluan Merah, Biru, Ungu, Hijau dan Merah Jambu. Kajian yang dijalankan mendapati penumpang GOKL ramai terdiri dari golongan wanita. Jabatan akan mengkaji keberkesanan penggunaan *ladies coach* terhadap peningkatan keyakinan dan peningkatan jumlah penumpang.

Unit Pengangkutan awam telah berkerjasama dengan agensi-agensi luar yang terlibat secara langsung dalam penyediaan pengangkutan awam di Kuala Lumpur.

a.) Menubuhkan pasukan Task Force Pengangkutan Awam.

Task Force Pengangkutan Awam di pengerusikan oleh YBhg. Datuk Bandar serta melibatkan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti MOT, APAD, JPJ, PDRM, PRASARANA dan Jabatan di DBKL.Tugas utama pasukan ini adalah untuk membincangkan serta melaksanakan tindakan yang perlu diambil bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam khususnya perkhidmatan bas.

b.) Mempertingkatkan dan menguatkuasakan Lorong bas.

DBKL bersama agensi lain telah menjalankan penguatkuasaan lorong bas sediaada di Kuala Lumpur. Tempoh percubaan telah di laksanakan pada 1hb. Mac 2022 di koridor Ipoh yang melibatkan Jalan Sultan azlan Shah, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Raja Laut. Hasil pemerhatian selama sebulan mendapati masih ramai pemandu kenderaan bermotor yang lain telah menyalahgunakan lorong bas yang disediakan. Antara kesalahan seperti meletak kenderaan dan memandu di Lorong Bas. Bagi mengatasi masalah ini, tindakan tunda kenderaan dan kompaun telah dikenakan pada pemandu yang ingkar. DBKL juga akan mempertingkatkan kesedaran pada orang ramai tentang kepentingan Lorong bas dengan memaparkan pesanan secara visual di skrin VMS (Video Message System) serta akan mewarnakan Lorong bas sediaada kepada warna merah.

c.) Bekerjasama dengan PBT lain dalam menyediakan Journey Plan, PBT yang terlibat adalah MBPJ, MPAJ dan MPS.

Jumlah Penumpang Perkhidmatan Bas GOKL Pada 2020

Routes	Jan-20	Feb-20	Mar-20	Apr-20	May-20	Jun-20	Jul-20	Aug-20	Sep-20	Oct-20	Nov-20	Dec-20	Total
PURPLE	327,765	292,432	190,056	20,605	73,952	136,591	187,069	188,049	181,793	144,458	124,291	132,561	1,999,622
GREEN	363,900	326,244	209,297	16,898	45,145	106,903	121,050	120,067	119,549	116,910	94,758	98,483	1,739,204
RED	353,656	315,754	227,575	16,918	54,754	145,770	200,061	197,588	210,618	168,899	152,408	166,444	2,210,445
BLUE	356,227	313,908	221,182	17,149	61,474	161,686	214,200	204,638	207,394	163,492	154,644	164,436	2,240,430
ORANGE	78007	71773	50952	6,551	15,822	29,554	45,462	48,563	53,253	47,423	39,661	42,789	529,810
PINK	76578	76868	51711	9,584	21,829	39,182	53,469	53,387	60,844	51,558	42,938	46,626	584,574
TURQUOISE	39,997	40,301	31,298	6,822	13,044	23,279	30,553	30,843	36,903	30,919	20,500	24,132	328,591
MAROON								1,924	36,010	36,559	32,461	38138	145,092
CHOCOLATE												486	486
	TOTAL												9,778,254

Jumlah Penumpang Perkhidmatan Bas GOKL Pada 2021

Routes	Jan-21	Feb-21	Mar-21	Apr-21	May-21	Jun-21	Jul-21	Aug-21	Sep-21	Oct-21	Nov-21	Dec-21	Total
PURPLE	119,235	103,916	139,830	135,202	103,823	42,112	46,727	61,971	97,010	120,251	79,338	107,065	1,156,480
GREEN	84,229	80,936	102,959	112,875	90,312	33,500	32,307	46,338	95,223	101,760	84,675	99,606	964,720
RED	126,891	114,722	147,991	161,487	131,986	51,161	47,964	65,113	115,175	138,678	71,867	79,343	1,252,378
BLUE	132,206	117,454	158,519	170,103	140,756	52,814	48,685	64,565	111,934	140,645	84,435	74,512	1,296,628
ORANGE	35,073	32,635	45715	46,202	37,297	19,721	20,786	24,325	32,693	39,172	24,008	23,629	381,256
PINK	42,947	42,469	55734	60,239	42,888	20,601	13,613	23,531	32,565	39,069	43,338	42,855	459,849
TURQUOISE	20,539	19,751	26,220	27,646	20,484	10,066	11,224	13,820	20,852	29,820	18,033	19,448	237,903
MAROON	32,639	31,033	48,542	50,485	35,169	13,458	11,358	15,954	26,477	38,253	36,828	36,519	376,715
CHOCOLATE	16,941	19,692	26,321	27,613	22,820	8,909	8,752	13,207	21,421	28,827	19,863	22,368	236,734
PARROT GREEN											10,674	16,720	27,394
GREY											5,163	6,835	11,998
	TOTAL												6,402,055.00

5.5 Bahagian Pengurusan dan Kawalan Lalulintas

5.5.1 UNIT PENGURUSAN LALULINTAS

FUNGSI UNIT

- Melaksana Skim Redaan Trafik (Traffic Calming Scheme) bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya.
- Menyelaras aktiviti mengaudit keselamatan jalan raya bersama-sama agensi seperti MIROS, JKR,
- Memasang dan menyelenggara peralatan-peralatan keselamatan jalan raya seperti flexi pole, tiger eyes, bollard, delineator dsb.
- Melaksanakan kajian keselamatan ke atas lokasi-lokasi yang kerap berlaku kemalangan.
- Melaksanakan garis panduan Skim Kawalan Kejiranan (Guarded Neighbourhood) yang dikeluarkan oleh KPKT.
- Memproses permohonan permit berkaitan promosi dan penggambaran.
- Memproses dan mengeluarkan kelulusan permohonan pelan pengurusan lalu lintas.

5.5.2 UNIT KAWALAN LALULINTAS


FUNGSI UNIT


- Melaksanakan undang-undang kecil larangan kenderaan berat memasuki pusat bandar pada waktu puncak.
- Membangun dan menguruskan Sistem Maklumat Keselamatan Jalan Raya.
- Mengurus dan memproses permohonan bagi aktiviti Majlis Keselamatan Jalan Raya.
- Mengurus dan melantik perkhidmatan pengawal lalu lintas [warden trafik] di sekolah-sekolah, JKJR dan agensi-agensi lain.
- Menyemak, mengaudit dan mengeluarkan kelulusan pelan-pelan keselamatan jalan raya.
- Merancang, mengkaji dan melaksanakan pemasangan papan tanda tunjuk arah, lalu lintas dan makluman.
- Memproses dan mengeluarkan kelulusan permohonan pemasangan papan tanda.
- Membantu pihak berkaitan dalam mengurus dan mengoperasi acara-acara rasmi, perhimpunan dan acara yang melibatkan penutupan jalan.
- Mengurus dan memproses permohonan skim lalu lintas bagi pembangunan baru.


5.5.3 JAWATANKUASA PELAN PENGURUSAN LALULINTAS (*TASKFORCE TMP*)

Bilangan mesyuarat jawatankuasa TMP pada tahun 2021	:	22 mesyuarat
Wakil tetap / Ahli mesyuarat Taskforce TMP	:	- Jab. Pengangkutan Bandar (JPB) - Jab. Penguatkuasa (JPK) - Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) - Unit ITIS - Polis
Kekerapan mesyuarat	:	2 kali/bulan
Jumlah pemantauan taskforce pada tahun 2021	:	184 pemantauan telah dibuat

5.5.4 KERJA-KERJA PEMASANGAN DAN PENYELENGGARAAN BONGGOL SERTA PERALATAN KESELAMATAN JALAN RAYA





5.5.5 PEMANTAUAN SETIAP KELULUSAN PELAN PENGURUSAN LALULINTAS (TMP) MELALUI JAWATANKUASA BERTINDAK (TASKFORCE TEAM)














5.6 Bahagian Pengurusan Kuala Lumpur *Command and Control Centre*

FUNGSI BAHAGIAN

- Pengumpulan data maklumat lalu lintas.
- Menganalisa data maklumat lalu lintas.
- Melaksanakan kajian lalu lintas.
- Memantau, memproses serta menyebarkan maklumat keadaan semasa lalu lintas kepada pengguna jalan raya.
- Mengoperasikan kerja-kerja bantuan awal untuk insiden yang menyebabkan kesesakan.
- Mengurus dan mengoperasi pusat panggilan dan aduan awam.
- Melaksanakan inisiatif Blue Ocean Strategies bersama-sama agensi berkaitan seperti PDRM, LLM, Jabatan Pertahanan Awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat, stesen radio dan lain-lain.
- Membuat kajian serta pemasangan Sistem Lampu Isyarat di persimpangan yang wajar.
- Penyemakan dan kelulusan pelan cadangan Sistem Lampu Isyarat di persimpangan bagi pembangunan baru, pembinaan jalan raya baru dan menaiktaraf jalan sedia ada.
- Menyediakan perancangan dan mewujudkan trafik model Kuala Lumpur.
- Mengurus dan menyelenggara peralatan-peralatan luar iaitu kamera litar tertutup (CCTV), Variable Message Sign (VMS), Automatic Incident Detection (AID) dan Communication Cabinet (CC).
- Mengurus dan mengendalikan/memantau kerja-kerja pihak ketiga yang berkaitan dengan peralatan luar.
- Mengurus, mengoperasi dan menyelenggara perkakasan dan perisian sistem yang digunakan di Pusat Pengurusan Pengangkutan Bersepadu seperti Advanced Traffic Management System (ATMS), Advanced Traffic Information System (ATIS), meliputi sistem laman web, video streaming, SMS Getway dan 3G Webcam.
- Menguruskan pelawat dan pengunjung ke Pusat Pengurusan Pengangkutan Bersepadu.
- Pemasangan Sistem Lampu Isyarat Pejalan Kaki.
- Melaksanakan kerja-kerja menghubungkan lampu isyarat pelbagai sistem dengan bilik kawalan.
- Pemasangan sistem CCTV untuk pemantauan trafik dan pencegahan jenayah.
- Pengurusan dan bayaran bil-bil komunikasi serta sewaan alat-alat pemantauan lalu lintas.
- Merancang dan melaksanakan kerja-kerja pemasangan sistem penguatkuasaan berasaskan elektronik melalui sistem terkini.
- Merancang dan melaksanakan sistem Parking Guidance Information System (PGIS).
- Pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak (Task Force).
- Membuat kajian serta pemasangan lampu isyarat di persimpangan dan lampu isyarat pejalan kaki yang wajar.
- Menyemak pelan cadangan sistem lampu isyarat di persimpangan bagi pembangunan baru, pembinaan jalan raya baru dan menaiktaraf jalan sedia ada untuk kelulusan.
- Memastikan sistem lampu isyarat berfungsi dengan baik
- Mengenalpasti dan memantau sistem operasi lampu isyarat lalulintas berfungsi dan stabil.
- Memastikan sistem lampu isyarat berhubung (linking) sentiasa di antara pusat kawalan dan tapak.
- Menerima, menyiasat dan memproses aduan kerosakan lampu isyarat lalulintas.
- Mengawal selia kerja-kerja penyelenggaraan & membaikpulih lampu isyarat.
- Merancang, melaksana dan menyelenggara sistem-sistem aplikasi ITS
- Pengurusan dan bayaran bil-bil komunikasi bagi kerja-kerja menghubungkan sistem SCATS
- Melaksanakan kerja-kerja menghubungkan lampu isyarat pelbagai sistem dengan bilik kawalan (sistem SCATS).

- Mengurus, mengoperasi dan menyelenggara peralatan Linking SCATS, dan sistem-sistem ITS supaya berfungsi dan dalam keadaan baik.
- Menambahbaik sistem peralatan Linking SCATS, dan sistem-sistem ITS supaya selari dengan teknologi terkini.
- Merancang dan melaksanakan kerja-kerja pemasangan sistem informasi trafik berasaskan elektronik menggunakan sistem terkini.
- Mengenalpasti dan memantau sistem operasi lampu isyarat lalulintas (SCATS) berfungsi dan stabil.
- Memastikan sistem lampu isyarat berhubung (linking) sentiasa di antara pusat kawalan dan tapak.
- Menerima dan memproses aduan kerosakan lampu isyarat lalulintas.
- Menyiasat dan membaikpulih aduan awam berkaitan kerosakan lampu isyarat.
- Mengambil tindakan & penyelesaian bagi kerosakan yang berlaku.
- Mengawal selia kerja-kerja penyelenggaraan & pembaikpulih lampu isyarat.
- Menyelesaikan permasalahan sistem operasi dengan segera.
- Memantau, memproses serta menyebarkan maklumat keadaan semasa lalu lintas kepada pengguna jalan raya.
- Mengurus dan mengoperasi pusat panggilan dan aduan awam.
- Mengoperasikan kerja-kerja bantuan awal untuk insiden yang menyebabkan kesesakan.
- Merancang, menyelaras, melaksana dan memantau projek baru mengikut keperluan jabatan dan keperluan semasa.
- Merancang, menyelaras, melaksana dan memantau projek semasa mengikut skop kerja yang telah ditetapkan.
- Merancang, menyelaras, melaksana dan memantau khidmat sokongan system, khidmat sokongan teknikal ICT dan peralatan ICT.
- Merancang, menyelaras, melaksana dan memantau perkhidmatan rangkaian dalaman ITIS supaya beroperasi dengan selamat dan sepenuh masa (24 jam x 7 hari).
- Merancang, menyelaras dan melaksana penambahbaikan berterusan ke atas system aplikasi sedia ada.
- Melaksanakan perolehan dan pelupusan ICT.
- Memastikan fasiliti-fasiliti di bangunan ITIS seperti lif, pendingin hawa, elektrikal serta kebersihan bangunan ITIS berada dalam keadaan baik.





PEMASANGAN LAMPU ISYARAT PEJALAN KAKI BARU UNTUK SEKOLAH






KERJA-KERJA MEMASANG KERB DAN LALUAN PEJALAN KAKI DI JALAN SULTAN ISMAIL




PAVEMENT PEDESTRIAN LIGHT (SCRAMBLE PEDESTRIAN)
JALAN SULTAN ISMAIL /JALAN BUKIT BINTANG

LAPORAN TAHUNAN LAMAN SOSIAL ITIS, DBKL TAHUN 2021 (JUMLAH PENGIKUT)





TAHUN 2021	
APR	35,043,768
MAY	18,694,927
JUN	20,405,843
JUL	20,542,279
AUG	25,187,872
SEP	32,054,568
OCT	41,520,315
NOV	45,840,781
DEC	46,764,373

MAKLUMAT BERKAITAN PEMASANGAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DI KUALA LUMPUR

FASA	JENIS PERALATAN	JUMLAH	BILANGAN	FUNGSI PERALATAN / PEMANTAUAN	CATATAN
1	CCTV	3000	1900	TRAFIK	TELAH SIAP SEPENUHNYA PADA 17 OGOS 2021
			407	JENAYAH / BANDAR SELAMAT	
			276	TAMAN-TAMAN AWAM	
			114	LIF PPR / PPA	
			90	BANJIR / TUMPAHAN KONKRIT	
			213	PASAR-PASAR AWAM	
	VMS	140	140	PENYEBARAN MAKLUMAT TRAFIK	
2	CCTV	2000	1655	TRAFIK	DIJANGKA SIAP SEPENUHNYA SEBELUM 30 JUN 2022
			345	JENAYAH / BANDAR SELAMAT	
	PANIC BUTTON	42	42	BANTUAN KECEMASAN DI TAMAN-TAMAN AWAM	
	SPEAKER	246	246	AMARAN KESALAHAN TRAFIK	

6.0 PENCAPAIAN JABATAN

PERKHIDMATAN BAS GOKL

Imej Baharu Perkhidmatan Bas GOKL Bermula 1 November 2021 Menggunakan Bas Elektrik



1. Pelancaran bas Elektrik dan Dua (2) Laluan Baharu bas GOKL iaitu :
   i. PARROT GREEN LINE / LALUAN HIJAU SERINDIT (Terminal Maluri – Bandar Sri Permaisuri)
   ii. GREY LINE / LALUAN KELABU (MRT Maluri – Bandar Tun Razak)

KERATAN AKHBAR PERKHIDMATAN BAS GOKL DI MAJLIS PELANCARAN BAS ELEKTRIK DAN DUA LALUAN BAHARU PERKHIDMATAN BAS GOKL

Bas elektrik di Wangsa Maju bermula Isnin ini

Oktober 28, 2021 @ 5:45pm



...an dua kanan) menyempurnakan pelancaran bas elektrik dan dua laluan baharu bagi perkhidmatan percuma GoKL hari ini - Foto Bernama

Sinar Harian PREMIUM English Berita Suara Sinar Video Khas Lifestyle E-Paper

Selasa | 05 April 2022

>> EDISI > > Bas elektrik di Wangsa Maju bermula 1 November: Shahidan

Bas elektrik di Wangsa Maju bermula 1 November: Shahidan

| | 28 Oktober 2021

Listen





...elawat kilang pemasangan bas elektrik penuh (EV) pada lawatan ke kilang pemasangan bas SKSBus Coachbuilder, hari ini. - Foto BERNAMA



...Sabri (tiga, kanan) melawat kilang pemasangan bas elektrik penuh (EV) pada lawatan ke kilang pemasangan bas SKSBus Coachbuilder, hari ini. - Foto BERNAMA



Pekerja SKSBus Coachbuilder melakukan kerja-kerja pemasangan bas elektrik penuh (EV) hari ini. - Foto BERNAMA



...mail Sabri (tengah) meneliti bas elektrik penuh (EV) pada lawatan ke kilang pemasangan bas SKSBus Coachbuilder, hari ini. - Foto BERNAMA

Pelaksanaan 'Ladies Coach'







KERATAN AKHBAR PELAKSANAAN LADIES COACH



星洲网 sinchew.com.my

股市 冠病疫情 星洲人 互动区 登录 Newsletter

首页 · 最新 · 头条 · 国内 · 国际 · 言路 · 财经 · 地方 · 副刊 · 娱乐 · 体育 · 百格 · 星角撕 · 好运来

地方 》大都会 》都市动态
日期 07/03/2022
报道：钟可婷
摄影：谭湘璇
3902点阅
Go KL免费城市巴士
女性专用巴士

热门话题：

1. 东航坠机
2. 全国大选
3. 俄乌战争
4. 冠状病毒病

加入书签 +
分享到：

Go KL女性专用巴士开跑 女乘客赞 盼增更多班次

星洲网 sinchew.com.my

07/03/2022 watak

Bas Go KL untuk wanita sahaja dibuka, penumpang wanita merayu untuk lebih banyak perjalanan

Laporan: Zhong
Keting Fotografi: Tan Xiangxuan

634 pandangan



Pada hari pertama bas percuma untuk wanita bas bandar percuma Go KL di Kuala Lumpur, ia diterima baik oleh kebanyakan penumpang wanita dan memilih untuk menaiki bas wanita sahaja.

KUALA LUMPUR (7 Julai): Hari pertama percubaan bas wanita sahaja baharu untuk bas bandar

Wartawan itu juga mendapati Majlis Bandaraya Kuala Lumpur menyiarkan perkhidmatan baharu untuk bas wanita sahaja di sebelah lorong bas bandar percuma Go KL di terminal bas; setiap kali bas wanita sahaja bermula, pemandu akan meletakkannya di atasnya. cermin depan bas dan meletakkannya di atas bas. Papan tanda "Bas wanita sahaja" memudahkan semua penumpang mengenal pasti.



Penumpang wanita beratur untuk menaiki bas wanita sahaja selepas mengimbas aplikasi mudah alih My Sejahtera.

Dari sekarang sehingga perkhidmatan jam sibuk ke-31

Majlis Bandaraya Kuala Lumpur mengeluarkan kenyataan bahawa

Asia&Pacific | China-Asia&Pacific | Opinion | Window of China | Latest | Photos | Video

Asia&Pacific Tuesday, April 5, 2022

Kuala Lumpur City Hall starts to provide ladies coach service in Malaysia

Source: Xinhua | 2022-03-07 20:08:33 | Editor: huaxia



Women wearing face masks take a ladies coach at a bus station in Kuala Lumpur, Malaysia, March 7, 2022. The Kuala Lumpur City Hall started to provide ladies coach service on Monday for women to use during the rushing hours. (Photo by Chong Voon Chung/Xinhua)



Global Times

PHOTO / WORLD

Malaysia launches ladies' coach on International Women's Day

By Xinhua

Published: Mar 08, 2022 01:42 PM

The Kuala Lumpur City in the Malaysian capital Hall started to provide coach service on Monday for women during the rushing hours.



Women wearing face masks take a ladies' coach at a bus station in Kuala Lumpur, Malaysia, March 7, 2022.(Photo: Xinhua)

PENYATA KEWANGAN

Laporan Tahunan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

2021

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2021

KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Penyata Prestasi kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 43.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 31 Disember 2021, dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

Sewa Pajakan Diterima Terdahulu merupakan premium tanah yang diterima dari pemaju yang memajak tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk tujuan pembangunan dan sewa pajakan tersebut dilunaskan kepada pendapatan mengikut tempoh pajakan yang dipersetujui. Pada 31 Disember 2021, baki Sewa Pajakan Diterima Terdahulu berjumlah RM97,369,093 yang diiktiraf sebagai penerimaan terdahulu telah terlebih nyata berjumlah RM18,061,721 dalam penyata kewangan. Perbezaan amaun antara penyata kewangan dan pengiraan berasaskan kontrak tersebut tidak dapat disahkan dengan bukti yang kukuh.

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Penasihat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Perkara Utama Audit

Kecuali perkara yang dijelaskan dalam perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran, saya memutuskan bahawa tidak ada Perkara Utama Audit lain untuk disampaikan dalam sijil ini.

Tanggungjawab Lembaga Penasihat Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Penasihat bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Lembaga Penasihat juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Lembaga Penasihat bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Penasihat;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Penasihat dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa

hadapan berkemungkinan menyebabkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Penasihat telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, saya tidak memperoleh maklumat dan penjelasan berkaitan seperti yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

Saya ingin menarik perhatian terhadap aspek pengurusan aset Hartanah, Loji dan Peralatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang mana wujud kelemahan dan kesilapan dalam aspek pengiktirafan, nyahiktiraf, pelunasan serta pendedahan aset Hartanah, Loji dan Peralatan dalam penyata kewangan. Penambahbaikan terhadap pengurusan, dokumentasi dan prosedur aset Hartanah, Loji dan Peralatan perlu dilaksanakan bagi memastikan tiada kesilapan dan ketinggalan yang signifikan berlaku dalam pengurusan dan dokumentasi maklumat penyata kewangan. Perkara ini selaras dengan peranan pelaporan kewangan, iaitu menyediakan maklumat kewangan yang benar dan saksama, relevan dan *faithful representation*.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Penasihat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berdasarkan keperluan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
21 DISEMBER 2022

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PERAKUAN PENGURUSAN KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Saya, **DATUK SERI HAJI MAHADI BIN CHE NGAH,** Datuk Bandar **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR** yang menjalankan tugas-tugas Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan ini, mengatakan bahawa pada pendapat saya, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR** pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

DATUK SERI HAJI MAHADI BIN CHE NGAH
DATUK BANDAR
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Bertarikh : 09 JUN 2022

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

AKUAN BERKANUN

Saya, **MOHAMAD BIN HAMIM**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**, dengan ikhlas mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa perkara ini adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diperakui oleh }
Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf secara berulang di dalam penyata kewangan, DBKL menentukan sama ada pemindahan telah berlaku di antara tahap hierarki dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan input tahap terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2021

4. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2021 RM	2020 RM
Penghutang cukai taksiran	589,063,166	435,858,475
Penghutang lain	4,904,889	3,634,042
	593,968,055	439,492,517
Tolak: Peruntukan penjejasan nilai	(30,409,417)	(29,179,942)
	563,558,638	410,312,575

4(a) Analisis pengumuran

Analisis pengumuran adalah seperti berikut:-

	2021 RM	2020 RM
Belum tertunggak dan tidak dijejasnilai	245,447,217	111,614,638
1 hingga 3 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	179,148,373	172,960,564
3 hingga 6 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	75,137,445	73,360,890
Lebih dari 6 tahun dan tidak dijejasnilai	94,235,020	81,556,425
	593,968,055	439,492,517
Dijejasnilai (Nota 4(a)(iii))	(30,409,417)	(29,179,942)
	563,558,638	410,312,575

(i) *Penghutang yang belum tertunggak dan tidak djejasnilai*

Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai merupakan penghutang yang mempunyai kepercayaan kredit dan mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan DBKL.

(ii) *Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai*

Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai merujuk kepada penghutang dengan corak pembayaran balik yang lebih perlahan. Berdasarkan pengalaman lalu, DBKL yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat bahawa tiada peruntukan untuk penjejasan nilai diperlukan bagi baki tersebut memandangkan baki dinilai sebagai boleh diperolehi sepenuhnya.

(iii) *Penghutang yang dijejasnilai*

Penghutang yang dijejasnilai pada tarikh pelaporan dan pergerakan dalam akaun peruntukan kerugian penjejasan nilai penghutang adalah seperti berikut:-

	2021 RM	2020 RM
Pada 1 Januari	29,179,942	36,494,839
Caj pada tahun kewangan semasa	-	-
Hapuskira kerugian penjejasan nilai	1,229,475	(7,314,897)
Pada 31 Disember	30,409,417	29,179,942

Penghutang ini telah dikenalpasti secara individu untuk dijejasnilai, kerana berdasarkan kepada penilaian pada tarikh pelaporan, DBKL menganggarkan hutang ini tidak dapat dipungut semula.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2021

5. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2021	2020
	RM	RM
Penghutang sewaan (Nota 5(b))	374,022,084	365,257,072
Penghutang jualan	85,815,653	87,924,759
Penghutang perkhidmatan dan utiliti	78,473,581	83,247,443
Penghutang projek penswastaan	179,212,749	186,042,294
Penghutang pelbagai	42,155,498	52,663,803
Hasil faedah terakru	70,089,530	83,192,015
Penghutang kakitangan	9,136,710	8,981,221
Cagaran	3,756,141	4,673,896
Bayaran terdahulu	42,865,369	44,372,345
	885,527,315	916,354,848
Tolak: Peruntukan penjejasan nilai	(199,765,523)	(226,812,233)
	685,761,792	689,542,615
Diterakan sebagai:-		
Aset semasa	447,996,473	435,242,753
Aset bukan semasa	237,765,319	254,299,862
	685,761,792	689,542,615

5 (a) Analisis pengumuran

Analisis pengumuran adalah seperti berikut:-

	2021	2020
	RM	RM
Belum tertunggak dan tidak dijejasnilai	308,835,248	370,875,659
1 hingga 3 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	339,409,294	355,808,551
3 hingga 6 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	142,646,239	53,175,632
Lebih dari 6 tahun dan tidak dijejasnilai	94,636,534	136,495,006
	885,527,315	916,354,848
Dijejasnilai (Nota 5(a)(iii))	(199,765,523)	(226,812,233)
	685,761,792	689,542,615

(i) *Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai*

Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai merupakan penghutang yang mempunyai kepercayaan kredit dan mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan DBKL.

(ii) *Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai*

Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai merujuk kepada penghutang dengan corak pembayaran balik yang lebih perlahan. Berdasarkan pengalaman lalu, DBKL yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat bahawa tiada peruntukan untuk penjejasan nilai diperlukan bagi baki tersebut memandangkan baki dinilai sebagai boleh diperolehi sepenuhnya.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

5. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA (SAMBUNGAN)

5 (a) Analisis pengumuran (sambungan)

(iii) *Penghutang yang dijejasnilai*

Penghutang yang dijejasnilai pada tarikh pelaporan dan pergerakan dalam akaun peruntukan kerugian penjejasan nilai penghutang adalah seperti berikut:-

	2021 RM	2020 RM
Pada 1 Januari	226,812,233	192,801,269
Caj pada tahun kewangan semasa	11,968,439	36,390,279
Hapuskira kerugian penjejasan nilai	(39,015,149)	(2,379,315)
Pada 31 Disember	199,765,523	226,812,233

Penghutang ini telah dikenalpasti secara individu untuk dijejasnilai kerana, berdasarkan kepada penilaian pada tarikh pelaporan, DBKL menganggarkan hutang ini tidak dapat dipungut semula.

5 (b) Penghutang sewaan

Termasuk di dalam penghutang sewaan adalah transaksi pajakan kewangan di mana pihak DBKL bertindak sebagai pemberi pajak. Bayaran pajakan kewangan belum terima adalah seperti berikut:-

	2021 RM	2020 RM
Dalam masa setahun	182,157,536	167,482,524
Selepas 2 tahun	191,864,548	197,774,548
	374,022,084	365,257,072

6. INVENTORI

	2021 RM	2020 RM
Peralatan Bengkel	509,599	540,688
Alat Ganti	3,196,409	3,555,311
Petrol	59,847	26,412
Alat Tulis	114,892	147,467
Buku Resit	173,445	172,530
	4,054,192	4,442,408

Inventori dinyatakan pada kos dan diiktiraf di dalam lebihan dan defisit pada tahun semasa.

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah dan bangunan*	Infrastruktur^	Kenderaan dan jentera	Peralatan, komputer dan sistem aplikasi	Taman dan rekreasi	Kerja dalam proses	2021	2020
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos								
Pada awal tahun	3,783,901,574	6,298,190,142	253,051,556	441,393,118	139,997,566	2,365,049,368	13,281,583,324	12,827,490,111
Permodalan/Pembelian	691,414,650	93,388,263	19,378,847	47,060,251	22,023,221	(304,780,425)	568,484,807	646,802,956
Pelupusan	(22,279,843)	-	(11,117,403)	(11,212,233)	-	(43,431,173)	(88,040,652)	(32,680,949)
Reklasifikasi	(43,929,207)	-	-	-	-	33,749,905	(10,179,302)	(160,028,794)
Pada akhir tahun	4,409,107,174	6,391,578,405	261,313,000	477,241,136	162,020,787	2,050,587,675	13,751,848,177	13,281,583,324
Susutnilai terkumpul								
Pada awal tahun	868,810,428	590,891,194	229,295,663	367,925,815	25,251,186	-	2,082,174,286	1,762,263,988
Susutnilai tahun semasa	128,399,921	180,975,229	10,677,784	40,158,121	3,686,415	-	363,897,470	326,942,478
Pelupusan	(12,790,933)	(50,484)	(10,960,406)	(11,161,645)	-	-	(34,963,468)	(6,250,635)
Reklasifikasi	(939,473)	-	-	-	-	-	(939,473)	(781,545)
Pada akhir tahun	983,479,943	771,815,939	229,013,041	396,922,291	28,937,601	-	2,410,168,815	2,082,174,286
Nilai bawa bersih								
Pada 31.12.2021	3,425,627,231	5,619,762,466	32,299,959	80,318,845	133,083,186	2,050,587,675	11,341,679,362	-
Pada 31.12.2020	2,915,091,146	5,707,298,948	23,755,893	73,467,303	114,746,380	2,365,049,368	-	11,199,409,038
Susutnilai dikenakan bagi tahun berakhir 31.12.2020	101,709,952	184,345,557	11,428,891	26,649,888	2,808,190	-	-	326,942,478

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

* Tanah dan bangunan terdiri daripada berikut:-

	Tanah milik bebas RM	Tanah pajakan RM	Bangunan RM	Rumah pangsa dan rumah panjang RM	Jumlah 2021 RM
Kos					
Pada awal tahun	50,580,466	376,331,192	2,058,154,306	1,298,835,610	3,783,901,574
Permodalan/Pembelian	-	-	691,414,650	-	691,414,650
Pelupusan	-	(12,534)	(22,267,309)	-	(22,279,843)
Reklasifikasi ke aset untuk dijual #	-	-	(33,749,905)	(10,179,302)	(43,929,207)
Pada akhir tahun	50,580,466	376,318,658	2,693,551,742	1,288,656,308	4,409,107,174
Susutnilai terkumpul					
Pada awal tahun	-	38,666,958	546,633,286	283,510,184	868,810,428
Susutnilai bagi tahun kewangan	-	3,856,253	85,699,020	38,844,648	128,399,921
Pelupusan	-	(1,074)	(12,789,859)	-	(12,790,933)
Reklasifikasi ke aset untuk dijual #	-	-	-	(939,473)	(939,473)
Pada akhir tahun	-	42,522,137	619,542,447	321,415,359	983,479,943
Nilai bawa bersih					
Pada 31.12.2021	50,580,466	333,796,521	2,074,009,295	967,240,949	3,425,627,231

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2021

^ Infrastruktur terdiri daripada berikut:-

	Jalanraya	Parit	Jambatan	Jejantas	Jumlah 2021
	RM	RM	RM	RM	RM
Kos					
Pada awal tahun	2,547,949,847	962,588,331	2,627,950,924	159,701,040	6,298,190,142
Pembelian	53,115,147	38,797,513	-	1,475,603	93,388,263
Pada akhir tahun	2,601,064,994	1,001,385,844	2,627,950,924	161,176,643	6,391,578,405
Susutnilai terkumpul					
Pada awal tahun	233,431,618	90,939,225	252,219,858	14,300,493	590,891,194
Susutnilai bagi tahun kewangan	59,237,611	65,931,306	52,376,567	3,429,745	180,975,229
Pelupusan	-	-	-	(50,484)	(50,484)
Pada akhir tahun	292,669,229	156,870,531	304,596,425	17,679,754	771,815,939
Nilai bawa bersih					
Pada 31.12.2021	2,308,395,765	844,515,313	2,323,354,499	143,496,889	5,619,762,466

8. ASET KEWANGAN LAIN

	2021	2020
	RM	RM
Pegangan saham		
- Tersiar harga, pada nilai saksama	17,388,000	16,470,000
- Tidak tersiar harga, pada kos	100,000	100,000
Pelaburan unit amanah, pada nilai saksama	22,881,945	67,996,198
	40,369,945	84,566,198
Peruntukan penjejasan nilai:-		
Pegangan saham tidak tersiar harga	(100,000)	(100,000)
	40,269,945	84,466,198
Nilai pasaran pada 31 Disember		
Pegangan saham tersiar harga	17,388,000	16,470,000
Pelaburan unit amanah	22,881,945	67,996,198
	40,269,945	84,466,198

Aset kewangan lain merujuk kepada aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

9. ASET HARTANAH UNTUK DIJUAL

	2021 RM	2020 RM
Pada awal tahun	141,718,291	3,020,283
Penambahan	-	3,689,572
Reklasifikasi	9,239,829	160,922,368
Rosot Nilai	(23,648)	(26,923)
Pelupusan	(45,579,928)	(25,887,009)
Pada akhir tahun	105,354,544	141,718,291
Dinyatakan pada kos	104,197,650	141,141,438
Dinyatakan pada nilai realisasi bersih	1,156,894	576,853
	105,354,544	141,718,291

10. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

	2021 RM	2020 RM
Pemiutang pelbagai	358,870,845	392,537,946
Bayaran terakru	5,362,744	5,761,564
Cagaran	579,386,960	552,009,119
	943,620,549	950,308,629

11. PENDAPATAN TERTUNDA

	2021 RM	2020 RM
Pada awal tahun	571,613,959	1,002,543,893
Penambahan	300,086,806	5,938,546
Pembatalan penjualan	-	(9,200,000)
Direalisasi ke hasil	(174,477,222)	(427,668,480)
Pada akhir tahun	697,223,543	571,613,959

Pendapatan tertunda merujuk kepada penerimaan jualan aset yang mana proses penjualan belum selesai dan faedah atas jualan rumah.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2021

12. PINJAMAN

	2021 RM	2020 RM
Pinjaman tidak bercagar dari Kerajaan Malaysia		
Pinjaman I	100,435,636	103,479,212
Pinjaman II	1,731,133	1,769,950
Pinjaman III	835,023	1,082,465
	103,001,792	106,331,627
Dibayar dalam setahun	2,880,529	3,329,837
Dibayar antara 2 hingga 5 tahun	12,473,947	12,169,510
Dibayar selepas 5 tahun	87,647,316	90,832,280
	103,001,792	106,331,627
Diterakan sebagai:-		
Liabiliti semasa	2,880,530	3,329,837
Liabiliti bukan semasa	100,121,262	103,001,790
	103,001,792	106,331,627

Pinjaman I

Pinjaman ini dikenakan kadar faedah 5% (2020: 5%) setahun.

Pada 19 Januari 1995, satu perjanjian telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan DBKL untuk menyusun semula tempoh bayaran balik. Mulai 1 Januari 1994, tiada faedah akan dikenakan ke atas baki pinjaman yang dijadual semula ini.

Pada 28 Mac 1997, satu perjanjian tambahan telah ditandatangani untuk menyusun semula tempoh bayaran balik baki pinjaman akibat daripada penyelesaian pinjaman sebanyak RM6,929,462 pada 30 Oktober 1996.

Berdasarkan penjadualan semula, pinjaman ini perlu dibayar balik secara ansuran sebanyak RM2,575,526 setiap 4 bulan untuk tempoh selama 47 tahun.

Pinjaman II

Kadar faedah dikenakan adalah 4% (2020: 4%) setahun. Pinjaman ini perlu dibayar balik secara ansuran sebanyak RM612,385 setiap tahun untuk tempoh selama 30 tahun.

Pinjaman III

Kadar faedah dikenakan adalah 6% (2020: 6%) setahun. Pinjaman ini perlu dibayar balik secara ansuran sebanyak RM312,390 setiap tahun untuk tempoh selama 30 tahun.

13. PENERIMAAN TERDAHULU

	2021	2020
	RM	RM
Sewa pajakan terima terdahulu	97,369,093	98,619,768
Bayaran kemajuan daripada pemaju	26,590,871	26,590,871
	123,959,964	125,210,639
Diterakan sebagai:-		
Liabiliti semasa	1,250,676	1,250,676
Liabiliti bukan semasa	122,709,288	123,959,963
	123,959,964	125,210,639

i. Sewa pajakan terima terdahulu merupakan premium tanah yang dibayar oleh pemaju-pemaju yang memajak tanah daripada DBKL untuk projek pembangunan. Premium tanah akan diiktiraf sebagai hasil sewa pajakan mengikut tempoh pajakan tanah yang termaktub dalam perjanjian dengan pemaju.

ii. Bayaran kemajuan daripada pemaju merupakan bayaran untuk kegunaan tanah DBKL mengikut ansuran yang termaktub dalam perjanjian yang ditandatangani. Bayaran kemajuan ini akan direalisasi sebagai hasil pulangan projek mengikut tahap kemajuan projek berkenaan.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2021

14. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

	2021 RM	2020 RM
Pada awal tahun	42,200,921	44,458,338
Peruntukan tahun semasa	4,351,037	4,316,799
Pembayaran tahun semasa	(5,176,790)	(6,574,216)
Pada akhir tahun	41,375,168	42,200,921
Diterakan di Penyata Kedudukan Kewangan sebagai:-		
Liabiliti semasa	3,980,555	4,232,912
Liabiliti bukan semasa	37,394,613	37,968,009
Nilai semasa obligasi tidak berdana	41,375,168	42,200,921

Peruntukan yang diambil kira dalam penyata prestasi kewangan pada tahun semasa adalah seperti berikut:-

Peruntukan tahun semasa GCR

	2021 RM	2020 RM
Kos perkhidmatan semasa	2,351,807	2,314,156
Kos faedah	1,999,230	2,002,643
	4,351,037	4,316,799

Andaian utama yang telah digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari pada tahun semasa adalah seperti berikut:-

Andaian utama GCR

	2021 RM	2020 RM
Kadar diskaun	4.8	4.8
Kadar kenaikan gaji	5.0	5.0

Peruntukan manfaat kakitangan merujuk kepada pelan manfaat persaraan yang membenarkan kakitangan mengumpul cuti tahunan yang boleh ditukarkan kepada wang tunai di mana bayaran sekaligus dibuat pada tarikh persaraan wajib atau lebih awal melalui persaraan pilihan, persaraan disebabkan kesihatan atau meninggal dunia dalam perkhidmatan.

15. KUMPULAN WANG

Kumpulan wang terdiri daripada berikut:-

(i) Kumpulan wang pembangunan dan penyelenggaraan ("P&P")
(ii) Tabung penyelenggaraan 1Malaysia ("TP1M")
(iii) Kumpulan wang pembangunan rumah awam ("PRA")
(iv) Akaun pengurusan Desa Tasik ("PDT")
(v) Bantuan penyelenggaraan KPKT ("KPKT")
(vi) Terimaan lain dari pihak swasta ("TL")
(vii) Terimaan kerja perayaan awam dan kerja boleh tuntut semula ("PATS")

	P&P RM	TP1M RM	PRA RM	PDT RM	KPKT RM	PATS RM	TL RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2020	376,457,197	3,366,838	6,296,355	228,096	5,551	69,113,506	11,650,369	467,117,912
Terimaan dari Kerajaan	184,815,200	38,500,000	-	-	-	24,930,898	7,390,768	255,636,866
Terimaan dari pihak swasta	881,129	-	-	-	-	2,990,400	13,711,315	17,582,844
Bayaran tahun semasa	-	(35,434,925)	-	-	-	(8,303,411)	(8,404,387)	(52,142,723)
Reklasifikasi	(2,350,591)					2,350,591	-	-
Direalisasi sebagai hasil	(390,541,704)	(2,454,061)	-	-	-	(4,465,920)	-	(397,461,685)
Pada 31 Disember 2020	169,261,231	3,977,852	6,296,355	228,096	5,551	86,616,064	24,348,065	290,733,214
Pada 1 Januari 2021	169,261,231	3,977,852	6,296,355	228,096	5,551	86,616,064	24,348,065	290,733,214
Terimaan dari Kerajaan	237,923,900	-	-	-	-	42,698,702	10,999	280,633,601
Terimaan dari pihak swasta	4,432,940	-	-	-	-	-	25,631	4,458,571
Bayaran tahun semasa	-	(2,421,399)	-	-	-	(28,232,720)	(32,651)	(30,686,770)
Direalisasi sebagai hasil	(121,385,036)	(265,833)	-	-	-	(11,811,185)	-	(133,462,054)
Pada 31 Disember 2021	290,233,035	1,290,620	6,296,355	228,096	5,551	89,270,861	24,352,044	411,676,562

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2021

16. LAIN-LAIN HASIL

	2021 RM	2020 RM
Bayaran Balik Belanja Utiliti	19,654,408	22,417,943
Keuntungan Atas Jualan Saham	10,824,116	18,952,798
Pembalikan Hutang Ragu Hapus Kira	10,405,050	9,694,212
Caj Insentif Pelepasan Kuota Bumiputera	2,894,091	9,276,425
Lebihan Aset Kewangan Pada Nilai Saksama	918,000	23,518,532
Faedah Penghutang Pajakan	8,548,856	2,819,885
Pelbagai Pendapatan Lain	33,407,309	26,421,984
	86,651,830	113,101,779

17. KOS KAKITANGAN

	2021 RM	2020 RM
Emolumen	431,428,394	438,847,666
Elaun lebih masa	58,550,089	64,428,201
	489,978,483	503,275,867

18. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

	2021 RM	2020 RM
Pengurusan dan pentadbiran	128,277,715	144,629,547
Pembersihan bandar	236,412,080	205,897,947
Penghijauan, penyelenggaraan taman, tanah lapang dan taman rekreasi	72,607,411	67,239,907
Penyelenggaraan jalan raya dan saliran	170,167,442	126,228,969
Penyelenggaraan lampu jalan dan kemudahan sistem lalulintas	105,450,535	96,654,157
Penyelenggaraan tempat letak kereta, hentian bas dan siarkaki	9,760,808	9,719,825
Penyelenggaraan, naik taraf dan ubahsuai bangunan	41,927,988	49,367,360
Perkhidmatan penjaja dan peniaga kecil	22,899,848	24,783,310
Penguatkuasaan	27,524,086	35,635,629
Penyelenggaraan perumahan awam dan rakyat	180,812,466	164,079,785
Kesihatan awam dan alam sekitar	6,265,657	6,205,818
Pembangunan komuniti	35,593,340	42,443,882
Kebudayaan, kesenian dan sukan	6,779,497	6,512,209
Penggalakan pelancongan	3,218,565	3,528,209
Bayaran kepada Pekerja Kontak, Sambilan dan PSH	40,118,360	41,962,809
	1,087,815,798	1,024,889,363

19. PERBELANJAAN MENGURUS LAIN

	2021 RM	2020 RM
Pengecualian/Pengurangan Cukai Taksiran	3,406,068	3,408,523
Hapus Kira	3,236,588	6,051,263
Cukai Tanah	5,022,905	5,581,504
Diskaun Sewa	479,134	864,546
Rebat Elaun Kekosongan	9,077,870	5,358,432
Diskaun Sewa - Covid 19	7,191,634	8,480,950
Kerugian Kesan Perubahan Kontrak Penghutang Pajakan	-	10,715,272
Kurangan Aset Kewangan pada Nilai Saksama	18,094,751	720,000
Peruntukan Hutang Ragu	4,274,007	34,246,277
Rosot Nilai Aset Untuk Dijual	-	26,923
Hapuskira projek penswastaan	-	-
Lain-lain Perbelanjaan Mengurus	55,620,434	56,780,834
	106,403,391	132,234,524

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

20. BELANJA PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN

Belanja pembangunan merupakan kerja-kerja yang tidak dipermodalkan dan bersifat penyelenggaraan.

	2021 RM	2020 RM
Bangunan	33,378,327	24,839,647
Kemudahan	33,309,935	25,582,815
Kelengkapan dan Peralatan	7,391,235	1,715,668
Aset infrastruktur	131,157,770	200,762,228
Aset-aset lain	6,364,898	36,897,497
	211,602,165	289,797,855

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

21. INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu pihak perniagaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu pihak perniagaan yang lain.

21.1 Kategori instrumen kewangan

	Pinjaman dan belum terima	Nilai saksama melalui lebihan atau defisit	Liabiliti kewangan pada kos terlunas	Jumlah
2021	RM	RM	RM	RM
Aset kewangan				
Baki bank dan wang tunai	115,563,162	-	-	115,563,162
Deposit tetap di institusi kewangan	6,459,011,765	-	-	6,459,011,765
Urusniaga pertukaran belum terima	615,672,262	-	-	615,672,262
Aset kewangan lain	-	40,269,945	-	40,269,945
	7,190,247,189	40,269,945	-	7,230,517,134
Liabiliti kewangan				
Urusniaga pertukaran belum bayar	-	-	943,620,549	943,620,549
Pinjaman	-	-	103,001,792	103,001,792
	-	-	1,046,622,341	1,046,622,341
2020				
Aset kewangan				
Baki bank dan wang tunai	106,986,002	-	-	106,986,002
Deposit tetap di institusi kewangan	6,400,140,546	-	-	6,400,140,546
Urusniaga pertukaran belum terima	606,350,600	-	-	606,350,600
Aset kewangan lain	-	84,466,198	-	84,466,198
	7,113,477,148	84,466,198	-	7,197,943,346
Liabiliti kewangan				
Urusniaga pertukaran belum bayar	-	-	950,308,629	950,308,629
Pinjaman	-	-	106,331,627	106,331,627
	-	-	1,056,640,256	1,056,640,256

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2021

21. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

20.2 Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

DBKL terdedah kepada risiko kewangan yang timbul daripada aktiviti operasi dan penggunaan instrumen kewangan. Polisi pengurusan risiko kewangan DBKL adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi bagi aktiviti operasi di samping menguruskan risiko kewangan, termasuk risiko kredit, kecairan dan pasaran.

a) Risiko kredit

Risiko kredit merupakan risiko kerugian yang mungkin timbul daripada instrumen kewangan tertunggak sekiranya pihak balas memungkiri obligasi mereka. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah diwakili oleh amaun bawaan setiap kelas aset kewangan.

Penghutang daripada transaksi pertukaran

Penghutang daripada transaksi pertukaran majoritinya terdiri daripada penghutang hartanah. Baki penghutang dipantau secara berterusan supaya DBKL tidak terdedah kepada risiko hutang lapuk yang signifikan.

Pendedahan kepada risiko kredit

DBKL tidak terdedah kepada tumpuan risiko kredit yang ketara bagi penghutang daripada transaksi pertukaran.

Penghutang daripada transaksi bukan pertukaran

Penghutang daripada transaksi bukan pertukaran majoritinya timbul daripada fungsi berkanun DBKL.

Pendedahan kepada risiko kredit

DBKL tidak terdedah kepada tumpuan risiko kredit yang ketara bagi penghutang cukai taksiran kerana terdapat bilangan pembayar cukai yang besar. Pendedahan kepada risiko kredit adalah tidak ketara kerana DBKL mempunyai hak berkanun untuk memungut cukai taksiran belum bayar di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Pinjaman kepada Kakitangan

DBKL memberi pinjaman kenderaan, komputer, pelajaran dan rawatan hospital yang tidak bercagar kepada kakitangan.

Pendedahan kepada risiko kredit

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah diwakili oleh amaun bawaan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Risiko kredit terhadap pinjaman kakitangan adalah tidak signifikan kerana baki pinjaman belum terima diperolehi setiap bulan melalui pemotongan gaji.

b) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko ketidakupayaan DBKL memenuhi obligasi yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Pendedahan DBKL kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada ketidaksepadanan kematangan aset dan liabiliti kewangan.

Objektif DBKL adalah untuk mengekalkan tahap aliran tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi untuk menampung keperluan modal kerjanya.

21. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Analisis kematangan

Profil kematangan liabiliti kewangan DBKL pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan kepada tanggungan bayaran balik yang tidak didiskaunkan mengikut kontrak adalah atas seperti berikut:-

	Amaun bawaan	Aliran tunai berkontrak	Dalam 1 tahun	1 hingga 5 tahun	Lebih 5 tahun
2021	RM	RM	RM	RM	RM
Urusniaga pertukaran belum bayar	943,620,549	943,620,549	943,620,549	-	-
Pinjaman	103,001,792	172,238,159	7,988,868	39,205,628	125,043,663
	1,046,622,341	1,115,858,708	951,609,417	39,205,628	125,043,663
2020					
Urusniaga pertukaran belum bayar	950,308,629	950,308,629	950,308,629	-	-
Pinjaman	106,331,627	180,212,179	7,974,021	31,868,654	140,369,504
	1,056,640,256	1,130,520,808	958,282,650	31,868,654	140,369,504

c) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah merupakan risiko nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi DBKL akan menurun-naik disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

DBKL terdedah kepada risiko kadar faedah dari simpanan tetap dengan institusi kewangan dan bank berlesen. Simpanan tetap diletakkan pada kadar kompetitif di bawah terma dan syarat yang paling menguntungkan.

DBKL juga terdedah kepada risiko kadar faedah bagi pinjaman kadar tetap yang mendedahkan DBKL kepada risiko perubahan nilai saksama.

Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen berkadar tetap

DBKL tidak mengakaunkan aset dan liabiliti kewangan berkadar tetap pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Oleh itu, perubahan kadar faedah pada akhir tahun pelaporan tidak akan menjejaskan lebihan atau defisit.

20.3 Nilai saksama instrumen kewangan

Nilai dibawa aset dan liabiliti DBKL yang diklasifikasikan sebagai semasa adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama kerana sifat jangka pendek dan kesan pendiskaunan yang tidak ketara terhadap instrumen kewangan ini.

Nilai saksama aset kewangan sedia dijual yang diniagakan dalam pasaran aktif ditentukan berdasarkan rujukan kepada harga pasaran disiarharga pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Ianya tidak praktikal untuk menganggarkan nilai saksama pelaburan dalam saham tak tersiar harga kerana kekurangan harga disiarkan yang boleh dibandingkan dalam pasaran aktif dan nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti.

Aset kewangan diukur pada nilai saksama

Pegangan saham tersiarharga dan pelaburan unit amanah diukur pada nilai saksama ditentukan menggunakan input Tahap 1.

Nilai saksama pinjaman kerajaan tidak bercagar ditentukan menggunakan input Tahap 2.

Tiada pindahan antara nilai saksama Tahap 1 dan Tahap 2 dalam tahun kewangan semasa. (2020: Tiada pindahan).

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2021

22. PENGURUSAN MODAL

Bagi tujuan pengurusan modal DBKL, modal merujuk kepada ekuiti, termasuk lebihan terkumpul dan segala rizab ekuiti. Ekuiti diwakili oleh aset bersih.

DBKL menguruskan modal dengan mengikuti peruntukan di dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

DBKL sentiasa menyemak semula dan menguruskan modalnya untuk memastikan kecukupan bagi keperluan kendalian dan modal. Tiada perubahan dalam pendekatan DBKL untuk pengurusan modal dalam tahun kewangan semasa.

23. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Identiti pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, sesuatu pihak adalah dianggap berkaitan kepada DBKL sekiranya DBKL mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal bersama pihak tersebut atau mempunyai pengaruh signifikan terhadap pihak tersebut dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau dimana DBKL dan pihak tersebut tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Pihak berkaitan juga termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti DBKL sama ada secara langsung atau tidak langsung dan entiti yang menyediakan perkhidmatan kakitangan pengurusan utama kepada DBKL. Kakitangan pengurusan utama termasuk semua Pengarah DBKL, dan Ahli Pengurusan Tertinggi DBKL.

23.2 Transaksi pihak berkaitan

Semua urus niaga pihak berkaitan yang dijalankan oleh DBKL pada tahun semasa berlaku dalam hubungan normal pelanggan atau pembekal dan di bawah terma yang sama yang digunapakai dalam urusniaga tulus untuk keadaan yang sama.

23.3 Gaji dan elaun pihak pengurusan tertinggi

	2021		2020	
	Bilangan	RM	Bilangan	RM
Ahli Lembaga Penasihat	14	301,600	14	271,350
Pengurusan Tertinggi	35	6,339,855	34	6,324,179
	49	6,641,455	48	6,595,529

24. KOMITMEN MODAL

	2021	2020
	RM	RM
Perbelanjaan modal		
Diluluskan dan telah/belum dikontrakkan	2,505,942,059	2,258,881,002

Komitmen modal merupakan anggaran baki kos projek pembangunan dibawah pembiayaan DBKL yang telah diluluskan dan telah/belum dikontrakkan setelah mengambil kira belanja terkumpul dan bajet pembangunan tahun berikutnya.

DBKL mempunyai komitmen lain berkaitan pembelian semula Aset Hartanah untuk Dijual (Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat) jika sekiranya terdapat pembeli yang tidak dapat melunaskan bayaran pinjaman selama 6 bulan sepanjang tempoh pembiayaan kepada Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP).

Jumlah komitmen tidak dapat dianggarkan kerana ianya bergantung kepada kemungkiran pembeli.

25. LIABILITI LUAR JANGKA

DBKL menghadapi beberapa tindakan undang-undang daripada pihak luar. Di antaranya adalah seperti berikut:-

(i) Satu kes tuntutan ganti rugi sebanyak RM14,211,355 oleh pemilik-pemilik disebabkan kewujudan longkang konkrit yang didakwa dibina oleh DBKL di dalam tanah pemilik-pemilik menyebabkan pemilik-pemilik tidak dapat meneruskan projek pembangunan di atas tanah mereka dan bagi mendapatkan perintah Mahkamah supaya DBKL mengalihkan longkang konkrit tersebut.

(ii) Satu tuntutan mahkamah sebanyak RM120,000,000 bagi mendapatkan ganti rugi yang dimulakan oleh pemilik sebidang tanah di kawasan Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur berkaitan dengan penukaran zon guna tanah pemilik di dalam Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 yang didakwa tidak selaras dengan syarat nyata tanah dan pembangunan sedia ada di tapak.

(iii) Tindakan undang-undang bagi menuntut ganti rugi sebanyak RM91,637,303 oleh sebuah syarikat operator sistem tempat letak kereta disebabkan penamatan kerja-kerja mengkompaun kesalahan dan kapit tayar kenderaan pada 2018 berkaitan dengan perjanjian perkhidmatan sistem tempat letak kereta awam di Kuala Lumpur.

(iv) Tuntutan saman sebanyak RM960,461 oleh syarikat subkontraktor bagi menuntut bayaran kerja-kerja piling seperti *micro piling, soldier piling* dan *caisson piling* berkaitan Projek "Cadangan Heritage Trail 5 Menghubungkan Parcel 'A' Precint 7 R.O.L. Dataran Merdeka ke Bangunan-Bangunan Warisan" yang mendakwa bayaran kepada subkotraktor masih belum dibuat oleh kontraktor utama yang dilantik oleh DBKL.

(v) Tuntutan saman sebanyak RM622,110 oleh syarikat yang mendakwa sebagai subkontraktor bagi kerja-kerja pengalihan utiliti Projek "Cadangan Heritage Trail 5 Menghubungkan Parcel 'A' Precint 7 R.O.L. Dataran Merdeka ke Bangunan-Bangunan Warisan" di Bulatan Dato Onn Kuala Lumpur mengenai baki bayaran kerja yang masih belum dijelaskan oleh kontraktor utama projek.

(vi) Sebuah syarikat pengurusan iklan telah memfailkan saman berkaitan dengan penamatan perjanjian "Pelaksanaan Pengurusan Iklan Paparan Luar dan Program Pemutihan selain dari Struktur Free Standing dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur" oleh DBKL yang mendakwa DBKL telah memungkiri perjanjian dan menuntut gantirugi sebanyak RM46,000,975 akibat penamatan.

(vii) Suatu tuntutan mahkamah bagi gantirugi sebanyak RM934,673 kerana penamatan perkhidmatan kontrak oleh seorang mantan Pegawai (Kontrak) DBKL telah dimulakan terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur. Pegawai yang membuat tuntutan tidak berpuashati dengan penamatannya walaupun penamatan perkhidmatan Pegawai tersebut telah dibuat menurut klausa- klausa sepertimana dalam Perjanjian Perkhidmatan Pegawai Kontrak DBKL

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2021

25. LIABILITI LUAR JANGKA (SAMBUNGAN)

(viii) Seorang kontraktor bagi kerja-kerja pembekalan peralatan "Kipas, Penyedut Hampa Gas dan P.A. Sistem Surau untuk Projek Kecil" telah membuat tuntutan sebanyak RM563,438 atas dakwaan kerugian dan kehilangan keuntungan oleh kerana tempoh kontrak dan lanjutan tempoh kontrak kerja-kerja tersebut telah tamat dan tidak disambung oleh DBKL.

(ix) Seorang kontraktor bagi kerja-kerja pembekalan peralatan "Khemah dan Permaidani untuk Projek Kecil" telah membuat tuntutan sebanyak RM1,382,347 atas dakwaan kerugian dan kehilangan keuntungan oleh kerana tempoh kontrak dan lanjutan tempoh kontrak kerja-kerja tersebut telah tamat dan tidak disambung oleh DBKL.

(x) Seorang individu yang mendakwa sebagai penduduk di Kg. Pandan Indian Settlement telah membuat tuntutan ganti rugi sebanyak RM169,500 bagi wang pampasan yang didakwa sepatutnya diperolehi daripada pemaju projek penswastaan DBKL dan ke atas nilai semasa rumah ganti yang diperuntukkan bagi pembangunan semula kawasan setinggan.

(xi) Sebuah pertubuhan kebajikan telah membuat tuntutan mahkamah sebanyak RM2,529,314 berkenaan dengan pembatalan tawaran bagi penyewaan tanah rentis TNB di Setapak, Kuala Lumpur untuk tujuan pejabat pertubuhan. Pertubuhan mendakwa telah mengalami kerugian akibat penamatan tawaran penyewaan dan pengeluaran notis pengosongan tapak oleh JKPTG WPKL kerana bangunan pejabat telah siap dibina.

(xii) Tuntutan sebanyak RM395,600 oleh seorang individu yang mendakwa sebagai pengerusi badan pengurusan kuil dan peniaga-peniaga barangan lusuh di Kg. Baru Air Panas, Kuala Lumpur bagi suatu ganti rugi terhadap DBKL kerana melakukan pencerobohan dan menyebabkan kehilangan barang-barang persatuan semasa operasi perobohan kuil di tapak tersebut.

(xiii) Tuntutan sebanyak RM346,000 oleh peniaga-peniaga barangan lusuh di Jalan Air Keroh, Kuala Lumpur yang mendakwa DBKL telah melakukan pencerobohan terhadap barang-barang, cuai, ingkar tanggungjawab dan gangguan salah terhadap perniagaan mereka. Peniaga- peniaga telah menuntut ganti rugi atas kehilangan dan kemusnahan barang-barang semasa operasi perobohan dan pengosongan tapak premis tersebut.

(xiv) Tindakan undang-undang bagi menuntut ganti rugi sebanyak RM1,394,300 oleh peniaga-peniaga barangan lusuh di Kampung Air Panas, Setapak, Kuala Lumpur yang mendakwa DBKL telah melakukan pencerobohan terhadap barang-barang, kecuaian dan keingkaran tanggungjawab serta melakukan satu gangguan salah terhadap perniagaan mereka.

(xv) Satu tuntutan mahkamah sebanyak RM988,467 telah dimulakan oleh Syarikat Prasarana Malaysia Bhd. bagi kerugian kutipan jualan tiket dan kos-kos berkaitan yang didakwa telah diakibatkan oleh projek pembinaan persimpangan bertingkat di Jalan Pudu – Jalan Imbi – Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur ("Projek Underpass Pudu") di mana operasi monorel terpaksa dihentikan sepanjang tempoh pembaikan lubang benam (*sinkhole*) di tapak projek tersebut.

(xvi) Peniaga-peniaga di Pasar Besar Gombak Kuala Lumpur telah mengambil tindakan undang-undang bagi menuntut ganti rugi sebanyak RM3,099,730 kerana kehilangan punca pendapatan yang didakwa diakibatkan oleh pembangunan semula pasar tersebut di mana peniaga-peniaga telah diarahkan untuk mengosongkan tapak gerai masing-masing dan lesen penjaja sedia ada dibatalkan.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

26. LIABILITI LUAR JANGKA (SAMBUNGAN)

(xvii) Tuntutan mahkamah sebanyak RM3,836,880 oleh sebuah Badan Pengurusan Bersama (JMB) sebuah bangunan terhadap pemaju pembangunan tersebut yang didakwa telah gagal untuk membaiki kecacatan kepada harta bersama (*common property*) bangunan. Pihak JMB telah membuat tuntutan supaya apa-apa kerugian yang diperintahkan untuk dibayar oleh pemaju juga ditanggung secara bersama dan/ atau berasingan (*jointly and/ or severally*) oleh pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB) DBKL atas dakwaan kegagalan COB untuk melaksanakan tanggungjawabnya di bawah undang-undang.

Kesemua jumlah tuntutan adalah tidak termasuk jumlah ganti rugi am, apa-apa faedah ke atas jumlah yang dituntut/ diperintahkan dari tarikh penghakiman sehingga bayaran penuh dibuat dan kos-kos mahkamah yang perlu dibayar oleh DBKL. Oleh kerana keputusan ke atas kes-kes tersebut masih belum diketahui, kesan kewangan ke atas akaun, sekiranya ada, belum dapat ditentukan dengan pasti.

26. NOTA KEPADA PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

(i) Bajet diluluskan berdasarkan asas tunai mengikut klasifikasi fungsi yang terdiri daripada objek dan program. Bajet yang diluluskan adalah meliputi tempoh fiskal daripada 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021, dan termasuk semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam DBKL.

(ii) Bajet asal telah diluluskan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan selaku Pihak Berkuasa Negeri mengikut seksyen 55(5) dan seksyen 16(1) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 pada 17 November 2020. Manakala bajet tambahan telah diluluskan pada 12 November 2021 oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan selaku Pihak Berkuasa Negeri mengikut seksyen 56 Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

(iii) DBKL menggunakan asas perakaunan yang berbeza dalam penyediaan bajet dan penyata kewangan. Bajet disediakan mengikut asas tunai manakala penyata kewangan disediakan pada asas akruan. Namun begitu, persembahan butiran atau item bajet di dalam Penyata Prestasi Kewangan adalah sama seperti yang ditunjukkan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi memudahkan perbandingan amaun bajet dan perbelanjaan sebenar dibuat.

(iv) DBKL telah membuat semakan semula unjuran terimaan hasil dengan pengurangan sebanyak 3% berdasarkan situasi semasa dan negara masih berada dalam fasa peralihan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga akhir tahun 2021. Walau bagaimanapun, pada akhir tahun 2021, prestasi kutipan hasil adalah lebih baik berbanding unjuran pengurangan iaitu berlaku peningkatan sebanyak 8% berbanding bajet akhir. Peningkatan ini disumbangkan oleh prestasi kutipan yang lebih tinggi oleh keseluruhan jenis kutipan berbanding bajet akhir kecuali bagi hasil daripada penswastaan, pendapatan daripada perbadanan pengurusan dan cukai taksiran.

(v) Kurangan perbelanjaan sebenar bagi belanja mengurus sebanyak 5% (RM1,672,212,880) daripada bajet akhir yang diperuntukkan (RM1,761,781,400) adalah disebabkan langkah-langkah penjmatan dan perbelanjaan berhemah (value for money) yang dilaksanakan oleh DBKL selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PB 3.1), Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan yang dikuatkuasakan pada 11 Mac 2016 oleh Kerajaan Persekutuan. Selain dari itu, Arahan Bekerja Dari Rumah yang dilaksanakan ketika pelaksanaan PKP menyebabkan pengurangan belanja utiliti pejabat seperti elektrik, air dan telefon serta keraian pejabat. Beberapa program, lawatan, latihan dalaman DBKL juga tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya seperti dirancang kerana pelaksanaan PKP. Kebanyakan program promosi dan aktiviti pelancongan yang tertumpu kepada pelancong luar terpaksa ditangguhkan kerana penularan wabak Covid-19 di mana pintu sempadan negara belum dibuka sepenuhnya kepada pelancong asing.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2021

27. NOTA KEPADA PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR (SAMBUNGAN)

(vi) Kurangan sebanyak 26% bajet akhir belanja pembangunan kepada RM655,954,900 berbanding bajet asal iaitu RM891,359,300 disebabkan peruntukan ditarik semula pada tahun 2021 dan dibawa ke tahun 2022 bagi projek pembelian 1,017 unit Pangsapuri di atas Lot 365, Lorong Maarof kerana terdapat beberapa penambahbaikan ke atas klausa-klausa dalam perjanjian jual beli yang menyebabkan proses penyediaan perjanjian telah berlanjutan. Selain itu, perancangan pengeluaran arahan kerja mengikut nilai kontrak semasa tidak sempat dikeluarkan menyebabkan baki peruntukan tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya. Prestasi pembayaran bagi projek pembangunan adalah sebanyak 84% daripada bajet akhir atau RM553,994,668 pada tahun 2021.

(vii) Perbandingan bajet akhir dan perbelanjaan sebenar belanja pembangunan seperti dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar adalah tidak menggambarkan prestasi perbelanjaan sebenar kerana perbezaan dalam asas perakaunan. Belanja pembangunan yang dinyatakan di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar adalah merujuk kepada belanja sebenar yang dipermodalkan dan juga tidak bersifat dipermodalkan manakala angka yang ditunjukkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan merupakan belanja pembangunan bagi kerja-kerja yang tidak dipermodalkan dan bersifat penyelenggaraan sahaja.

(viii) Penyesuaian amaun sebenar pada asas boleh banding seperti yang dibentangkan dalam Penyata Perbandingan antara Bajet dengan Amaun Sebenar dan amaun sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 dibentangkan di bawah. Penyata kewangan dan dokumen bajet telah disediakan untuk tempoh yang sama dan entiti yang sama. Terdapat perbezaan asas seperti yang dibincangkan di nota (iii) di atas.

	Operasi	Pelaburan	Pembiayaan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Amaun sebenar pada asas boleh banding	252,517,083	(252,669,142)	62,080,400	61,928,341
Perbezaan asas	(162,885,372)	(21,275,190)	189,680,600	5,520,038
Seperti Penyata Aliran Tunai	89,631,711	(273,944,332)	251,761,000	67,448,379

27. KESAN PANDEMIK COVID-19 KEPADA PENYATA KEWANGAN

Penularan wabak Covid-19 yang telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) secara umumnya telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi global termasuk Malaysia. Sebagai respons kepada penularan wabak ini, Kerajaan telah melaksanakan langkah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan Akta Polis 1967 [Akta 344] mulai 18 Mac 2020 bagi mengekang penularan wabak ini dan melindungi rakyat.

Bagi membendung impak daripada Covid-19 dan PKP, Kerajaan telah memperkenalkan dan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi bagi memastikan risiko ekonomi berkaitan penularan wabak ini dapat ditangani dengan berkesan. Selain itu, atas keprihatinan terhadap keadaan getir dan pemulihan ekonomi akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang terkesan oleh warga Wilayah Persekutuan khususnya, YB Menteri Wilayah Persekutuan telah mengumumkan Inisiatif Wilayah Cakna.

Sebagai pihak berkuasa tempatan yang mentadbir dan menguruskan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, DBKL telah terlibat secara langsung dengan operasi pencegahan penularan wabak Covid-19 dan pematuhan pelaksanaan PKP. Justeru itu, pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi dan Inisiatif Wilayah Cakna secara tidak langsung turut melibatkan DBKL.

Pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Inisiatif Wilayah Cakna melibatkan implikasi kepada pengurangan pendapatan dan tanggungan kos yang perlu dibelanjakan oleh DBKL sehingga 31 Disember 2021 seperti yang berikut:

	2021 RM	2020 RM
Pengurangan pendapatan		
Pengecualian sewa bulanan premis DBKL	29,913,039	48,321,438
Tanggungan perbelanjaan		
Skim prihatin peniaga/penjaja WPKL	-	8,815,000
Skim prihatin warga PA/PPR DBKL	-	4,118,200
Kos pengurusan gelandangan dan pelbagai	8,359,743	9,709,876
Bekalan alat perkakas dan perlindungan	313,919	266,965
	38,586,701	71,231,479

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2021

28. PERISTIWA PENTING SELEPAS TARIKH PELAPORAN – PELAN TINDAKAN TEBATAN BANJIR KILAT 2022 DI KUALA LUMPUR

Banjir kilat yang berlaku di ibukota Kuala Lumpur pada akhir tahun 2021 dan sekitar bulan April 2022 telah mengakibatkan kerugian besar tidak hanya kepada orang awam tetapi juga kepada DBKL yang terpaksa menganggung kos baik pulih kerosakan harta awam serta pelbagai bantuan dan sumbangan kepada mangsa terlibat. Pada tahun 2022, DBKL akan melaksanakan empat belas (14) langkah interim dan DBKL telah memperuntukkan sebanyak RM103.8 juta di dalam belanjawan tahunan bagi membantu melaksanakan langkah tersebut.

29. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Beberapa angka perbandingan telah diklasifikasikan selaras dengan tahun semasa.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
JALAN RAJA LAUT, 50350 KUALA LUMPUR,
WILAYAH PERSEKUTUAN.

+603-2617 9000
+603-2698 0460
dbkl@dbkl.gov.my
www.dbkl.gov.my
dbkl2u
dewanbandarayakualalumpur
DBKL2u